

**MAKNA SIRATAN DALAM NOVEL POLITIK MELAYU
TERPILIH: ANALISIS BERDASARKAN GAGASAN
KRITIKAN MELAYU**

ARIFF BIN MOHAMAD

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**MAKNA SIRATAN DALAM NOVEL POLITIK
MELAYU TERPILIH: ANALISIS BERDASARKAN
GAGASAN KRITIKAN MELAYU**

ARIFF BIN MOHAMAD

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ARIFF BIN MOHAMAD

No. Matrik: JHA 100001

Nama Ijazah: Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**MAKNA SIRATAN DALAM NOVEL POLITIK MELAYU TERPILIH:
ANALISIS BERDASARKAN GAGASAN KRITIKAN MELAYU**

Bidang Penyelidikan: Kesusasteraan Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: DR. NORHAYATI BINTI AB. RAHMAN

Jawatan: Pensyarah/ Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis makna siratan daripada pengungkapan dalam lima buah novel politik Melayu yang dipilih. Pengungkapan yang mengandungi makna siratan merupakan cara yang digunakan oleh para pengarang novel sebagai kritikan terhadap individu dan masyarakat. Pengungkapan yang mengandungi makna siratan menunjukkan kebijaksanaan para pengarang mengaitkan karya kreatif dengan situasi kehidupan seharian dalam masyarakat. Terdapat tafsiran dalam pengungkapan pengarang yang dapat dikaitkan dengan fungsi kesusasteraan sebagai cerminan masyarakat dan kreativiti dalam seni naratif itu. Analisis ini menghuraikan makna yang tersirat daripada pengungkapan pengarang yang dipilih daripada dimensi perilaku, dimensi peristiwa dan dimensi unsur alam. Dimensi perilaku, peristiwa dan unsur alam yang membincangkan makna siratan ini disimpulkan daripada sepuluh prinsip Gagasan Kritikan Melayu yang diperkenalkan oleh Dr. Syed Othman Syed Omar. Lima buah novel Melayu yang bertema politik dipilih dalam kajian ini ialah *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. Kelima-lima karya ini mewakili zaman penghasilan karya kesusasteraan Melayu dalam genre novel dari zaman sebelum kemerdekaan, era kemerdekaan dan selepas tahun 2000. Hasil dapatan daripada analisis terhadap lima buah novel tersebut, terdapat kerelevanan Gagasan Kritikan Melayu dalam mentafsir makna siratan khususnya dalam tiga dimensi yang dibincangkan iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Dapatan kajian ini sebagai bukti bahawa makna siratan berpandukan gagasan tersebut merupakan kaedah dan gaya pengarang dalam menyampaikan kiasan melalui pengungkapan dalam novel politik Melayu.

ABSTRACT

MAKNA SIRATAN IN SELECTED MALAY POLITICAL NOVELS: ANALYSIS BASED ON MALAY CRITICISM

This study analyzed "makna siratan" in expression based on five selected Malay political novels. Expression that contained "makna siratan" is used by novelist as a criticism to individual and society. Expression which involved "makna siratan" demonstrates the author's tactfulness in order to relate creative work with daily life in society. The interpretation of author's expression is associable with the function of literature as a reflection of the society and creativity in the narrative art. The analysis describes the meaning of author's expression from the dimensions of behavioural, event, and nature. Behavioural, event, and nature dimensions that discussed the "makna siratan" were deduced from the ten principal of Malay Criticism Construct by Dr. Syed Othman Syed Omar. Five Malay novels with political theme chosen are *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. All five works represent Malay literature work production time in novel genre from time before independence, independence era and after year 2000. Analysis from the five novels found that the relevancy of Malay Criticism Construct exist in the interpretation of "makna siratan" particularly in the dimensions discussed earlier, which are behavioural, event, and nature. The findings proved the appropriateness of the construct through expressions that involved "makna siratan" in Malay political novels.

PENGHARGAAN

Bismillahi Rahmani Rahim. Segala pujian dan selawat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat serta seluruh umat Islam. Alhamdulillah, dengan limpah rahmat dan pertolongan Allah SWT, tesis ini dapat disiapkan.

Terima kasih tidak terhingga tentunya kepada penyelia saya, Dr. Norhayati Ab. Rahman, yang banyak membantu, menasihati, membimbing dan memberi pandangan. Segala kebaikan yang diberikan semoga Allah membalasnya dengan gandaan kebaikan. Begitu juga dengan para penilai, pensyarah dan seluruh warga Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya sepanjang tempoh pengajian saya.

Dari dalam diri saya, kekuatan yang diberikan oleh Allah tentunya kepada seluruh ahli keluarga saya. Saya bersyukur kerana mendapat sokongan yang sangat besar daripada isteri saya, Norhayati Yusof dan anak-anak, Mawar Annisa, Ilman Fikri, Ilham Fansuri dan Imran Firdaus. Ingatan berpanjangan buat marhum ayahanda dan ibu saya, Mohamad Anjang Ahmad dan Munah Abdul Rahman, ibu dan ayah mentua, juga abang-abang dan kakak-kakak saya.

Terlalu banyak nama yang ingin saya sebutkan sebagai penghargaan kepada individu tertentu. Jika disenaraikan terlalu panjang. Namun demikian, ingin saya rakamkan di sini penghargaan kepada teman-teman sekerja di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberi nasihat dan dorongan sepanjang pengajian. Juga tidak dilupakan para sarjana, penulis-penulis dan sahabat-sahabat. Ingatan terima kasih saya juga kepada semua pelajar dan bekas pelajar saya. Semoga kita terus berjuang dalam memartabatkan ilmu-ilmu yang bermanfaat yang menjadi bekalan di akhirat.

Terima kasih semua.

KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Kandungan	vi
Senarai Rajah	xi
Senarai Singkatan.....	xii
BAB 1: PENGENALAN	2
1.1 Pendahuluan.....	2
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Batasan Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Konsep Operasional.....	23
1.6.1 Makna Siratan.....	23
1.6.2 Novel Politik.....	24
1.6.1 Gagasan Kritikan Melayu.....	25
1.7 Sorotan Kajian	60
1.8 Metodologi Kajian	57
1.9 Organisasi Bab.....	63
1.10 Rumusan	65

BAB 2: NOVEL POLITIK MELAYU DAN LATAR PENGARANG	67
2.1	Pendahuluan..... 67
2.2	Novel Politik Melayu..... 67
2.3	Pengungkapan Pengarang Melalui Novel Politik..... 73
2.4	Latar Belakang Lima Pengarang Novel 81
2.4.1	Abdul Kadir Adabi 81
2.4.2	Ishak Haji Muhammad 87
2.4.3	Shahnon Ahmad 91
2.4.4	S. Othman Kelantan 94
2.4.5	Anwar Ridhwan 97
2.2	Rumusan 100
BAB 3: MAKNA SIRATAN DAN GAGASAN KRITIKAN MELAYU	103
3.2	Makna Siratan 103
3.3	Pembentukan Teori Sastera Tempatan 123
3.4	Gagasan Kritikan Melayu 130
3.4.1	Prinsip-prinsip Gagasan Kritikan Melayu 140
3.4.2	Makna Siratan Perilaku, Peristiwa dan Unsur Alam 146
3.5	Rumusan 152
BAB 4: MAKNA SIRATAN PERILAKU	154
4.1	Pendahuluan..... 154
4.2	Makna Siratan Perilaku dalam Novel <i>Sebelas Rejab</i> 157
4.2.1	Perilaku Sulaiman 158
4.2.2	Perilaku Jalal 159
4.2.3	Perilaku Mamat 161
4.3	Makna Siratan Perilaku dalam Novel <i>Anak Mat Lela Gila</i> 163

4.3.1	Perilaku Mat Lela	163
4.3.2	Perilaku Bulat	166
4.3.3	Perilaku Alang	168
4.4	Makna Siratan Perilaku dalam Novel <i>Tunggul-Tunggul Gerigis</i>	170
4.4.1	Perilaku Su Usul	170
4.4.2	Perilaku Imam Itam	173
4.4.3	Perilaku Mahmud	175
4.5	Makna Siratan Perilaku dalam Novel <i>Nagogho Astana</i>	176
4.5.1	Perilaku Pemimpin Utama	177
4.5.2	Perilaku Pemimpin Institusi	181
4.5.3	Perilaku Rakyat Biasa	184
4.6	Makna Siratan Perilaku dalam Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	189
4.6.1	Perilaku Presiden	190
4.6.2	Perilaku Jeneral	192
4.6.3	Perilaku Resi	194
4.6.4	Perilaku Politikus Muda	196
4.7	Rumusan	199
BAB 5: MAKNA SIRATAN PERISTIWA		204
5.1	Pendahuluan.....	204
5.2	Makna Siratan Peristiwa dalam Novel <i>Sebelas Rejab</i>	208
5.2.1	Peristiwa Pembunuhan dan Racun	209
5.2.2	Peristiwa Berkaitan Perjudian	211
5.2.3	Peristiwa Berkaitan Hutang dan Dendam	213
5.3	Makna Siratan Peristiwa dalam Novel <i>Anak Mat Lela Gila</i>	215
5.3.1	Peristiwa Berkaitan Keganjilan dan Kegilaan	215
5.3.2	Peristiwa Pengembaraan	218

5.3.3	Peristiwa Berkaitan Penjajahan	219
5.4	Makna Siratan Peristiwa dalam Novel <i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>	222
5.4.1	Peristiwa Perpecahan Masyarakat	222
5.4.2	Peristiwa Gerakan Berdakwah	226
5.4.3	Peristiwa Berkaitan Kematian	228
5.5	Makna Siratan Peristiwa dalam Novel <i>Nagogho Astana</i>	231
5.5.1	Peristiwa Mempertahan Kekuasaan	231
5.5.2	Peristiwa Berkaitan Propaganda dan Politik	236
5.5.3	Peristiwa Berkaitan Gejala Sosial	240
5.6	Makna Siratan Peristiwa dalam Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	244
5.6.1	Peristiwa Berkaitan Kekuasaan dan Penjajahan.....	245
5.6.2	Peristiwa Pembunuhan	248
5.6.3	Peristiwa Bencana dan Kemusnahan	251
5.7	Rumusan	253
BAB 6: MAKNA SIRATAN UNSUR ALAM		256
6.1	Pendahuluan.....	256
6.2	Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel <i>Sebelas Rejab</i>	262
6.2.1	Tanah	262
6.2.2	Keris	264
6.2.3	Harta dan Lain-laini	265
6.3	Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel <i>Anak Mat Lela Gila</i>	274
6.3.1	Bentuk Bulat	274
6.3.2	Nama Tempat	276
6.3.3	Keluarga	277
6.4	Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel <i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>	279
6.4.1	Perkampungan Poseng	279

6.4.2	Perjalanan Hidup Manusia	282
6.4.3	Kehidupan Masyarakat dan Organisasi	285
6.5	Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel <i>Nagogho Astana</i>	289
6.5.1	Nama Negara	289
6.5.2	Nama-nama Tempat	292
6.5.3	Kadir Flora dan Fauna	294
6.6	Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	296
6.6.1	Gambaran Daratan, Lautan dan Cakerawala.....	296
6.6.2	Kejadian Alam.....	299
6.6.3	Nama-nama Tempat	301
6.7	Rumusan	304
BAB 7: KESIMPULAN		307
7.1	Pendahuluan.....	307
7.2	Rumusan Kajian.....	309
7.2.1	Makna Siratan Perilaku	310
7.2.2	Makna Siratan Peristiwa	312
7.2.3	Makna Siratan Unsur Alam.....	315
7.3	Cadangan Kajian Lanjutan	319
RUJUKAN		321

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Kerangka Teoretikal Kajian Makna Siratan dalam Novel Politik Melayu.....	63
Rajah 2 : Prinsip-prinsip Gagasan Kritikan Melayu dan Fokus Kajian	151
Rajah 3 : Pembahagian Makna Siratan Perilaku dalam Lima Buah Novel	200
Rajah 4 : Pembahagian Makna Siratan Peristiwa dalam Lima Buah Novel	253
Rajah 5: Pembahagian Makna Siratan Unsur Alam dalam Lima Buah Novel	306

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
GKM	:	Gagasan Kritikan Melayu
AMLG	:	<i>Anak Mat Lela Gila</i>
NA	:	<i>Nagogho Astana</i>
NO	:	<i>Naratif Ogonshoto</i>
PBB	:	Parti Bumi Bersatu
PSS	:	Parti Seruan Suci
SR	:	<i>Sebelas Rejab</i>
TTG	:	<i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan kesusasteraan Melayu bermula dengan tradisi lisan diikuti hasil karya tulisan dan kemudian dalam bentuk cetakan. Kebanyakan pengarang pada dekad terawal penulisan karya kreatif di Malaysia menghasilkan karya yang mencerminkan realiti, berbanding yang mempunyai makna tersirat di sebalik kata-kata. Pengaruh luar dan desakan dari dalam diri serta kesan daripada suara hati masyarakat biasa telah mendorong para pengarang Melayu mengungkapkan persoalan politik secara tersirat dalam karya mereka. Walaupun gaya penulisan dengan menggunakan pengungkapan yang mempunyai makna siratan tidak begitu banyak dihasilkan oleh pengarang-pengarang di Malaysia, namun kehadirannya dengan jumlah yang sedikit itu amat penting untuk membuktikan bahawa kreativiti pengarang sepanjang zaman amat menghargai tradisi kebijaksanaan bangsa Melayu ini. Gaya penulisan sebegini merupakan penerus kepada kelangsungan kearifan orang Melayu dalam pengungkapan seperti yang pernah dikesan dalam pantun, pepatah dan peribahasa Melayu.

Beberapa pengarang Melayu mengungkapkan persoalan politik masyarakat yang mengandungi makna siratan dalam novel merupakan usaha yang memperlihatkan kreativiti dan kebijaksanaan. Beberapa istilah seperti perlambangan, metafora, alegori dan satira mempunyai perkaitan rapat dengan penghasilan novel secara “permainan naratif” ini. Selain persoalan politik, dimensi lain turut disentuh antaranya ekonomi, keagamaan dan kasih sayang.

Karya yang membawakan persoalan politik lebih banyak membawa makna siratan kerana maksud yang dibawakan oleh para pengarang tersebut melibatkan individu atau pihak yang lebih berkuasa seperti pemimpin atau orang berpengaruh. Para pengarang

yang mempunyai kesedaran politik dan berniat untuk membawa persoalan politik dalam karyanya menggunakan cara yang tidak berterus-terang dalam penghasilan maksud. Novel-novel tersebut tidak banyak yang mengetengahkan ideologi politik kepartian yang ketara namun berselindung di balik tanda pada imej, watak, tempat, objek dan ungkapan yang digunakan. Novel yang membawa makna-makna tersirat politik dan masyarakat dengan berbagai-bagai cara telah dihasilkan oleh para pengarang Melayu.

Antara novel yang dimaksudkan ialah, *Tikus Rahmat* oleh Hassan Ibrahim yang menggunakan watak tikus sebagai yang tersirat bagi manusia dalam kancah politik. Begitu juga dengan novel *Kawin-kawin* oleh Azizi Haji Abdullah yang menggunakan nama watak tertentu untuk menyindir parti-parti politik. Selain itu, beberapa novel Shahnnon Ahmad juga membawakan persoalan politik seperti *Shit* ialah *Patriarch*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Sutan Baginda* dan *Tok Guru*. Novel-novel lain yang turut membawa persoalan politik seperti *Juara* dan *Nagogho Astana* oleh S. Othman Kelantan. Begitu juga dengan novel-novel period awal seperti *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* oleh Ishak Haji Muhammad. Demikian juga, cerpen-cerpen Melayu banyak membawa persoalan politik yang mempunyai makna siratan, antaranya cerpen “Piem” oleh Shahnnon Ahmad, “Maharaja Beruk” oleh Yahya Ismail dan “Putera Sang Siput” oleh S. Othman Kelantan. Begitu juga Anwar Ridhwan dalam cerpen “Hering” yang mengungkapkan persoalan politik antara dua generasi. Demikian juga persoalan politik terdapat dalam dalam kumpulan cerpen *Aduhai* oleh Fatimah Busu.

Dalam tempoh mutakhir, sekitar tahun 1990 hingga 2015, penghasilan karya-karya yang bercorak sedemikian terus dihasilkan oleh beberapa orang pengarang di Malaysia dengan cara dan gaya yang lebih kreatif. Penghasilan karya membawa persoalan politik dalam masyarakat disebabkan dorongan pengarang yang terkesan dengan suasana politik dalam negara selain berhasrat untuk menyampaikan kesedaran kepada masyarakat. Keadaan ini berbeza dengan novel-novel dekad 1950-an hingga

1970-an, novel-novel yang dihasilkan lebih banyak bersifat realisme mengangkat tema dan persoalan nasionalisme dan perjuangan individu.

Novel Shahnnon Ahmad yang bertajuk *Shit* yang dihasilkan pada tahun 1998 adalah antara bukti tema dan persoalan politik yang digambarkan mempunyai makna siratan walaupun mengundang kontroversi malah sesetengah pihak beranggapan novel itu tidak dapat diterima sebagai sebuah novel yang unggul serta terkeluar daripada tradisi pernovelan Malaysia. Namun demikian, novel *Putera Gunung Tahan*, *Anak Mat Lela Gila* oleh Ishak Haji Muhammad dan novel *Sebelas Rejab* oleh Abdul Kadir Adabi merupakan novel-novel Melayu terawal yang membawa tema sosiopolitik yang disampaikan mengandungi makna siratan.¹

Pengarang menggunakan pengalaman persekitarannya dengan mengambil pelbagai golongan manusia sebagai watak dalam penceritaan novel. Perkaitan setiap perlakuan watak ini tentunya mempunyai pengungkapan yang dapat ditafsirkan secara makna siratan. Hal ini akan dibincangkan seterusnya dengan memperlihat makna siratan perilaku pada watak-watak yang dipilih. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Mc Nair (1995: 3), komunikasi politik sebagai komunikasi dalam bentuk lisan dan bertulis semata-mata seperti ceramah umum dan iklan dalam media massa. Yang lain pula melihat komunikasi politik dalam skop yang lebih luas, iaitu bukan hanya bersifat lisan dan bertulis, tetapi juga yang bersifat simbolik.

¹ *Putera Gunung Tahan (PGT)* dan *Anak Mat Lela Gila (AMLG)* menekankan kebangkitan semangat kebangsaan yang telah dipelopori oleh Ibrahim Yaakub dalam tahun 1930 dengan tertubuhnya Belia Malaya. Dalam tahun 1937, badan politik bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad untuk menyatukan tenaga radikal untuk tujuan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kemunculan *PGT* dalam tempoh perjuangan awal ini ialah hasil cetusan daripada aspirasi perjuangan kebangsaan. Oleh sebab perjuangan itu menambahkan pengalaman pahit getir dan susah senang, maka *Anak Mat Lela Gila* yang lahir kemudiannya ialah rakaman pengalaman pengarangnya bersama-sama saranan untuk mencapai perpaduan seluruh bangsa Melayu. Oleh itu, kedua-dua novel ini sangat penting daripada karya dekad sebelum Perang Dunia Kedua, terutama dalam hubungannya dengan kebangkitan semangat dan cita-cita perjuangan bangsa Melayu mempertahankan kebudayaan dan perpaduan sebagai kekuatan dalam menuntut kemerdekaan.

Novel merupakan satu genre prosa moden untuk menyampaikan makna-makna melalui keseluruhan penceritaan, perwatakan, latar, peristiwa dan berbagai-bagai lagi secara langsung dan juga tersirat. Karya-karya Melayu terawal dalam bentuk hikayat dan cerita-cerita rakyat tidak dapat dipisahkan dengan unsur-unsur perlambangan untuk dijadikan sindiran, peringatan dan sebagai nasihat. Selain dalam bentuk prosa, hasil-hasil karya Melayu berbentuk puisi juga sangat kaya dengan unsur-unsur perlambangan ini. Antara puisi Melayu tradisional ialah syair, pantun, gurindam, seloka dan teromba. Pengungkapan dalam novel dan cerpen seperti kelahiran puisi yang mengandungi perlambangan yang membuktikan kebijaksanaan pengarang Melayu. Hal ini menunjukkan dekatnya pengarang ini dengan persekitaran masyarakat, alam dan kosmologi yang melingkunginya.

Novel mempunyai sifat dan bentuk yang tersendiri. Sebelum genre novel terbina kukuh dalam kesusasteraan Melayu, hasil karya yang panjang ini dinamakan hikayat. Menurut S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir (2003: 8), tradisi cereka dalam kesusasteraan Melayu lama wujud sebelum genre novel dikenali. Pada awalnya, tradisi ini berfungsi sebagai tradisi bercerita yang timbul kerana pengaruh alam yang kaya dengan bentuk flora dan fauna. Pemikiran alam inilah yang membentuk budaya rakyat atau *folklore*. Budaya rakyat amat penting kerana menjadi sumber kepada pertumbuhan tradisi budaya masyarakat yang berkait rapat dengan alam persekitaran dan kehidupan mereka. Antaranya termasuklah tradisi perlakuan, tradisi peralatan dan tradisi lisan.

Perspektif kemasyarakatan yang dibawakan oleh para pengarang Melayu berbeza dengan pandangan pengarang dari Barat. Kajian-kajian yang berkaitan dengan perspektif politik yang dilakukan oleh orientalis Barat seperti J.M Gullick dan Anthony Milner lebih menyebelahi pandangan orang luar. Namun demikian, menurut Siti Hawa Salleh (1997: 378), berbeza dengan Gullick, Milner cuba memahami aktiviti politik Melayu pada abad ke-19 itu melalui pandangan orang Melayu sendiri.

Fokus kajian ini adalah membincangkan makna siratan melalui penghasilan karya sastera berbentuk novel. Lima buah novel yang terpilih membawakan persoalan politik dalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Makna siratan daripada pengungkapan ini dianalisis berdasarkan sebuah gagasan yang dinamakan Kritikan Melayu. Perbincangan ditumpukan kepada tiga dimensi iaitu makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam. Lima buah novel tersebut ialah novel *Sebelas Rejab* yang dikarang oleh Abdul Kadir Adabi Ahmad, novel *Anak Mat Lela Gila* yang dikarang oleh Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), novel *Tunggul-tunggul Gerigis* oleh Shahnnon Ahmad, novel *Nagogho Astana* oleh Syed Othman Syed Omar (S. Othman Kelantan) dan novel *Naratif Ogonshoto* oleh Mohd Anuar Rethwan (Anwar Ridhwan).

1.2 Permasalahan Kajian

Pengkajian tentang perlambangan, simbolik dan metafora kebanyakannya tertumpu kepada hasil mengaplikasikan teori atau pandangan dari Barat. Namun demikian pengkajian yang menumpukan kepada makna siratan atau makna yang tersirat daripada karya-karya bertema politik, khususnya novel tidak banyak dilakukan. Kajian sedemikian yang mengaplikasikan teori atau gagasan tempatan juga tidak banyak dilakukan. Selain itu, tidak terdapat kajian mendalam yang mengaplikasikan sebuah gagasan yang telah diperkenalkan sekian lama namun penting diangkat kehadirannya dalam tradisi kritikan kesusasteraan di Malaysia malah di peringkat Nusantara dan antarabangsa, iaitu Gagasan Kritikan Melayu. Hal ini memandangkan Gagasan Kritikan Melayu ini bertitik tolak daripada pemikiran, pandangan dan cara orang Melayu yang beragama Islam melalui sasterawan melakukan kritikan terhadap masyarakatnya.

Gagasan Kritikan Melayu dikesan mula dibawa sebagai cadangan teori kajian kesusasteraan tempatan yang baharu sejak 1986 oleh Prof. Madya Dr. Syed Othman Syed Omar. Melalui dua buah buku beliau iaitu *Novel: Tanggapan dan Kritikan* dan buku *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*, yang salah satunya adalah daripada tesis peringkat doktor falsafah. Sebelum itu buku *Kecenderungan Baru dalam Novel* telah dihasilkan. Pada tahun 1998, sebuah kertas kerja telah dibentang secara serius diikuti tulisan secara bersiri dalam majalah penting kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara, iaitu majalah *Dewan Sastera*.

Gagasan Kritikan Melayu dikenalpasti dapat menyelongkar pandangan dan pemikiran Melayu melalui para pengarang karya kesusasteraan. Namun demikian, gagasan ini dipandang sepi setelah dicetuskan. Tidak banyak perbahasan yang dikemukakan. Antara lain berkemungkinan disebabkan adanya gagasan atau teori tempatan lain yang turut diperkenal dan diperkatakan.

Sehingga 2016, tidak banyak ulasan dan kajian berkaitan gagasan teori ini. Namun, melalui empat kritikan cerpen dalam majalah *Dewan Sastera*, Ariff Mohamad (2015) telah memperkatakan teori ini dan mengaplikasikannya dalam analisis 16 cerpen tersebut dalam empat keluaran penerbitan yang berasingan. Empat kritikan tersebut bertajuk “Mengkritik Perilaku Masyarakat dalam Cerpen” (Jun 2015), “Imaginasi dan Babak Dramatik dalam Kreativiti Pengarang” (Disember 2015), “Iktibar dalam Interpretasi” (Mac 2016) dan “ Peristiwa sebagai Simbolik dalam Penceritaan” (Julai 2016).

Masyarakat Melayu telah lama mempunyai dan menggunakan banyak perkataan yang dalamnya tersirat makna “kritikan”. Walaupun tidak digunakan secara langsung kepada kegiatan menilai sastera, namun kata-kata demikian digunakan dengan maksud membuat pertimbangan atau mengarah kepada tindakan berfikir untuk mencari sesuatu yang baik. Hal ini terlihat pada kata-kata masyarakat Melayu sering gunakan dalam

kegiatan hidup seharian mereka, seperti “tegur”, “timbang”, “nilai”, pandangan”, “pendapat”, ulas”, “ukur”, “kias”, “sindir”, dan “taksir”. Hal ini juga jelas dapat ditemukan dalam ungkapan-ungkapan peribahasa, bidalan, perumpamaan dan puisi tradisional.

Barthes (1990: 75), mengklasifikasikan teks sastra dalam dua kategori, apa yang dipanggilnya teks yang boleh dibaca dan yang boleh ditulis. Teks yang boleh dibaca ialah sejenis teks yang meninggalkan pembacanya sebagai pengguna yang pasif, yang disifatkan negatif (apa yang boleh dibaca tetapi tidak boleh ditulis) seperti teks klasik. Satu lagi adalah teks yang boleh ditulis, yang disifatkan dapat difahami yang menjadikan pembaca aktif dan kemudian boleh menulis teks seumpama itu. Perkaitan dua kategori teks menurut Barthes ini dapat ditanggapi mengikut pandangan Umberto Eco, yang mengatakan satu set kategori yang sama dalam apa yang diistilahkan sebagai teks tertutup dan terbuka. Teks tertutup sebagai satu istilah menyarankan bahawa itu suatu teks yang pengalaman pembacanya terbatas sedangkan teks terbuka pula terpulang kepada suatu rangkaian kemungkinan untuk ditafsirkan. Jadi, perkara yang berkaitan dengan tafsiran itu mempunyai kaitan dengan teks yang terbuka. Dalam konteks kajian ini, makna siratan dalam teks atau karya tertentu perlu dikeluarkan.

Menurut Abdul Rahman Embong (1997: 14), budaya Melayu pada dasarnya adalah budaya yang amat menuntut kepada kehalusan dan adab dalam semua tatacara kehidupannya. Kehalusan dan adab inilah yang membentuk etos kemelayuan yang sering menjadikan bangsa Melayu sebagai yang berpekerti mulia, prihatin dan mementingkan keharmonian. Etos ini diterapkan dalam semua aktiviti budaya bangsa Melayu, termasuklah bahasa dan seninya hingga membentuk semacam satu model tingkah laku unggul untuk generasi akan datang. Orang Melayu terasuh dalam satu budaya yang begitu mementingkan kesantunan dan ketertiban dalam perhubungannya dengan manusia lain, menjadikan manusia Melayu itu bangsa yang sentiasa memelihara

perasaan orang lain, menjaga ketelanjuran dan mengawasi kebiadaban. Kecenderungan ini membentuk sikap yang sentiasa tidak mahu berterus terang, sentiasa melapik kata, menyampir makna, yang akhirnya membentuk satu khazanah bahasa kias ibarat dan perumpamaan yang dijadikan sandaran untuk bangsa Melayu mengajar, menyindir atau menegur seseorang. Dari sinilah terbentuknya pengungkapan orang Melayu: “Ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah” dengan tujuan menyampaikan makna bahawa sasaran biar mengena, kaedah biar sempurna supaya yang ditujukan jangan sampai tercela.

Hasil karya Melayu, terutama novel telah menggunakan pengungkapan yang mempunyai makna siratan untuk menyatakan maksud berkaitan masyarakat daripada dimensi politik, ekonomi, nasionalisme, keagamaan, kasih sayang dan tema-tema lain. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, novel-novel yang dihasilkan memberatkan persoalan realiti masyarakat seperti kekeluargaan dan kasih sayang. Namun demikian, terdapat juga novel-novel awal yang mengangkat tema politik dalam masyarakat seperti yang dihasilkan oleh Ishak Haji Muhammad dan Abdul Kadir Adabi.

Gaya pengungkapan pengarang dalam karya kreatif bersifat tersendiri. Setiap pengarang mempunyai cara dan gaya yang tertentu dalam membawa isu berkaitan dengan masyarakat dalam penulisan karyanya. Khusus dalam penulisan novel, terdapat novel yang membawa persoalan politik dalam masyarakat yang diolah dengan pengungkapan yang mempunyai makna siratan. Hal ini berlaku disebabkan para pengarang ingin menyedarkan pembaca tentang sesuatu isu, situasi selain untuk mempamerkan gaya kreativiti seterusnya dapat memperlihatkan estetika dan kebijaksanaan yang juga lahir daripada masyarakat itu sendiri.

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai justifikasi sebagai mengisi kelompangan analisis pengungkapan yang mengandungi makna siratan dalam teks atau karya Melayu terpilih. Dalam hal ini, genre novel menjadi tumpuan. Karya-karya sebegini perlu

dibincangkan malah diangkat sebagai antara karya Melayu yang bijaksana dalam kerancangan negara dan bangsa membina dan mengukuhkan peradaban.

Selain itu, analisis siratan makna mempunyai kaitan dengan tujuan untuk mengangkat keistimewaan pengarang genre novel politik berdasarkan gagasan baharu dalam bidang pengkajian kesusasteraan, iaitu Gagasan Kritikan Melayu (GKM).

Dengan demikian juga, usaha ini akan menyambut atau meneruskan pengiktirafan terhadap pantun-pantun tradisional telah diakui dunia mempunyai estetika yang tinggi dan kandungan maksud yang bijaksana serta menggambarkan kreatifnya manusia Melayu itu. Hal yang sama juga perlu diakui dan dikukuhkan dengan mengambil estetika, kebijaksanaan dan kreativiti pengarang dalam naratif prosa moden yang lain. Situasi ini membuka ruang untuk tafsiran dalam fungsi kesusasteraan sebagai cerminan masyarakat dan kreativiti dalam kesusasteraan itu.

Para pengarang Melayu berupaya membawa persoalan masyarakat, kemanusiaan dan pencarian diri pada watak-watak manusia di dalam karya-karya yang dihasilkan. Pemilihan untuk mengungkapkan secara siratan makna dalam karya-karya membuktikan pernyataan ini. Sehubungan itu, karya-karya tersebut, terutama yang mengungkapkan persoalan politik perlu dianalisis untuk menghuraikan makna yang dimaksudkan.

Sehubungan itu, kajian tentang tafsiran makna siratan dalam pengungkapan daripada karya yang bertemakan politik adalah perlu. Dalam konteks kajian ini, makna siratan berpandukan pengungkapan daripada novel politik dipilih. Analisis kajian ini berdasarkan sebuah gagasan yang dinamakan Gagasan Kritikan Melayu. Perbincangan lanjut Gagasan Kritikan Melayu dibawakan dalam Bab 3.

1.3 Objektif Kajian

Novel-novel yang dianalisis dihasilkan oleh pengarang Melayu dengan latar keperibadian pengarang berbangsa Melayu dan latar masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Lima buah novel yang dianalisis memperihal masyarakat Melayu khususnya berkaitan dengan politik. Fokus analisis adalah tentang makna siratan daripada pengungkapan dalam novel-novel tersebut. Makna siratan yang mempunyai kaitan dengan kiasan dan perlambangan ini sudah berakar umbi dalam pemikiran, perasaan dan tindakan masyarakat Melayu sejak sekian lama. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil karya puisi Melayu tradisional seperti pantun, syair, seloka, gurindam, teromba dan beberapa lagi yang lain. Begitu juga dengan karya-karya berbentuk prosa yang bermula dengan cerita lisan berbentuk hiburan yang kemudiannya serentak dengan perkembangan teknologi telah berubah menjadi karya-karya yang bercetak.

Sehubungan itu, analisis kajian ini memfokuskan kepada tiga dimensi, iaitu makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam. Analisis berpandukan sebuah gagasan yang dipilih, iaitu Gagasan Kritikan Melayu.

Kajian ini menganalisis makna-makna daripada pengungkapan pengarang yang dipilih dari sudut perilaku, peristiwa dan secara alamiah. Perkaitan tentang politik dalam karya sastera penting sebagai khazanah peradaban dan pembinaan sesebuah negara, kemantapan peribadi sesebuah bangsa dan tentunya nilai-nilai kemanusiaan untuk diambil perhatian serius. Terdapat karya-karya membawa persoalan politik dilihat seperti keras, bersifat 'menentang' dan sukar difahami namun dalam waktu yang sama banyak sekali makna yang boleh ditafsirkan. Namun begitu, tentunya juga terdapat karya yang mengungkapkan persoalan politik secara halus, berselindung dan dapat mengawal etika dan estetika sesebuah karya mahupun seseorang pengarang. Makna siratan banyak dikesan dalam puisi-puisi. Begitu juga dalam prosa wujud tafsiran yang

mungkin lebih tepat, sesuai dengan sifat prosa yang mempunyai naratif penceritaan dan dialog (kata-kata perbualan) yang dihasilkan pengarang. Dalam novel, pengarang cuba menyembunyikan makna pada lapis yang pertama, namun dapat dikesani secara tepat atau hampir tepat berbanding dengan puisi yang ada kalanya bersifat kabur dan multidimensi.

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu:

1. Mengetahui pasti pengungkapan yang mengandungi makna siratan oleh lima orang pengarang dalam lima buah novel politik berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu.
2. Menganalisis pengungkapan yang dipilih dalam lima buah novel politik dengan memberikan tafsiran yang tersirat berpandukan Gagasan Kritikan Melayu melalui tiga dimensi iaitu makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam.
3. Menjelaskan bahawa makna siratan berpandukan Gagasan Kritikan Melayu merupakan kaedah dan gaya pengarang dalam menyampaikan kiasan dan perlambangan melalui pengungkapan dalam penulisan novel.

1.4 Batasan Kajian

Kajian memberikan tumpuan kepada makna siratan daripada pengungkapan yang dikeluarkan daripada teks yang dipilih. Teks yang dikaji adalah novel yang membawakan persoalan politik dan isu-isu kemasyarakatan. Novel sedemikian disimpulkan sebagai novel politik. Analisis dilakukan berdasarkan prinsip-prinsip yang telah digariskan daripada sebuah gagasan tentang pemikiran Melayu dan Islam, khususnya untuk kajian kesusasteraan. Gagasan tersebut dinamakan Gagasan Kritikan

Melayu walaupun pada peringkat cetusan gagasan ini dinamakan oleh pelopornya sebagai Teori Kritikan Melayu.

Kajian ini menumpukan tentang pengungkapan yang membincangkan makna siratan dalam tiga dimensi iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Ketiga-tiga dimensi tersebut dirumuskan daripada prinsip-prinsip yang terkandung dalam gagasan Kritikan Melayu yang dicetuskan oleh Syed Othman Syed Omar (S. Othman Kelantan). Kajian ini menganalisis lima buah novel Melayu yang diterbitkan di Malaysia. Novel-novel tersebut dikarang dalam tempoh bermula sebelum merdeka hingga yang mutakhir. Sehingga kini, novel-novel tersebut masih berada di pasaran dan lebih mudah diperoleh di perpustakaan awam dan institusi pendidikan.

Dalam pemilihan teks untuk kajian, pada peringkat awal telah disaring 34 buah novel yang dikesan mengandungi tafsiran makna siratan. Terdapat pengungkapan yang dapat ditafsirkan secara makna siratan dalam novel-novel tersebut. Selain itu, novel-novel tersebut juga pernah dijadikan subjek analisis pengkaji yang lain daripada berbagai-bagai sudut. Antara novel-novel politik Melayu yang dikenalpasti mengandungi pengungkapan secara makna siratan mengikut tahapan zaman adalah seperti berikut:

Sebelum Merdeka:

Putera Gunung Tahan oleh Ishak Haji Muhammad, 1938 (edisi Jawi)

Sebelas Rejab, A.Kadir Adabi, 1938–1939 (secara bersiri)

Anak Mat Lela Gila, Ishak Haji Muhammad, 1960 (edisi Rumi)

Selepas Merdeka:

Tikus Rahmat, Hasan Ibrahim, 1963

Interlok, Abdullah Hussain, 1971

Juara, S.Othman Kelantan, 1976

Zaman Gerhana, Abdul Samad Ahmad, 1976

Daerah Zeni, A.Samad Said, 1985

Arca Berdiri Senja, Baharudin C.D, 1986

Hujan Pagi, A.Samad Said, 1987

Langkah Kiri, Yahya Ismail, 1988

Tungul-tunggul Gerigis, Shahnnon Ahmad, 1988

Di Negeri Belalang, Anwar Ridhwan, 1989

Ruang Perjalanan, S.Othman Kelantan, 1989

Panrita, Arenawati, 1990

Sidang Serangga, Ishak Hj. Muhammad, 1990
Patriarch, Shahnnon Ahmad, 1991
Perlumbaan Kedua, Marwilis Hj. Yusof, 1992
Aligupit, Mohd. Affandi Hassan, 1993
Saksila Lekir, Mohd. Nasir Zainal Abidin, 1995
Halusinasi, Azmah Nordin, 1995
Nagogho Astana, S.Othman Kelantan, 1997
Shit, Shahnnon Ahmad, 1999
Sukma Angin, Arenawat,i 1999
Naratif Ogonshoto , Anwar Ridhwan, 2001
Bukan Legasi Lalang, Sri Rahayu Mohd. Yusop, 2001
Kawin-kawin, Azizi Hj. Abdullah, 2002
Panggil Aku Melaju, Rahmat Haroun Hashim, 2008
Daun , Malim Ghozali PK, 2008
Penderhaka, Ramli Selamat (Marsli N.O), 2010
Mandala Dunia Kedua, Azizi Haji Abdullah, 2011
Penyeberang Sempadan, Anwar Ridhwan, 2012
Ratap Rabbitah, Aminah Mokhtar, 2012
Ahli Politik, S.M Zakir, 2012

Kemudian, dengan batasan kajian yang ditetapkan, lima buah novel Melayu moden dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini. Lima novel ini dikarang oleh lima orang sasterawan Malaysia. Kelima-lima novel dipilih mewakili period sebelum kemerdekaan, selepas kemerdekaan dan milenium baharu. Dua buah novel dipilih dalam tempoh sebelum merdeka, iaitu sebelum tahun 1957, manakala tiga pada era selepas merdeka, iaitu dua buah novel yang dihasilkan antara tahun 1960 hingga 1999 dan sebuah novel pada milenium baharu, iaitu yang diterbitkan pada tahun tahun 2001.

Novel-novel yang dipilih ialah:

1. Novel *Sebelas Rejab* (diterbitkan pada tahun 1937) oleh Abdul Kadir Adabi Ahmad atau dalam penulisan menggunakan nama A. Kadir Adabi.
2. Novel *Anak Mat Lela Gila* (diterbitkan pada tahun 1941) oleh Dato' Ishak Haji Muhammad atau dalam dikenali juga dengan nama Pak Sako.
3. Novel *Tunggul-tunggul Gerigis* (diterbitkan pada tahun 1989) oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Shahnnon Ahmad.
4. Novel *Nagogho Astana* (diterbitkan pada tahun 1997) karya Syed Othman Syed Omar atau nama dalam penulisan, S. Othman Kelantan. Beliau juga

merupakan pencetus bagi Gagasan Kritikan Melayu yang menjadi fokus analisis kajian ini.

5. Novel *Naratif Ogonshoto* (diterbitkan pada tahun 2001) oleh Datuk Dr. Mohd Anuar Rethwan atau dikenali sebagai Anwar Ridhwan.

Dalam kajian ini, tiga rasional pemilihan novel-novel tersebut telah ditentukan. Pertama, kelima-lima novel ini penting mengikut tahapan zaman penerbitannya. Novel-novel ini membawa tema politik. Novel-novel yang dipilih ini banyak menggunakan pengungkapan yang dapat dianalisis secara makna siratan.

Kedua, novel-novel tersebut dihasilkan dalam tempoh tertentu mewakili tahap perkembangan novel dan perkembangan pembangunan negara, iaitu sebelum merdeka, selepas merdeka dan milenium baharu. Sehubungan itu, dapat dibincangkan situasi politik dan masyarakat pada tempoh-tempoh tertentu. Novel *Anak Mat Lela Gila* dihasilkan dalam tempoh sebelum merdeka yang ketika itu para pengarang Melayu mempunyai semangat kuat untuk menentang penjajahan. Antara cara yang digunakan ialah mengkritik penjajah secara halus dalam penulisan novel. Novel *Sebelas Rejab* membawa persoalan secara dalaman berkaitan tanah dan perlakuan yang merosakkan masyarakat. Novel *Tunggul-tunggul Gerigis* mengangkat persoalan perjuangan masyarakat petani sebuah kampung. Novel *Nagogho Astana* membawa isu politik pelbagai bidang kerjaya dalam kehidupan masyarakat moden, manakala *Naratif Ogonshoto* membawa persoalan politik yang relevan dengan negara-negara Kepulauan Melayu.

Ketiga, novel-novel tersebut dihasilkan oleh pengarang yang mapan dan berkaliber dalam kesusasteraan Melayu. Pengarang-pengarang ini telah diiktiraf melalui anugerah dan hadiah sastera termasuk anugerah tertinggi Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara iaitu bagi Shahnnon Ahmad (penerima tahun

1984), S. Othman Kelantan (penerima tahun 2004) dan Anwar Ridhwan (penerima tahun 2009). Dua pengarang terawal, iaitu Ishak Haji Muhammad pernah diberi anugerah Pejuang Sastera dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaya, manakala Abdul Kadir Adabi juga terkenal sebagai seorang pengarang, editor selain banyak berjasa sebagai nasionalis dan patriot pramerdeka.

Menurut S. Othman Kelantan (1986: 66), dua buah novel Ishak Haji Muhammad, *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* merupakan novel satira dan yang tersirat mengenai kebangkitan semangat kemerdekaan. Novel *Putera Gunung Tahan* (1937) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941), lebih jelas berkaitan dengan kebangkitan semangat kebangsaan Melayu yang sudah dimulakan oleh Ibrahim Yaakub dalam tahun 1930 dengan tertubuhnya Belia Malaya. Dalam tahun 1937, sebuah organisasi politik bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad untuk menyatukan tenaga-tenaga radikal bagi perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Apabila *Putera Gunung Tahan* muncul dalam tempoh perjuangan yang awal ini, novel ini merupakan cetusan dari inspirasi perjuangan kebangsaan itu. Oleh sebab perjuangan itu menambahkan pengalaman pahit getir dan susah senang, maka *Anak Mat Lela Gila* lahir kemudian sebagai pengalaman pengarangnya, iaitu bersama-sama satu saranan untuk mendapatkan perpaduan seluruh bangsa Melayu. Secara alamiah, kekukuhan rimba raya dan gunung-ganang, khususnya Gunung Tahan dalam *Putera Gunung Tahan*, dilanjutkan lagi oleh Ishak Haji Muhammad dalam novel kedua beliau, *Anak Mat Lela Gila*. Latarnya masih dipilih hutan belantara dan dikemukakan orang-orang sakai sebagai gambaran keaslian dan kemurnian kebudayaan. Akan tetapi dengan menggunakan watak seorang manusia bernama Bulat, pengarangnya mengemukakan satu pusingan atau 'cycle' bahawa kehidupan dan perjuangan itu lambat laun akan berjaya juga. Latar rimba yang dimulakan dengan Cameron Highland dengan pertemuan Bulat dengan Alang, seorang

sakai keturunan Batin Sukun yang terkenal, Bulat mulai belajar ilmu dengan selok-belok kehidupan. Dari sini dapat dilihat makna siratan apabila pertemuan Bulat dengan Alang, merupakan pertemuan seorang anak muda Melayu dengan keaslian kebudayaan dan adat resam serta kemurnian pusaka peninggalan nenek moyang yang sudah kian menghilang daripada perhatian anak-anak muda. Ini digambarkan oleh Alang bahawa anak-anaknya sendiri sudah menjauhkan diri mereka daripada kehidupan hutan rimba.

Novel *Tunggul-tunggul Gerigis* menggabungkan aspek psikologi, sosial dan politik. Selain itu, dalam *Tunggul-tunggul Gerigis*, permasalahan politik kampung yang meresahkan Su Usul berdiri sebagai satu simbol tentang ketidakpedulian orang politik terhadap golongan veteran. Akhirnya dengan tergesa-gesa dan tindakan yang sadis, Shahnnon Ahmad menamatkan cerita dengan tembakan bertalu-talu ke arah kumpulan yang menjadi mangsa pertelagahan politik (Mohamad Saleeh Rahamad, 2010: 222).

Novel *Nagogho Astana* membawa tema politik dengan persoalan kemanusiaan khususnya dalam masyarakat bandar. Nagogho Astana yang dimaksudkan dalam novel ini ialah sebuah negara yang tidak wujud dalam realiti. Negara ini sebuah negara fiktif dalam pemikiran pengarang. Namun demikian, ciri-ciri fizikal negara tersebut didapati hampir menyamai negara Malaysia. Hal ini demikian dapat dikesani dengan penggunaan nama-nama watak yang digunakan, nama lokasi, demikian juga dengan peristiwa dan gaya penggunaan bahasa yang digunakan. Perkataan 'nagogho' merupakan dialek negeri Kelantan yang bermaksud 'negara'.

Menurut Jeniri Amir (2012:303), Nagogho Astana sebuah negara merdeka yang berazam kuat untuk menjadi kuasa besar dan maju dalam pelbagai bidang, termasuk bidang perindustrian. Seterusnya dinyatakan bahawa ketika membaca karya ini, pembaca tidak dapat membebaskan diri daripada terkilas oleh imbasan beberapa tokoh, tempat dan peristiwa politik yang berlaku di negara ini. Maksudnya, di tempat-tempat tertentu dalam karya ini, pembaca dibawa oleh pengarang untuk menelusuri peristiwa

yang berlaku dalam pelbagai bidang dan isu semasa: politik, ekonomi, seni, akademik dan beberapa lagi.

Menurut Noriah Taslim (2013: 3), novel ini bersifat cereka penuh, sifat *mimesis* atau *verisimilitude* yang tinggi menjadikan sebuah karya yang cukup realistik hatta sentiasa berupaya untuk menanggung ketidakpercayaan (*suspense our disbelief*) kita bahawa kita berada di sebuah kepulauan yang dicipta sepenuhnya. Realisme subjektif yang tampil seolah-olah objektif (*assume to be objective*) ini hanya terlaksana melalui kekuatan imaginasi pengarang dan pengetahuannya yang luas tentang pelbagai objek penceritaan termasuk geografi, topografi, ekonomi, sosial dan lebih menonjol politik termasuk karenah dan kelicikannya. Terdapat pengaruh kemodenan terutama dari Jepun, Amerika Selatan dan Eropah dalam kaedah penghasilannya.

Dari segi teknik penulisan yang menjurus kepada tafsiran yang tersirat, teknik realiti imaginatif dimainkan oleh pengarang untuk melukiskan peta kedudukan Ogonshoto yang terletak di Kepulauan Pasifik, kurang lebih 1,500 batu di barat laut Pulau Easter milik Chile, ibu negara Tatamanu. Ogonshoto terdiri daripada enam pulau. Pengarang telah memilih nama Ogonshoto untuk menggambarkan sebuah negara, yang keseluruhan masyarakat dan budaya hidupnya tersendiri, namun mempunyai kerelevanan dengan masyarakat di dunia ini. Nama Ogonshoto agak asing bagi masyarakat Melayu untuk dinamakan sebagai sebuah tempat, apatah lagi negeri dan negara. Apabila ditelusuri lebih mendalam, terdapat tradisi yang dapat dikaitkan dengan kosmologi masyarakat Melayu, khususnya di Malaysia.

Lima pengarang atau novelis yang novelnya dipilih untuk kajian ini merupakan sasterawan Malaysia yang telah menghasilkan karya yang diiktiraf. Tiga daripada pengarang tersebut merupakan penerima Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara. Seterusnya, beberapa pendapat dan kutipan tentang latar belakang pengarang untuk memperlihatkan kerelevanan pengalaman hidup mereka dengan

kecenderungan penghasilan novel. Lima pengarang tersebut ialah Abdul Kadir Adabi, Ishak Haji Muhammad, Shahnnon Ahmad, S. Othman Kelantan dan Anwar Ridhwan. Perbincangan tentang latar pengarang ini dibawakan dalam Bab 2. Kajian ini menumpukan kepada makna siratan yang dianalisis dari dimensi perilaku, peristiwa dan unsur alam. Ketiga-tiga dimensi ini dirumuskan daripada prinsip-prinsip yang dibawakan Gagasan Kritikan Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Kelahiran novel-novel politik antara lain bertujuan membuka mata pembaca untuk menanggapi dan memikirkan persoalan masyarakat sepanjang masa. Walaupun sesetengah persoalan politik yang diangkat dalam sesebuah novel bersifat semasa namun kerelevanannya wajar difikirkan untuk tujuan masa akan datang selain tidak menafikan mengimbas kembali situasi politik yang pernah berlaku sebelum itu.

Pembawaan pengungkapan yang mengandungi makna siratan lebih banyak terdapat dalam novel yang membawakan tema politik. Politik adalah proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan. Walaupun biasa digunakan bagi merujuk kerajaan, tingkah laku politik juga boleh didapati dalam masyarakat di kampung atau bandar, sektor korporat, akademik, agama dan institusi lain. Kajian politik dikenali sebagai sains politik merupakan kajian mengenai tingkah laku politik dan memeriksa kedapatan dan penggunaan kuasa, contohnya keupayaan untuk memaksa kehendak seseorang kepada yang lain. Perkaitan politik dengan masyarakat sangat rapat. Terdapat satu istilah yang menghubungkan masyarakat dan politik, iaitu sosiologi politik atau sosiopolitik.

Setiap pengarang mempunyai gaya tersendiri dalam penghasilan karya-karyanya. Prosa ataupun naratif berbeza dengan gaya dalam penghasilan puisi. Dari segi ilmu stilistik, fokus kebahasaan melihat kesusasteraan itu terkeluar daripada aturan tatabahasa. Namun begitu, kesusasteraan itu terhasil daripada bahasa. Beberapa alasan dan sebab terjadinya keadaan ini antaranya kerana kesusasteraan itu adalah karya seni, bukannya peraturan bahasa biasa. Oleh kerana karya seni, maka hal yang berkaitan dengan estetika atau keindahan seharusnya diwujudkan. Selain itu pengarang juga ingin menyampaikan pemikiran dan perasaannya melalui karya. Pengarang tidak mengabaikan aspek linguistik dan peraturan bahasa yang wajar. Sebagai alat komunikasi, bahasa perlu disampaikan agar dapat difahami. Cuma cara yang berbeza atau mempunyai stail. Dalam kesusasteraan, stail ini penting untuk membawa maksud yang tersurat dan tersirat.

Menurut Webster (1990), apabila membaca sesuatu teks, sama ada secara sedar ataupun tidak, pembaca meletakkannya ke dalam kerangka rujukan bahasa dan pengetahuan yang lebih luas daripada melakukannya terhadap seseorang pengarang tertentu, waktu atau set kriteria sastera. Dalam hubungan tekstual, menurut Micheal Faucault (dalam Teoti Heraty (2000), perkara yang penting yang perlu dilihat ialah apakah kesatuan yang menarik rasa ingin tahu ini yang ditulis pengarang.

Makna siratan dengan pemikiran masyarakat, dalam konteks karya kesusasteraan yang diwakilkan oleh pengarang adalah berkaitan dengan pembinaan teori tempatan. Dalam kajian ini, sebuah gagasan teori yang dinamakan Gagasan Kritikan Melayu dijana untuk melihat relevan makna siratan dengan pemikiran Melayu ini. Berkaitan Kritikan Melayu dan cetusannya oleh S. Othman Kelantan telah disentuh oleh A. Wahab Ali (1999: 31-33), menyatakan memang diakui bahawa bidang yang dipilih adalah baharu. Khalayak sastera Melayu amat mesra dan menyedari hakikat adanya cara pemikiran yang dinamakan oleh S. Othman Kelantan sebagai bercorak satira dalam

kehidupan sehari-hari yang secara meluas terungkap pada sikap, percakapan, dalam peribahasa dan khususnya dalam tradisi sastra. Orang Melayu tidak menamakannya sebagai “satira” kerana istilah itu bukan daripada budaya Melayu. Dalam analisis berpandukan Gagasan Kritikan Melayu, pengarang telah mengungkapkan unsur-unsur yang sesuai dengan budaya Melayu seperti menegur, mengajar, membimbing, memandu, melepaskan perasaan dan mengkritik.

Kepentingan pandangan dan pemikiran tempatan turut diakui oleh Md. Salleh Yaapar (2002: 23-27) dalam sebuah makalah bertajuk “Teori Sastra Mandiri dalam Perkembangan Globalisasi”. Beliau menyatakan bahawa seperti kebanyakan bidang kehidupan, sastra sesuatu bangsa atau kelompok manusia mempunyai asas-asas falsafahnya yang tersendiri. Asas-asas ini sering dikaitkan secara terus dengan teori sastra berkenaan. Umumnya teori ini merujuk pada pemikiran dan pemahaman bangsa itu mengenai keseluruhan realiti kewujudan dan kedudukan sastra itu sendiri di sisi bangsa berkenaan, tentang pengarang dan proses kreatifnya, keperihalannya karya/ teks bersama fungsinya, dan kedudukan khalayak.

Seterusnya beliau menyatakan walaupun setiap bangsa mempunyai teori sastranya sendiri, namun tidak semua bangsa merakamkan teori sastranya secara eksplisit dan jelas. Bangsa Melayu, iaitu semua kelompok etnik serumpun dalam dunia Melayu, merupakan contoh bangsa yang tidak merakamkan teori sastranya secara eksplisit. Ketiadaan ini tidak sangat dirasai semasa bangsa itu berada di bawah kuasa-kuasa penjajah yang memang melakukan apa sahaja, agar anak watan tanah jajahan melupakan identiti mereka. Selepas kemerdekaan, ketiadaan ini telah menyebabkan timbulnya keresahan dalam kalangan pengamal dan pengkajinya, khususnya mereka yang bersemangat nasionalistik. Bagi mereka, teori sastra dan kaedah kajian yang disogokkan oleh kuasa-kuasa penjajah, dan terus dibawa masuk sekarang, tidak semestinya sesuai dengan pembinaan sastra dan peradaban Melayu umumnya. Bangsa

Melayu pasti mempunyai teori sasteranya sendiri atau yang sesuai dengannya. Jika teori itu belum diserlahkan atau dibangunkan, maka usaha-usaha untuk menyerlahkannya atau membangunkan mesti disegerakan.

Dengan demikian, kajian ini dilihat mempunyai lima kepentingan iaitu:

Pertama, memberi perhatian terhadap Gagasan Kritikan Melayu dengan cara yang mengkhusus kajian tentang makna siratan dalam pengungkapan karya-karya Melayu, khususnya melalui genre novel. Gaya pengungkapan novel berbentuk prosa dengan adanya naratif penceritaan dan dialog, berbeza dengan puisi yang mempunyai bentuk secara berangkap. Kajian dalam bidang ini sudah lama berkembang di Barat tetapi kurang dijalankan di Malaysia. Kajian ini dapat membongkar pengungkapan yang mengandungi makna siratan dalam novel-novel yang dipilih.

Kedua, kajian ini mencetuskan satu pandangan baharu tentang pembinaan teori daripada gagasan dan pandangan serta pemikiran Melayu yang dinamakan Kritikan Melayu. Pendekatan ini pasti akan merencanakan dunia pemikiran dan keilmuan Melayu khususnya dalam bidang kesusasteraan untuk dimartabatkan di peringkat yang lebih global. Kajian ini juga penting untuk melihat kerelevanan Kritikan Melayu dalam pengungkapan yang mengandungi makna siratan dalam karya-karya kesusasteraan. Dalam bidang bahasa dan kesusasteraan, kajian ini mencetuskan perkaitan bidang sesama sendiri seperti peribahasa Melayu, semiotik, metafora, alegori, satira, komunikasi, sosiolinguistik, psikolinguistik, retorik, stilistik, pragmatik dan semantik secara langsung atau tidak langsung.

Ketiga, dalam penulisan kreatif, kajian ini membantu para pengarang kontemporari memahami strategi dalam penulisan karya yang bertema politik dengan pengungkapan mengandungi makna siratan. Kreativiti pengarang Melayu dapat dibincangkan melalui analisis kajian ini.

Keempat, kajian ini penting kepada masyarakat umum untuk memahami pengaruh politik dalam kehidupan hari-hari dan mengasaskan cara berfikir secara ‘beradab’ dan berperaturan atau ‘secara Melayu’ dalam pengungkapan persoalan yang dilihat sensitif bagi banyak pihak.

Kelima, kajian ini perlu dilakukan kerana mempunyai kepentingan kepada pembaca termasuk pelajar, guru-guru, masyarakat dan para pengarang atau sasterawan. Kepada pelajar, kajian ini berguna agar pelajar dapat menggunakan bahasa yang konotatif, bermakna dan mempunyai estetika khususnya dari segi penggunaan pengungkapan yang mengandungi makna siratan sama ada dalam penulisan dan penggunaan harian. Di samping itu, menerusi kajian ini masyarakat akan dapat menambahkan penguasaan mereka terhadap pengungkapan yang mengandungi makna siratan.

Sehubungan dengan itu, karya sastera yang dibaca bukan sahaja dapat dinikmati sepenuhnya, malah juga berperanan untuk menghiburkan khalayak pembaca. Ini dijelaskan sendiri oleh Robert Frost (dalam Shahnnon Ahmad, 1994: 138) yang melihat proses permulaan sesebuah karya sastera sebagai bermula dengan keseronokan dan berakhir dengan kebijaksanaan.

1.6 Konsep Operasional

1.6.1 Makna Siratan

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), “siratan” bermaksud jalinan. Selain itu “siratan” dimaksudkan sebagai sesuatu yang tersembunyi. Dalam ungkapan Melayu sering digunakan “siratan” atau “yang tersirat” sebagai lawan kata bagi “suratan” dan “yang tersurat”. Jadi, “makna siratan” merupakan satu istilah khusus yang dikaitkan

dengan sesuatu yang tersembunyi, terselindung atau yang berada “di sebalik”. Dalam konteks kajian ini, yang dilihat sebagai makna siratan adalah daripada pengungkapan yang menunjukkan kehadiran sebuah perlambangan atau disebut secara bebas sebagai “simbolik”. Namun demikian “simbolik” tidak dapat menggambarkan sepenuhnya “makna siratan” yang dimaksudkan dalam kajian ini. Dalam hujahan linguistik, makna siratan dapat dikaitkan secara umum dengan “konotasi” dalam teks dan ujaran.

Berkaitan penyampaian makna ini, Keris Mas (1990: 17) menyatakan bahawa bahasa ialah perahu yang didayung oleh setiap sasterawan dan ditumpang oleh pembaca dalam pelayaran yang ingin mencari kebenaran. Terdapat dua perkara yang ingin disampaikan oleh sasterawan kepada pembaca. Pertama, erti. Kedua, makna. Para penulis, khususnya penulis sastera, amat terlibat dengan peranan semantik, kerana makna yang hendak disampaikan itu bukan sekadar erti yang lahir sahaja tetapi adakalanya yang lebih dalam dan lebih luas, yang sekali gus menyangkut perasaan dan fikiran. Seterusnya Keris Mas (1990: 22) menjelaskan;

Ada dua rumus tentang makna. Pertama, makna denotasi dan kedua, makna konotasi. Makna denotasi adalah makna yang tepat, tidak mengandungi makna sampingan. Misalnya “basikal”, tepat memberi makna sejenis kenderaan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Berlainan dengan “kenderaan”, walaupun termasuk basikal tetapi boleh memberi erti jenis-jenis yang lain seperti kereta, motosikal, lori, bas dan lain-lain. Jadi, di sini perkataan “basikal” adalah denotasi manakala “kenderaan” adalah konotasi.

1.6.2 Novel Politik

Istilah novel kini diterapkan pada sejumlah besar karya tulis yang menggunakan bentuk prosa fiksi. Novel merupakan karya yang lebih panjang daripada cerpen, namun lebih pendek daripada roman. Dengan demikian, novel memungkinkan untuk memasukkan jumlah karakter yang lebih banyak (namun tidak menjadi epik), plot yang lebih rumit, pembentukan latar yang lebih penuh, dan eksplorasi tokoh yang lebih sinambung dan mendalam (Abrams, 1984: 119).

Novel politik secara umum dimaksudkan sebagai karya panjang yang membawakan isu-isu, peristiwa dan watak-watak yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat. Dalam konteks yang lain, politik berkaitan dengan pemerintahan dan kekuasaan. Faulks (1999: 2), menyatakan politik dikaitkan dengan institusi yang dibangunkan dalam sesebuah negara dan terbentuk antara kehendak masyarakat yang dibahagikan kepada pemerintah dan rakyat. Perbincangan lebih lanjut tentang novel politik, khususnya novel politik Melayu dibawakan dalam Bab 2.

1.6.3. Gagasan Kritikan Melayu

Gagasan Kritikan Melayu adalah sebuah gagasan sastera yang mengandungi sepuluh prinsip. Dalam kajian ini, prinsip-prinsip tersebut disaring dan difokuskan kepada tiga dimensi iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Perbincangan tentang Gagasan Kritikan Melayu dihuraikan dalam Bab 3 tesis ini.

1.7 Sorotan Kajian

Sorotan kajian memberi tumpuan kepada makna siratan yang mempunyai kaitan dengan pandangan tentang perlambangan atau metafora Melayu serta menyentuh juga kajian semiotik. Kajian-kajian tersebut mempunyai kaitan dengan analisis daripada kata dan pengungkapan.

Sebuah makalah jurnal yang berjudul “Siratan Makna dan Serlahan Emosi dalam Ke Makam Bonda” oleh Nor Hashimah Jalaludin, Mary Fatimah Subert dan Dayang Sariah Abang Suhai. Siratan makna yang dibawakan oleh makalah tersebut mempunyai persamaan dengan ‘makna siratan’ yang dimaksudkan dalam kajian ini. Namun

demikian tulisan tersebut mengaitkan juga persoalan serlahan emosi. Bahan kajian tersebut adalah sajak Usman Awang yang bertajuk “Ke Makam Bonda”. Tulisan tersebut juga membawakan analisis tentang bahasa figuratif yang dibawakan oleh Usman Awang serta mengesan unsur gaya personifikasi, hiperbola, metafora dan ironi.

Kajian-kajian yang dikesan memperlihatkan unsur makna siratan ini telah memasuki bidang-bidang lain yang juga luas perbahasannya. Antaranya adalah kajian berkaitan dengan perlambangan, simbolisme dan juga bidang semiotik. Selain itu sorotan kajian ini juga membawakan kepentingan sebuah teori baharu yang belum dibawakan dalam kajian sarjana peringkat tinggi. Gagasan ini telah diperkenalkan sejak tahun 1998 namun kurang diperkatakan dan dibincangkan. Gagasan dibawakan itu dinamakan sebagai Gagasan Kritikan Melayu. Perbincangan tentang kandungan dan prinsip-prinsip Gagasan Kritikan Melayu dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3. Selain memperkatakan tentang makna siratan, gagasan teori dan perkaitannya, bahagian sorotan kajian ini juga memperkatakan tentang novel-novel politik yang dipilih untuk analisis kajian.

Pengungkapan yang mengandungi siratan makna disampaikan oleh pengarang dalam karya kesusasteraan sejak sekian lama. Karya-karya tradisional seperti cerita rakyat dan sastera sejarah mempunyai makna-makna tersirat yang disampaikan kepada pembaca. Makna siratan ini disampaikan dalam karya dengan berbagai-bagai cara. Antaranya dinamakan sebagai perlambangan, kiasan, sindiran, metafora, alegori dan ironi.

Dalam kehidupan seharian manusia, kepentingan dan pemahaman tentang makna yang disampaikan oleh Pencipta kepada manusia memang tidak dapat dinafikan. Dalam kitab suci al-Quran, terdapat banyak sekali perlambangan diberikan. Dalam surah al-Hajj, Ayat 22, Allah berfirman;

“Hai manusia, telah dibuat perumpamaan, maka dengarkanlah olehmu perumpamaan itu. Sesungguhnya segala yang kamu seru selain Allah sekali-

kali tidak dapat menciptakan seekor lalatpun, walaupun mereka bersatu menciptakannya. Dan jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, tiadalah mereka dapat merebutnya kembali dari lalat itu. Amat lemahlah yang menyembah dan amat lemah yang disembah.”

Terdapat banyak lagi ayat al-Quran yang memperkatakan tentang sesuatu yang disampaikan secara tersirat berbentuk pengisahan dan pengajaran untuk peringatan manusia.²

Kajian-kajian terdahulu berkaitan pengungkapan dalam novel yang membawakan makna siratan dibincangkan. Antaranya kajian yang mengaplikasikan

² Ayat-ayat al-Quran yang memperkatakan tentang simbolik dan perlambangan: "Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir seratus biji." (al-Baqarah 2:261)

Ayat; "Dan kalau Kami menghendaki, sesungguhnya Kami tinggikan dia dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsunya yang rendah, maka perumpamaannya seperti anjing jika kamu menghalaunya dijulurkannya lidahnya dan jika kamu membiarkannya dia menjulurkan lidahnya. Demikian itulah perumpamaan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami." (al-A'raaf 7:176)

Juga ayat; "Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya adalah seperti keldai yang membawa kitab-kitab yang tebal. " (al-Jumu'ah 62:5)

Ayat; "Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti laba-laba yang membuat rumah. "Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah laba-laba kalau mereka mengetahui." (al-Ankabut 29:41)

Ayat; "Perbandingan kedua golongan itu (yang tidak beriman-yang beriman) , seperti orang buta dan tuli dengan orang yang dapat melihat dan dapat mendengar." (Hud11:24)

Ayat; "Orang-orang yang kafir kepada Tuhannya, amalan-amalan mereka adalah seperti abu yang ditiup angin dengan keras pada suatu hari yang berangin kencang." (Ibraahim 14:18)

Ayat; "Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya ke langit." (Ibraahim 14:24)

Ayat; "Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi; tidak dapat tetap sedikitpun." (Ibraahim 14:26)

Ayat; "Perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus , yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca kaca itu seakan-akan bintang seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur dan tidak pula di sebelah barat , yang minyaknya hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya." (al-Nur 24:35)

Ayat; "Allah membuat perumpamaan dengan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat bertindak terhadap sesuatupun dan seorang yang Kami beri rezeki yang baik dari Kami, lalu dia menafkahkan sebahagian dari rezeki itu secara sembunyi dan secara terang-terangan, adakah mereka itu sama?" (al-Nahl 16:75)

Dan ayat; "Allah membuat perumpamaan seorang laki-laki yang dimiliki oleh beberapa orang yang bersyariat yang dalam perselisihan dan seorang budak yang menjadi milik penuh dari seorang laki-laki ; Adakah kedua budak itu sama halnya?" (al-Zumar 39:29)

teori semiotik. Namun demikian, semiotik merupakan bidang yang terlalu luas. Dalam bidang bahasa dan kesusasteraan, semiotik dibincangkan dengan menggunakan pelbagai kaedah analisis bergantung kepada tujuan kajian tersebut. Berdasarkan analisis melalui kajian terdahulu, kajian ini mempunyai kelainan yang tersendiri, namun ada relevannya dengan kajian-kajian lain.

Braginsky (1994: 41), menyatakan bahawa kesusasteraan bukan sahaja sebagai buah pena pengarang, tetapi kesusasteraan itu sendiri merupakan sejenis “pengarang” yang mentafsirkan kata-kata pada halaman memori manusia dan dengan demikian membentuk peribadi khalayak pembaca. Oleh hal yang demikian, hasil karya sastera secara tidak langsung memperkenalkan pengalaman sendiri dan pengalaman asing. Berdasarkan realiti yang ada yang dikelilingi dengan bermacam-macam tanda dan alamat, menjadi pembimbing manusia memperbaiki perilaku dan mendidik peribadi.

Kajian Hasan Ahmad dalam *Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya* (2003) merupakan makalah yang penting untuk mencetuskan kajian yang lebih mendalam terhadap perlambangan dan metafora Melayu telah membincangkan semula perkara ini lanjutan daripada cetusan pemikiran yang dibawa oleh Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba. Hasan Ahmad (2003: 3) menyatakan dipercayai bahawa orang pertama yang cuba mentakrifkan makna “metafora” atau istilah Arab *isti'arah* ialah Aristotle, lebih 2,300 tahun dahulu. Dalam *Poetika*, Aristotle menyatakan bahawa metafora terbentuk apabila sesuatu benda diberi nama (yakni makna) yang dimiliki oleh benda lain; pemindahan makna ini berlaku sama ada dari peringkat genus (kewujudan) kepada jenisnya, atau daripada jenis kepada kewujudannya, atau daripada jenis kepada jenis berdasarkan analogi (perbandingan).³

³ Definisi Aristotle tentang metafora, terdapat tiga ciri dalam takrif Aristotle iaitu, metafora berlaku pada peringkat perkataan, tidak pada peringkat ayat; kedua, di tempat lain dalam karya yang sama. Ciri yang kedua ini, Aristotle menganggap metafora sebagai ‘penyelewengan’ atau *deviant* daripada bahasa harfiah. Ciri yang ketiga metafora dibentuk daripada persamaan dua benda. Pada asasnya, melalui metafora manusia cuba melihat sesuatu berdasarkan sesuatu yang lain. Lihat Hasan Ahmad (2003)

Hassan Ahmad (2003: 2), menyatakan penghasilan karya-karya sastra termasuk dalam genre novel sebagai prosa moden tidak terlepas daripada unsur-unsur simbolik. Masyarakat Melayu yang kaya dengan perlambangan, metafora, kiasan dan perumpamaan menghasilkan karya-karya kesusasteraan untuk disampaikan kepada masyarakat sebagai memenuhi beberapa tujuan seperti untuk mendidik, menegur, menyampaikan peringatan selain tujuan umum untuk menghiburkan. Unsur-unsur simbolik yang dimaksudkan itu dapat dikaitkan dengan makna siratan yang ditumpukan dalam kajian ini. Makna siratan mempunyai perkaitan dengan unsur-unsur simbolik yang dimaksudkan dalam tulisan Hasan Ahmad itu.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2003: 170), mentakrifkan metafora Melayu sebagai peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan oleh sebab itu jadi ertinya dua lapis. Takrif ini hampir sama dengan takrifan Aristotle. Ungkapan 'jadi ertinya dua lapis' bererti lapis pertama ialah lapis luarnya yang membawa makna harfiah, dan lapis kedua ialah lapis dalamannya yang membawa makna metafora. Za'ba memberi dua contoh. Contoh yang pertama, *bagai tikus jatuh ke beras*. Makna luarannya (makna lapis pertama) bermaksud sama seperti tikus yang jatuh ke atas longgok beras tetapi ertinya yang lebih dalam (iaitu maksud yang sebenar) ialah apabila sudah sampai ke situ diam sahaja, tiada berbunyi atau tiada pergi ke mana-mana lagi kerana sudah terjumpa benda yang memang kesukaan hatinya. Penelitian Hasan Ahmad itu walaupun ringkas tetapi relevan dengan kajian ini. Apabila Hasan Ahmad melihat metafora Melayu, dan bagaimana pemikir Melayu mencipta epistemologinya, cetusan tersebut telah membuka ruang kajian ini tentang pengungkapan dalam novel-novel Melayu.

Beberapa pengkaji metafora, misalnya Fauconnier (1997: 67), berpendapat bahawa selama ini ahli bahasa lebih banyak mengkaji struktur bahasa (tatabahasanya) sebagai suatu sistem yang tersendiri, tetapi tidak mengkaji sistem bahasa itu sebagai

data untuk memahami ‘*the rich meaning constructions upon which language operates*’.

Manusia ialah makhluk pencipta makna dan pencipta lambang.

Hassan Ahmad (2003: 1) mengaitkan perkara tersebut dengan menyatakan bahawa melalui proses konseptual yang dibentuk oleh minda, seseorang itu dapat mentakrif dirinya, menanggapi alamnya, membentuk pandangan hidup sejagat dan mencipta tamadunya. Keadaan ini dikaitkan dengan makna yang dibentuk oleh manusia berbagai-bagai jenisnya. Ada yang berbentuk literal atau harfiah dan ada yang berbentuk simbolik yang disampaikan melalui pelbagai jenis teks atau wacana, misalnya melalui perbualan biasa, cerita, puisi, lagu, pepatah dan peribahasa. Hassan Ahmad seterusnya menyatakan bahawa manusia memang biasa berfikir atau melihat sesuatu melalui proses mental yang kita sebut proses perumpamaan atau perbandingan, atau istilah lain melalui kaedah analogi.

Dalam sistem pemikiran Melayu, kaedah analogi ini sering digunakan untuk membentuk konsep yang abstrak dengan menggunakan kata-kata benda atau nama yang diambil daripada alam nyata sebagai perbandingan. Pengungkapan secara tersirat banyak terdapat dalam karya-karya tradisional Melayu. Salah satu contoh klasik terdapat dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* (1612) melalui episod wasiat Sultan ‘Alaudin Riayat Syah kepada anakandanya yang bakal menggantikannya setelah ayahandanya meninggal dunia. Antara lain, baginda berkata: ⁴

“Adapun raja-raja itu umpama api, segala perdana menteri umpama kayu, kerana api itu jikalau tiada kayu tiada akan nyala... *ra’ayat* itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada

⁴ Dalam wasiat ini, pengarang (melalui watak Sultan Alaudin) cuba menjelaskan konsep permuafakatan antara raja dengan para pegawainya melalui analogi ‘kerjasama’, seolah-olah antara “api” dengan “kayu”. Api mempunyai kuasa membakar, kuasa memusnahkan, tetapi kuasa alamiah (natural) ini tidak dapat wujud (menyala) dengan sendirinya melainkan ada alat lain, misalnya kayu untuk menyala. Jadi maksud simbolik raja tidak berupaya (yakni tidak berkuasa) memerintah negeri seorang diri tanpa para pegawai sebagai tenaga sokongannya. Melalui pengungkapan tersirat ini, pengarang melakukan proses abstraksi dari benda yang diambil dari fenomena (api, kayu, pohon dan akar) untuk membentuk konsep abstrak tentang kuasa raja, tentang permuafakatan antara raja dengan pegawai-pegawainya, tentang keadilan, tentang konsep raja sebagai pelindung rakyat, dan rakyat sebagai pendukung raja.

akan berdiri. Demikian raja-raja itu dengan segala *ra'ayatnya*... jikalau kau bunuh ia (*ra'ayatmu*) dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa”
(*Sulalatus Salatin*, 1997: 189)

Pengungkapan yang memawakan makna siratan dalam puisi tradisional juga telah dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu. Antaranya pantun. Daya akal, kreativiti pencipta pantun dalam bahasa Melayu, dengan daya cipta yang canggih sudah lama terkenal. Keistimewaan penggubah atau pencipta pantun daripada masyarakat Melayu ini dikenalpasti mempunyai 13 sifat.⁵

Kebijaksanaan orang Melayu dalam mengusulkan percakapan dan pengungkapan dapat dibuktikan melalui hasil karya-karya kesusasteraan. Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011: 2-3) menyatakan bahawa terdapat ungkapan adat Melayu: “Mulia cakap kerana beradab, bermakna bual kerana berakal, berisi bicara kerana berkira, elok berbisik kerana selidik, terpuji isyarat kerana cermat”. Ungkapan ini secara tersirat memberi petunjuk bahawa setiap percakapan hendaklah dilakukan dengan penuh adab dan sopan santun. Setiap perbualan hendaklah dilakukan dengan mempergunakan akal yang sihat dan jernih, setiap pembicaraan hendaklah dilakukan dengan perhitungan yang masak dan teliti. Setiap pendekatan, bisikan, suara hati dan sebagainya hendaklah dilakukan dengan penuh kecermatan dan hati-hati, serta setiap isyarat, pemberian tanda,

⁵ Dalam buku Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011: 2-3) dinyatakan sifat penggubah (*pencipta*) termasuk;

1. Mengenal beberapa pola rima yang unik, umpamanya rima yang ada pada awal baris dan pada tengah baris. selain itu, pola rima wujud dalam ulangan kata dan aliterasi.
2. Daya ubah (*flexibility*) yang luas.
3. Ungkapan di antara baris yang ada sifat daya ubah (*flexibility*) membawa kepada kaedah perbezaan atau variasi (*variation*) di antara pantun dengan pantun yang lain yang hampir sama tetapi mempunyai beberapa kata yang berlainan.
4. Ciptaan kata dwimakna.
5. Cerdik tentang keseluruhan budaya Melayu.
6. Pencipta pantun bijak memakai sindiran dan kelucuan serta erotika.
7. Pada umumnya Baris 1 dan 2 selalu merujuk kepada gagasan maujud (*concrete*) manakala Baris 3 dan 4 menggambarkan gagasan jarad (*abstract*).
8. Furqan (*criterion, distinctive, characteristic*) mengikut mutu pantun pilihan.
9. Kefahaman tentang keseluruhan pantun melalui perhatian kepada keempat-empat baris tiap-tiap pantun.
10. Rentak atau irama.
11. Jeda atau berhenti sebentar.
12. Makna kata (*definition*) di mana relevan, termasuk kata dwimakna.
13. Hubungan kait di antara konsep dan tema penilaian syumul (*holistic*)

dan pernyataan lambang-lambang tertentu hendaklah dilakukan dengan cermat dan berjimat.⁶

Selain itu, pengungkapan yang sarat makna itu disulam dan dirajut ke dalam pantun, syair, gurindam, seloka, cerita rakyat dan sebagainya, sehingga memudahkan orang untuk menyemak dan menggunakannya. Ungkapan yang berakar daripada simbol-simbol latar alam sekitar, tumbuh-tumbuhan, haiwan, manusia, benda-benda angkasa (cakerawala), alat kelengkapan hidup, dan sebagainya memberikan peluang besar terhadap setiap orang untuk mengambil dan menggunakannya sesuai dengan hajat (tujuan) masing-masing (Tenas Effendy, 2008: 41).⁷

Makna siratan yang dikesan melalui perlambangan sangat erat hubungannya dengan pemikiran masyarakat Melayu. Hal ini dibuktikan dengan pengungkapan lisan dan diteruskan dalam karya-karya kesusasteraan moden termasuk novel. Menurut Hashim Awang (1997: 118), pernyataan seni tidak hanya terlaksana melalui bentuk-bentuk artifak yang sedemikian rupa sahaja, malah juga tersalur menerusi bentuk fikiran yang terungkap dalam karya-karya sastera sehingga fikiran itu menjadi amat sublimasi dan indah sifatnya untuk diterima oleh masyarakat ramai. Pernyataan ini memberi gambaran bahawa pandangan secara dalaman akan memberi makna yang lebih mendalam terhadap sesuatu karya seni.

⁶ Adat resam Melayu mengajarkan agar setiap orang hendaklah menjunjung tinggi dan mengamalkan nilai-nilai luhur budayanya dalam setiap percakapan dan tindakan atau perilakunya, terutama kesantunan dalam bercakap, atau menyampaikan pendapat dan sebagainya. Itulah sebabnya orang yang tidak mampu menampakkan kesantunannya yang lazim disebut sebagai “orang yang tak tahu adat” atau “orang yang tidak beradat” atau “orang yang kasar langgar”. Orang-orang ini dipandang rendah dalam pergaulan sehari-hari. Lihat Tenas Effendy (2008: 31).

⁷ Orang Melayu terkenal sebagai insan yang rendah hati (bukan rendah diri), yang selalu menempatkan dirinya pada kedudukan yang tidak sombong dan bongkak, yang selalu menghormati orang lain dengan tulus dan ikhlas serta bersangka baik. Dalam percakapan, terutama dalam situasi rasmi lazimnya digunakan ayat-ayat seperti yang berikut: “Hamba ini tak ubahnya bagaikan sebutir pasir di pantai, bagaikan setitis embun di hujung daun, yang umur baru setahun jagung, yang darah baru setampuk pinang, yang pengalaman baru di bendul empat, yang pemandangan sesungkup tempurung. Ilmu belum sejengkal, langkah belum setapak, lenggang belum seayun, adat tak tahu pusaka tak jelas, undang tak terang dan akal baru hendak menyorong. Kerananya, bila hamba tersalah cakap mohon dimaaf diberi ampun.” Lihat Tenas Effendi (2008: 42).

Pandangan Hashim Awang tersebut mempunyai kaitan dengan keistimewaan masyarakat Melayu tradisional dalam penghasilan karya-karya seni termasuk kesusasteraan. Menurut beliau lagi, umum mengetahui bahawa masyarakat Melayu memiliki kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam. Malah, alam adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Dengan memiliki corak kehidupan yang sedemikian, masyarakat Melayu menjadi begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Mereka akan segera memberikan reaksi terhadap apa yang terjadi di sekitar mereka, terutama terhadap perkara-perkara yang tidak mereka senangi. Biasanya perkara-perkara ini mereka lihat sebagai iktibar kepada kehidupan mereka, sebagai sesuatu yang dapat memberikan tontonan atau pengajaran kepada kehidupan sendiri.

Dalam ketamadunan Islam, tanda-tanda berkaitan dengan alam telah pun disebut dalam Al-Quran, seperti dalam surah Ar-Rum dan Al-Baqarah. Al-Quran berulang kali menegaskan bahawa segala sesuatu adalah tanda-tanda (ayat) Allah, iaitu segala sesuatu mengkhabarkan hakikat dan realiti Allah. Segala di alam semesta ini merupakan refleksi nama-nama dan sifat-sifat Allah. Nama-nama dan sifat-sifat ini tanda keagungan, keindahan, kehidupan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Dalam Surah ar-Rum, Ayat 20, 21 dan 23, Allah menjelaskan tanda-tanda kekuasaannya seperti maksud Ayat 21 yang berikut:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Seluruh isi alam ini dipenuhi dengan tanda-tanda kewujudan Allah. Alam yang terbentang luas dengan pelbagai bentuk muka bumi, iklim yang berbeza-beza, bangsa

yang berlainan dan bahasa masing-masing tidak akan wujud tanpa penciptanya iaitu

Yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana. Dalam Surah Fussilat, Ayat 37, bermaksud:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah kamu sujud kepada bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu beribadat kepada Allah.

Begitu juga dalam Surah Adz-Dzariyat, Ayat 20-21 bermaksud:

Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin. dan juga pada diri kamu sendiri. maka mengapa kamu tidak melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti-bukti itu)?

Berkaitan dengan kosmologi Melayu dan Islam, di kepulauan Melayu, tiap-tiap suku bangsa mempunyai konsep kosmologi aslinya masing-masing, yang dapat dikaji melalui sumbernya yang terpenting iaitu kisah-kisah mitos dan legenda berdasarkan tradisi lisan. Menurut Abdul Rahman (1995: 12) kosmologi Melayu asli pada umumnya bertolak daripada premis dualisme kosmik antara alam-atas dan alam-bawah, yang dilambangkan pada matahari dan bumi, dan sebagainya. Abdul Rahman (1995: 93) memetik pernyataan Waterson (1991) yang menyatakan bahawa daripada kebanyakan sistem kepercayaan asli di Nusantara, terdapat satu unsur bersama yang menonjol, iaitu konsep kosmos berlapis tiga. Alam-atas yang dianggap suci adalah tempat bersemayam para dewa; alam-tengah tempat manusia hidup, manakala alam-bawah adalah untuk haiwan dan makhluk rendah lainnya. Ada kemungkinan kepercayaan itu telah dipengaruhi oleh sistem kosmologi Hindu yang membahagi alam kosmos kepada *Triloka* (tiga alam), iaitu: *Ilavrita* (alam langit/syurga), *Bhumi* (alam bumi) dan *Tala* (alam bawah bumi). Khusus tentang alam bumi, terdapat tujuh susunan wilayah atau *dvipa* yang boleh bererti pulau, benua atau semenanjung. *Jambu-dvipa* yang menjadi pusat susunan kosmos itu di kelilingi oleh *dvipa-dvipa* lain; di situlah terletak Gunung Mahameru, tempat bersemayam Sang Penjaga Alam. Konsep gunung kosmos ini

ternyata bukan sahaja wujud dalam agama Hindu, tetapi juga dalam agama Buddha-Mahayana.

Dalam kajian *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (2005) oleh Wan Mohd Nor Wan Daud dibincangkan tentang penggunaan perlambangan yang disebut metafora dan perumpamaan dalam cerita. Namun fokus pemerhatian al-Attas lebih kepada unsur pendidikan. Ciri-ciri kaedah pendidikan Al-Attas yang lain ialah penggunaan metafora dan cerita sebagai contoh atau perumpamaan, suatu kaedah yang wajar bahawa para ulama, khususnya para sufi. Sebagaimana digambarkan oleh Izutsu,⁸ yang mengamati kecenderungan serupa di kalangan cerdik pandai di Timur. Pemikiran dan pemerhatian al-Attas juga memasuki bidang semantik. Walaupun bidang ini banyak membincangkan aspek dalam linguistik, namun terdapat perhubungan yang erat dalam bentuk tafsiran yang dilakukan terhadap alam semesta.

Syed Naquib al-Attas (2001: 113) menyatakan bahawa kaedah ilmu tafsir dan *takwil* adalah kaedah pendekatan yang sah bagi ilmu pengetahuan dan metodologi ilmiah dalam kajian alam. Hal ini disebabkan Al-Quran dan Alam adalah dua Kitab yang Terbuka. Kata-katanya harus ditafsirkan dengan menerapkan simbol-simbol linguistik bahasa Arab dalam konteks Islam secara benar. Perhubungan insan dengan alam ini telah menarik perhatian al-Attas dalam karya terawal beliau iaitu *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972, 2011: 19) yang menyatakan;

Insan dichitikan sebagai hasil tertinggi chiptaan raya bahwa pada gelang kehidupan semesta insanlah umpama khatim permata jauharnya. Sifat asasi insan itu ialah akalnya, dan unsur akliah inilah yang menjadi perhubungan antara dia dan Hakikat semesta.
(ejaan lama dikekalkan)

⁸ “Para ahli falsafah Muslim cenderung menggunakan metafora dan perumpamaan dalam metafizik, khususnya dalam penjelasan tentang hubungan antara Kesatuan dengan Keragaman atau realiti mutlak dengan hal fenomena yang tampak bertentangan. Metafora yang sering digunakan dalam metafizik adalah salah satu ciri khas falsafah Islam, atau boleh juga kita katakan falsafah Timur umumnya. Ia tidak dapat dianggap sekadar hiasan puitis. Sebenarnya, fungsi kognitif ini lebih tepat melalui penggunaan metafora”. Lihat T. Izutsu (1971: 85-87).

(al-Attas, 2011: 19).⁹

Selain itu, al-Attas juga membincangkan tentang keupayaan manusia berkata-kata dan berfikir rasional secara perlambangan.¹⁰ Perkaitan dengan alam turut disentuh oleh al-Attas dalam *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (2007).¹¹ Relevan kajian ini dengan pandangan Syed Naquib al-Attas adalah bagaimana pentingnya siratan dan pandangan alam mempengaruhi masyarakat berfikir dan mentafsir kewujudan alam (dunia ini) dan dapat mendekatkan diri dengan Pencipta.

V.Braginsky (2001: 37) dalam makalah "*Sufi Boat Symbolism: Problems of Origin and Evolution*" pula menyatakan penghayatan kosmologikal dalam masyarakat boleh juga dikaitkan dengan aspek perlambangan (*symbolism*). Braginsky dalam makalahnya menghuraikan soal perlambangan perahu atau kapal dari perspektif ilmu Sufi, dan dari perspektif kosmologi serta sistem kepercayaan tradisi masyarakat peribumi di Alam Melayu.¹²

Asmah Haji Omar (1986: 4) menyatakan bahawa kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata dan di samping menimbulkan apa yang dipersepsikan dalam konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (*worldview, weltanschauung*). Dengan demikian unsur-unsur bahasanya merupakan teropong penglihatan dunianya itu tidak hanya

⁹ Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud (2005: 245)

¹⁰ Keupayaan manusia berkata-kata dan berfikir rasional; "*Titik berat yang dikenakan oleh Al-Qur'an terhadap bakat dan bawaan berbahasa itu bukan sahaja diletakkan pada daya berchita dan ber-kata2 itu haruslah dengan chara yang jelas: bahwa insan harus menggunakan lambang2 dan tanda2 abstrak seperti bahasa yang tiada akan menimbulkan kekeliruan makna dalam mentafsirkan serta menjelaskan pengalaman hidupnya dan hakikat yang dialami.*" Tambah beliau, "*Kesusasteraan itu mencherminkan tamaddun, yang merupakan kehidupan intelek.* Lihat Syed Naquib al-Attas (1972, 2011: 19).

¹¹ Lihat Syed Naquib al-Attas (2007: 15)

¹² Dari sudut ilmu Sufi, perahu atau kapal antara lain disifatkan sebagai lambang untuk menguji keimanan manusia seperti mana kapal menghadapi gelora di lautan, sebagai penyelamat manusia dari kekufuran, dan sebagai cara mendekati diri dengan Tuhan dengan cara berzikir. Sebagaimana ditunjukkan oleh Braginsky, dalam masyarakat Batak, Ngaju, Dayak, Toraja, dan juga masyarakat Melayu, perahu juga menjadi lambang kosmos, lambang bagi diri manusia sendiri, juga sebagai cara berhubungan dengan makhluk halus (*spirits*) yang terdapat dalam sistem kepercayaan tradisi mereka. Lihat V.Braginsky (2001).

terbatas kepada perbendaharaan kata tetapi juga meliputi juga unsur-unsur nahu. Berkaitan dengan makna dalam pengungkapan, Asmah (1986: 29) seterusnya menjelaskan sifat ikonik itu menyebabkan hubungan isyarat dengan maknanya itu tidak arbitrer. Dengan arbitrer dimaksudkan bahawa berdasarkan persetujuan, manusia boleh meletakkan makna apa pun pada perkataan yang dicipta tanpa mencari apa-apa persamaan fizikal atau mental antara perkataan yang berkenaan dengan maknanya. Misalnya burung sebagai perkataan tidak memperlihatkan ciri-ciri apapun yang menyamakan dengan haiwan yang menjadi rujukannya itu. Benar ada di antara kata-kata ini yang terdiri dari lambang bunyi (*sound symbolism* atau *onomatopoeia*), seperti mengaum (dari bunyi harimau), dan mengiau (dari bunyi kucing). bagaimanapun, kata-kata ini tidak banyak jumlahnya dalam bahasa. Jika sifat tidak arbitrer mendapat tempat yang penting, tentu sahaja bahasa-bahasa tabii manusia tidak dapat berkembang seperti yang ada sekarang ini.

Dengan demikian, maka manusia beralih kepada lambang, dan penggunaan sistem perlambangan yang membezakan pola kelakuan manusia dari pola kelakuan binatang. Lambang adalah perkembangan dari isyarat, digunakan bukan untuk mengarahkan kepada anggota badan kita, seperti tangan, mata dan hidung, kepada benda atau sifat yang dirujuk, tetapi digunakan untuk menceritakan atau menghuraikan sesuatu sifat atau benda ini. Dengan itu, lambang-lambang merupakan tanda pengingat atau pengenalan akan sesuatu benda itu. Lambang mengingatkan kita kepada yang sudah berlaku, mengenalkan kepada kita apa yang sedang berlangsung dan membuat kita berfikir tentang apa yang akan berlaku. Lambang-lambang akan membentuk fikiran dan dapat merujuk kepada sesuatu yang tidak ada. Dengan adanya sistem perlambangan itu, barulah dapat mewujudkan dalam akal proses pemikiran, dan otak tidak berhenti-henti menjalankan proses ini.

Nada yang hampir sama dinyatakan oleh Tenas Effendy (2008:32) bahawa awal penggunaan kata berpunca daripada gagasan yang ada dalam fikiran atau perasaan atau hati seseorang. Gagasan, fikiran atau niat atau suara hati itu membawa mereka kepada pemilihan kata sebagai simbol yang berlaku, atau isyarat yang lazim dipakai dalam masyarakatnya untuk melahirkan apa yang ada dalam fikiran dan hati nuraninya. Pemilihan kata menjadi kunci dalam penuturan kerana di situlah terkandung beragam makna yang menjadi tujuan sang pembicara. Seterusnya beliau menegaskan bahawa bahasa ungkapan adalah antara kearifan orang Melayu dalam berbahasa. Ungkapan yang terdiri daripada kata-kata pilihan yang sarat makna, lazimnya digunakan dalam percakapan, perbualan, pembicaraan sehari-hari.

Sebuah kajian dilakukan oleh Tatiana A. Denisova (2011: 17) dalam bukunya bertajuk *Refleksi Historiografi Alam Melayu* menyatakan pendapat tentang mitos dan mitologi. Namun demikian beliau membincangkan hal-ehwal yang berkaitan dengan kehidupan intelektual Melayu, yang diperhatikan bukan sekadar maklumat yang kelihatan bersejarah, tetapi peristiwa atau dokumen yang pernah wujud dalam realiti. Selain itu, beliau menyatakan betapa perlu mengkaji bahan-bahan yang quasi-sejarah iaitu mitos yang tidak boleh dianggap sebagai maklumat yang betul-betul bersejarah. Mitologi adalah bahagian yang penting dalam kehidupan intelektual. Mitologi mencerminkan pandangan umum, iaitu pandangan orang biasa, cara pemikiran tradisional yang biasanya tidak boleh diubah secara segera atau sengaja. Tatiana turut menegaskan bahawa orang Melayu dari zaman dahulu memang mempunyai kebijaksanaan. Apabila seorang pengarang *chronicle* tersebut memasukkan suatu cerita ajaib atau mitos dalam karyanya, sudah tentu ada sesuatu maksud atau mesej yang hendak disampaikan. Dalam konteks ini sesuatu “maksud” itu dapat dikaitkan dengan makna siratan yang difokuskan dalam kajian ini.

Perkaitan tentang pernyataan simbolik atau yang mengandungi makna siratan dengan kehidupan harian, A.H. Bakker (1978: 95) menyatakan bahawa “hidup manusia penuh dengan tanda dan simbol”. Beliau mengemukakan beberapa contoh simbol dan perlakuan simbolik yang membawa makna khusus dalam kehidupan seharian, misalnya cincin sebagai objek yang dikenakan pada jari manis teman hidup seseorang sebagai tanda kesetiaan atau kejujuran. Begitu juga hadiah-hadiah yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya pada hari ulang tahun sebagai tanda kasih sayang.

Demikian Zainal Abidin Borhan (2001: 72) menyatakan manusia tidak terlepas dari satu siratan kehidupan yang menghubungkan antara dirinya dengan Tuhan; dengan alam sekeliling dan segala kandungan alam; dan antara manusia dengan manusia itu sendiri. Siratan tersebut wujud secara vertikal dan horizontal. Dalam hubungan yang vertikal iaitu kepada Tuhannya, manusia mencari idea tentang diri manusia itu sendiri, mencari, mempelajari, mengetahui hal-ehwal alam ghaib, apatah lagi yang lebih penting ialah mengenal dan cuba mendekati Tuhannya.

Sifat karya itu subjektif. Pentafsiran perlu menemukan makna tertentu. Pernyataan simbolik bukan sahaja terlihat dalam karya sastera, malahan dalam seni tari, seni bina, seni lukis dan amalan ritual serta agama. Meskipun setiap aspek dan amalan mempunyai simbol-simbolnya dengan daerah maknanya yang khusus, namun ada kalanya mempunyai daerah makna yang sama atau hampir sama. Hal ini dapat dilihat dalam penjelasan simbol-simbol yang pernah digunakan oleh orang-orang Melayu terdahulu dalam pantun.

Kajian S. Othman Kelantan (1986) daripada tesis doktorat beliau yang kemudian dibukukan bertajuk *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* telah mencetuskan pandangan tentang Gagasan Kritikan Melayu. Dalam kajian beliau, pengungkapan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu telah membawakan makna siratan berkaitan

dengan alam. Selain itu, makna siratan tentang keperibadian dan kejadian turut membawa tafsiran terhadap keperihal manusia, termasuk perihal politik.

Berdasarkan kajian S. Othman Kelantan tersebut, dalam karya kesusasteraan Melayu, banyak tindakan dan peristiwa politik yang diungkapkan secara simbolik oleh pengarang-pengarang Melayu dalam karya mereka. Dalam konteks tradisional, karya-karya disampaikan dalam bentuk cerita rakyat, cerita jenaka yang secara umum menjadi milik bangsa Melayu itu sendiri kerana tiada nama pengarangnya. Namun demikian *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* mempunyai pengarang dan penyusun yang bertanggungjawab membawa karya tersebut kepada masyarakat pembaca. Dalam konteks moden, karya-karya diungkapkan mengandungi makna siratan dalam pelbagai genre seperti puisi, cerita pendek, drama dan novel. Makna siratan dalam novel-novel politik yang diungkapkan oleh pengarang melalui novel akan dianalisis dalam kajian ini.

Kajian Siti Hawa Salleh (1997: 138) telah membincangkan tentang kajian Siegel pada tahun 1979 menganalisis fakta-fakta budaya daripada *Hikayat Potjoet Moehamat*, *Hikayat Perang Sabil* dan *Perkahwinan Si Meuseukin*. Dalam kajian Siegel tersebut, beliau melihat perkembangan ketiga-tiga teks daripada bentuk lisan ke bentuk tulisan menerusi tanda-tanda yang ditemuinya dalam pemakaian bahasa dan tingkah laku pelaku yang terlibat dalam hikayat-hikayat itu. Setiap kata kunci yang digunakan dalam sesuatu peristiwa melambangkan sesuatu yang tertentu dan mempunyai makna yang tersendiri terutama dalam upacara-upacara. Siegel tidak terlalu memberi perhatian pada cerita yang disampaikan melalui hikayat, tetapi menilai sesuatu dengan makna yang terasing berdasarkan hal-hal lain yang muncul di sampingnya, dalam hikayat yang sama. Struktur istana atau rumah, tingkap, aturan kedudukan di balai penghadapan (siapa besar di depan), tingkah laku, cara makan, cara bersalaman, dan sebagainya yang

dianggap kelakuan biasa telah dianalisis dan akhirnya membentuk suatu gambaran yang khusus tentang masyarakat yang melahirkan teks tersebut.

Terdapat banyak perlambangan yang digunakan untuk ditafsirkan oleh pembaca secara umum dan dianalisis secara mendalam oleh para pengkaji. Sebagai contoh, “tingkap” di istana dipandang sebagai alat yang membolehkan peneliti memandang ke dalam dan bukan hanya untuk orang dalam melihat ke luar. “Dinding” bilik istana yang dibuka supaya ruang istana menjadi lebih luas untuk meletakkan mayat (jenazah) raja umpamanya dibaca sebagai runtuhnya batasan yang memisahkan seorang raja dengan orang ramai. Dinding itu juga dianggap seperti kota atau benteng yang melindungi ingatan seseorang daripada perkara yang tidak ingin dikenang. Walaupun mayat Bentara berada di dalam ruang yang sama, tetapi mereka yang berkabung menggunakan dinding itu untuk menghalang mereka daripada menerima kenyataan bahawa Bentara telah mangkat. Dinding itu juga meletakkan Bentara yang sudah menjadi mayat dalam lingkungan waktu dan tempat yang sama dengan pengikut-pengikutnya yang sedang berkabung di atas kematiannya, walaupun sebenarnya mereka berada dalam dunia yang berbeza. Yang meninggal hanya jasadnya kerana rohnya sudah berada di alam barzakh, sementara yang masih hidup berada di alam fana. “Dinding” sebagai simbol ini dijelaskan dalam perbincangan Siegel dalam peristiwa pengiriman ‘surat’ antara Potjoet Moehamat dengan Bentara yang bermusuhan. “Surat” itu pula dianggap sebagai dinding yang menyembunyikan sesuatu, seperti lukisan-lukisan dan ukiran yang menghiasinya kerana hiasan-hiasan itu di dalam rumah atau istana, di dinding sebelah dalam, tidak dapat dilihat oleh pembawa surat dari luar. Surat menjadi sama dengan dinding kerana tidak dapat dilihat apa yang tertulis di dalamnya atau tidak diketahui apa amanatnya sebelum surat (dinding) itu dibuka dan dibaca dengan “suara” yang lantang. Suara yang digunakan untuk membaca atau bercerita, dan menyampaikan sesuatu hikayat kepada pendengar dikaitkan pula dengan “bunyi”, kata yang disatukan dengan “bayang”.

Bayang itu jatuh ke atas tubuh Bentara seolah-olah secara fizikal, menjadikan muka dan badannya pucat dan gelap, darahnya kering, dan seluruh tubuhnya menggeletar sedangkan ia tidak pernah menghidap penyakit tarik atau sawan. Apabila ia meninggal, mayatnya dikatakan *lajee* (*layi*) yang bermakna mati, kaku, atau dalam keadaan tidak sedar. Kata ini mempunyai persamaan dengan bahasa istana (Melayu) iaitu *layu* yang digunakan hanya untuk raja dengan maksud mati. “Bayang” yang menimpa Bentara dan menyebabkan tubuhnya sengsara ialah bayang raja yang seharusnya menaunginya atau memberi perlindungan kepadanya. Bukan raja sendiri yang membunuhnya atau menyentuh badannya, tetapi yang menyebabkan kematiannya ialah bayang raja yang juga ayahnya. Siegel seterusnya mengaitkan bayang ini dengan *dhil*, bayang atau naung yang terkandung dalam kalimat *dhillullahu fi'l-'alam* (bayangan Allah di atas bumi) yang menggambarkan kedudukan, tugas dan hubungan seorang sultan dengan rakyatnya. Bayang ini juga dikaitkan pula dengan rangka hitam pada cap mohor raja yang menjadi lambang kuasanya.

Siegel menyatakan bahawa beliau telah menggunakan strategi yang dicadangkan oleh Derrida yang menganggap setiap kata yang diucapkan membawa makna tertentu kerana kata adalah lambang yang mencerminkan pemikiran masyarakat. Perumusan dibuat dengan berpegang pada kepercayaan bahawa apa yang diucapkan tidak akan menyampaikan maksudnya dengan nyata, tetapi dengan cara tersembunyi dan berselindung. Maksud sebenar ialah yang tersirat dan bukan yang tersurat.

Dengan menggunakan teori dan pendekatan yang sama dengan yang digunakan oleh Siegel, Shelly Errington (dalam Siti Hawa Salleh, 1997: 65) telah membuat satu kajian berdasarkan *Hikayat Hang Tuah*. Errington menjadikan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sumber utama untuk mendapatkan bahan-bahan untuk menganalisis bentuk-bentuk budaya sambil membandingkan fakta-fakta sejarah dalam *Hikayat Hang Tuah* dengan apa yang tertulis dalam *Sulalatus Salatin*. Kata-kata atau istilah tertentu diteliti

sebagai bentuk-bentuk tersirat yang menyatakan sesuatu makna yang menjangkau lebih daripada apa yang difahami secara sekali imbas. Pelbagai kata seperti “setia”, “anugerah”, “tahu” dan lain-lain serta istilah yang membawa makna atau konotasi masa dan sebagainya dilihat dari sudut yang berbeza. Pemerhatian Siti Hawa terhadap kajian Siegel mempunyai korelevanan dengan kajian ini. Aspek politik diberi perhatian secara pemaknaan daripada simbol-simbol yang dibincangkan.

Seterusnya ditelusuri kajian-kajian daripada tesis kesarjanaan. Tesis ijazah peringkat doktor falsafah berkaitan perlambangan, metafora dan kajian tanda turut disoroti untuk memantapkan kajian ini. Kajian doktor falsafah yang memfokuskan tentang semiotik dalam novel antaranya kajian Tengku Intan Tengku Marlina Mohd Ali (2006), Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk *Novel-novel Anwar Ridhwan: Satu Analisis Semiotik*. Teori semiotik Charles Sanders Peirce dan Charles Morris digunakan dalam kajian tersebut. Tengku Intan membahagikan tanda-tanda kepada tiga mengikut triadik iaitu ikon, indeks, simbol dan dua lagi iaitu ‘tanda kemungkinan’ dan ‘tanda benar’. Kajian ini berfokus kepada tiga buah novel Anwar Ridhwan, iaitu *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, *Di Negeri Belalang*, dan *Arus*. Objektif kajian tersebut ialah untuk membongkar makna dan mesej yang terdapat dalam novel-novel Anwar Ridhwan terutama dalam mengungkapkan permasalahan orang Melayu dalam kehidupan. Antara dapatan kajian ialah pengarang menggunakan simbol yang bersifat arbitrari dan konvensional. Menerusi hubungan pengarang dengan teks, diperlihatkan tujuan pengarang dalam setiap novel yang dihasilkannya. Hubungan pengarang dengan dunia nyata pula membuktikan bahawa pengarang menceritakan sesuatu yang berlaku di dunia nyata secara kreatif imaginatif.

Kajian Tengku Intan merupakan kajian semiotik yang penting terutama dari dimensi semiotik Peirce melalui prosa Melayu moden. Kajian tersebut memfokuskan novel yang sebelumnya tidak banyak dilakukan. Namun demikian, berbanding dengan

analisis yang akan dilakukan dalam kajian ini, kajian Tengku Intan tidak begitu banyak membincangkan pengungkapan yang mengandungi makna siratan melalui teks yang dipilih. Tengku Intan menganalisis semiotik yang dibahagikan kepada tiga fokus utama, iaitu pengarang dengan teks, pengarang dengan pembaca dan pengarang dengan dunia nyata. Tumpuan kajian ini hanya kepada seorang pengarang iaitu Anwar Ridhwan dan membincangkan dunia kepengarangan beliau secara menyeluruh. Kajian Tengku Intan tidak memberi fokus kepada persoalan sosiopolitik, namun disentuh secara umum.

Tesis Ahmad Kamal Abdullah (2006) peringkat doktor falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Simbolisme dalam Puisi-puisi Islam di Malaysia 1970-1990* mengkaji simbol atau diistilahkan sebagai *al-amthal* dalam bahasa Arab. Kajian Ahmad Kamal melihat dari perspektif Teori Takmilah dan Teori an-Nur atau teori cahaya daripada pandangan Imam al-Ghazali. Kajian ini penting dari dimensi simbolisme walaupun tidak mengaitkan dengan teori semiotik. Perbandingan sebagai simbol dalam kajian ini melihat rapatnya hubungan manusia dengan alam ciptaan Allah sesuai dengan keupayaan pengarang (penyair) dalam puisi-puisi yang dikaji, iaitu puisi-puisi Islam.

Ahmad Kamal menyatakan dalam puisi-puisi Islam di Malaysia dapat dikesani bahawa simbolisme yang diungkapkan berakar pada kitab suci Al-Quran, Hadis, tasawuf, keilmuan Islam dan alam Melayu. Kajian ini membuktikan bahawa puisi-puisi Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri yang dihasilkan mengikut daya pandang seorang Melayu yang tentunya berbeza dengan keturunan lain. Kajian Ahmad Kamal juga mendalami simbolisme dan hubungannya dengan puisi-puisi Islam. Walaupun simbolisme banyak dikaitkan dengan teori barat sebelum ini, namun apabila diaplikasi dengan karya berunsur Ketuhanan dengan teori an-nur Al-Ghazali, ternyata sangat relevan kerana dalam kitab suci al-Quran juga terdapat tanda-tanda yang diberikan agar

manusia berfikir dan memahami maknanya. Ini dapat dibuktikan melalui Surah Ar-Rum, ayat 20-23 dan Surah Fusilat, Ayat 37.

Namun demikian, kajian Ahmad Kamal membicarakan genre puisi dan tidak memilih persoalan kemasyarakatan secara menyeluruh. Tesis ini lebih memfokuskan aspek ketuhanan, keimanan dan kemanusiaan dengan mendalam. Namun demikian, kajian tersebut penting sebagai pencetus awal untuk melihat simbol dalam puisi-puisi Melayu berpandukan teori simbolisme Islam. Berbanding dengan analisis yang akan dilakukan, kajian tersebut berbeza daripada segi genre karya dan persoalan yang difokuskan. Kajian Ahmad Kamal menumpukan kepada genre puisi dan tidak membincangkan persoalan sosiopolitik.

Sebuah kajian doktor falsafah yang berkaitan dengan semiotik ialah melalui tesis di Universiti Malaya oleh Nureeda Salamae (2007) yang bertajuk *Metafora dalam Novel Penulis Wanita Melayu dan Thai: Analisis Semiotik*. Tesis ini merupakan kajian metafora berdasarkan novel penulis wanita Melayu, Khadijah Hashim bertajuk *Badai Semalam* dengan penulis wanita Thailand, Pun Pid Thong (*Plaster Salut Emas*) daripada perspektif semiotik. Daripada data korpus 222 halaman yang telah dihadkan setiap sebuah, terdapat 458 lambang metafora Melayu dan 314 lambang metafora Thai. Kajian tersebut membandingkan bahan novel Melayu dengan novel Thailand dari segi kajian metafora dengan menggunakan Model Metafora Semiotik Paling Luas (MMSPL) yang diperkenalkan oleh Sanat Md Nasir. Tujuan kajian ini adalah untuk memerlihat pemerian metafora yang terdapat dalam kedua-dua novel penulis wanita tersebut. Untuk membandingkan penggunaan metafora antara kedua-dua penulis wanita itu dan untuk mengajukan dan mengaplikasikan MMSPL dalam menginterpretasikan metafora Melayu dan Thai. Tiga buah model metafora dan tiga buah model semiotik dibincangkan dari segi kekuatan masing-masing. Analisis menggunakan MMSPL jelas dapat memperlihatkan komponen tatabahasa dan komponen medan makna yang

menunjukkan proses perubahan medan dan makna literal kepada makna metafora di samping mampu menginterpretasikan lambang metafora Melayu dan Thai dari segi fitur konkrit, abstrak dan ghaib.

Keseluruhan kajian tersebut lebih mengutamakan persoalan gaya bahasa sebagai dengan analisis semiotik komunikasi. Nureeda membuat kesimpulan bahawa asasnya bahasa sebagai anugerah Allah yang fitrah menjadi amanah kepada manusia untuk beribadah. Bahasa dan dalam hal ini bahasa Melayu merupakan sistem tanda yang dari segi semiotik paling luas tidak dapat lari daripada kekuasaan kemahabesaran Allah yang mengajar manusia itu berkata-kata, iaitu tanda lingkungan luar. Seterusnya Nureeda berpendapat lingkungan atau bulatan semiotik seperti mana yang terdapat dalam model tersebut menolak konsep arbitrari dan menganggap bahasa itu sebagai fitrah. Selain itu, bulatan semiotik itu juga mendukung konsep ketuhanan yang menandakan kekuasaan Allah lantas memberikan kestabilan dan keseluruhan kepada konsep *diadik* (Saussure) mahupun konsep *triadik* (Pierce) yang dipegang oleh sarjana barat. Kajian Nureeda dipengaruhi aspek linguistik dan kebahasaan yang ketara. Perbandingan dengan kajian ini ialah daripada sudut teori yang dipilih dan cara analisis yang dilaksanakan. Perbincangan kajian ini memfokuskan kepada pengungkapan simbolik manakala kajian Nureeda melihat keseluruhan penggunaan bahasa dalam novel kedua-dua pengarang.

Haron Daud (1995) dalam tesis doktor falsafah di Universiti Malaya yang bertajuk *Mantera sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu* adalah satu kajian dalam bidang sosiologi sastera. Kajian ini berdasarkan teks atau bahan kajian yang terdiri daripada mantera-mantera yang dikumpul dari beberapa tempat dalam setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Mantera dipilih sebagai bahan kajian bertolak daripada tanggapan bahawa mantera merupakan dokumen sosiobudaya masyarakat Melayu. Kajian tertumpu pada corak pemikiran masyarakat Melayu. Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Antara lain membincangkan tentang kedudukan

mantera sebagai karya sastra, fungsi dan jenis mantera, kedudukan mantera dalam masyarakat sehingga menjadikannya sebagai dokumen sosiobudaya. Tesis ini juga membicarakan tentang simbol dalam mantera. Simbol-simbol yang berkaitan dengan ketuhanan, makhluk ghaib, alam, benda dan manusia dihuraikan untuk memahami pemikiran orang Melayu.

Kajian tersebut merumuskan bahawa Allah sebagai Tuhan yang Maha Kuasa, dapat dilihat sekurang-kurangnya dalam pernyataan berdasarkan peranan. Antaranya Allah sebagai Pencipta. Allah berupaya menjadikan atau mengadakan apa sahaja yang diingini dengan menyebut: *Kun fayakun*. Bagi orang Melayu, keupayaan Allah memang tidak terbatas kerana Dialah yang menjadikan segala makhluk. Keupayaan Allah itu benar-benar diyakini oleh orang Melayu sehingga mereka percaya bahawa Allah juga boleh menjadikan diri mereka ghaib apabila dibangkitkan dalam mantera. Kekuatan kajian tersebut menghuraikan bagaimana orang Melayu mengungkapkan sesuatu perkara dan perkaitannya dengan kehidupan seharian. Perbincangan kajian tersebut menunjukkan kebijaksanaan pemikir Melayu melalui mantera.

Namun demikian, kajian tersebut tidak membincangkan teori kajian yang khusus untuk analisis. Haron Daud membahagikan analisisnya kepada Simbolis Kuasa Ketuhanan, Simbol Berbentuk Makhluk Ghaib, Simbol Berbentuk Alam, Simbol Berbentuk Benda, Simbol yang Berkaitan dengan Manusia, Simbol Anggota Badan Manusia, Simbol Berbentuk Ruang dan Waktu dan Simbol Berbentuk Warna dan Angka. Pengucapan simbolik yang dibawakan dalam kajian tersebut ada sedikit persamaan dengan pengungkapan yang membawa kepada makna siratan yang akan dijalankan dalam kajian ini. Namun demikian, tesis Haron Daud membawa pemikiran Melayu tanpa mengaitkan dengan teori yang relevan.

Ramli Isin @ Sahari (1989) dalam tesis doktor falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Kenyataan dan Permasalahan Masyarakat dalam Novel-novel*

Melayu Mutakhir: Satu Analisis Tema dan Persoalan memperincikan tema yang dipilih oleh pengarang-pengarang Malaysia tahun 1960-an dan 1970-an. Teori strukturalisme-genetik digunakan dalam kajian tersebut. Kajian tersebut merumuskan penonjolan nilai-nilai keindahan yang terpancar kesan daripada kedua-dua persamaan hubungan, iaitu hubungan di antara pandangan dunia sesuatu kelompok masyarakat dengan alam ciptaan kreatif imaginatif novelis. Dalam konteks ini, kedua-dua hubungan di antara alam ciptaan kreatif imaginatif dengan unsur-unsur atau teknik-teknik penciptaan sastera tertentu yang diterapkan oleh pengkaryanya cukup berangkai dan bersepadu. Antara unsur tersebut ialah unsur gaya, imejan, sintaksis dan sebagainya seperti yang ditegaskan oleh Goldman.

Ramli Isin turut menganalisis gaya, imejan, sintaksis dan sebagainya itu termasuklah simbolisme dalam karya-karya tertentu. Kajian tersebut menegaskan bahawa dalam bidang penciptaan kreatif imaginatif, seseorang pengarang perlu bijak menggambarkan dan mengungkapkan tema kenyataan yang menyangkut dengan suasana, keadaan serta permasalahan yang terjadi di dalam sesebuah masyarakat pada sesuatu konteks waktu secara realistik. Menurut Ramli Isin dalam kajian tersebut, para pengkarya perlu sentiasa peka berhadapan dengan sesuatu kejadian, peristiwa dan gejala-gejala lainnya yang berlaku bukan sahaja dalam kelompok masyarakat malah juga di sekitaran yang lebih jauh. Terdapat kenyataan dan fenomena-fenomena masyarakat yang dilukiskan dalam sesebuah novel Melayu atau asing boleh dijadikan bahan dokumentasi dan kajian berbagai-bagai-bagai disiplin ilmu. Keadaan ini memperlihatkan bahawa faktor masyarakat termasuk berkaitan dengan politik memberi kesan kepada kepengarangan seseorang novelis. Namun demikian, kajian tersebut berpendapat bahawa hakikat tidak ada seorang manusia pengarang, walau setinggi mana kemampuan bakatnya yang dapat menanggapi seluruh fenomena yang terdapat dalam sesebuah masyarakat pada sesuatu masa. Tidak ada manusia pengarang yang boleh

menyemai alam realiti ciptaan Allah yang Maha Pencipta. Namun demikian, kebijaksanaan seseorang pengarang perlu untuk melihat unsur-unsur yang lebih jauh daripada jangkauan realiti.

Mohamad Azmi bin Ab. Rahman (1992) dalam disertasi sarjana sastera di Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk *Symbolisme dalam Pantun Melayu* memperlihatkan dalam pantun Melayu banyak simbol digunakan untuk mendukung makna kata dan diksi. Simbol-simbol itu termasuklah warna, binatang, tumbuhan, alam fizikal, cakerawala serta manusia, peristiwa dan unsur-unsur lain. Kajian tersebut juga memperlihatkan bahawa simbol-simbol yang digunakan itu mengikut konteks pemakaian dan lingkungan budaya masyarakat yang menghasilkan pantun itu. Mohamad Azmi membuat analisis menggunakan kaedah interpretatif dan deskriptif. Analisis juga secara langsung dan tidak langsung menggunakan kaedah komperatif, yakni membandingkan pantun dengan pantun lain, pantun dengan peribahasa, dan simbolisme Melayu dalam pantun dengan simbolisme barat, India dan Cina dalam sastera dan budayanya. Kajian tersebut tidak mengaplikasikan mana-mana teori kesusasteraan.

Relevannya kajian tersebut ialah melihat simbol-simbol dalam pengungkapan karya-karya Melayu. Mengaitkan dengan simbol alam juga antara perkaitan dengan perlambangan Melayu. Kekuatan kajian tersebut ialah mengukuhkan bahawa unsure yang tersirat telah digunakan oleh para pengarang Melayu dalam pengungkapan untuk tujuan pernyataan secara tersirat bukan sahaja dapat dikesan penggunaan dalam sastera Melayu lama, malah dalam sastera Melayu moden. Kajian tersebut merumuskan bahawa yang tersirat sebagai salah satu unsur bahasa dan kod budaya turut memancarkan jaluran budaya dan pemikiran masyarakat baik secara individu atau kelompok masyarakat yang mewakili zamannya. Pantun Melayu dikesan memiliki banyak siratan yang digunakan bagi penyampaian maksud, mesej dan nilai-nilai tertentu. Kajian tersebut juga

mempunyai perkaitan dengan kajian ini kerana mentafsir makna siratan sebagai bukti kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional.

Sebuah lagi kajian berkaitan dengan tanda dan semiotik ialah disertasi ijazah sarjana Tuan Zainab binti Wi (2008) bertajuk *Tanda Pemikiran dan Tanda Emosi dalam Sangeetha: Kajian Semiotik* di Universiti Malaya. Bahan yang digunakan dalam kajian ini ialah novel Azizi Haji Abdullah. Novel ini banyak menggunakan tanda yang memerlukan pemahaman dan pentafsiran makna agar khalayak memahami teks secara berkesan. Tujuan kajian tersebut untuk mengenal pasti tanda-tanda yang dominan yang terdapat dalam novel. Kajian tersebut menjelaskan tentang tanda-tanda yang telah dikenal pasti diklasifikasikan kepada tanda pemikiran dan tanda emosi. Tujuan kajian tersebut adalah untuk menganalisis tanda pemikiran dan tanda emosi untuk mendapatkan tafsiran makna. Teori semiotik gagasan Pierce dijadikan asas model kajian. Tanda pemikiran dan tanda emosi dianalisis berdasarkan tanda ikon, tanda indeks dan tanda simbol. Berdasarkan penelitian awal dan persepsi umum, kajian ini bersifat sentrik kerana hanya menumpukan sebuah novel yang dihasilkan oleh seorang pengarang.

Mohamad Shaidan (2001) dalam disertasi sarjana Universiti Putra Malaysia yang bertajuk *Penjabaran Semiotik dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad*, mengkaji puisi Suhaimi Haji Muhammad melalui pendekatan semiotik yang dikemukakan oleh Pierce. Puisi, sebagai sebuah genre kesusasteraan Melayu yang berakar kuat daripada bentuk tradisional merupakan pilihan banyak pengarang Melayu untuk berkarya. Perlambangan Melayu tetap wujud dalam karya yang dihasilkan oleh Suhaimi Haji Muhammad. Walaupun kajian tersebut memfokuskan genre puisi, namun kerelevanan dengan kajian ini ialah teori semiotik Pierce yang digunakan. Seperti dimaklumi, Pierce melalui teori semiotiknya mementingkan proses kemunculan tanda, jenis-jenis tanda dan bagaimana tanda-tanda tersebut dapat diinterpretasikan oleh penerima tanda. Kajian

tersebut memfokuskan genre puisi. Kerelevanan kajian tersebut dilihat daripada aspek teori semiotik Pierce yang digunakan. Kajian tersebut memfokuskan puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad secara analisis semiotik. Kajian tersebut merupakan antara kajian semiotik dalam puisi yang penting di negara ini. Mohamad Shahidan merupakan antara sarjana yang kerap membentangkan kertas kerja tentang semiotik dan perbincangan melebar kepada bidang drama, cerpen dan novel. Namun demikian, disertasi tersebut tidak membincangkan secara khusus pengungkapan yang tersirat dipilih daripada pengungkapan penyair. Perkaitan kajian tersebut dengan kajian ini ialah teori semiotik Pierce yang diaplikasi selain melihat perlambangan Melayu yang tertentu. Namun demikian, kajian ini memfokuskan seorang pengarang (penyair) dalam genre puisi.

Kajian semiotik peringkat sarjana sastera di Universiti Malaya dijalankan oleh Noriza Daud (2004) bertajuk *Semiotik daripada Perspektif Islam: Konsepsi Lambang dalam Pantun Warisan Rakyat*. Kajian tersebut mempunyai sedikit persamaan dengan kajian Nureeda Salamae yang telah dibincangkan. Kajian tersebut meneliti lambang kata nama (KN) dalam *Kumpulan Pantun Melayu* yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar. Kajian lambang ditumpukan kepada penggunaan bahasa literal dan bahasa kiasan dengan pengaplikasian Model Semiotik Paling Luas (MSPL) yang diperkenalkan oleh Sanat Md Nasir. Hujahan MSPL ini berdasarkan hubungan segi tiga Pirece. MSPL melakukan sedikit modifikasi dengan menambahkan agama, iaitu al-Quran dan hadis. Seperti juga kajian Nureeda, Noriza Daud mengaplikasi bentuk pengubahsuaian teori barat, iaitu semotik Pierce kepada bentuk yang lebih bersifat ketimuran, iaitu MSPL. Noriza meneliti puisi Melayu lama dengan meneliti aspek tanda, iaitu daripada kategori lambang kata nama (KN) dalam pantun. Kajian lambang ditumpukan kepada penggunaan bahasa literal dan bahasa kiasan dengan pengaplikasian MSPL. Secara umum kajian tersebut menganalisis lambang kata nama literal mengikut

kategori lambang kata nama yang terbahagi kepada tiga iaitu konkrit, abstrak dan ghaib. Seterusnya analisis lambang kiasan dan perbandingan tema pantun agama dan kepercayaan dengan pantun peribahasa dan perbilang. Kerelevanan kajian tersebut dengan unsur simbolisme adalah perkaitan semiotik dan perspektif Islam sebagai perlambangan Melayu yang dibincangkan.

Disertasi sarjana sastera Zabidin Ismail (2003) bertajuk *Pemikiran Politik dalam Novel-novel Ahmad Boestamam* di Universiti Malaya menganalisis pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Novel-novel Ahmad Boestamam banyak membawa pengungkapan secara realisme dan membicarakan persoalan politik dalam masyarakat serta tema-tema yang lain. Namun demikian, cara pengungkapan Ahmad Boestamam berbeza dengan pengarang sezaman dengannya seperti Ishak Haji Muhammad yang membawa persoalan politik secara tersirat dan satira. Ahmad Boestamam juga diketahui umum sebagai seorang tokoh politik berhaluan kiri yang radikal di negara ini kerana terlibat aktif dalam kancah perjuangan politik tanah air pada zaman sebelum dan selepas kemerdekaan. Beliau menjadikan novel sebagai medium bagi menonjolkan fahaman dan cita-cita politiknya. Kekuatan kajian tersebut adalah kaedah kajian menggunakan gabungan analisis isi kandungan dan kepustakaan melalui pendekatan tekstual dan kontekstual. Hasil kajian menemukan kesemua sampel menonjolkan aspek-aspek pemikiran politik, iaitu nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme yang diringkaskan sebagai NAKOS disampaikan menerusi unsur-unsur intrinsik manipulatif yang dapat membentuk mesej-mesej politik baik secara tersirat, wacana naratif mahupun gambaran pengarang. Perkaitan yang jelas adalah tentang pemilihan novel politik walaupun novel-novel Ahmad Boestamam tidak banyak memperlihatkan penggunaan unsur simbolisme dan pengungkapan. Perbincangan dalam kajian tersebut juga tidak menggunakan analisis semiotik namun relevan dalam

dimensi sosiopolitik Melayu. Relevannya kajian tersebut ialah persoalan politik yang menjadi fokus dan genre novel yang dipilih.

Disertasi sarjana sastera Tengku Thyrhaya Zein Sinar (1998) di Universiti Sains Malaysia bertajuk *Ungkapan Puitika Romantik melalui Penggunaan Simbol: Perbandingan Puisi John Keats dan Sanusi Pane*. Kajian ini mengenal pasti perlambangan yang diungkapkan oleh kedua-dua penyair romantik tersebut. Analisis berpandukan persamaan dan perbezaan ungkapan-ungkapan puitika dan penggunaan simbol. Dapatan kajian ini mendapati kedua-dua penyair menggunakan tujuh simbol yang sama, iaitu simbol burung, bunga, bintang, petapa, warna hijau, warna kelabu dan warna putih. Kajian tersebut merupakan kajian kesusasteraan bandingan yang tentunya memperlihatkan dua penyair dari dua benua yang berbeza. Namun demikian, ditemui dalam pengungkapan bahawa penyair mempunyai persamaan daripada segi pemilihan subjek dan objek yang diungkapkan. Simbol-simbol atau unsure yang tersirat yang digunakan oleh kedua-dua penyair menunjukkan rapatnya seseorang pengarang atau penyair itu dengan alam yang menjadi latar pengkaryaan. Pengungkapan simbolik yang digunakan oleh pengkaji tersebut membuktikan bahawa analisis makna akhirnya membawa kepada penemuan deduktif yang semakin mengkhusus. Dalam kajian tersebut dirumuskan bahawa pengarang atau penyair tetap membawa faktor alam seperti bunga, burung dan bintang dalam karya. Kerelevanan kajian tersebut dengan kajian ini ialah perkaitan dengan makna siratan walaupun dalam genre yang berbeza.

Disertasi sarjana sastera Roslan Chin (2005) di Universiti Sains Malaysia bertajuk *Memahami Kematian dalam Novel-novel Terpilih Shahnnon Ahmad melalui Kod Budaya dan Simbolik: Satu Kajian Semiotik*, menumpukan tiga buah novel politik Shahnnon Ahmad, iaitu *Patriarch*, *Shit* dan *Pararuhi*. Fokus analisis adalah tentang kematian watak pemimpin politik menggunakan teori semiotik Roland Barthes dan perspektif Islam. Kajian tersebut mendapati bahawa kematian watak terbahagi kepada

dua, iaitu kematian memperoleh kerahmatan Allah dan kematian sebagai satu hukuman. Kajian tersebut mengambil teori semiotik namun amat dekat dengan analisis linguistik. Teori semiotik Roland Barthes juga kerap digunakan dalam pelbagai kajian dalam negara dan luar negara. Namun demikian, analisis linguistik lebih membawa kepada teori yang diperkenalkan oleh Ferdinand de Saussure namun berbeza dengan teori yang dibawa oleh semiotik Pierce. Kajian tersebut mempunyai kerelevanan dengan kajian ini kerana menggunakan novel-novel Shahnnon Ahmad. Lagi pula, ketiga-tiga novel Shanon yang dianalisis merupakan novel yang membawa tema politik dan kepimpinan. Relevan kajian tersebut adalah pengarang Shahnnon Ahmad yang dipilih dalam genre novel namun berbeza dengan judul novel yang dipilih.

Disertasi sarjana pengajian bahasa moden oleh Tan Kiat Hoe (2009) bertajuk *Refleksi Unsur-unsur Sosiobudaya Cina dalam Chengyu dari Aspek Semiotik* di Universiti Malaya, menganalisis cerminan unsur-unsur sosiobudaya cina yang tersirat dalam *chengyu* dari pendekatan semiotik, iaitu cara mentafsir tanda (*sign*) dan makna tersirat yang terkandung dalam *chengyu* itu melalui perbandingan dua tahap linguistik, yakni semantik dan pragmatik. Terdapat pelbagai jenis peribahasa Cina seperti *chengyu*, *suyu*, *yanyu*, *guanyongyu*, *xiehouyu* dan *geyan*. Jenis-jenis peribahasa ini digolongkan sebagai *shuyu*. Hasil kajian mendapati *chengyu* begitu unik dan merangkumi sistem nilai yang menunjangi kehidupan masyarakat Cina terhadap alam sekitar mereka. *Chengyu* memaparkan pelbagai falsafah, pengajaran, dan gambaran ketinggian pemikiran bangsa Cina yang disampaikan secara halus dan berkesan, bahkan berfungsi mendidik dengan cara teguran, sindiran, pengajaran dan teladan. Kajian tersebut merupakan sudut pandang semiotik dalam bidang linguistik atau lebih khusus, sosiolinguistik. Analisis semiotik yang digunakan terhadap peribahasa juga pernah dilakukan oleh pengkaji lain yang melakukan analisis terhadap peribahasa Melayu. Perkaitan peribahasa dengan tafsiran semiotik dapat menemukan hubungan antara

makna berlapis dalam pengungkapan masyarakat. Walaupun kajian tersebut menumpukan kepada peribahasa Cina, namun dapat mengesani pengungkapan dalam masyarakat yang sangat rapat dengan alam secara tersirat. Relevannya dengan kajian ini adalah bagaimana unsur budaya dan alam mempengaruhi pengarang dalam penghasilan karya.

Kajian yang merentas pelbagai disiplin telah dapat mencernakan bentuk mencapai yang luas tentang pemikiran Melayu yang membawakan makna siratan dalam pengungkapan. Penggunaan kata “simbolik” agak meluas dalam beberapa kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan maksud gaya perlambangan, kiasan dan metafora.

Dalam bahagian sorotan kajian ini juga adalah wajar untuk membincangkan berkaitan dengan pemilihan novel politik yang dipilih untuk dianalisis. Novel *Sebelas Rejab* mempunyai naratif yang dipenuhi dengan perlambangan yang menuntut renungan yang lebih jauh daripada sekadar pembacaan untuk tujuan berhibur. Kajian yang dinamakan satira ini mendapat perhatian S. Othman Kelantan (1986). Dimensi politik yang dibawa oleh pengarang dengan pengungkapan yang berkaitan dengan perihal kepimpinan, sikap manusia, perjudian, dendam dan juga tentang kesucian agama Islam. Abdul Kadir Adabi sebagai pengarang dengan latar pengalaman politik secara sadar membawakan penceritaan dalam yang menuntut tafsiran pembaca, yakni masyarakat pengungkapan yang mengandungi makna siratan yang digunakan.

Novel *Anak Mat Lela Gila* dalam kajian S. Othman Kelantan (1986: 57), dinyatakan bahawa gaya Ishak Haji Muhammad dalam penulisannya adalah licik dan pintar. Watak Bulat dengan konsep dan simbol bulat, yang dikemukakan oleh Ishak Haji Muhammad itu menepati plot novel yang merupakan “roda’ atau *perfection*. Bulat sebagai imej kesempurnaan sebenarnya telah menjalani peranan bulatan, iaitu gerakan *nature* yang lebih merupakan pergerakan radikal dan aktif. Ishak Haji Muhammad telah

menggunakan hutan rimba juga dalam novel ini dan pada satu tempat Alang telah menyebutkan bahawa “Tuan Puteri” yang menjaga Cameron Highland telah lari ke Gunung Tahan kerana tidak sanggup melihat semua kawasan yang indah itu dicabul dan dimusnahkan oleh orang asing. Penceritaan dan pengungkapan dalam novel *Anak Mat Lela Gila* banyak menggunakan perlambangan. Perlakuan, sikap, peribadi dan tindakan individu sebagai pelaku atau watak dalam sesebuah novel dapat ditafsirkan secara makna siratan. Perilaku dalam sesebuah novel dikenalpasti daripada pengungkapan dialog dan juga pernyataan naratif dalam penceritaan.

Dalam pengkajian kesusasteraan, banyak kajian berkaitan Shahnnon Ahmad telah dijalankan dari peringkat kertas kerja seminar dan juga peringkat sarjana. Mohd. Yusof Hasan (2010: 259) banyak melakukan kajian terhadap kepengarangan Shahnnon Ahmad. Beliau menyatakan bahawa membahagikan kreativiti Shahnnon Ahmad dalam penulisan iaitu tahun 1954 hingga tahun 2011. Tujuh tahap atau tujuh jenis pemikiran Shahnnon Ahmad ialah Kedesaan, Kesosiekonomian, Keagamaan, Kepolitikan, Kepancarobaan, Kemuhasabahan dan Kesufisme.

Menurut Abdullah Tahir (1989: 100), Shahnnon Ahmad menyedari bahawa bangsa Melayu hidup di tengah-tengah cengkaman feudalisme, kapitalisme, kepura-puraan dan oportunistik yang masih berkembang, tetapi seperti tidak dirasakan oleh kaum petani yang merupakan kelompok masyarakat bawahan. Pengalaman Shahnnon dibesarkan dalam suasana kehidupan petani di daerah pedalaman cukup menyedarkannya. Dengan menonjolkan persoalan tersebut dalam sesebuah novel, beliau merasakan ini boleh membuka mata masyarakat seluruhnya tentang keazaban dan penderitaan hidup kaum petani.

Fatimah Busu (2010: 259) menyatakan, bagi Shahnnon Ahmad, kesan pembangunan kota yang dimulakan dalam *Sampah*, dijadikan kesinambungan di dalam novel-novelnya yang terkemudian iaitu *Kemelut* dan *Seluang Menodak Baung*. Protes

sosial di dalam masyarakat desa di dalam kedua-dua karya ini digabungkan dengan persoalan politik yang memperlihatkan kebangkitan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat bawahan terhadap pihak yang berkuasa. Shahnnon Ahmad, pengarang penting dalam kesusasteraan moden Malaysia, seorang tokoh yang mempunyai pengalaman luas. Hasil-hasil karyanya telah menyemarakkan kesusasteraan Malaysia, memberi makna yang sinikal, mencetuskan kontroversi dan banyak menyedarkan masyarakat.

Menurut Jeniri Amir (2005: 71), tema novel *Tunggul-tunggul Gerigis* adalah tentang kepemimpinan politik murahan dengan kepemimpinan politik keunggulan. Politik murahan memperlihatkan tindak-tanduk meremehkan amanah yang dipertanggungjawabkan. Sedangkan politik unggulan lebih ekstrim dan sempit perjuangan sehingga mereka sendiri tersepit. Shahnnon Ahmad mempunyai latar kepengarangan yang luas. Beliau pernah terlibat dalam politik hingga menjadi ahli Parlimen Sik namun meninggalkannya selepas satu penggal pilihanraya. Melalui novel tersebut banyak tanda tersirat yang membawa makna kepada masyarakat. Pandangan alam masyarakat Melayu juga dapat dikenal pasti. Secara bijaksana, pengarang membawa pengungkapan tersirat untuk mengaitkan dengan situasi masyarakat.

Seterusnya perbincangan yang telah diperkatakan berkaitan dengan S. Othman Kelantan melalui novel *Nagogho Astana*. Beliau juga merupakan pencetus Gagasan Kritikan Melayu yang menjadi dasar kajian ini. Hanafi Ibrahim (2012: 339) menyatakan selain mempunyai bentuk dan teknik penulisan, novel *Nagogho Astana* secara tersirat memaparkan gejala perlakuan manusia dalam mewarnai aspirasi dan cita-cita mereka menjadi sebuah bangsa besar yang mempunyai kekuatan rohaniah di tengah-tengah pembangunan yang pesat. Novel ini mengujarkan beberapa alternatif bagaimana kekuatan makna dalaman itu dapat dibangunkan dan dimantapkan. Akhirnya kemajuan pembangunan itu seimbang dengan keluhuran akliah, budi dan budaya manusia sebagai insan. Novel ini keseluruhannya sebuah satira sosiopolitik yang mengujarkan idea

politik dan kesannya terhadap entiti dan sistem sosial. Hal ini dapat dilihat dari segi pemerihalhan sesebuah negara, ideologi, corak sistem politik, kepimpinan, isu-isu sekitar perolehan kuasa, dan kesahan kuasa dalam kalangan penguasa politik, penggulation punca kuasa, pemeraksanaan dan pemaksaan kuasa, penguatkuasaan dasar negara terhadap entiti sosial termasuk rakyat jelata, keberkesanan pelaksanaan dasar melalui institusi sosial, ekonomi, budaya dan politik, kawalan nilai, dan sebagainya. Novel ini tepu dengan wacana politik dan isu-isu sosial yang berkesan. S. Othman Kelantan seorang ahli akademik dan sasterawan yang tekun. Dengan latar peribadi dan didikan agama serta mempunyai latar kepengarangan yang luas. Beliau tidak pernah terlibat dalam politik. Gagasan Kritikan Melayu yang diaplikasi dalam kajian ini merupakan cetusan daripada beliau.

Keistimewaan novel *Nagogho Astana* yang dibincangkan dalam kajian ini daripada teknik penulisan dan juga memfokuskan tentang perlakuan manusia juga disentuh oleh Mohd Hanafi Ibrahim (2012: 339) dengan menyatakan,

Karya ini secara tersirat memaparkan gejala perlakuan manusia dalam mewarnai aspirasi dan cita-cita mereka menjadi sebuah bangsa besar yang mempunyai kekuatan rohaniah di tengah-tengah pembangunan yang pesat. Novel ini mengujarkan beberapa alternatif bagaimana kekuatan makna dalaman itu dapat dibangunkan dan dimantapkan. Akhirnya kemajuan pembangunan itu menjadi seimbang dengan keluruhan akliah, budi dan budaya manusia sebagai insan. Karya ini walaupun memiliki keistimewaan dari segi teknik, terkesan beberapa isu yang dikemukakan terlalu disuguhkan namun kesan pemikiran 'yang lain' terkandung di dalamnya menjadi alternatif untuk melaksana sesuatu tindakan dengan sewajarnya bagi mengekalkan nilai-nilai normatif yang mendasari sifat insan dan ihsan manusia. Karya ini sebagai sebuah pengalaman mendalami kepelbagaian keperibadian manusia terutama dalam lingkungan sosial politik.

Seorang lagi pengarang novel yang dibincangkan ialah Anwar Ridhwan. Muhammad Haji Salleh (2009: 33) menulis tentang biografi Anwar Ridhwan yang menurut beliau bahawa,

Masa hadapan bangsanya perlu diterokai, untuk difahami, dan dicari citra dan jiwanya. Waktu beralih, tafsiran berganda, dan pengarang tidak kekal pada gaya lama untuk merungkaikan isu terkini. Anwar berubah dengan perubahan, sering mencari pendekatan dan bentuk naratif yang baharu untuk

melukis kenyataan di hadapannya, di hadapan kita. Daripada realisme, beliau memasuki dan meneroka lorong simbolisme, dan daripada simbolisme kepada gaya yang bersalut 'realisme magis'. Waktu dilentur untuk memberikan jalan kepada kenyataan dan juga kebenaran.

Novel *Naratif Ogonshoto* menawarkan permainan makna dan lambang. Sesuai dengan zaman milenium baru yang sangat mencabar emosi dan pertimbangan intelektual masyarakat. Novel ini sebuah karya wacana politik secara intelektual dengan menggunakan perlambangan Melayu yang tegar.

Kamaruddin M.Said (2006: 14) yang memperkatakan tentang kepengarangan Anwar Ridhwan dengan mengaitkan novel *Naratif Ogonshoto* adalah hasil karya Nooru-san (nama Jepun Anwar Ridhwan), yang pernah menginap di Nakazato Komagome, Kita-ku, Tokyo dari April 1997 hingga Mac 2000.

Selain itu, Awang Azman Awang Pawi (2006: 22-26), menyatakan dalam politik wacana, kelompok marginal berusaha menentang wacana hegemoni membebaskan permainan wacana kuasa sebagaimana dapat dilihat dalam *Naratif Ogonshoto*. Terbukti dalam kalangan pemerintah masyarakat Ogonshoto, wacana adalah kekuasaan kerana setiap aturan menentukan wacana dan memperkuat norma-norma tentang aspek rasional, logik, benar dan menidakkannya bermakna tersisih daripada arus perdana.

Menurut Noriah Taslim (2013: 7), politik Ogonshoto sekali lagi tergelincir ke dalam satu kelongsong paradoks yang lain. Hegemoni politik yang tegar demikian secara tidak langsung melanjutkan politik kolonial yang cuba diroboh dan disanggh oleh negeri jajahan. Hegemoni baru ini tampil dalam satu julukan lain yang disebut sebagai neo-kolonialisme; pun sedikit berbeza daripada penjajahan kolonial yang cuba disanggh, penjajahan baru ini tampil dalam bentuk kuasa peribumi sendiri yang menindas suara marhaen dan menjerut hak asasi manusia yang dipelopori oleh demokrasi tulen.

Berkaitan kreativiti kepengarangan, Mohamad Saleeh Rahamad (2005: 74), menyatakan bahawa Anwar Ridhwan memang pakar bercerita sama seperti pakarnya

watak penglipur lara Pak Hassan dalam novelnya *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Dengan mewarisi kebebasan penglipur lara itu, Anwar hanya berperanan sebagai penyampai cerita dalam penyamaran modennya tanpa menghadirkan peringatan yang didaktik secara superfisial. Ceritanya berlangsung seperti yang kononnya berlaku sahaja dan terpulanglah kepada pembaca untuk menangkap maksud yang tersirat di sebalik setiap episod tersebut. Pengambilan kisah mitos memang menjadi kelaziman dalam sastera tradisional apabila sumber terapan yang bersifat boleh bergerak digunakan dalam teks yang pelbagai.

Kajian yang berkaitan dengan makna siratan melalui pengungkapan membuktikan bahawa cara sedemikian sangat dekat dengan masyarakat Melayu. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah dilakukan terdahulu seperti yang dibincangkan. Sehubungan itu, kajian tentang makna siratan dalam novel politik Melayu adalah wajar untuk memenuhi kelompangan yang ada.

1.8 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis berdasarkan teori (gagasan) yang dipilih.

1.8.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, iaitu dengan merujuk teks mengaplikasikan Gagasan Kritikan Melayu. Karya-karya, iaitu lima buah novel bertema politik. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan, iaitu dengan merujuk kepada kajian perpustakaan. Bahan-bahan diperolehi daripada tesis-tesis,

disertasi-disertasi, buku-buku, jurnal-jurnal, dan lain-lain bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Menerusi kaedah analisis kandungan ini, maklumat secara kualitatif digunakan bagi mengenal pasti penggunaan unsur-unsur perlambangan, yang difokuskan dengan istilah makna siratan dalam novel-novel yang dipilih.

Kerangka teoretikal kajian dibina berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Terdapat dua langkah analisis teks dilaksanakan iaitu:

Pertama, membahagikan analisis kepada tiga dimensi, iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Kedua, menganalisis makna siratan dengan menjelaskan makna dan mengaitkannya dengan prinsip-prinsip dalam Gagasan Kritikan Melayu. Petikan teks diambil untuk memperincikan analisis. Pengungkapan ditafsir dalam konteks kritikan terhadap individu dan masyarakat. Pengungkapan yang mempunyai makna siratan ini akan dirumuskan kembali secara induktif (khusus kepada umum) untuk mengumpulkan sebagai idea utama.


1.8.2 Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu

Kajian ini berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu yang diperkenalkan oleh Syed Othman Syed Omar atau S. Othman Kelantan. Analisis memfokuskan tiga dimensi, iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam yang membincangkan makna siratan daripada pengungkapan dalam novel-novel yang dipilih. Makna siratan merujuk kepada perlambangan yang sedia difahami dan membawa tafsiran. Terdapat beberapa istilah yang membawa perkaitan dengan makna siratan termasuklah perlambangan, kiasan, metafora, alegori dan ironi. Pengertian asas tentang perlambangan antaranya dikemukakan dalam kalangan tokoh-tokoh semiotik terutama dalam bidang linguistik dan kesusasteraan. Karya sastera merupakan sistem tanda yang mempunyai makna yang

menggunakan medium bahasa. Bahasa sebagai medium karya sastera merupakan sistem simbolik, iaitu sistem ketandaan yang mempunyai makna.

Gagasan Kritikan Melayu dipilih kerana terdapat kesesuaian antara prinsip gagasan tersebut dengan pengungkapan yang mengandungi makna siratan dalam teks yang dianalisis. Kerangka teoretikal dipermudah dalam bentuk gambaran rajah di bawah.

University of Malaya



Rajah 3: Kerangka Teoretikal Kajian Makna Siratan dalam Novel Politik Melayu

1.9 Organisasi Bab

Kajian ini mengandungi tujuh bab. Bab 1 merangkumi bahagian Pengenalan diikuti dengan Permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Batasan Kajian, Kepentingan Kajian, Tinjauan kajian lepas, Metodologi kajian, Organisasi bab dan Kesimpulan.

Bab 2 mengandungi perbincangan tentang novel politik Melayu diikuti latar belakang lima pengarang bagi lima buah novel yang dibincangkan.

Bab 3 memfokuskan kepada Makna Siratan dan Gagasan Kritikan Melayu yang diaplikasi dalam kajian ini. Perbincangan secara terperinci dijalankan untuk menjelaskan konsep dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam gagasan tersebut. Sepuluh prinsip yang terdapat dalam gagasan ini disaring kepada bahagian utama yang kemudiannya difokuskan kepada tiga dimensi untuk analisis teks iaitu dimensi perilaku, peristiwa dan unsur alam.

Bab 4 tertumpu kepada analisis makna siratan dimensi perilaku dalam teks yang dipilih berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Analisis dimulakan dengan Makna Siratan Dimensi Perilaku dalam Novel *Sebelas Rejab*, diikuti Makna Siratan Dimensi Perilaku dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*, Makna Siratan Dimensi Perilaku dalam Novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, Makna Siratan Dimensi Perilaku dalam Novel *Nagogho Astana* dan Makna Siratan Dimensi Perilaku dalam Novel *Naratif Ogonshoto* diakhiri dengan Kesimpulan.

Seterusnya Bab 5 tertumpu kepada analisis makna siratan dimensi peristiwa dalam teks yang dipilih berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Analisis dimulakan dengan Makna Siratan Dimensi Peristiwa dalam Novel *Sebelas Rejab*, diikuti Makna Siratan Dimensi Peristiwa dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*, Makna Siratan Dimensi Peristiwa dalam Novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, Makna Siratan Dimensi Peristiwa

dalam Novel *Nagogho Astana* dan Makna Siratan Dimensi Peristiwa dalam Novel *Naratif Ogonshoto* diakhiri dengan Kesimpulan.

Bab 6 menumpukan kepada analisis makna siratan dimensi unsur alam dalam teks yang dipilih berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Analisis dimulakan dengan Makna Siratan Dimensi Unsur Alam dalam Novel *Sebelas Rejab*, diikuti Makna Siratan Dimensi Unsur Alam dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*, Makna Siratan Dimensi Unsur Alam dalam Novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, Makna Siratan Dimensi Unsur Alam dalam Novel *Nagogho Astana* dan Makna Siratan Dimensi Unsur Alam dalam Novel *Naratif Ogonshoto* diakhiri dengan Kesimpulan.

Akhir sekali, Bab 7 akan membentangkan rumusan dan mengemukakan dapatan yang diperoleh daripada analisis yang dilakukan. Dapatan-dapatan ini akan menjelaskan bahawa makna siratan yang dibawakan relevan dengan Gagasan Kritikan Melayu. Bahagian ini turut menjelaskan perbincangan umum sebagai satu rumusan dan memberikan input baharu sebagai cadangan kajian lain.

1.10 Rumusan

Politik dalam konteks kajian ini ialah siasah manusia mempunyai peranan yang amat baik untuk melestarikan sesuatu peradaban. Politik berlangsung secara terus-menerus dalam masyarakat sekecil-kecilnya bermula di rumah, dalam masyarakat komuniti seperti kampung, perbandaran malah ke peringkat lebih besar, iaitu negara dan antarabangsa. Penggunaan simbol secara berbahasa lisan atau penulisan sangat rapat perkaitannya dengan kiasan, perlambangan, metafora atau perumpamaan ini berbagai-bagai bentuk dan caranya.

Para pengarang tentunya tidak dapat mengelak daripada pengaruh politik dalam masyarakat untuk dimasukkan dalam karya. Persoalan politik dalam kesusasteraan tidak sempit pada persoalan pilihan raya dan hujahan parlimen semata-mata, malah lebih jauh membawa persoalan kemanusiaan itu sendiri, selain ketuhanan dan hal-hal yang berkait dengan masa hadapan sesebuah negara, bangsa dan agama. Persoalan ini tidak begitu banyak diungkapkan oleh para sasterawan secara serius berbanding persoalan atau tema-tema yang lain dalam karya-karya sastera.

Hasil kesusasteraan yang baik selalu dapat membantu membijaksakan sikap pembaca, memantapkan kehidupan dengan keluasannya serta membuka mata hati khalayak pembaca melihat sudut kehidupan yang penuh rahsia. Secara indah dan berkesan, kesusasteraan yang baik membijaksakan manusia dalam segala tindakannya. Kajian makna siratan dalam novel-novel politik Melayu ini penting untuk mengesani keistimewaan orang Melayu melalui pengungkapan para pengarang dari zaman ke zaman. Melalui pengkaryaan, pengarang Melayu membawakan sindiran, kiasan, perlambangan yang juga merupakan satu sindiran, teguran dan kritikan terhadap masyarakat.

Analisis makna siratan yang difokuskan dalam kajian ini adalah berdasarkan pengungkapan dalam novel-novel politik Melayu yang dipilih. Pengungkapan dalam novel dikeluarkan secara berasingan bermula dengan dua buah novel awal iaitu pada era sebelum kemerdekaan diikuti dengan tiga buah novel selepas kemerdekaan hingga milenium baru. Tiga dimensi yang akan dibincangkan berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu adalah makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam.

BAB 2: NOVEL POLITIK MELAYU DAN LATAR BELAKANG PENGARANG

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan tentang novel politik Melayu, khususnya di Malaysia dan latar belakang lima orang pengarang novel yang dipilih. Pengaruh latar para pengarang ini mempunyai kaitan pengalaman dan hubungan pemikiran pengarang tersebut dengan teks yang dihasilkannya melalui pengungkapan, iaitu karya tulisan berbentuk novel yang dibincangkan.

Selain itu, ditelusuri sejarah penulisan novel di Malaysia yang bermula dengan hikayat dan lebih awal daripada itu, daripada cerita-cerita lisan. Terdapat berbagai-bagai tema dan persoalan yang dibawakan oleh para pengarang dalam hasil karya novel. Namun demikian, terdapat pengarang-pengarang yang lebih cenderung mengangkat permasalahan masyarakat secara serius termasuk perihal politik. Lebih mendalam daripada itu, novel-novel politik tersebut, dibawakan secara tersirat dalam penceritaan dan pengungkapan.

2.2 Novel Politik Melayu

Kamus Oxford (1994: 18) memberikan pengertian politik yang lebih komprehensif dan menyeluruh iaitu, ilmu dan seni kerajaan, ilmu yang berkait dengan bentuk, organisasi dan pentadbiran negara atau sebahagian darinya dan dengan peraturan perhubungannya dengan negara-negara lain.

Harold Lasswell (1958: 204) mengatakan politik bermaksud;

Who gets what, when, how. At the expense of its elegance of pasimary, we might embellish a little as: Who get what, when, how and whose expense.

The last phrase is added to make it explicit that politics is concerned with the distribution not only of the benefits derived from the use or consumption of goods and services but also the costs required for their production and supply.

Haswell menjelaskan bahawa politik mempunyai kaitan dengan kuasa, siapa mendapat apa, bila dan bagaimana. Politik tidak terpisah dengan kuasa untuk membahagikan kesamarataan, namun pembahagian atau pengagihan itu mendapat timbal balik kepada yang memberi, yakni yang berkuasa.

George B. de Huszar dan Stevenson T. H. (1951:1), memberi penjelasan bahawa politik berhubung kait dengan pemerintahan, cara memperoleh kuasa dalam pelbagai organisasi manusia yang formal atau tidak formal seperti di luar bandar, bandar, negeri, negara atau dunia antarabangsa. Politik melibatkan unsur-unsur penting, iaitu negara, kekuasaan, pemerintahan, fakta-fakta politik (isu-isu politik), kegiatan politik dan organisasi masyarakat, yang diperkukuhkan oleh kumpulan atau individu yang bersaing untuk merebut kuasa atau mengekalkan kuasa dengan pelbagai cara sama ada yang bersifat positif atau negatif.

Setiap bangsa di dunia ini mempunyai identiti yang tersendiri dari segi bentuk fizikal, mahupun tentang amalan hidup, pemakanan, pakaian, dan juga bahasa yang dituturkan. Demikian masyarakat Melayu yang menetap di Tanah Melayu yang kemudiannya ditukar menjadi Malaysia. Menurut Abdul Rahman Ismail (2006: 6), takrif “Melayu” dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 memantapkan gagasan kebangsaan Melayu yang berteraskan budaya kepada martabat undang-undang dan politik. Menurut takrif ini, seseorang itu adalah Melayu sekiranya dia lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu, menganuti agama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu.

Namun begitu, apabila takrif ini diserapkan sebagai sebahagian daripada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, satu syarat baru, iaitu tempat kelahiran pula dimasukkan lalu menjadikan makna Melayu terikat kepada suatu kawasan politik yang khusus, iaitu Persekutuan Tanah Melayu dan

Singapura. Bangsa politik bermaksud bangsa atau kebangsaan yang dicipta secara sedar oleh sekumpulan manusia yang mungkin berbeza keturunan dan budaya tetapi menganggap diri mereka secara kolektif satu bangsa yang berdaulat yang memiliki tanggungjawab memelihara negara dan kedaulatan politik mereka bersama.

Menurut Jeniri Amir (2005: 97), ilmu politik sebagai ilmu yang memusatkan perhatian pada perjuangan untuk memperoleh dan mempertahankan kekuasaan, melaksanakan kekuasaan. Ilmu politik mempelajari hal-ehwal yang berkaitan dengan kekuasaan dalam masyarakat, termasuk sifat, hakikat, dasar, proses dan ruang lingkup dan kesan-kesan kekuasaan.

Novel Melayu berkembang semenjak tahun 1920-an. Namun sebelum itu, hasil kreativiti Melayu ditemui dalam penceritaan berbentuk hikayat, kitab sejarah, ketatanegaraan, cerita rakyat, syair dan pantun. Novel politik Melayu pula merujuk kepada novel-novel yang membawakan persoalan politik dalam keseluruhan persembahan novel tersebut. Novel-novel ini dihasilkan oleh para pengarang yang lahir dan hidup dalam masyarakatnya. Segala pandangan dan kritikan terhadap masyarakatnya, khususnya tentang hal yang berkaitan dengan politik dibawakan dalam bentuk sinis, kiasan mahupun secara berterus terang.

Para pengarang adalah pengkritik zaman yang merakamkan tanggapan dan kritikan terhadap persoalan politik dan kepemimpinan politik yang mempunyai plot atau perjalanan ceritanya yang penuh konflik dan kronik. Lantaran itu pengarang yang peka, komited dan bertanggungjawab terhadap masyarakatnya tidak akan mahu memisahkan dirinya daripada pergolakan sosiopolitik tanah air. Perkembangan dan pergolakan politik sering dimanfaatkan dalam karya oleh pengarang yang bertanggungjawab dan sensitif. Politik menjadi subjek yang menarik untuk diperkatakan, termasuk dalam novel.

Kamaruddin M. Said (2006: 7) menyatakan sastera Melayu moden telah berkembang melalui beberapa fasa berdasarkan persekitaran dan budaya yang menjadi

konteks kelahirannya, iaitu Fasa Kolonial, ditandai dengan kelahiran teks karya Abdullah Munshi, terutamanya *Hikayat Abdullah* pada tahun 1849, diikuti Fasa Nasionalisme dengan karya Ishak Haji Muhammad, *Putera Gunung Tahan* dan lain-lain. Seterusnya adalah Fasa Merdeka atau Fasa Pascanasionalisme zaman Asas 50, Keris Mas dan lain-lain diikuti Fasa Integrasi (perpaduan), antaranya novel *Interlok*, Abdullah Hussain. Kemudian Fasa Pembangunan dengan pelbagai kisah dan budaya masyarakat, kemiskinan dalam karya Shanon, A.Samad Said, Arenawati, Anwar Ridhwan dan lain-lain. Yang terakhir, Fasa Pascapembangunan yang ditandai dengan kelahiran teks yang menampilkan pelbagai makna baru kepada para pembacanya. Hasil karya seperti *Sukma Angin* dan *Naratif Ogonshoto*.

Persoalan politik dalam masyarakat telah dikemukakan dalam banyak karya termasuk dua karya perdana Melayu, iaitu *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* dan *Hikayat Hang Tuah*. Setiap perkembangan politik yang melibatkan peristiwa tertentu mempengaruhi pengarang secara langsung atau tidak langsung.

Novel-novel berunsur politik adalah novel yang membawa isu masyarakat terutama perihal politik, yakni siasah manusia. Sepanjang hampir lapan dekad perkembangan kesusasteraan Melayu moden, tidak banyak novel yang mengkhusus kepada penceritaan dan perbincangan politik. Tambahan pula kesannya tidak begitu digemari oleh pihak pemerintah jika persoalan yang dibawakan bertentangan dengan dasar dan perlembagaan sesebuah negara. Perspektif politik dalam novel-novel Melayu termasuk karya-karya tradisional Melayu adalah berpandukan pandangan pengarang itu sendiri yang berbangsa Melayu. Para pengarang Melayu tinggal dalam masyarakat yang dilingkungi budaya politik yang telah berakar-umbi.

Menurut Jeniri Amir (2005: 52) antara novel politik yang pernah mendapat perhatian ialah *Langkah Kiri* yang ditulis oleh Yahya Ismail. Novel berunsur satira ini menggunakan ayam jantan, bapa ayam dan tahi ayam sebagai cara menempelak orang

politik yang penuh dengan kepalsuan. Seman Botak mengetuai Parti Unta Melengung di Kampung Luruh. Seman Botak dan rakan-rakan seperti Idrus, Husain dan Rahim Yengki lebih berpengaruh berbanding penghulu kampung kerana pembabitan mereka dalam politik. Politik peringkat kampung bergolak dengan bermacam-macam skandal, termasuk cinta, maksiat, zina, komplot, konspirasi dan tipu muslihat untuk menjatuhkan lawan.

Selain itu, bentuk kritikan berkaitan pemimpin dalam novel politik dekad 1970-an dibawakan dalam novel *Sandera* karya Arenawati. Pertelagahan ideologi dalam kalangan tokoh dengan pemimpin politik Melayu dilukiskan melalui watak Badar dan rakan seperjuangannya yang lebih banyak dikuasai emosi, berbanding Hakim Mahmud dan Busad yang lebih waras.

Demikian juga dengan novel *Pulanglah Perantau* (1971) karya Aziz Jahpin mencernakan persoalan penentangan bangsa Melayu terhadap Malayan Union. Malayan Union merupakan strategi Inggeris untuk menghakiskan kedaulatan dan ketuanan Melayu di tanah air mereka sendiri. Dalam novel ini, pengarang mendedahkan strategi tipu muslihat Inggeris dalam soal kekuasaan mereka, termasuk segi ketenteraan. Novel ini merupakan kritikan tajam Aziz Jahpin sebagai pengarang terhadap tindakan jahat Inggeris yang menindas dan menafikan kaum Melayu daripada mendapat pendidikan moden.

Novel *Juara* (1974) karya S. Othman Kelantan merupakan novel yang penuh siratan dengan mengemukakan pertandingan laga lembu yang menggambarkan persaingan dalam kalangan tokoh politik tanah air. Seperti dalam politik, pertandingan laga lembu juga mempunyai pelbagai cara dan tipu muslihat bagi melemahkan dan menewaskan lawan. Dalam apa-apa perlawanan, termasuk laga lembu dan politik, kemenangan merupakan matlamat utama, baik dalam pertandingan itu sendiri mahupun

dalam memenuhi matlamat akhirnya, dari segi melonjakkan status dan meningkatkan kuasa serta kemewahan.

Novel Shahnnon Ahmad (1988) yang bertajuk *Tunggul-tunggul Gerigis* membawa persoalan politik secara tersirat. Novel ini mengisahkan Su Usul yang dianggap sebagai “tunggul-tunggul gerigis” ketika menghadapi pergolakan anak cucu dan penduduk Poseng. Su Usul menghadapi dua golongan yang bertentangan ideologi politik. Akibat perbezaan politik, Poseng musnah sama sekali. Melalui kekuatan politik, PBB bertindak ganas tanpa batasan kemanusiaan terhadap PSS dengan menggunakan tentera dan kemaraan api. Kemudian berlaku perpecahan dan permusuhan ummah yang begitu dahsyat.

Selain itu, novel Shahnnon Ahmad lain yang dikaitkan dengan politik ialah *Sutan Baginda* (1989). Novel ini secara tidak berselindung mengkritik dan membidas pemimpin politik tanah air sama ada dalam pemerintahan ataupun di luar pemerintahan. Pertentangan politik dan permasalahan politik dalam novel ini ialah cerminan realiti politik tanah air. Permasalahan itu termasuk menggunakan perempuan untuk menjatuhkan ahli politik, kutuk-mengutuk dan gejala politik wang. Sebagai sasterawan yang komited terhadap Islam, Shahnnon menjatuhkan hukuman keras terhadap Sutan Baginda yang sudah lupa akan ajaran agama dengan melakukan kemungkar, Sutan Baginda yang kaki perempuan, kaki judi, mempermainkan ayat Allah dan hidup penuh hipokrit dan melakukan penyelewengan akhirnya menjadi manusia yang hilang dimensi kerohanian. Bagi Sutan Baginda, politik ialah pentas sandiwara untuk mengejar kuasa, pengaruh dan mendapatkan nama. Dia berpura-pura dalam kehidupan seharian di hadapan masyarakat dengan menjaga imejnya. Walaupun mempunyai dua orang isteri, dia tetap melakukan zina dengan perempuan simpanannya, Fidah.

Karya cerita pendek (cerpen) juga menjadi ruang untuk para pengarang menyalurkan pemikiran dan kiasan politik mereka. Dalam makalah Mohamad Daud

Mohamad (2000: 69-73) dinyatakan bahawa membaca, meneliti dan menyelami cerpen “Piem” karya Shanon Ahmad (tersiar Dewan Sastera, 1993) dan “Maharaja Beruk” karya Yahaya Ismail (tersiar Dewan Sastera, 1988) dalam *Dewan Sastera* merupakan pertemuan yang menuntut kejujuran dan keberanian. Judul “Piem” yang diasosiasikan dengan dua huruf besar, iaitu P dan huruf M, menggegarkan sebahagian besar penganalisis dan pengkritik sastera serta ahli politik Malaysia dengan pelbagai tanggapan yang lebih menjurus kepada unsur negatif. Sebagai karya kreatif, kedua-dua buah cerpen ini mendukung cakerawala kekreatifan pengarangnya dalam meneropong peta manusia dan politik Malaysia ketika itu. Tentang punca kekeruhan politik di Malaysia pada waktu kedua-dua buah cerpen itu diadun, tidak sewajarnya kedua-dua pengarang ini dipandang serong.

2.3 Pengungkapan Pengarang melalui Novel Politik

Menurut Umar Junus (1988: 65), tidak dapat ditolak bahawa karya sastera adalah fenomena sosial. Hal ini dapat terlihat pada bagaimana proses menghasilkan suatu karya sastera, sesuatu yang berhubungan dengan penghasilan karya sastera. Hakikat ini telah difahami dan diakui. Seterusnya Umar Junus menyatakan bahawa keadaan tersebut dapat terlihat pada hasil itu sendiri, tentang apa yang dikemukakan dalamnya. Jadi sesuatu yang berhubungan dengan karya itu sendiri. Atau mungkin juga berhubungan bagaimana orang menerimanya, kerana berhubungan dengan sosial, mengkomunikasikan sesuatu kepada “orang lain” yang tidak pernah pasti jumlahnya. Semuanya akan berhubungan dengan manusia.

Awang Azman Awang Pawi (2015, 58-61), menyatakan bahawa kritikan sastera cenderung mengaitkan aspek konteks biografi pengarang apabila melakukan interpretasi

teks. Kehadiran pengarang dalam sesuatu masyarakat seperti satu hikmah. Pengarang mencatat perihal masyarakat yang dilihat dan kehidupan yang dialaminya. Terdapat juga, individu luar dalam sesebuah masyarakat yang hadir sebagai pemerhati, yang kemudiannya menulis tentang masyarakat yang dilihat, dikunjungi dan dinikmatinya. Antaranya Frank Swettenham¹ yang datang ke Tanah Melayu (Malaysia) bertugas sebagai pentadbir sempat menghasilkan cerita-cerita tentang masyarakat Melayu.

Menurut Frank Swettenham (2003:1);

Jika kita ingin memahami orang Melayu, kita perlu tinggal di negerinya, bertutur bahasanya, menghormati agamanya, meminati apa yang diminatinya, melayan apa yang disukai dan yang tidak disukai, bersimpati dengannya dan menolongnya dalam kesusahan, sama-sama merasai keseronokan dan mungkin juga menanggung kerugiannya. Hanya dengan cara inilah kita mendapat kepercayaannya. Dan hanya dengan kepercayaannya inilah kita dapat memahami jiwanya, dan pengetahuan seperti ini hanya boleh didapati oleh orang-orang yang diberi peluang tersebut dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya.

Frank Swettenham mengakui bahawa masyarakat Melayu yang diperhatikannya peka dengan alam sekitar, gemar dan memahami kiasan dan simbolik pada kata-kata.

Hal ini dinyatakan oleh Swettenham (2003: 6);

Pada amnya wanita Melayu terutama dari golongan baik-baik amat pandai bertutur, cekap bersoal jawab, pandai berjenaka, cepat sekali memahami makna di sebalik kata-kata kiasan yang memang sentiasa menjadi bunga percakapan mereka.

Menurut Swettenham lagi;

Hanya dengan cara inilah kita mendapat kepercayaannya. Dan hanya dengan kepercayaannya inilah kita dapat memahami jiwanya, dan pengetahuan seperti ini hanya boleh didapati oleh orang-orang yang diberi peluang tersebut dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Orang Melayu pantang menerima sebarang penghinaan, padanya hal ini harus dihapuskan sekalipun dengan pertumpahan darah. Jika dia merasa maruahnyanya

¹ Frank Swettenham (1850-1946) menulis buku *Malay Sketches* (1884) diterbitkan oleh Graham Brash (Pte Ltd.), Singapura. Terjemahan dalam bahasa Melayu oleh Zubaidah Ibrahim dengan judul *Perihal Orang Melayu* diterbitkan Penerbit Universiti Malaya, 2003. Sebuah lagi buku yang mengumpulkan karya beliau ini ialah *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches*, pilihan dan kata pengenalan oleh William R. Roff, terbitan Oxford University Press (1967). Frank Swettenham tiba di Singapura pada tahun 1871 sebagai kadet bagi Jajahan Negeri-negeri Selat, dan mempelajari bahasa Melayu dengan seorang Munshi bernama Mohammed Said. Pada tahun 1896, beliau telah dilantik menjadi Resident General yang pertama bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan telah memilih Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbirannya.

dicemarkan, sama ada hal itu betul atau tidak, dia menyimpan perasaan itu dalam hatinya sehingga dia dihantui dengan niat untuk menuntut bela. Kalau tidak dapat dituntutnya ke atas orang yang menghina itu, dia menyerang sesiapa sahaja yang pertama ditemui, tidak kira lelaki atau perempuan, tua atau muda.
(2003 : 3)

Kritikan terhadap masyarakat disampaikan dalam perkara yang berkaitan dengan budaya, amalan masyarakat dan bidang-bidang lain yang diceburi oleh anggota masyarakat. Namun demikian, unsur politik sering mendapat perhatian para pengarang menyampaikan teguran dan kritikan terhadap masyarakatnya. Politik sentiasa hadir dalam urusan kehidupan manusia seharian. Setiap masyarakat tidak dapat mengelakkan politik sebagai salah satu yang melengkapinya kelangsungan hidup, sama ada disukai atau tidak.

Para pengarang cenderung untuk menghasilkan karya berdasarkan situasi politik masyarakatnya. Talib Samat (2010: 111) yang mengkaji naratologi novel-novel Shahnnon Ahmad menyatakan isu-isu politik semasa boleh digunakan oleh pengarang dengan tujuan untuk menghubungkan psikologi dan pengalaman pembaca, khususnya ingatan, pemahaman dan pengertian pembaca, terhadap sesuatu isu politik sebenar berlaku sewaktu sesuatu karya itu dihasilkan oleh seseorang pengarang.

Isu-isu politik semasa yang dibawakan dalam penulisan sebagai strategi naratif dapat menimbulkan kesedaran politik terhadap aspek-aspek tertentu di hati pembaca, berfungsi menggerakkan minda pembaca supaya segera mengingati dan mentafsirkan peristiwa atau kejadian sebenar yang berlalu sama ada yang melibatkan hal politik, ekonomi, agama dan sebagainya. Pengarang yang kreatif menterjemahkan tafsirannya terhadap sesuatu peristiwa dan isu politik berasaskan pengalamannya tentang isu tersebut, ramalan dan firasatnya, pembacaannya dan penceritaan orang kepadanya secara langsung dan tidak langsung.

Dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid II* (1990) dinyatakan bahawa novel-novel Melayu memberikan keupayaan kepada dua zaman utama, yang masing-masing zaman itu pula memiliki dua tahap perkembangan yang berbeza, iaitu Tahap Sebelum Kemerdekaan yang merangkumi jangka waktu period 1946 hingga 1949 dan period tahun-tahun 1950-an. Tahap kedua ialah Tahap Zaman Kemerdekaan yang terdiri daripada period tahun-tahun 1960-an, 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Milenium baru selepas tahun 2000, meneruskan period selepas kemerdekaan semakin merancakkan tradisi pernovelan Melayu.

Hikayat Hang Tuah, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan tiga buah karya Melayu tradisional yang kaya dengan simbolik atau perlambangan termasuk suasana politik masyarakat ketika itu. Tafsiran juga boleh dikaitkan dengan suasana politik sepanjang zaman. Namun demikian, masyarakat Melayu tradisional tidak dilatih supaya bersifat kritis secara terbuka terhadap kepincangan-kepincangan yang wujud dalam masyarakatnya. Sungguhpun terdapat penggunaan unsur-unsur perlambangan dan sindiran dalam karya-karya tertentu, ketepatan sasarannya masih merupakan sesuatu yang tidak jelas.

Dengan demikian seperti telah disebutkan berkaitan ilmu filologi, antara yang pernah mengkritik orang-orang dalam kalangan bangsanya sendiri, pada abad ke -19 hanyalah Abdullah bin Abdul Kadir atau dikenali dengan nama Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji. Memerhati kembali pada apa yang dinyatakan, pendapat-pendapat itu mestilah dipertimbangkan dalam konteksnya.

Dalam *Sulalatus Salatin*, sebelum Tun Mamat sampai ke puncak Gunung Ledang, pembaca telah mengetahui sama ada angkatan peminangan itu berjaya atau gagal melalui petanda-petanda yang diberikan oleh pengarang. Dengan menggunakan unsur tersirat tertentu, pengarang menyediakan helah supaya Sultan Melaka terselamat maruahnyanya kerana pinangannya ditolak secara halus. Baginda dikatakan mampu

menyediakan semua syarat, jambatan emas, jambatan perak dan seterusnya, kecuali semangkuk darah puteranya. Walaupun syarat-syarat lain itu pun tidak mungkin dipenuhi, tetapi fokus ditujukan hanya pada syarat itu sahaja (Siti Hawa Salleh, 1997: 164).

Demikian juga dalam *Hikayat Raja Pasai* mengemukakan sindiran yang tidak kurang bahangnya dalam bentuk soalan dan jawapan antara Sultan Ahmad dengan menterianya, apabila Sultan mencari justifikasi untuk memuaskan nafsunya. Tradisi penulisan karya prosa menuju ke arah kemodenan seiring peredaran zaman. Novel Melayu terawal yang dikenalpasti ialah *Hikayat Panglima Nikosa* karya Ahmad Syawal bin Abdul Hamid (Thomas, 1983 dalam S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir, 2003: 11) yang menyatakan “tercap di atas batu di dalam negeri Sarawak di Kuching, di atas Bukit Persinggahan kepada 8 haribulan Jamadilakhir sanat 1293 kepada 3 hari bulan Jun 1876.”

Karya ini merupakan khazanah kesusasteraan Melayu yang mengalami zaman transisi, iaitu daripada hikayat dan lipur lara kepada novel. 46 tahun setelah *Hikayat Panglima Nikosa*, dalam tahun 1922 lahir novel saduran yang berjudul *Kecurian Lima Million Ringgit* karya Haji Muhammad bin Muhammad Said dari Kelantan. Novel ini bercorak detektif dan plotnya dijalin dengan cermat agar sesuai dengan cerita penyiasatan (S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003: 14). Dua tahun kemudian lahirlah sebuah novel berjudul *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Syeikh al-Hadi yang diterbitkan dalam tahun 1925 (jilid pertama) dan 1926 (jilid kedua). *Hikayat Faridah Hanum* menjadi batu tanda perubahan yang besar dalam sejarah perkembangan novel Melayu. Temanya ialah tentang emansipasi wanita yang disampaikan lebih kompleks dan berbeza daripada dua buah novel terdahulu. Oleh sebab *Hikayat Faridah Hanum* menyuarakan pandangan yang sedang dialami oleh masyarakat Melayu, maka novel ini

dianggap sebagai “sebuah karya yang tujuan utamanya untuk mereformasikan masyarakat Melayu” (Mohd Taib Othman, 1974: 365).

Selain itu, sebuah lagi novel penting dekad 1920-an ialah novel *Iakah Salamah?* (1929) karya Ahmad bin Muhammad Rashid Talu. Novel ini masih mengembangkan unsur-unsur struktur secara naratif dan memilih watak wanita sebagai watak penting (Mohd Taib Othman, 1974: 336, Li Chuan Siu, 1970: 15). Sebelum *Iakah Salamah?* yakni pada tahun 1927 wujud dua buah novel, iaitu *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* karya Ahmad Kotot dan *Mencari Isteri* karya Muhammad Yusof Ahmad. Dalam tahun 1927, *Majalah Guru* telah menyiarkan novel *Mencari Isteri* secara bersiri. Ahmad bin Ismail (1923-1926) dan *Al-Hikmah* (1934-1941) telah menyiarkan secara bersiri tiga buah novel Abdul Kadir Adabi bin Ahmad yang berjudul *Acuman Mahkota* (1937), *Melati Kota Bharu* (1939) dan *Sebelas Rejab* (1938). Seorang pengarang yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu ialah Ishak Haji Muhammad atau dikenali sebagai Pak Sako yang menghasilkan novel berbentuk satira berjudul *Putera Gunung Tahan (PGT)* (1937) dan *Anak Mat Lela Gila (AMLG)* (1941). Menurut S.Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003: 34-35) karya Ishak Haji Muhammad, iaitu *PGT* dan *AMLG* merupakan novel satira dan simbolik tentang kebangkitan semangat nasionalisme Melayu dan penyuburan semangat kemerdekaan.

Menurut Hashim Ismail (2010: 107), novel-novel awal Melayu termasuk sembilan pengarang yang dikaji oleh beliau membawa persoalan seperti percintaan, pemodenan wanita, menentang kepercayaan dan adat yang kolot dan krisis moral. Namun begitu, dua persoalan utama yang sangat berkaitan dengan dimensi politik ialah menyeru kemajuan pendidikan dan kesedaran semangat kebangsaan. Dimensi politik yang diungkapkan oleh pengarang-pengarang Melayu terawal ini disampaikan secara berpesan-pesan dengan usaha untuk membangkitkan semangat anak negeri supaya bangkit bersama-sama memperbaiki nasib bangsa. Ancaman besar daripada pihak penjajah

bukan hanya dilihat dari segi ancaman politik tetapi telah menular pada persoalan nilai-nilai dan adat kesopanan Timur.

Pada penghujung dekad 1990-an, suasana politik negara agak tergugat dengan gerakan reformasi dan suara kritikan terhadap pemerintah. Dekad ini juga munculnya novel yang bersifat semasa dan keras bernada satira seperti *Shit* (1999) oleh Shahnnon Ahmad. Kemunculan novel ini pada Mac 1999 dengan catatan *P***** @ PM (Novel Politik Yang Busuk Lagi Membusukkan)* di sebelah dalamnya adalah sebagai reaksi langsung pengarang terhadap pemecatan Timbalan Perdana Menteri oleh Perdana Menteri ketika itu. Novel *Shit* memfokuskan perhatian terhadap pelbagai penyelewengan yang dilakukan oleh PM dalam organisasi barisan tahi yang ingin terus berkuasa. PM dicabar oleh seketul tahi bernama Wirawan yang berani memprotes dasar-dasar PM yang hanya menjaga kepentingan dirinya sendiri, kroni dan kaum kerabatnya sahaja.

Tema novel *Shit* diperincikan menerusi persoalan-persoalan yang dikemukakan iaitu kekotoran dan kebusukan tingkah laku orang-orang politik, perjuangan PM dan pengikutnya berjuang untuk mengekalkan kedudukan mereka dan berjuang menyingkirkan Wirawan daripada lubang keramat, perjuangan Wirawan dan pengikutnya menuntut keadilan (Talib Samat, 2010: 118).

Dekad 2000 dimulai dengan novel-novel sosiopolitik yang kaya dengan pertimbangan kebijaksanaan melalui permainan metafora dan perlambangan. Ini dibuktikan dengan novel *Naratif Ogonshoto* (2001) oleh Anwar Ridhwan. Faisal Tehrani melalui *1515* (2002) dan *Bedar Sukma Bisu* (2008) antara karya yang penting dalam dekad 2000-an. Demikian juga dengan Sri Rahayu Mohd Yusop dalam novel remaja *Bukan Legasi Lalang* (2001) dan *Kasih Nan Agung* (2008). Terdapat lagi beberapa nama yang perlu diberi perhatian dalam tradisi pernovelan Melayu milenium baru ini. Pengungkapan yang tersirat dalam karya-karya awal Melayu dapat dibuktikan, seperti mana menurut Muhammad Haji Salleh (1996: 111), melalui pantun, mantera,

cerita-cerita dan epistemologi asas membuktikan bahawa manusia Nusantara ini bukan saja penghuni alam yang setia tetapi juga adalah perenung jagat yang sabar dan pintar. Hal ini dapat dibuktikan dalam karya klasik Melayu yang terkenal iaitu *Hikayat Hang Tuah*. Pada waktu kelahirannya, Hang Tuah digambarkan bersama cahaya bulan sebagai suatu kiasan penyerlahan, kebesaran, kemasyhuran dan sebagainya. Penegasan beliau terhadap pengungkapan bijaksana Melayu ini dinyatakan sebagai, “Semua perlambangan ini tentu saja datang dari suatu khazanah kias, yang dibina dan disimpan oleh sastera. Bunga, bulan, dan gelenggang menandakan secara fizikal sempadan waktu atau juga suasana, dan makna yang lebih abstrak dari itu yang berhubungan dengan takdir dan masa depan. Hal ini jelas bahawa menurut beliau lagi;

Tidak syak lagi perbuatan mencari keselarian dan analogi ini bukan saja kreatif, tetapi juga filosofis. Yang dicari mengenal corak dan rentak waktu, watak pohon dan musim, tabiat burung dan binatang, fiil, jiwa dan hati manusia yang amat rumit dan berubah-ubah itu, untuk akhirnya disimpulkan sebagai satu pola untuk cara berfikir, merasa dan berbuat. (Muhammad Haji Salleh 1996: 112).

Dengan demikian jelas bahawa dengan menggunakan pengungkapan tersirat yang membawa maksud kiasan dan perlambangan untuk tujuan menyatakan sesuatu sangat dekat dengan pemikiran masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Sesuatu yang dinyatakan itu pula bergantung pada situasi. Dalam perbincangan ini, fokus adalah pernyataan dalam bentuk kritikan dan sindiran terhadap masyarakat.

2.4 Latar Belakang Lima Pengarang Novel

Lima pengarang novel yang dibincangkan dalam kajian ini ialah, Abdul Kadir Adabi, Ishak Haji Muhammad, Shahnnon Ahmad, S. Othman Kelantan dan Anwar Ridhwan.

2.4.1 Abdul Kadir Adabi

Abdul Kadir Adabi Ahmad dilahirkan di Kampung Raja Dewa, Kota Bharu pada 17 Ogos 1901. Beliau menerima pendidikan awal daripada Tuan Guru Haji Nik Daud Atas Banggol, sebelum menjadi pelajar perintis di Madrasah Muhammadiyah (Melayu) Majlis Ugama Islam Kelantan yang baru dibuka pada 1917. Antara guru-gurunya semasa belajar di madrasah ini ialah Haji Muhammad bin Dato' Haji Muhammad Said (kemudiannya Dato' Laksamana), yang sempat membimbingnya belajar mengarang dan menterjemah. Pendidikan awal diterima daripada ayahnya dan Tok Guru Syeikh Daud Atas Banggol. Abdul Kadir dibesarkan dalam lingkungan istana raja. Sebagai seorang Penghulu Diraja, ayahnya memiliki ilmu-ilmu yang diperlukan pada waktu itu selain ilmu agama, juga ilmu kebatinan dan mengetahui pula kisah istana, kerana itu tidak aneh Abdul Kadir banyak mengetahui selok-belok istana dan adat istiadat serta sejarah perebutan kekuasaan di istana kerajaan Kelantan.

Maklumat daripada Abdul Rahman al-Ahmadi (1994: 27-29), dihuraikan tentang latar Abdul Kadir mula melibatkan diri dalam kerja-kerja penulisan pada awal dekad 1920-an, iaitu sewaktu beliau bekerja menjadi penulis petisyen. Tulisan-tulisannya tersiar dalam majalah Pengasuh, juga majalah-majalah di luar Kelantan seperti *Idaran Zaman* dan *Saudara*. Pada tahun 1929, bersama-sama dengan As'ad Shukri bin Haji Muda, beliau menubuhkan Putera Club, dan menerbitkan majalah *Putera* sebagai lidah rasminya. Namun, tidak lama selepas itu berikutan tersiarnya sebuah rencana bertajuk

"Ulama Mana Pengganti Nabi" yang mengkritik sesetengah ulama, majalah *Putera* telah menjadi sasaran kecaman pegawai tinggi agama dan terpaksa dihentikan. Pada April 1930, Abdul Kadir menerbitkan majalah *Kenchana* pula. Tetapi selepas satu tahun sepuluh bulan, majalah kedua beliau ini juga terhenti atas sebab-sebab kewangan. Tidak lama kemudian, iaitu pada awal Februari 1932, beliau mengisi masa lapangnya dengan bekerja sebagai penyunting majalah *Pengasuh* di bawah pimpinan bekas gurunya, Dato' Laksamana. Mulai April 1934, Abdul Kadir menyertai majalah al-Hikmah, membantu pengarangnya Haji Ahmad Ismail. Tugas ini dipegangnya sehingga 1941, apabila penerbitan al-Hikmah terhenti berikutan tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Selain menulis, Abdul Kadir juga terlibat dalam berbagai badan sosial dan budaya seperti Setiawan Belia dan Dewan Bahasa Melayu Kelantan. Selain itu, beliau juga turut aktif dalam badan-badan politik iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan sebelumnya Persatuan Melayu Semenanjung. Sehingga ke akhir hayatnya Abdul Kadir telah menghasilkan sekitar 110 buah tulisan, tiga buah novel asli iaitu *Achuman Mahkota*, *Sebelas Rejab* dan *Melati Kota Bharu* serta sebuah novel saduran berjudul *Persemburan Darah Di Bawah Lipatan Takdir*.

Pengalaman Abdul Kadir Adabi dalam politik, antaranya ada tahun 1919, menyebabkan Tengku Sri Indra Mahkota mempelawa Abdul Kadir Adabi untuk mengiringi beliau ke Singapura bagi menyambut ketibaan Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang baharu iaitu Laurence Guillemard (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994: 19). Melalui majalah *al-Hikmah*, beliau banyak menulis makalah dan novel, yang antara isi makalah itu membentangkan perkara berkenaan politik Tanah Melayu, dan keadaan sosial di Kelantan yang dapat dicerminkan dalam novelnya. Menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Abdul Kadir Adabi giat berhubung dengan tokoh politik seperti Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Haji Muhammad. Hal ini dapat dilihat dengan kedatangan Ishak Haji Muhammad pada

25 April 1939 ke Kota Bharu, Kelantan sebagai wakil akhbar *Utusan Melayu* yang dicadangkan akan keluar di Singapura, sementara Ibrahim Haji Yaacob pula pada tahun 1940, sering ke Kota Bharu. antara lain tujuannya ialah untuk mencetak bukunya yang bertajuk *Melihat Tanah Air* (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994: 29).

Menurut Hashim Ismail (2010: 212), Abdul Kadir Adabi telah memperlihatkan ketokohnya dalam bidang kepengarangan apabila beliau berjaya menghasilkan lebih daripada 100 buah rencana yang pernah disiarkan dalam majalah *Pengasuh*, *Idaran Zaman*, *Kenchana*, *Putera*, dan *al-Hikmah*.

Karya Ishak Haji Muhammad pelbagai, meliputi persoalan politik, agama, sosial, bahasa, ekonomi, kebudayaan, sejarah dan pendidikan. Hubungan rapatnya dengan Ishak Haji Muhammad menyemarakkan lagi kecenderungannya untuk memperjuangkan semangat kebangsaan. Abdul Kadir Adabi menunjukkan kebolehan intelektualnya yang tinggi di Kelantan. Beliau banyak menyumbangkan idea-idea dalam membangunkan negeri dan negara. Karangan-karangannya berwibawa dan mendapat perhatian masyarakat. Ideanya yang paling mendapat perhatian masyarakat ialah cadangan supaya menubuhkan sebuah maktab di Kelantan dan juga menubuhkan sebuah universiti di Tanah Melayu.

Kepekaan Abdul Kadir Adabi terhadap perkembangan pelajaran, bahasa dan keadilan sosial antara lain menyebabkan beliau menceburkan diri dalam Kota Bharu Club dan Putera Club dengan menerbitkan majalah *Putera*, hingga beliau memasuki Persatuan Melayu Kelantan. Sebelum persatuan itu tertubuh, beliau merupakan orang yang membentangkan takrif Melayu yang dibahaskan dari segi undang-undang. Pemikiran Abdul Kadir Adabi berbeza dengan pejuang-pejuang ketika itu. Walaupun Abdul Kadir pernah akrab dengan golongan diraja, tidaklah menghalang untuk memberikan buah fikiran dan mengkritik kepincangan masyarakat ketika itu. Abdul Kadir pernah membentangkan persoalannya dengan tajuk “Perjudian dan Persundalan”

dalam majalah *Pengasuh*. Selain majalah *Pengasuh*, Abdul Kadir juga menulis dengan kritis dalam majalah *Idaran Zaman*.

Novelnya *Melati Kota Bharu* merupakan novel pertemuan politik yang terpenting yang mengisahkan semua buah fikiran Abdul Kadir terdahulu. Abdul Kadir membicarakan tentang Duff Company di Kelantan dan tentang kealpaan orang Melayu terhadap orang asing. Selain itu dibawakan juga persoalan masalah Cina Peranakan yang bersatu dengan Cina asli menindas orang Melayu. Demikian juga tentang ura-ura orang Cina hendak memanggil orang bijak di negara China datang ke Tanah Melayu sebagai utusan negara China dan tentang surat Sultan Husein menyerahkan Singapura kepada British dan penyesalan sultan atas perbuatannya itu; dan tentang perbezaan sistem penjajahan Belanda di Indonesia dengan penjajahan British di Tanah Melayu (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994: 95-96).

Melalui majalah *al-Hikmah*, beliau banyak menulis makalah dan novel, yang antara isi makalah itu membentangkan perkara berkenaan politik Tanah Melayu, dan keadaan sosial di Kelantan yang dapat dicerminkan dalam novelnya. Pada tahun 1939, beliau pergi ke Terengganu, bahkan beliau sering menjelajahi seluruh Tanah Melayu.

Dalam novelnya yang bertajuk *Melati Kota Bharu*, didapati watak Abdul Rahman yang menjelajahi seluruh Tanah Melayu dan bersahabat dengan orang Indonesia, Jepun dan China bagi menguatkan cit-cita politik kebangsaannya. Mungkin nama Abdul Rahman digunakan sebagai nama kiasan bagi watak Abdul Kadir Adabi sendiri.

Menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Abdul Kadir Adabi giat berhubung dengan tokoh politik seperti Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Haji Muhammad. Hal ini dapat dilihat dengan kedatangan Ishak haji Muhammad pada 25 April 1939 ke Kota Bharu, Kelantan sebagai wakil akhbar Utusan Melayu yang dicadangkan keluar di Singapura, sementara Ibrahim Haji Yaacob pula pada tahun 1940,

sering ke Kota Bharu. antara lain tujuannya ialah untuk mencetak bukunya yang bertajuk *Melihat Tanah Air*.

Perkembangan pelajaran, bahasa dan keadilan sosial berkaitan dengan pemikiran politik Abdul Kadir Adabi. Sejak beliau menceburkan diri dalam Kota Bharu Club dan Putera Club dengan menerbitkan majalah *Putera*, hingga beliau memasuki Persatuan Melayu Kelantan sebelum persatuan itu tertubuh, beliau merupakan orang yang membentangkan takrif Melayu yang dibahaskan dari segi undang-undang.

Menurut Abdul Rahman al-Ahmadi (1994: 30-32), Abdul Kadir pernah bekerja sebagai bendahari kepada Tengku Sri Indra Mahkota. Beliau pernah dipenjarakan kerana mengkritik kerajaan. Penglibatannya dalam politik Singapura secara langsung terkesan semasa penjajahan Jepun dan sempat menerbitkan *Berita Malai*. Setelah tinggal di Singapura selama beberapa tahun, Abdul Kadir berhasrat untuk pulang ke Kelantan tetapi dihalang oleh penentangannya. Di Kuala Terengganu, Terengganu beliau menerbitkan majalah *Cahaya Timur* bersama-sama dengan Misbaha dan Ibrahim Fikri. Beliau meninggal dunia pada 24 Februari 1944 di sana kerana menghidap penyakit kuning.

Hashim Musa (dipetik dalam Pengenalan oleh Yaakob Harun, 2001: xii) mengatakan penggunaan bahasa yang baik penuh dengan kesantunan adalah berkait rapat dengan latar belakang dan sifat yang ada pada seseorang. Ini termasuk taraf pendidikan, asal-usul dan keturunan, kecekapan berfikir, dan ketinggian ilmu pengetahuan. Bagi Hashim, budi bahasa yang baik mencerminkan orang yang baik-baik, buruk budi bahasanya menunjukkan orang yang tidak baik.

Pernyataan ini agak relevan dikaitkan dengan Abdul Kadir Adabi sebagai pengarang *Sebelas Rejab* yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan pernah bertugas sebagai pegawai istana Sultan Kelantan. Gambaran penggunaan bahasa yang baik dan kesantunan ini dapat dibuktikan dalam naratif novel ini. Penggunaan ayat-ayat

yang hampir dengan peribahasa Melayu juga menggambarkan kreativiti pemikiran Abdul Kadir Adabi.

Pengungkapan Abdul Kadir Adabi walaupun bernada langsung namun terdapat yang mempunyai makna yang dapat ditafsirkan selain memberikan nilai keindahan berbahasa. Novel *Sebelas Rejab* dipersembahkan dengan gaya bahasa tahun 1930-an yang diselitkan dengan perlambangan Melayu melalui ungkapan-ungkapan kiasan, metafora, nasihat dan perumpamaan. Pengungkapan yang mengandungi makna siratan berkaitan dengan sikap dan perangai manusia dinyatakan oleh beliau seperti berikut;

Mengikut adat kampung-kampung dan bandar-bandar negeri kebiasaan adalah pada sesebuah itu sekurang-kurang empat manusia yang mengatasi daripada yang lain-lain iaitu adalah di sana itu seseorang yang terlebih baik, yang terlebih jahat, terlebih cantik dan terlebih hodoh sekali daripada kebanyakan ataupun adalah di sana itu seseorang terlebih cerdik, terlebih bodoh, terlebih bakhil dan terlebih murah hatinya daripada lain-lain orang, maka sebagaimana yang lazim bahawa begitulah juga di Kampung Joh yang besar ini.

(Abdul Kadir Adabi, 1980: 10)

Pengalaman dalam penulisan dan pengalaman dalam kerjaya telah membuktikan Abdul Kadir Adabi adalah seorang sasterawan yang peka terhadap masyarakat. Keadaan masyarakat pada zamannya telah dirakamkan dalam novel-novel beliau. *Sebelas Rejab* adalah antara novel beliau yang membawakan makna siratan dalam pengungkapan.

2.4.2 Ishak Haji Muhammad

Ishak Haji Muhammad atau dikenali juga dengan panggilan Pak Sako, antara penulis sebelum Perang Dunia Kedua yang aktif berkarya selain seorang nasionalis. Beliau menghasilkan novel, cerpen, esei, dan memoir. Hingga ke akhir hayatnya menulis rencana untuk akhbar *Utusan Melayu* di Kuala Lumpur.

Ishak Haji Muhammad dilahirkan pada tahun 1909. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Temerloh dalam tahun 1919 sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris Clifford Kuala Lipis dari tahun 1924 hingga 1928 dan lulus Sijil Persekolahan Cambridge dalam tahun 1929 di Sekolah Inggeris Raub. Pada tahun 1930, beliau melanjutkan pelajarannya di Maktab Melayu, Kuala Kangsar untuk berlatih menjadi pegawai tadbir Melayu (*Malay Administrative Service*). Pada tahun 1931, Ishak bertugas sebagai pegawai dalam latihan selama setahun di Pejabat Daerah Temerloh sebelum ditukarkan ke Pejabat Daerah Bentong sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah pada tahun berikutnya. Beliau telah dilantik sebagai Majistret Kelas III dan pemungut hasil tanah. Setelah berkhidmat selama tiga bulan di Bentong, beliau telah ditukarkan ke Daerah Kecil Rembau, Negeri Sembilan. Kira-kira setahun setengah kemudian, beliau ditukarkan pula ke Kuala Lumpur sebagai Majistret Kelas III sehinggalah beliau meletakkan jawatan tersebut pada tahun 1935.

Beliau menjadi guru bahasa Melayu kepada pegawai-pegawai Inggeris di Polis Depot dan kemudian beliau mengembara ke seluruh tanah air selama tiga tahun. Sewaktu menjelajah tanah air inilah beliau mula menceburkan diri dalam bidang penulisan. Pada tahun 1937, Ishak Haji Muhammad mula bertugas dengan Warta Malaya di Singapura sebagai pengarang dan penterjemahan. Dari situ beliau terus meningkatkan kegiatannya dalam bidang penulisan. Pada tahun inilah beliau

menghasilkan novel sulungnya yang berjudul *Putera Gunung Tahan* yang dicetak oleh Jamaliah Press, Muar pada tahun 1938.

Dari Tahun 1939 hingga tahun 1941, beliau bertugas sebagai salah seorang anggota sidang pengarang *Utusan Melayu* yang pada ketika itu dipimpin oleh Abdul Rahim Kajai. Pada waktu yang sama, Ishak mula bergiat dalam pergerakan politik. Pada tahun 1941, Ishak yang terlibat dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditangkap oleh pihak British dan dibebaskan apabila Jepun berjaya menakluk Singapura pada tahun yang sama. Beliau kemudian menjadi Ketua Pengarang *Berita Malai* di samping turut menyumbangkan rencana dan cerpen dalam *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*.

Dalam bidang penulisan kreatif, Ishak menghasilkan lebih daripada 23 buah cerpen pada waktu sebelum Perang Dunia Kedua. Dua buah novelnya, *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* adalah antara yang mendapat sambutan hangat dan telah beberapa kali diulang cetak. Kedua-dua novel tersebut mencerminkan pandangan dan cita-cita pengarangnya sebagai seorang patriot dan sasterawan.

Seperti kebanyakan pengarang sebelum merdeka, Ishak Haji Muhammad menggunakan novel dan cerpen sebagai saluran untuk mengobarkan semangat orang Melayu dan menyedarkan tentang kedudukan mereka yang mundur dalam politik, ekonomi dan sosial. Sikapnya yang antipenjajah jelas diluuhkannya dalam novel dan cerpennya. *Putera Gunung Tahan* lahir daripada luapan semangat kebangsaan dan rasa cemburu kepada pengaruh-pengaruh asing khususnya penjajahan Inggeris.

Bagi menghargai sumbangan serta jasanya terhadap kesusasteraan Melayu moden, pada 29 Jun 1973, Universiti Malaya telah menganugerahi beliau Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan. Pada 29 Mei 1976 pula, Ishak dianugerahkan gelaran “Pejuang Sastera” oleh Perdana Menteri Malaysia berserta hadiah wang tunai RM10,000.00 dan watakah penghargaan. Walau bagaimanapun, beliau telah menolak Anugerah Budayawan GAPENA 1987 atas sebab-sebab tertentu.

Ishak Haji Muhammad meninggal dunia pada 7 November 1991 ketika berusia 82 tahun di rumahnya di Kampung Bukit Raya, Kilometer 16, Jalan Hulu Langat, kerana diserang angin ahmar. Sebagai menghargai jasanya dalam memelopori bidang kewartawanan, politik dan sastera, beliau dianugerahkan “Tokoh Kewartawanan Negara” pada 24 September 1995. Beliau merupakan tokoh ketika yang menerima anugerah tersebut selepas Tan Sri A. Samad Ismail dan Tan Sri Lee Siew Yee. Sebagai mengenangkan jasanya, syarikat Utusan Melayu sejak tahun 1992, telah mewujudkan “Hadiah Sako” untuk diberikan kepada penulis novel nasional yang terbaik.

Ishak Haji Muhammad mempunyai latar pengalaman bergiat aktif dalam politik. Beliau merupakan “orang belakang” dalam perjuangan yang banyak menggunakan tulisan-tulisannya untuk membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap penjajahan dan berusaha untuk kemerdekaan diri dan negara. Pengalaman dalam penulisan dan pengalaman dalam politik telah membuktikan Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako adalah seorang sasterawan yang peka terhadap masyarakat. Keadaan masyarakat pada zamannya telah dirakamkan dalam novel-novel beliau. *Anak Mat Lela Gila* adalah antara novel beliau yang membawakan makna siratan dalam pengungkapan yang lucu, cerdas dan berani.

Novel *Anak Mat Lela Gila* dianggap sebagai novel yang cukup berjaya sebelum Perang Dunia Kedua. Novel ini menggambarkan keadaan masyarakat Melayu dengan kisah-kisah hasil pengalaman beliau mengembara ke seluruh negara. Watak-wataknya melontarkan sindiran terhadap sikap tidak adil penjajah Inggeris dan pembesar-pembesar tanah air terhadap masyarakat Melayu. Satu perkara yang harus kita beri perhatian dalam karya-karya Ishak adalah tentang cita-citanya terhadap masyarakatnya masa itu. Pokok persoalannya tetap tentang rakyat jelata, dan beliau berpendapat bahawa setiap cerita mestilah mempunyai mesej dan bertujuan membimbing rakyat ke arah suatu kehidupan yang aman damai, bekerjasama, makmur, mewah, berbudi bahasa, berkhidmat dan

berbakti. Oleh sebab cintanya terhadap bangsa dan negara terlalu besar, maka tidak hairanlah kalau dikatakan bahawa hampir keseluruhan karya Ishak bercorak didaktik dan idealistik. Sebagai seorang pejuang nasional dan sasterawan, Ishak mempunyai tempat yang penting dalam sejarah kebangsaan dan kesusasteraan tanah air.

Seorang sahabat Ishak Haji Muhamad, A. Samad Ismail (1998: 32) menyatakan sejak kalah dalam pilihanraya pertama tahun 1959 sebagai calon Barisan Sosialis di Temerloh, Pahang, kegiatan Ishak dalam bidang politik mulai menurun. Sekiranya dikaji tulisan-tulisan Ishak, sorotan terhadap kariernya lebih banyak bertumpu kepada tulisan dan karya-karyanya sebagai wartawan dan sasterawan. Selama beberapa tahun selepas perang, Ishak menonjol sebagai tokoh politik sayap kiri. Selain memimpin PKMM, Ishak menjadi pengarang *Suluh Malaya* dan *Pelita Malaya*. Perisytiharan darurat yang membawa penangkapan Ishak dan teman-temannya seperti Ahmad Boestamam sekali gus mengakhiri riwayat Ishak sebagai aktivis politik. Ishak meringkuk dalam tahanan dari tahun 1948 hingga tahun 1953. Setelah bebas beliau bekerja dengan Filem Negara. Beliau kemudian berhenti kerja Filem Negara dan berulang alik ke Singapura bersama teman rapatnya Abdullah Majid, mengarang novel-novel untuk Penerbitan Geliga milik Syed Omar Alsagoff dan bekerja pula sebagai pengarang akhbar harian *Semenanjung* di Singapura tetapi syarikat akhbar itu ditutup. Ishak bukan berfahaman sosialis malah tidak pun menganut sesuatu ideologi. A. Samad Ismail pernah menulis bahawa Ishak sebenarnya tidak sesuai menjadi seorang aktivis politik kerana perawakan dan keperibadiannya terlalu lembut untuk menjadi seorang ahli politik. Jiwanya lebih cocok menjadi seorang sasterawan dan seniman atau budayawan.

2.4.3 Shahnnon Ahmad

Shahnnon Ahmad dilahirkan pada 13 Januari 1933. Mendapat pendidikan awal Sekolah Rendah Melayu Sik, Kedah kemudian meneruskan persekolahan di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah. Shahnnon melanjutkan pengajian di Australian National University, Canberra, Australia dan kemudiannya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Shahnnon Ahmad pernah bertugas sebagai guru, pegawai penyelidik, pensyarah maktab perguruan, tutor universiti sebelum menjadi pensyarah di Universiti Sains Malaysia mulai tahun 1974. Shahnnon merupakan Profesor Kesusasteraan Universiti Sains Malaysia pada Julai 1991 hingga Ogos 1993 kemudian dikurniakan Profesor Emiritus pada September 1993.

Shahnnon Ahmad pernah terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan awam, kegiatan kesusasteraan, menjadi panel penilai hadiah sastera juga kerap menyampaikan bimbingan penulisan dan ceramah. Antara anugerah yang diterima oleh beliau ialah Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1977, Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) pada tahun 1980, Anugerah Pejuang Sastera pada tahun 1976, Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara pada tahun 1982 dan juga Anugerah Maal Hijrah Universiti Sains Malaysia pada tahun 1999. Pada Pilihanraya Umum tahun 1999, Shahnnon Ahmad dipilih sebagai Ahli Parlimen Sik bagi tempoh 1999 hingga 2004.

Shahnnon juga menulis cerpen. Cerpen pertama beliau yang tersiar ialah "Bingung" yang diterbitkan oleh Majalah Guru pada tahun 1956. Cerpen beliau banyak diterbitkan dalam antologi bersama dan kumpulan cerpen beliau sendiri. Antara kumpulan cerpen Shahnnon Ahmad ialah *Debu Merah* (1995), *Seketul Hati Seorang Pemimpin* (1988) dan *Igauan dan Cerita-cerita Lain* (1996). Namun demikian, Shahnnon Ahmad lebih dikenali sebagai pengarang novel.

Dalam pengkajian kesusasteraan, banyak kajian berkaitan Shahnnon Ahmad telah dijalankan dari peringkat kertas kerja seminar hingga peringkat sarjana. Mohd. Yusof Hasan banyak melakukan kajian terhadap kepengarangan Shahnnon Ahmad. Beliau membahagikan kreativiti Shahnnon Ahmad dalam penulisan antara tahun 1954 hingga tahun 2011.

Mohd Yusof Hassan (2010: 37) meletakkan tujuh tahap atau tujuh jenis pemikiran Shahnnon Ahmad ialah, Kedesaan, Kesosiekonomian, Keagamaan, Kepolitikan, Kepancarobaan, Kemuhasabahan dan Kesufisme. Novel yang mengangkat pemikiran kedesaan yaang banyak mengambil latar petani dan desa beliau ialah, *Rentong* (1965), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Srengenge* (1974) dan sebuah novel autobiografi, *Detik-detik Diri di Daerah Daif* (1995). Seterusnya pemikiran sosioekonomi pada tahap kedua dibawakan dalam novel *Terdedah* (1965), *Kemelut* (1977), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Tivi dan Sampah* (1974). Tahap pemikiran keagamaan dalam novel *Protes*, *Al-Syiqaq I* (1983), *Tok Guru* (1988), *Ummi dan Abang Syeikhul*. Tahap keempat iaitu tahap pemikiran politik menghasilkan novel *Menteri* (1967), *Perdana* (1969), *Tunggul-tunggul Gerigis* (1988), *Sutan Baginda* (1989) *Patriarch* (1991) dan *Igauan* (1996). Pemikiran tahap pancaroba memperlihatkan kehadiran novel-novel politik yang agak bernada keras seperti *Shit* (1999), *Muntah* (2000), *Nurul Anak Papaku* (1999) dan *ZioDir* (belum diterbitkan). Seterusnya memasuki tahap yang lebih lembut iaitu pemikiran muhasabah. Novel yang dihasilkan ialah, *Ibu Adalah Pentafsir* (1999), *Pararuhi* (2000), *Lamunan Puitis: Sebuah Trilogi* (2008), *BukitBukau*, *GunungGanang*, *RimbaBelantara* dan *Mahabbah* (2009) selain buku berbentuk biografi dan autobiografi bertajuk *Perjalananku Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi* (2006) dan *Setitis Embun Semarak Api* (2010). Peringkat terakhir ialah, pemikiran sufisme yang dapat dikesan dalam novel *Durian Hujung Julai* (2007) dan *Revolusi Yang Ditangguhkan* (2010). Sehingga 2011, karya mutakhir beliau ialah, *Kembara Seorang Hamba*. Selain itu,

terdapat beberapa manuskrip beliau yang tidak diterbitkan atas sebab yang tidak dipastikan. Daripada senarai yang dikumpulkan oleh Mohd Yusoff Hassan (2009: 314-316) antara novel Shahnnon Ahmad yang belum atau mungkin tidak diterbitkan ialah *Ziodir, BukitBukau, GunungGanang, RimbaBelantara* (ejaan sengaja dirapatkan) dan *Jangan Maafkan Saya*.

Dalam setiap karya Shahnnon, gaya dan kaedah garapan tetap membawa satu naratologi yang tersendiri. Unsur-unsur perlambangan tetap tidak ditinggalkan malahan dimensi sosiopolitik merupakan subjek kegemaran Shahnnon Ahmad. Sepanjang pengibatan dalam penulisan kreatif, beliau juga telah menghasilkan buku yang berkaitan pandangan dan pengalaman beliau dalam penulisan kreatif. Buku *Gubahan Novel* (1979) merupakan sebuah buku panduan penulisan yang masih dijadikan rujukan hingga masa ini. Begitu juga dengan buku beliau, *Sastera Pengalaman Ilmu Imaginasi dan Kitarannya* (1994). Buku *Kesasterawanan, Kepolitikan, Kealaman, Kedirian dan Kemanusiaan* (1992) juga berkaitan proses kreatif dan pandangan beliau terhadap kesusasteraan dan politik. Beliau telah menghasilkan *Perjalanan Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi* (2006) yang memuatkan perjalanan kreativiti dan pengalaman hidup beliau sebagai ahli politik, sasterawan dan ahli akademik. Akhir sekali sebuah buku tebal yang menghimpun tulisan beliau dalam bentuk bukan fiksyen ialah *Weltanshauung Suatu Perjalanan Kreatif* (2010).

Novel *Tunggul-tunggul Gerigis* yang dipilih untuk kajian ini merupakan sebuah novel yang digarap secara konvensional namun terdapat makna siratan yang membuatkan novel ini merupakan karya yang mempunyai pemikiran yang serius. Unsur politik dibawakan secara terus, namun pembawaan secara siratan juga seimbang serta memasukkan hal yang berkaitan dengan akidah, unsur psikologi, menyorot persoalan kejiwaan dan hubungan kasih sayang sesama manusia.

Novel *Tunggul-Tunggul Gerigis (TTG)* merupakan novel yang membawa persoalan sosiopolitik Melayu dengan gaya yang tersendiri. Menurut A. Rahim Abdullah (2008: 99), “Tunggul-tunggul Gerigis”, sebagai judul pada pengertian asal adalah tinggalan pangkal pokok yang telah ditebang, atau yang terpatah dengan sendiri setelah terlalu tua atau oleh anasir alam yang lain, seperti ribut dan kebakaran. Tunggul-tunggul begini sering mengambil masa yang lama untuk hancur dan kelamaan itu merupakan satu penantian yang panjang yang boleh dikaitkan dengan kewujudan dan kemusnahan yang menjurus kepada fenomena ketakbergunaan hidup, terbuang dan membebankan. Kekuatan naratif dan dialog Shahnnon Ahmad diakui oleh para pengkaji dalam hampir kesemua buah novel yang telah dihasilkannya.

Shahnnon Ahmad dalam buku *Panel Anugerah Sastera Negara* (1997: 25) melalui rencananya yang bertajuk “Cinta” menyatakan bahawa kesusasteraan ialah satu cabang kesenian yang berteraskan cinta. Cinta kepada keindahan dan cinta kepada kebenaran. Karya kesusasteraan diciptakan oleh para sasterawan untuk membangunkan peribadi manusia supaya cinta akan keindahan dan cinta akan kebendaan. Malah objek penyampaian karya ialah keperihalan pengalaman manusia, bukan sahaja meliputi pangalaman badani, perasaan, indera-indera tetapi aspek akliah, rohaniah dalam konteks hubungannya dengan Allah.

2.4.4 S. Othman Kelantan

Dr. Syed Othman bin Syed Omar (al-Yahya) dan dilahirkan pada 13 November 1938, di Tebing Tinggi, Kemumin, Kota Bharu, Kelantan. Beliau Memperoleh Sarjana Muda Sastera (1979) dan Sarjana Sastera (1982/83) dari Universiti Sains Malaysia. Kemudian pada tahun 1994/95 memperoleh ijazah doktor falsafah dari Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM). Setelah lulus Ijazah Sarjana, beliau berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia selama dua tahun. Mulai tahun 1983, beliau berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pensyarah di Fakulti Pendidikan/ATMA. Kemudian beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (1997-1999). Beliau pernah menjadi pensyarah sambilan di Pujangga Management Institute. Pada tahun 2007 beliau menjadi pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

S. Othman Kelantan pernah menulis puisi namun lebih banyak menghasilkan cerpen dan novel serta esei kritikan. Sehingga kini telah menghasilkan lebih 182 buah cerpen. Beliau gemar meneroka persoalan yang mencakupi soal-soal kemasyarakatan, politik, agama, dan falsafah. Novel yang dihasilkannya ialah 12 buah novel dewasa dan empat buah novel remaja. Antaranya ialah *Pengertian* (1966), *Pertentangan* (1967), *Angin Timur Laut* (1969), *Perjudian* (1973), *Juara* (1973), *Perwira* (1980), *Ruang Perjalanan* (1989), *Wajah Seorang Wanita* (1990), *Ustaz* (1991), *Nagogho Astana* (1997) dan *Orang Kota Bharu* (2003). Beliau juga menghasilkan lima buah antologi cerpen persendirian. Beberapa buah karyanya yang berbentuk cerpen dan novel telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Perancis, Rusia dan Jepun.

Selain menulis cerpen dan novel, S. Othman Kelantan turut menghasilkan esei dan kertas-kertas kerja untuk beberapa pertemuan penulis baik pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan sebanyak 364 buah esei kritikan. Di samping berkecimpung dalam dunia penulisan sastera, beliau turut terlibat dalam kegiatan persatuan penulis. Beliau pernah menjadi Ketua Satu Persatuan Penulis Kelantan (PPK) (1973-1976), Persatuan Penulis Nasional, Penasihat PPK, dan Penasihat Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (Puspa).

S. Othman Kelantan pernah mengisi kolum “Yang Tersirat” dalam majalah *Dewan Sastera*. Antaranya membincangkan pantun dalam esei “Tunjangan Pantun

Sejarah Melayu” hingga pada tahun 1992. S. Othman juga pernah mengisi kolom “Catatan Sastera” dalam majalah *Dewan Sastera* membincangkan isu-isu semasa dalam dunia sastera tempatan dan antarabangsa. Antaranya esei “Diskriminasi dalam penulisan” pada Jun 1995. Artikel terakhir S. Othman melalui kolom “Kalam Pujangga” yang bertajuk “Kita Memerlukan Muzium Sastera” dalam *Dewan Sastera* Julai 2008 yang menyentuh tentang ketiadaan muzium sastera menyebabkan pengkaji kesusasteraan Melayu kehilangan minat.

Kesungguhan beliau menghasilkan karya dan mengabdikan diri dalam dunia kesusasteraan mewajarkan beliau dipilih untuk menerima hadiah seperti Hadiah Peraduan Mengarang Novel Dewan Bahasa dan Pustaka 1962 (sagu hati), Hadiah Sastera Malaysia 1972, 1973, 1974 (cerpen) dan 1984 (esei), S.E.A. Write Awards (1990), Pingat Bakti (PB) oleh DYMM Sultan Kelantan (1973), Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N) oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong (1974), Anugerah Tokoh Sastera Negeri Kelantan (2003) dan Anugerah Sastera Negara (2003). Beliau meninggal dunia pada 30 Julai 2008 di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Syed Mohd Zakir (2003: 17-18) dalam artikel yang ditulis, menyatakan bahawa ayahnya, S. Othman Kelantan merupakan manusia dengan dunianya tersendiri. Ini kerana sebahagian besar hidup keluarganya diisi dengan buku-buku. S. Othman Kelantan seorang yang kerap mengutarakan tentang pemikiran dalam pengkaryaan. Bagi beliau keragaman cetusan idea daripada pelbagai golongan pengarang Melayu yang sangat akrab dengan lingkungan alam kosmologi Melayu atau ekologi Melayu, di dalam karya kreatif mereka, terutama novel.

Cerpen “Putera Sang Siput” karya S. Othman Kelantan yang tersiar dalam majalah AKAR, Januari-April 2001(17-21) antara cerpen yang sinis dan tajam terhadap kepemimpinan politik. Dalam cerpen itu, S. Othman mengungkapkan “Kata orang,

dialah putera yang paling berjaya. Hari ini dia telah menjadi seorang ketua sebuah wilayah daerah Sekebung barat. Dengan telunjuknya yang pendek dan dompok, dia boleh menggerakkan manusia ke sana ke mari.”

Daripada cerpen itu, diikuti beberapa cerpen yang lain, dapat dikesan bahawa S. Othman telah menggunakan imej dan subjek secara berkias dan membawakan makna siratan. Dalam tempoh tersebut juga, didapati S. Othman telah semakin akrab dengan gagasan Kritikan Melayu yang dibawanya. Pada halaman 18 cerpen ini dipetik;

“Dengan kumpulan dan timbunan akal sebesar Himalaya di dalam tempurung kulit siputnya yang sebesar ibu jari itu, dia mengatur strategi. Masa seminggu di bawah arahan akal rasional dan praktikal itu, setiap seorang siput berada di hujung tanjung. Demikianlah, kata dongeng itu, bila helang terbang dengan laju seperti ribut taufan, jawapan sang siput jauh berada di depan. Berkali-kali begitu. Dan akhirnya sang helang diidytiharkan kalah. seluruh dunia menyaksikannya: seorang siput menang dalam perlumbaan dengan seorang helang rajawali yang terbang seperti ribut. Bayangkan!”

Dalam kajian ini, novel *Nagoho Astana* dipilih sebagai bahan untuk dianalisis. Terdapat pengungkapan yang dapat ditafsirkan mengandungi makna siratan berkaitan politik dan masyarakat dalam novel tersebut. S. Othman Kelantan juga merupakan pencetus Gagasan Kritikan Melayu yang menjadi sandaran keseluruhan analisis kajian makna siratan dalam novel politik Melayu terpilih ini.

2.4.5 Anwar Ridhwan

Mohd. Anuar Rethwan atau Anwar Ridhwan dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Sungai Besar, Selangor. Kampung asal ayahnya di Kuala Kangsar dan Bagan Serai, Perak. Pendidikan awal beliau di Sekolah Kebangsaan Sungai Besar (hingga 1962) dan berpindah ke Sekolah Menengah Ungku Aziz, Sabak Bernam (1963-1967) kemudian Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur (1968-1969).

Pada tahun 1970, Anwar mengikuti kursus Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya. Bidang pilihannya ialah kesusasteraan. Pada tahun 1997, Anwar menyelesaikan tesis PhD di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tesis beliau bertajuk “Utusan untuk Kebaikan: Analisis Watak Pradata dalam Novel Melayu”. Pada tahun 1973, beliau mula berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan jawatan editor, Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Penerbitan.

Pada tahun 1979, beliau berjaya menghasilkan novel pertamanya, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Pada tahun 1983, beliau menyambung pengajian di Universiti Malaya memperoleh Ijazah Sarjana Sastera. Anwar pernah mengikuti International Writing Program di Universiti Iowa pada tahun 1982. Novel Anwar Ridhwan yang lain ialah *Arus* dan *Di Negeri Belalang*. Novel beliau yang terkini ialah *Penyeberang Sempadan* (2011) selain sebuah buku bertajuk *Menyurat Kepada Sahabat* (2012).

Johan Jaafar (2009: 51) menyatakan Anwar telah menyerahkan dirinya pada sastera sejak dia mengenal huruf dan kata. Anwar memang lahir untuk menjadi sasterawan. Apabila cerpen “Perjalanan Terakhir” memenangi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971, Anwar baru berusia 22 tahun. Anwar dianggap generasi penulis baru yang dewasa di tengah bara nasionalisme linguistik tahun 1950-an dan 1960-an. Anwar berada di Universiti Malaya di tengah gelombang gugatan mahasiswa pada tahun 1970-1972.

Dalam karya-karya beliau, kebudayaan, identiti, dan sejarah menjadi kolaj cereka yang membawa makna yang lain. Antara pencapaian beliau dalam kesusasteraan termasuklah memenangi hadiah Karya Sastera Malaysia dengan cerpen “Perjalanan Terakhir” (1971), “Dunia Adalah Sebuah Apartmen (1973), “Sesudah Perang” (1976), “Sasaran”, “Sahabat”, dan “Menjadi Tua” (1982/83). Novel *Arus* terpilih sebagai

penerima Hadiah Sastera Malaysia 1984/85. *Naratif Ogonshoto* terpilih sebagai pemenang kategori kumpulan cerpen pada Hadiah Sastera Perdana 2002/03. Selain itu, beliau turut memenangi hadiah pertama Hadiah Novel GAPENA-Yayasan Sabah 1979 melalui novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Skrip drama beliau, *Orang-orang Kecil* (1990) dan *Yang Menjelma Dan Menghilang* (1992) memenangi hadiah utama Peraduan Menulis Drama Yayasan Seni-Berita Harian 1990. *Yang Menjelma Dan Menghilang* kemudiannya memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1992/ 1993.

Kumpulan cerpen beliau ialah *Parasit* (1976), *Sesudah Perang* (1978) dan *Sangkar* (1986). Cerpennya berjudul “Dari Kijev ke Moskva” dinobatkan sebagai pemenang hadiah pertama (utama) Hadiah Cerpen Maybank - DBP 1992. Selain itu beliau juga menghasilkan satu lagi kumpulan cerpen berjudul *Satu Tiga Sifar Lima* (2012). Pada tahun 2014, kumpulan puisi beliau *Tercipta dari Tanya* telah menerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia.

Pada tahun 2002, Anwar dianugerahkan Darjah Dato Paduka Mahkota Selangor yang membawa gelaran Dato'. Beliau merupakan penerima SEA Write Award pada tahun 2002 dan Sasterawan Negara ke-10 (2009). Beliau bersara dari Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2005 dan kini bertugas di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Novel *Naratif Ogonshoto* adalah novel beliau yang mendapat perhatian kajian para sarjana. Novel ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Jepun dan bahasa Perancis dan beberapa bahasa lain. Dalam kajian ini, novel *Naratif Ogonshoto* dipilih memandangkan terdapat banyak sekali pengungkapan yang dapat ditafsirkan dalam bentuk makna siratan. *Naratif Ogonshoto* sebuah novel yang diterbitkan pada tahun 2001, awal milenium baharu. Novel ini merupakan sebuah karya wacana politik sesuai dengan zaman milenium baru yang mencabar emosi dan pertimbangan intelektual masyarakat.

Menurut Mawar Shafei (2010: 164), *Naratif Ogonshoto* sarat dengan latar disiplin politik seperti mana yang disimpulkan secara keseluruhan lewat tema dan pemikiran utama yang diutarakan pengarang. Hal ini turut disentuh oleh Mohamad Saleeh Rahamad (2005: 74) yang menyatakan novel ini tidak memberikan makna yang pasti atau bersifat polos, sebaliknya pelbagai tafsiran dapat diberikan lantaran kekompleksannya. *Naratif Ogonshoto* termasuk dalam karya yang kompleks walaupun dikisahkan mengikut aturan naratif yang tradisional. Pembaca dipaksa mencari makna yang tersirat di bawah lapisan naratif ala cerita rakyat yang tampak mudah ini. Kedua-dua pandangan tersebut membuktikan bahawa novel ini mempunyai keluasan persoalan dalam masyarakat yang dibawakan secara tersirat.

Kepengarangan Anwar Ridhwan turut disentuh oleh Mohamad Saleeh Rahamad (2013: 4) dengan menyatakan bahawa berbeza daripada Tun Seri Lanang yang menulis *Salalatus Salatin* untuk “menyukakan duli hadrat baginda”, Anwar Ridhwan atau penduanya dalam *Naratif Ogonshoto*, watak Noor dari Kali Besar, tidak memikul tanggungjawab menjalankan perintah Raja, sebaliknya dia menyampaikan cerita lisan daripada sudut pandangan rakyat bawahan yang teraniaya. Suara naratif yang episodik itu merupakan luahan perasaan golongan *subaltern* manakala suara *superior* dibisukan apabila tiada sudut pandangan Presiden digunakan langsung. Oleh itu, tiada sebarang bentuk pengagungan dan sanjungan dibuat terhadap Presiden. Berdasarkan perspektif ini, *Naratif Ogonshoto* meminjam bentuk *Salalatus Salatin* tetapi mengemukakan antitesis kepada hipoteksnya itu, iaitu menggemakan suara *subaltern*.

2.5 Rumusan

Dalam sesebuah masyarakat, khususnya dalam perbincangan ini adalah masyarakat Melayu, kreativiti individu pengarang sangat rapat dengan alam sekitar dan masyarakat yang melingkunginya. Hal ini dapat dikesan melalui pengungkapan pantun dan peribahasa yang mempunyai keindahan bentuk dan alunan serta ketajaman maksud. Proses kreativiti pantun dipengaruhi kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup anggota-anggota masyarakat dalam interaksi mereka dengan alam sekitar, baik alam sekitar sosial mahupun alam sekitar fizikal.

Demikian juga dengan karya lain, khususnya novel dalam perbincangan ini. Para pengarang Melayu yang tinggal dalam masyarakatnya, amat dekat dan peka dengan situasi sekeliling. Ketajaman fikiran telah dipindahkan dalam teks. Karya-karya yang dihasilkan dapat menyatakan alam pemikiran, nilai-nilai sosial dan *worldview* mereka dalam mereka berhadapan dengan suasana sekitar. Melalui teks yang dihasilkan, mereka dapat menyampaikan rasa hati dan perasaan dan pemikiran mereka secara berkesan kepada orang lain yang menyatakan pemikiran yang telah mantap dan mempunyai asas kukuh di samping sentiasa memperlihatkan dinamiknya budaya itu.

Para pengarang yang difokuskan dalam kajian ini iaitu Abdul Kadir Adabi, Ishak Haji Muhammad, Shahnnon Ahmad, S. Othman Kelantan dan Anwar Ridhwan mempunyai latar belakang yang berbeza namun mempunyai bakat dan kebolehan menghasilkan karya penulisan kreatif, terutama novel dengan baik. Hasil-hasil karya mereka dengan jelas dan terselindung membawakan isu-isu dalam masyarakat dengan cara yang tersendiri.

Kehadiran pengarang-pengarang ini, demikian juga nama-nama yang lain, membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai individu yang dapat menyampaikan bentuk penceritaan yang dekat dengan masyarakat, khususnya berkaitan

politik. Cara dan gaya mereka membawakan juga tersendiri dan dapat ditafsirkan melalui bentuk sebagai kritikan Melayu. Dalam teks yang diungkapkan, terdapat makna siratan yang dapat dimanfaatkan.

University of Malaya

BAB 3: MAKNA SIRATAN DAN GAGASAN KRITIKAN MELAYU

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang makna siratan dalam pemikiran masyarakat Melayu diikuti dengan fokus perbincangan tentang Gagasan Kritikan Melayu. Pengungkapan yang mengandungi makna siratan ini begitu banyak dalam karya tradisional Melayu seperti pantun, syair, seloka, gurindam, teromba dan yang lain. Demikian juga dapat dikesani dalam pengungkapan peribahasa, perbilangan, perumpamaan, simpulan bahasa, pepatah-petitih dan bidalan. Hal ini turut dibawa dalam karya-karya sastera moden seperti sajak dan karya prosa iaitu cerita pendek dan novel. Demikian juga dalam teks-teks drama moden.

Dalam penghasilan karya tradisional dinyatakan tentang kewujudan sesebuah negara bersama adat istiadat dan karenah feodal dan rakyatnya. Oleh sebab karya seumpama ini ada hubungan yang rapat dengan istana atau menyentuh peribadi utama tertentu dalam sesebuah kerajaan atau masyarakat, menyebabkan pengarangnya membuat kritikan yang amat halus, secara tersirat atau secara menggunakan lambang atau imej tertentu. Walaupun penulis atau penyusun terdiri daripada orang ternama, mempunyai pangkat dan memegang jawatan penting dalam istana atau dalam kerajaan, mereka tetap membuat kritikan sebegitu. Sebagai mahakarya klasik Melayu, *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* amat banyak membuat kritikan melalui cerita alegori, melalui lambang dan imej, menggunakan peristiwa tertentu, dan kadang-kadang seloka, pantun dan syair.

3.2 Makna Siratan

Pengungkapan Melayu sering menggunakan “siratan” atau “yang tersirat” sebagai lawan kata bagi “suratan” dan “yang tersurat”. Jadi, “makna siratan” merupakan satu istilah khusus yang dikaitkan dengan sesuatu yang tersembunyi, terselindung atau yang berada “di sebalik”. Selain itu “siratan” juga dapat dimaksudkan sebagai jalinan dan juga simpul tali yang membentuk mata jala. “Sirat” juga bermaksud celah atau sela. Dalam bahasa Arab bermaksud jambatan. Sebutan *sirat al mustaqim* bermaksud jalan yang lurus, iaitu frasa yang tercantum daripada surah *al-Fatihah*.

Dalam kajian ini, yang dilihat sebagai makna siratan adalah daripada pengungkapan yang menunjukkan kehadiran sebuah perlambangan atau disebut secara bebas sebagai “simbolik”. Namun demikian “simbolik” tidak dapat menggambarkan sepenuhnya “makna siratan” yang dimaksudkan dalam kajian ini. Dalam hujahan linguistik, makna siratan dapat dikaitkan secara umum dengan “konotasi” dalam teks dan ujaran.

Bahasa bukan sahaja bentuk di mana manusia mengungkapkan cita rasanya, tetapi juga menunjukkan cara manusia berfikir (Azhar Ibrahim, 2014: 200). Ungkapan “alam terkembang dijadikan guru” bererti membaca *ayat al-kawn*, merenung tanda-tanda kebesaran Tuhan pada alam yakni cakerawala, flora dan faunanya yang serba serasi dan harmonis. Alam pada hakikatnya adalah juga sebuah kitab yang padat dengan *ayat* (tanda-tanda kebesaran Tuhan). Iktibar dari alam itulah yang membentuk sebahagian daripada nilai-nilai hidup Melayu sebagaimana tercermin dalam peribahasa dan ungkapan-ungkapan tradisional (Siddiq Fadzil, 2012: 179).

Melalui bahasa terungkap pemikiran. Daripada pemikiran tercipta penceritaan. Daripada penceritaan membawa kepada kiasan dan perlambangan sebagai yang tersirat untuk tafsiran pembaca. Warisan pemikiran Melayu zaman tradisi banyak terungkap

dalam khazanah mutiara kata yang menggunakan bahan alam termasuk flora dan fauna. Selain unsur alam, yang menjadi perhatian dan iktibar adalah perlakuan individu dan juga peristiwa yang berlaku.

Tulisan Syed Naquib al-Attas menyentuh tentang pandangan alam dari tinjauan Islam. Pandangan alam itu bukanlah hanya pandangan akal nazari terhadap alam jasmani belaka, termasuk pandangan terhadap penglibatan insan dalam sejarah, masyarakat, politik dan kebudayaannya.

Menurut Syed Naquib al-Attas;

“Pandangan” yang dimaksudkan bukan hanya pandangan nazari, iaitu yang dipandang mata kepala dan dibentukkan dalam fahaman akal nazari berdasarkan penglihatan zahir. Begitu juga alam yang kita maksudkan bukan hanya merujuk kepada alam jasmani melulu, atau tinjauan dan fikiran mengenainya yang dirumuskan dari pemerhatian maklumat-maklumat zahiri, kerana tinjauan demikian itu akhirnya berpunca pada pengalaman indera jasmani sebagaimana terlihat oleh pengalaman zahir, iaitu *alam* yang kita maksudkan bukan terhadap *ma'nanya* pada *alam* shahadah yang merupakan kejadian semesta yang zahir yang direnungkan oleh akal nazari. (Wan Mohd Nor, 2005: 245).

Dalam pengenalan untuk edisi perdana jurnal *Al-Syajarah* (jurnal tahunan ISTAC), al-Attas menyatakan bahawa kata-kata yang baik (*kalimah tayyibah*) adalah kata-kata kebenaran, dan mengutip kiasan Al-Quran tentang pohon yang baik (*syajarah tayyibah*):

“Tidaklah kamu perhatikan bagaimana Allah membuat perumpamaan? – kalimat yang baik seperti pohon yang baik yang akarnya. Teguh dan cabangnya menjulang ke langit. Pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim. Dengan seizin Allah. Allah membuat perumpamaan itu untuk manusia. Supaya mereka selalu ingat. Dan perumpamaan kalimah yang buruk. Seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut bersama akar-akarnya. Dari permukaan bumi; tidak dapat tetap tegak sedikit pun” (Surah Ibrahim, ayat 24-26).

al-Attas kemudian menerangkan:

Fakulti dalam jiwa manusia bagaikan akar yang terpendam di dalam tanah yang tersembunyi daripada realiti, disiram oleh air ilmu pengetahuan. Badan dan fakulti-fakultinya bagaikan batang, cabang, dan dedaunan yang terbuka bagi pengalaman indera dan inderawi. Buah yang terus-menerus memberikan kelangsungan hidup pada badan dan jiwa. Hati adalah pusat

pohon. Ketika akar-akar itu menghunjam lebih dalam lagi ke bumi, pohon itu akan berdiri tegak.¹

Daripada pernyataan al-Attas tersebut, dapat dirumuskan bahawa manusia perlu memikirkan secara serius tentang siratan-siratan yang terdapat dalam kehidupan ini. Pandangan Hassan Ahmad pula mengaitkan tentang perlambangan dan metafora, yang boleh ditangkapi mempunyai kaitan dengan siratan dalam kehidupan dan pemikiran manusia. Hasan Ahmad (2003) menyatakan;

Bahawa kita tidak dapat melihat apakah yang berlaku dalam otak manusia apabila mereka berfikir. Bagaimanakah kita dapat memahami atau menjelaskan apakah proses yang berlaku dalam otak dan minda Melayu apabila mereka mencipta makna yang abstrak, yang tidak harfiah sifatnya. Salah satu caranya ialah dengan mengkaji metafora yang digunakan dalam teks-teks Melayu. Data atau teks bahasa metafora Melayu cukup banyak, tetapi kajian tentang konseptual Melayu atau tentang epistemologi (teori ilmu Melayu) yang dibentuk melalui ungkapan-ungkapan metafora itu belum banyak dilakukan lagi.
(Hassan Ahmad, 2003: 7)

Perkaitan antara analisis metafora seperti yang dimaksudkan oleh Hasan Ahmad itu mempunyai kaitan untuk perbincangan dari sudut tafsiran makna tersirat dalam karya-karya kesusasteraan. Dalam masyarakat Melayu, terdapat istilah “kritikan” yang menggambarkan maksud untuk menegur, baik secara terus terang mahupun secara kiasan atau berselindung. Apabila dimaksudkan dengan pengungkapan secara kiasan tersebut, maka yang dimaksudkan adalah pengungkapan secara tersirat yang dibawakan oleh pengarang dalam karya-karya kesusasteraan. Gagasan Kritikan Melayu menyambut cetusan dan pandangan oleh Hasan Ahmad seperti yang dipetik di atas.

Noriah Taslim (1997), menyatakan konvensi seni yang membentuk dasar-dasar puitika dan keindahan dalam sastera Melayu tradisional contohnya seperti terangkum dalam untaian-untaian pantun, seloka, syair dan hikayat.

Menurut beliau lagi;

¹ Lihat Syed Naquib al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (2007: 15) Lihat juga al-Attas, “Foreword”, *Al-Syjarah*, Jil.1, No.1 & 2, 1996, hal.1

Contohi tradisi orang-orang terdahulu, pengarang-pengarang Melayu tradisional sentiasa cenderung untuk melindungi hajatnya di sebalik hiasan-hiasan bahasa. Bahasa ini menyusun perkataan-perkataan yang membentuk satu dunia metafora yang ketaranya amat santun tetapi tajam sindiran maknanya. Dalam dunia metafora ini bahasa tidak lagi bersifat berujukan, tetapi sentiasa bersifat perbandingan dan simbolikal. Pantun sebagai genre yang menyirat makna melalui sampiran-sampiran bahasa, memang sudah teraku dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional mahupun moden. Bentuknya yang unik memang sesuai untuk dijadikan wadah mengkritik dengan halus dan bersopan akan sesuatu kesumbangan pekerti atau juga untuk menyamakan maksud yang sebenar sehingga membukakan makna kepada pelbagai tafsiran.

(Noriah Taslim, 1997: 65-66)

“Menyamakan maksud sebenar sehingga membukakan makna kepada pelbagai tafsiran” yang dinyatakan oleh Noriah Taslim itu, dapat dikaitkan dengan makna tafsiran yang ditumpukan dalam analisis kajian ini.

Dalam pengkajian bahasa dan linguistik, Asmah Haji Omar (1986) menyatakan bahawa kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata dan di samping menimbulkan apa yang dipersepsi dalam konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (*worldview, weltanschauung*).

Menurut beliau,

Dengan demikian unsur-unsur bahasanya merupakan teropong penglihatan dunianya itu tidak hanya terbatas kepada perbendaharaan kata tetapi juga meliputi juga unsur-unsur nahu. Asmah mengaitkan tentang sifat ikonik bahasa menyebabkan hubungan isyarat dengan maknanya itu tidak arbitrari. Dengan arbitrari dimaksudkan bahawa berdasarkan persetujuan, manusia boleh meletakkan makna apa pun pada perkataan yang diciptanya tanpa mencari apa-apa persamaan fizikal atau mental antara perkataan yang berkenaan dengan maknanya. Misalnya burung sebagai perkataan tidak memperlihatkan ciri-ciri yang menyamakan dengan haiwan yang menjadi rujukannya itu. Benar ada di antara kata-kata ini yang terdiri dari lambang bunyi (*sound symbolism atau onomatopoeia*), seperti mengaum (dari bunyi harimau), dan mengiau (dari bunyi kucing).

(Asmah Haji Omar, 1986: 4-5)

Perkaitan pendapat Asmah Haji Omar itu sebagai bukti bahawa komunikasi manusia beralih kepada lambang, dan penggunaan sistem perlambangan yang membezakan pola kelakuan manusia dari pola kelakuan binatang. Lambang, yang

sebenarnya adalah perkembangan dari isyarat. Dalam keadaan ini dapat dikaitkan dengan siratan. Dengan itu, lambang-lambang merupakan tanda pengingat atau pengenalan akan sesuatu benda itu. Lambang mengingatkan kepada yang sudah berlaku, mengenalkan kepada yang sedang berlangsung dan membuat berfikir tentang apa yang akan berlaku.

Seterusnya beliau menyatakan bahawa;

Lambang-lambang akan membentuk fikiran, dan membuat kita dapat merujuk kepada sesuatu yang tidak ada di depan kita. Dengan adanya sistem perlambangan itu, barulah kita dapat mewujudkan dalam akal kita proses pemikiran, dan otak kita tidak berhenti-henti menjalankan proses ini. Perkembangan budaya, iaitu lisan, separa tulisan (budaya manuskrip dan kartografi), dan percetakan (tipografi). Ketiga-tiga fasa perkembangan budaya ini amat mempengaruhi bentuk pemikiran masyarakat Melayu sehingga dapat mencorak hasil kreativiti yang lahir daripada pemikiran tersebut.

(Asmah Haji Omar, 1986: 7)

Tokoh nasionalis, Hajjah Zain Sulaiman atau Ibu Zain pernah menulis tentang keistimewaan orang Melayu dalam pengungkapan kiasan dan perlambangan. Menurut beliau;

Tidaklah pelek jika banyak orang Melayu tidak mengerti ma'ana bahasa kias ibarat dan thamthil isyarat dalam bahasa mereka sendiri, walaupun bahasa mereka dalam pertuturan hari2 penuh dengan-nya. Bahasa2 lain harus payah hendak mengalahkan bahasa Melayu tentang perumpamaan, pantun, sindir dan bandingan yang tepat lagi terang dalam kias ibarat-nya. (Ibu Zain, 1952: 138).

Tokoh sastera dan budaya Nusantara, Tenas Effendy (2008) sempena Syarahan Raja Ali Haji menyatakan bahawa;

Awal penggunaan kata berpunca daripada gagasan yang ada dalam fikiran atau perasaan atau hati seseorang. Gagasan, fikiran atau niat atau suara hati itu membawa mereka kepada pemilihan kata sebagai simbol yang berlaku, atau isyarat yang lazim dipakai dalam masyarakatnya untuk melahirkan apa yang ada dalam fikiran dan hati nuraninya. Pemilihan kata menjadi kunci dalam penuturan kerana di situlah terkandung beragam makna yang menjadi tujuan sang pembicara. Ungkapan adalah antara kearifan orang Melayu dalam berbahasa. Ungkapan yang terdiri daripada kata-kata pilihan yang sarat makna, lazimnya digunakan dalam percakapan, perbualan, pembicaraan sehari-hari.

(Tenas Effendy, 2008: 32)

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa dalam fikiran individu, kata-kata dikeluarkan menggunakan bahasa yang biasa namun rapat dengan persekitarannya. Dengan demikian, kebolehan untuk mengeluarkan sesuatu kata dalam bentuk simbol dan kiasan merupakan kebiasaan dalam masyarakat.

Tatiana A. Denisova (2011: 90) menyatakan pendapatnya tentang orang Melayu dari zaman dahulu memang mempunyai kebijaksanaan. Beliau membuktikan bahawa ada pengarang *chronicle* memasukkan suatu cerita ajaib atau mitos dalam karyanya, sudah tentu ada sesuatu maksud atau mesej yang hendak disampaikan. Salah satu mitos paling penting dari segi sejarah perkembangan masyarakat ini adalah mitos tentang asal usul raja-raja Melayu. Perhatian diberi kepada mitos tersebut kerana maklumatnya terdapat dalam semua teks dari kurun ke-13 hingga ke-19 yang dikaji. Semua Raja dan Yang Dipertuan Besar perlu mendasarkan keabsahannya, dan perlu membuktikan kepada rakyatnya bahawa baginda mempunyai hak yang sah untuk menduduki takhta dan memerintah negara/ negeri. Menurut beliau lagi, dalam teks *Hikayat Aceh*, iaitu dalam maklumat yang bersifat quasi-sejarah. Misalnya, terdapat suatu ‘cerita ajaib’ tentang kegagahan Sultan Iskandar Muda menentang harimau. Kisah tersebut merupakan unsur puji-pujian terhadap Sultan Iskandar Muda. Kemenangan melawan harimau mencerminkan keberanian Sultan Aceh.

Usaha untuk mengangkat keistimewaan pemikiran Melayu melalui makna tersirat ini telah lama dicetuskan oleh pemikir-pemikir dan sarjana-sarjana Melayu. Antaranya dinyatakan oleh Md. Salleh Yaapar (2002: 61);

Dalam tradisi timur, secara amnya, karya sastera yang unggul ialah sesuatu yang mempunyai asas metafizik atau berkaitan dengan Realiti Hakiki yang dikenali dengan berbagai-bagai nama dan menurut pelbagai perspektif. Dalam konteks ini, seperti yang kerap diperingatkan oleh Ananda K. Coomaraswamy kepada para pengarang dan pemikir masa kini di Barat dan Timur, dan seperti ditegaskan lagi oleh Seyyed Hossein Nasr dalam perbincangan tentang “Metaphysics, Logic and Poetry in the Orient” (Nasr,

1987: 87-97. dlm. *Islamic Art and Spirituality*. Albany: State University of New York), karya sastra yang unggul bukanlah sekadar ekspresi subjektif pengalaman seharian seseorang individu, malah hasil penglihatan dalamannya terhadap realiti yang mengatasi dirinya atau yang transendental sifatnya. Karya yang seperti ini tentunya bertolak daripada pengalaman kerohanian pengarang dan berakhir dengan penghayatan pengalaman yang am jenisnya berserta transformasi diri pada pihak pembaca atau penikmatnya.

Bagi kajian-kajian Barat, istilah “simbolik” sering digunakan untuk memperlihatkan aspek yang dapat ditafsirkan secara tersirat . Danziger dan Johnson (1983: 41) menyatakan bahawa simbol boleh digunakan untuk berbagai-bagai cara, mungkin tidak ada satu definisi tepat yang memuaskan.

Berkaitan karya “simbolik” ini, simbol boleh merupakan sebarang objek yang memberikan makna yang lebih luas daripada objek itu sendiri. Dalam pengertian ini semua karya kesusasteraan adalah bersifat simbolik dan demikian juga halnya dengan setiap perkataan. Sesuatu simbol itu juga mungkin berupa sebarang objek atau mungkin aksi yang mewakili sesuatu kumpulan benda atau sesuatu idea yang abstrak. Danziger dan Johnson memberikan contoh novel simbolik Herman Melville, *Moby Dick* yang ditafsirkan secara meluas tentang manusia yang menjelajah lautan yang hakiki yang juga lautan mitos, boleh menggambarkan tentang rahsia alam yang besar, satu kuasa yang mendatangkan nikmat atau bala, satu sumber tenaga yang penting tetapi bersifat asing dan meleburkan. Dari itu objek yang mengandungi unsur-unsur mitos seperti lautan, musim dan bumi yang mengalami perubahan tekanan hidup yang baru dan perlakuan yang berkaitan dengan mitos seperti upacara yang berhubung dengan kelahiran, keremajaan dan perkahwinan mungkin mempunyai persamaan dengan objek dan perlakuan dalam karya-karya kesusasteraan. Soal sama ada pengarang atau pembacanya menyedari sepenuhnya persamaan itu kadangkala menentukan sejauh

manakah pentingnya simbol atau perlakuan simbolik ini dilihat dari kepentingan kemanusiaan.

Simbol menurut Pierce (1965: 249) adalah tanda yang merujuk kepada objek yang menunjuk kepada peraturan, biasanya merupakan gabungan idea-idea umum. Simbol merupakan sesuatu yang bersifat arbitrari dan konvensional. Secara etimologi, simbol (*symbol*) berasal dari kata Yunani *symbolleîn* yang bererti melemparkan bersama suatu (benda, perbuatan) dikaitkan dengan suatu idea. Atau disebutkan pula *symbolos*, yang bererti tanda atau ciri yang memberitahu sesuatu hal kepada seseorang. Biasanya simbol terjadi berdasarkan metonimi (*metonymy*), iaitu nama benda lain yang berasosiasi atau yang menjadi atributnya (misalnya “ulat buku” untuk seseorang yang rajin membaca buku) dan metafora (*metaphor*), iaitu penggunaan kata atau ungkapan lain untuk objek atau konsep lain berdasarkan kiasan atau persamaan, contohnya kaki gunung dan kaki meja berdasarkan kiasan pada kaki manusia.

Literary Terms a Dictionary (1960: 168) mendefinisikan simbol sebagai “*is anything which signifies something: in this sense all words are symbol.*” Lebih luas, konsep simbol dikembangkan sebagai simbolisme.

Daripada konsep simbol, muncul konsep dan bidang kajian simbolisme. Menurut Chadwick (1991: 3), simbolisme boleh ditakrifkan sebagai seni mengeluarkan idea dan emosi tanpa menghuraikan secara langsung. Simbolisme tidak juga dengan dimaksudkan secara perbandingan yang terbuka dengan imej-imej yang konkrit, tetapi dengan membayangkan apakah idea dan emosi tersebut dengan mewujudkannya semula dalam pemikiran pembaca melalui penggunaan simbol yang tidak dapat dijelaskan.

Simbolisme diberi dua aspek, iaitu simbolisme kemanusiaan seperti yang dijelaskan di atas dan aspek kedua ialah simbolisme transendental. Simbolisme transendental menggunakan imej konkrit sebagai simbol, bukan terhadap pemikiran tertentu dan perasaan di dalam jiwa penyair, tetapi terhadap sebuah dunia ideal yang

umum dan luas apabila dunia sebenar ini merupakan satu gambaran yang tidak sempurna (Chadwick, 1991: 3).

Dalam karya sastera, makna simbol itu tersembunyi di sebalik kata atau pengungkapan yang juga disebut sebagai pengungkapan secara tersirat. Simbol adalah bentuk yang menandai sesuatu yang lain di luar perwujudan bentuk simbolik itu sendiri. Dalam bahasa komunikasi simbol biasanya diistilahkan dengan lambang yang digunakan untuk menunjuk sesuatu lainnya berdasarkan kesepakatan masyarakat. Perlambangan meliputi kata-kata (*pesan verbal*), perilaku nonverbal, dan objek yang maknanya disepakati bersama-sama dalam masyarakat. Simbol menekankan pada kesepakatan, kebiasaan atau konvensi masyarakat yang melandasi hubungan arbitrari antara penanda dan petanda. Tanda simbolik sepenuhnya berdasarkan kepada kesepakatan masyarakat. Masyarakat dalam lingkup yang berbeza memahami tanda dengan makna yang berbeza. Simbol adalah ungkapan “tanda” suatu objek berdasarkan konsep tertentu, biasanya asosiasi terhadap suatu gagasan umum. Contohnya mengangguk yang bererti setuju atau mengiakan, menggeleng bererti tidak, tidak terdapat hubungan dengan erti yang dimaksudkan.

Menurut Dan Sperber (1975: 5), simbolisme mempunyai dua kriteria, pertama simbol dalam bentuk mental berupa pemikiran masyarakat, termasuk corak kepercayaan seperti animisme bagi masyarakat primitif yang tidak rasional dan kedua, simbol berupa semiotik yang tidak terbatas kepada bahasa sahaja kerana makna bahasa biasanya membawa maksud luaran yang agak terhad sedangkan makna semiotik lebih menyeluruh meliputi makna tersembunyi.

Simbol sastera dikategorikan kepada dua, iaitu yang bersifat konvensional dan yang bersifat peribadi (Shannon Ahmad, 1975: 8). Simbolisme dikatakan sebagai satu alat yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan tentang idea, fikiran dan perasaan yang abstrak berhubung dengan kehidupan manusia. Simbol merupakan salah

satu unsur bahasa yang menjadi media pemahaman terhadap objek. Simbol itu adalah sesuatu hal atau keadaan yang memimpin pemahaman subjek kepada objek. Simbol mempunyai erti yang terkandung di dalamnya, misalnya “bunga” yang dirangkaikan menjadi untaian bunga untuk menyatakan ikut atau turut berdukacita atas kematian seseorang. Sebenarnya bukan bunga itu yang penting tetapi pemahaman erti bunga itu yang digunakan sebagai lambang atau simbol untuk menyatakan rasa dukacita itu. Dalam hal ini secara tersirat sifat kejiwaan itu ditonjolkan. Bunga itu telah diluaskan daerah maknanya dan bebas dari kandungan makna yang sebenar. Kajian yang berkaitan dengan pengungkapan simbolik juga sering dikaitkan dengan teori simbolisme.²

Istilah simbolisme bermula daripada sejumlah kecil penyair Perancis yang terkemuka dari tahun 1850 hingga tahun 1920. Pembaharuan teknikal terhadap simbolisme amat menarik perhatian pengarang seperti Gustave Kahn, pelopor agung penggunaan rangkap bebas pada akhir-akhir abad ke-19 di Perancis, dan juga Rene Ghil, pengasas *ecole instrumentiste* yang menggunakan idea-idea perlambangan terhadap irama dan kepentingan bunyi dan perkataan. Yang lain pula lebih tertarik aspek antikebenaran dalam simbolisme seperti Jules Lafourge yang merenung kehidupan manusia secara mengejek dan hampir tidak menyembunyikan perasaan putus asanya terhadap ketidakupayaan manusia melahirkan apa-apa perubahan (Chadwick, 1991: 12).

Penelitian Chadwick banyak memfokuskan perbincangan tentang teori simbolisme. Kajian beliau menyentuh tentang Stephanie Mallarme pernah menyebut hal

² Aspek idealis simbolisme, juga dipraktikkan dalam teater. Pada tahun 1865, Mallarme mencuba mengarang dua drama puisi yang luar biasa, *L'Après-midi d'un Faune* dan *Herodiade*; kedua-duanya terasing daripada kebenaran dan mewujudkan suasana ganjil yang penuh dengan misteri dan halusinasi. Pada masa yang sama pula, Wagner di dalam operanya mencuba mewujudkan kembali dunia bermisteri dalam agenda zaman pertengahan. Pengaruh besar Wagner di Perancis dalam suku akhir abad ke-19 dapat dilihat terutama sekali dengan penubuhan *Reveu Wagnerienne* dalam tahun 1885, yang bersekutu dengan *Reveu* yang ditubuhkan oleh Mallarme. Pertubuhan ini banyak menggalakkan dramatis menyingkirkan realisme dalam teater dan mewujudkan misteri dalam lakonan mereka dengan menggunakan bahasa puitis dan latar yang tidak realistik.

seperti ini dalam tahun 1891 apabila mentakrifkan simbolisme sebagai satu seni yang membangkitkan sesuatu objek sedikit demi sedikit supaya sesuatu suasana dapat didedahkan atau sebaliknya. Henri de Regnier, pengikut Mallarme, menekankan maksud yang serupa apabila mendefinisikan istilah “simbol” sebagai satu perbandingan antara yang abstrak dan yang konkrit dengan satu istilah bagi perbandingan ini hanya disindirkan sahaja.

Simbolisme sebagai satu percubaan menembusi jauh daripada kebenaran untuk sampai kepada dunia idea-idea, sama ada idea dalam diri penyair termasuk emosinya sekali, ataupun idea-idea dalam erti kata idea Platonik yang terkandung di dalam sebuah dunia melebihi dunia biasa, yang sempurna, kemudian menjadi inspirasi manusia. Untuk sampai ke belakang tabir kebenaran ini, terjadilah suatu paduan imej, satu bentuk kesan stereoskop yang menghasilkan dimensi ketiga. Contohnya, simbolisme keinsanan memainkan peranan utama dalam puisi Baudelaire, tetapi mungkin bahagian yang lebih penting yang difokuskan adalah simbolisme transendental.

Menurut Volynoski (dalam Chadwick, 1991: 47);

Simbolisme ialah kesatuan dunia-dunia fenomena dan ketuhanan dalam persembahan artistik. Puisi Perancis pada pertengahan akhir abad 19 telah merintis jalan untuk penyair negara lain membuka langkah baru dalam kepenyairan mereka. Puisi Perancis menggunakan simbolisme dengan penggunaan simbol luar untuk menyampaikan emosi dan idea yang tidak dapat dihuraikan dan menyingkirkan semua kelaziman lama dalam bentuk sastera. Pada hakikatnya kesan simbolisme belum berhenti bergema, dan dunia yang anehnya benar yang banyak wujud dalam kebanyakan karya sastera yang ditulis pada masa kini. Cara ini digarap untuk mencipta keadaan emosi dan tidak mengemukakan perutusan intelektual, dan bentuk yang lari daripada kelaziman yang kerap diutarakan, akan dilihat dalam tahun-tahun akan datang, sebagai budi yang tidak boleh dianggap kecil daripada puisi perlambangan pada akhir abad ke- 19 di Perancis.

Dalam kesusasteraan Melayu, istilah “simbol” dan juga “simbolik” kerap difahami sebagai unsur yang “tersirat”. Safian Hussain (1995: 37) menyatakan bahawa dalam pengertian biasa, simbol adalah sesuatu yang berdiri sebagai dirinya sendiri di samping menyorankan atau memaknakan sesuatu yang lain. Perkaitan penulisan karya

sastera, simbol adalah kiasan yang menggabungkan nilai literal dan nilai penikmatan dengan aspek abstrak atau aspek yang menyaranakan. Simbol tidak jauh bezanya dengan imej dan metafora.

Rene Wellek dan Austin Warren (1998: 315), menyatakan perbezaan dasar hanya terletak pada perulangan dan sifat *persistent* simbol. Sekiranya imej itu dibangkitkan sekali sahaja menjadi metafora tetapi sekiranya imej itu dibangkitkan berulang kali secara *persistent* sebagai presentasi dan juga representasi, maka imej itu akan menjadi simbol.

Dalam puisi, aspek simbol atau perlambangan merupakan aspek semantik yang rapat sekali hubungannya dengan keseluruhan nilai estetika sesebuah puisi. Kebolehan seseorang pengarang menggunakan lambang-lambang yang segar dan berkesan di dalam karyanya amatlah mengagumkan (Haron Daud, 1995: 356). Simbol bukan sahaja dapat dikesan dalam sastera Melayu lama, malahan dalam sastera Melayu moden juga. Misalnya pantun Melayu dapat dikesan banyak simbol yang dipakai bagi maksud penyampaian mesej dan nilai-nilai tertentu. Kuntowijoyo menyatakan, antara simbol dan masyarakatnya secara ontologi tidak dapat dipisahkan (Mohamad Azmi Ab. Rahman, 1992: 3).

Penggunaan simbol dalam karya berkait dengan falsafah keindahan atau estetik dalam pengkaryaan. Al-Ghazali memberi definisi keindahan yang umum sebagai pernyataan kesempurnaan yang diwujudkan berupa sebuah benda dan sesuai dengan hakikatnya. Setiap benda mempunyai satu jenis kesempurnaan yang sesuai dengannya. Walau bagaimanapun sesuatu yang sama sekali berlawanan dengan kesempurnaan itu mungkin merupakan kesempurnaan bagi sebuah benda lain (Braginsky, 1994: 28).

Dalam karya berunsur Islam banyak sekali simbol digunakan. Malahan perlakuan penulis atau penyair Islam itu sendiri tidak boleh dipisahkan dengan simbol. Menurut Ahmad Kamal Abdullah (2010: xxii), al-Quran, baik dari sudut balaghah mahupun seni

membaca Al-Quran, merupakan suatu unsur keindahan tanpa batas yang amat mempengaruhi kehalusan budi penyair Islam. Al-Quran mendedahkan kepada mereka bahawa firman Allah banyak disampaikan melalui simbol yang khas. Setiap naratif Nabi dan Rasulullah sarat dengan simbol atau *al-amthal*. Hal ini makin direalisasikan dengan kehadiran simbolisme ketuhanan dan keagungan-Nya yang terbentang luas. Semua unsur alam itu bersatu memmanifestasikan keagungan dan keindahan yang tertinggi itu.³

Dalam pantun, orang-orang Melayu menggunakan simbol untuk berkias. Selain tidak menunjukkan sesuatu secara terus-terang, terdapat lapis-lapis makna yang menuntut renungan penuh estetika. Dalam banyak situasi menunjukkan kaya dan luasnya maksud ungkapan dalam bahasa Melayu itu. Demikian juga berlaku dalam penulisan prosa moden, termasuk novel-novel dalam kajian ini.

Analisis karya dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh pengarang berbangsa Melayu dan beragama Islam, tentu amat rapat kaitan karya dengan jati diri pengarang dan masyarakat sekelilingnya. Pengaruh dan kesan amalan dan rutin seharian pastinya terserap dalam karya-karya walaupun dalam karya tersebut cuba mengambil latar luar dalam penceritaan. Pengaruh, kesan dan resapan ini perlu dilihat secara lebih dekat. Jika dalam karya bukan Melayu dan bukan Islam, analisis makna siratan akan menemui beberapa perkara yang berkaitan dengan jati diri bangsa pengarang dan agama yang dianutinya.

Dalam novel Ernest Hemingway,⁴ *The Old Man and The Sea*, dikenal pasti banyak makna tersirat namun pembaca memahami pesan yang hendak disampaikan.

³ Dalam masyarakat Melayu Islam, Ahmad Kamal Abdullah memperincikan kaitan simbolisme dengan puisi alam dalam lima kategori, iaitu simbolisme alam flora serta fauna, simbolisme alam akuakultur, simbolisme musim, simbolisme cinta berahi dan simbolisme keakuan. Perkaitan antara perlambangan dan simbol sangat dekat malahan sukar untuk membezakannya. Tafsiran teks tentang lambang atau simbol juga dapat dikaitkan dengan metafora. Lihat Ahmad Kamal Abdullah (2010)

⁴ Novel *The Old Man and The Sea* adalah novel karya Ernest Hemingway yang ditulis di Kuba pada 1951 dan diterbitkan setahun kemudian. Ini adalah karya fiksi terakhir yang dihasilkan oleh Hemingway. *The Old Man and The Sea* adalah sebuah karya dengan bertumpu kehidupan seorang nelayan Kuba yang

The Old Man and The Sea bukan sekadar novel tentang seorang lelaki tua dan laut. Setiap unsur mewakili hal-hal yang berbeza. Ikan marlin merepresentasikan kekuatan, kecantikan, dan cabaran terakhir yang dihadapi. Singa di dalam mimpi membawa simbol pemuda, kebebasan dan juga keperkasaan. Begitu pula dengan watak-watak dengan pemaknaan yang berbeza, seperti Santiago, seorang tua yang berazam untuk kembali ke laut dan seorang anak muda yang bernama Manolin yang digambarkan mewarisi keazaman Santiago. Namun demikian karya-karya Melayu seharusnya mengangkat persoalan bangsa Melayu dan keluhuran agama Islam. Sebagai bukti, beberapa unsur dalam novel *Anak Mat Lela Gila* karya Ishak Haji Muhammad dikesani membawa jati diri Melayu yang kuat dan ketinggian agama Islam.

Dalam al-Quran, banyak sekali peringatan kepada umat supaya memikirkan kekuasaan dan kebesaran Ilahi. Antaranya dalam ayat yang diterjemahkan berikut:

“Sesungguhnya Allah tiada segan membuat perumpamaan berupa nyamuk atau yang lebih rendah dari itu. Adapun orang-orang yang beriman, maka mereka yakin bahawa perumpamaan itu benar dari Tuhan mereka, tetapi mereka yang kafir mengatakan: “Apakah maksud Allah menjadikan ini untuk perumpamaan?” Dengan perumpamaan itu banyak orang yang disesatkan Allah, dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberi-Nya petunjuk. Dan tidak ada yang disesatkan Allah kecuali orang-orang yang fasik, (iaitu) orang-orang yang melanggar perjanjian Allah sesudah perjanjian itu teguh, dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah (kepada mereka) untuk menghubungkannya dan membuat kerosakan di muka bumi. mereka Itulah orang-orang yang rugi.”
(Surah Al-Baqarah, Ayat 26-27).

Makna siratan yang dibincangkan membawa maksud segala yang berkaitan dengan pernyataan secara tersirat berdasarkan pandangan dan gagasan tentang alam Melayu. Pengungkapan yang membawa makna tersirat juga dapat difahami sebagai pengungkapan simbolik dalam kajian lain. Simbolik sebagai tanda yang diperoleh daripada pengungkapan dalam novel dipilih daripada objek yang wujud. Contohnya

uzur dan seekor ikan marlin raksasa yang berada jauh di Gulf Stream. Sungguhpun mendapat banyak kritikan, karya ini amat terkenal baik dalam biografi Hemingway sendiri mahupun dalam wacana fiksyen abad ke-20. Diakui, novel ini telah mengukuhkan signifikansi sastera dunia Hemingway dan melayakkannya menerima Hadiah Nobel bidang kesusasteraan pada tahun 1954.

dalam novel *Sebelas Rejab*, “keris” dibincangkan sebagai tanda yang membawa maksud kepahlawanan seseorang dan juga menunjukkan maruah bangsa Melayu. Dalam *Naratif Ogonshoto*, antara unsur tersirat yang dipilih ialah, alam seperti haiwan iaitu burung hering yang membawa tafsiran sebagai kekejaman dan kerakusan segelintir manusia dalam politik.

Perbincangan tentang makna siratan dapat dikaitkan dengan pendapat oleh Geertz (1973: 18) yang mengatakan;

...sebagai budaya yang paling efektif diolah semata-mata sebagai sistem simbolik dengan mengasingkan unsurnya, menentukan perhubungan dalaman antara semua unsur ini dan kemudian mencirikan seluruh sistem mengikut cara tertentu. Simbol atau yang tersirat yang diungkapkan oleh para pengarang amat rapat dengan latar kepengarangan dan masyarakat. Keadaan ini tentunya menurut simbol teras yang digunakan untuk menyusun budaya tersebut iaitu bagi masyarakat Melayu budaya Melayu dan agama Islam sebagai struktur asas yang mendasari ungkapan permukaan atau prinsip asas ideologi.

Geertz menjelaskan siratan ini sebahagian besarnya ialah perkataan, tetapi termasuk juga gerak-geri, lukisan, bunyi muzik, peranti mekanikal seperti jam atau objek semula jadi seperti barang kemas, malah apa juga yang dipisahkan tidak lebih daripada kenyataannya dan digunakan untuk memberi makna kepada sesuatu pengalaman.

Makna siratan dalam karya dapat dihubungkan juga dengan istilah-istilah lain yang berkaitan. Antaranya adalah alegori, ironi, metafora dan satira. Alegori adalah satu kategori gaya bahasa perbandingan. Alegori menjelaskan sesuatu dengan tidak langsung melalui kiasan atau gambaran yang berhubungan dengan sesuatu yang abstrak.

Alegori dapat didefinisikan sebagai;

The concrete presentation of an abstract idea, typically in a narrative – whether prose, verse, or drama – with at least two levels of meaning. the first level is surface story line, which can be summed up by stating who did what to whom when. The second level is typically moral, political, philosophical, or religious.

(Murfin & Ray 2009: 10).

Manakala ironi adalah sesuatu percakapan atau perbuatan yang bertentangan dengan apa yang disampaikan. Ironi didefinisikan sebagai;

A contradiction or incongruity between appearance or expectation and reality. This disparity may be manifested in a variety of ways. A discrepancy may exist between what someone says and what really happens, or between what appears to be true and what actually is true.
(Murfin & Ray 2009: 251).

Makna siratan juga dapat dikaitkan dengan metafora. Metafora berasal dari perkataan Greek *metaphora* yang beerti mengindahkan, iaitu *meta* di atas dan *pherein* bermakna membawa (Hawkes, 1972: 1).

Za'ba dalam *Ilmu Mengarang Melayu* (2000) di bawah bab kiasan berpindah telah membahagikan metafora Melayu kepada tujuh bentuk, iaitu bentuk kiasan sandar, kiasan terus, kiasan berangkap, kiasan berbunga, kiasan gayang atau pemanis, kiasan melompat dan kiasan melarat. Metafora ialah perbandingan antara dua perkara yang berlainan sifat tetapi mempunyai sesuatu yang sama.

Metafora dalam bentuk lazim dikenali sebagai suatu perbandingan dalam kesusasteraan Melayu moden. Metafora merupakan sesuatu yang lebih asas daripada bahasa figuratif yang lain kerana terhasil bukan sahaja menandakan kepada penutur dan pendengar persamaan yang terdapat dalam domain-domain berbeza dibandingkan, tetapi menentukan cara mana masyarakat berbahasa melihat realiti mereka. Dalam kesusasteraan Islam (bahasa Arab) istilah *majaz* daripada bahasa Arab merupakan perbandingan yang tergolong dalam kedudukan simile (*tashbih*) dan metonimi (*kinayah*). Sehubungan itu, metafora dikatakan tidak terikat kepada makna dua lapis dan tidak pula memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. maka pada hakikatnya metafora itu dapat dikatakan ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau analogi.

Menurut Muhammad Haji Salleh (1996: 109), kata *metaphor* seperti banyak istilah sastera yang dipinjam daripada bahasa Yunani dengan maksud membawa ke

sesuatu yang lain, di sini dimaksudkan suatu cara pengucapan di mana makna sesebuah kata atau frasa dipindahkan daripada kata itu kepada kata yang lainnya.

Istilah “metafora” pasti datang daripada bahasa Yunani, dan bahasa Melayu mengambilnya lewat bahasa Inggeris. Istilah Melayu yang digalur ke dalam sastera tradisional ialah kiasan, ibarat dan juga misalan. Ibarat dalam konteks ini bermaksud contoh, teladan dan misalan, manakala kiasan pula ialah, analogi yakni teknik penyampaian makna melalui penyaman situasi di antara dua hal yang berlainan. Hal-hal yang mungkin mujarad atau kabur diturunkan kepada yang konkrit dan hal-hal yang konkrit dapat diberi lompatan kenyataan sehingga pendengar mengikut bersama di antara kenyataan dan imaginasi, di antara konkrit kepada makna mujarad.

Makna siratan dalam bentuk yang dinamakan perlambangan, metafora, majaz dan yang lain memberikan kesan estetika kepada pembaca. Al- Ghazali memberi definisi keindahan yang umum sebagai pernyataan kesempurnaan yang diwujudkan berupa sebuah benda dan sesuai dengan hakikatnya. Setiap benda mempunyai satu jenis kesempurnaan yang sesuai dengannya. Walau bagaimanapun sesuatu yang sama sekali berlawanan dengan kesempurnaan itu mungkin merupakan kesempurnaan bagi sebuah benda lain. Keindahan menyatakan diri secara paling bagus kalau sebuah benda mempunyai semua ciri kesempurnaan. Ketiadaan beberapa ciri berkenaan mengakibatkan keindahan yang menjelma berupa benda tersebut pasti merosot secara berkadar (V.I. Braginsky, 1994: 28).

Kesan-kesan keindahan tersebut lahir daripada pemikiran yang bernas dan kreatif para pengarang. Metafora yang menggunakan benda sebagai imej adalah metafora yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat bagi menampilkan makna yang tersirat. Bahasa kiasan yang bersifat implisit ini mempunyai makna tersirat namun difahami dengan mudah oleh penuturnya kerana kebiasaan menggunakannya dalam perbualan sehari-hari. Metafora jenis ini telah lama wujud semenjak zaman dahulu. Penciptaan

metafora yang menggunakan unsur-unsur benda-benda yang digunakan dalam kehidupan tradisional dapat melahirkan bahasa kiasan yang indah dan puitis. Antaranya ialah “belakang parang kalau diasah lagikan tajam, inikan pula otak manusia”. Bahasa kiasan yang menunjukkan penggunaan imej “belakang parang” sering diucap ketika menasihati kanak-kanak atau individu agar tidak lekas berputus asa. Belakang parang dalam pernyataan imej adalah perlambangan kepada sifat manusia yang bodoh dan kurang cerdas.

Sebagaimana menurut Aristoteles (384-322 SM), metafora merupakan ungkapan kebahasaan untuk menyatakan hal yang umum bagi hal yang khusus, hal yang khusus bagi yang khusus, yang khusus bagi yang umum, atau dengan analogi. Sementara bagi Quintilian (35-95 M), metafora dipandang sebagai ungkapan kebahasaan untuk menyatakan sesuatu yang hidup bagi sesuatu yang hidup lainnya, sesuatu yang hidup untuk sesuatu yang mati, sesuatu yang mati untuk sesuatu yang hidup, dan sesuatu yang mati untuk sesuatu yang mati lainnya.

Dalam makna harfiah, belakang parang adalah besi yang tumpul dan memerlukan usaha yang berlebihan untuk menajamkan. Jadi penggunaan imej belakang parang, menjelaskan makna perbandingan usaha yang bersungguh-sungguh bagi menjadikannya belakang parang tajam sama seperti mata parang. Perbandingan ini memberi pernyataan makna secara khusus bagi melambangkan sikap manusia dan tingkah laku manusia yang dikaitkan dengan ungkapan ini. Metafora ini dapat digunakan secara halus dalam menyampaikan mesej kepada pendengarnya tanpa menggunakan kalimat atau ungkapan yang agak kasar dan biadab seperti “orang bodoh” atau “orang dungu”.

Pengertian metafora sangat luas. *Meta* dan *phrein* adalah kata-kata yang berasal daripada bahasa Greek dan seterusnya membentuk perkataan metafora. *Meta* bermaksud “atas” dan *phrein* bermaksud “diangkat”. Metafora merujuk kepada satu set proses linguistik yang mana sesetengah karakteristik sesuatu subjek “diangkat ke atas” atau

dipindahkan kepada objek yang lain. Oleh yang demikian, jika objek yang kedua dituturkan atau diaplikasikan seolah-olah berada pada kedudukan objek yang pertama.

Menurut Rahman Shaari (1986: 7), metafora ialah penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain dari makna yang tersurat. Metafora sejenis bahasa figuratif yang memberi sifat secara perbandingan atau kiasan. Contoh perkataan api maknanya nyalaan panas yang membakar, mata alat untuk melihat. Kedua-dua perkataan api dan mata boleh menjadi metafora seperti di “matanya ada api”.

Menurut Asmah Haji Omar (1996: 23), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu di mana metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1993: 19), pula berpendapat bahawa metafora ialah kiasan yang tidak menggunakan perkataan-perkataan seperti “seolah-olah” , “ibarat”, “seakan-akan”, “bak”, “seperti”, “laksana”, “macam”, “bagai” dan “umpama”. Dalam ayat “Budak itu lembu”, “Lembu” ialah metafora. Dalam ayat “Budak itu bodoh seperti lembu”. Perkataan “lembu” ialah perumpamaan kerana terdapat perkataan “seperti” sebelum “lembu”.

Cruse (2004: 198) berpendapat metafora ialah penggunaan kata atau frasa untuk makna yang berbeza literal. Metafora berhubungan dengan dua struktur fundamental lainnya, iaitu ; pertama, skema percitraan (*image schemas*), dasar kerangka kerja konseptual yang terbentuk dari persepsi dan seluruh pengalaman; kedua, dengan apa yang dinyatakan oleh Fauconnier (1985 dan 1994) sebagaimana yang dikumpul oleh Saeed (1997: 302) sebagai ruang mental (*mental spaces*).

Definisi metafora menurut Beekman dan Callow (1974: 77) adalah perbandingan bahasa yang implisit. Beekman dan Callow menjelaskan bahawa metafora terdiri daripada tiga bahagian iaitu (a) topik; iaitu benda atau hal yang dibincangkan; (b) imej,

yang merupakan sebahagian daripada metafora yang digunakan untuk menghuraikan topik dalam perbandingan; (c) titik persamaan, iaitu bahagian yang menunjukkan persamaan topik dan imej.

Ensiklopedia Amerika (1994) mentafsirkan metafora adalah digambarkan sebagai suatu perbandingan tersirat antara dua hal berlainan, suatu analogi yang secara khayalan menggambarkan satu objek dengan yang lain dan yang lain dianggap berasal dari kualiti terbaik yang kedua dan bermodalkan yang pertama dengan erti tambahan lain.

Mengikut istilah gaya bahasa sastera pula, metafora merupakan perbandingan yang membawa maksud lain daripada makna sebenar kata atau frasa tersebut. Gaya bahasa perbandingan lain adalah seperti hiperbola. Kebiasaannya metafora terdiri daripada dua patah kata contohnya seperti “lembah duka”, “lautan api”, “kota kesengsaraan”, “cahaya kepintaran”, “tunas harapan”, “padang kehidupan”, “madu kesusahan”, “cuka kesangsian” dan “piala remaja”.

Hawkes (1986), pula berpendapat metafora ialah suatu cara untuk mendeskripsikan sesuatu dengan mengatakan bahawa terdapat suatu perkara lain yang mempunyai kualiti terhadap sesuatu yang hendak dijelaskan.

Hassan Ahmad (2003: 3) menyatakan bahawa dipercayai orang yang pertama cuba mentakrifkan makna metafora atau *isti'arah* (bahasa Arab) lebih kurang 2, 300 tahun dahulu. Dalam karya ‘Poetika’ Aristotle mengatakan bahawa metafora terhasil apabila sesuatu benda diberi nama (iaitu makna) yang dimiliki oleh benda lain, pemindahan (makna). Terdapat tiga ciri metafora dalam takrif Aristotle iaitu; pertama, metafora berlaku di peringkat perkataan dan tidak di peringkat ayat. Kedua, pada bahagian lain dalam karya yang sama, Aristotle menganggap metafora sebagai penyelewengan atau *deviant* daripada bahasa harfiah. Ketiga, metafora dibentuk daripada persamaan antara dua benda. Oleh itu, pada asasnya melalui metafora manusia cuba melihat sesuatu berdasarkan sesuatu yang lain.

Keraf (1992: 139) dan Pradopo (1994: 66) mengatakan metafora adalah analogi yang membandingkan dua hal secara langsung tetapi dalam bentuk yang singkat seperti biduk kehidupan, kolam kerinduan, panah kejahatan dan sebagainya. Sebagai bentuk perbandingan langsung, metafora tidak mempergunakan kata seperti, bak, bagaikan, laksana dan sebagainya. Metafora itu melihat sesuatu dengan perantaraan benda yang lain dan menyatakan sesuatu sebagai hal yang sama atau senilai dengan hal lain yang sememangnya tidak serupa.

Unsur-unsur estetika Melayu yang digambarkan dalam ungkapan secara tersirat berbentuk kiasan atau metafora. Kajian berkenaan kiasan dan metafora memperlihatkan pemikiran Melayu daripada sudut kebijaksanaan dan keindahan dalam bahasa Melayu di samping mengangkat dan mengekal tradisi keistimewaan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Kiasan atau metafora ini merupakan lambang sebagai bukti kebijaksanaan pemikiran Melayu dari sudut ungkapan bahasa, kepekaan terhadap unsur etnografi, budaya dan pendidikan yang berterusan.

3.3 Pembentukan Teori Sastera Tempatan

Berkenaan pembinaan teori kesusasteraan tempatan, seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, Gagasan Kritikan Melayu menyambut cabaran dengan hujahan ke arah kemantapannya. Seperti yang dinyatakan oleh Md. Salleh Yaapar dalam makalahnya bertajuk “Teori Sastera Mandiri dalam Perkembangan Globalisasi” (2002: 23-27), hasrat seperti ini sudah disuarakan dari masa ke masa oleh sarjana-sarjana tempatan. Usaha-usaha juga telah lama dimulakan, umpamanya sejak tulisan Ismail Hussein dalam “The Study of Traditional Malay Literature” diterbitkan pada Disember 1966, tentang kaedah pengkajian sastera Melayu tradisional.

Teori sastra ialah kategori pemikiran yang menyediakan kriteria-kriteria bagi menentukan status kesusasteraan karya atau teks, pendekatan-pendekatan dan prosedur-prosedur untuk membolehkan khalayak dan pengkaji memahami dan menilai karya atau teks (Webster, R., 1996: 8-9).

Pernyataan berikut menyokong keperluan pembinaan dan kemantapan teori sastra tempatan;

Teori sastra tentang karya/ teks sewajarnya memberi perhatian terhadap struktur dan nilai karya/ teks sebagai objek estetik, terhadap hubungannya dengan manusia sebagai pengarang dan khalayaknya, dan terhadap hubungannya dengan alam dan kehidupan. Dalam konteks pemerhatian seperti ini, umpamanya M.H. Abrams, menampilkan teori ekspresif, teori mimetik, teori objektif dan teori pragmatik yang dikenali luas bukan sahaja di Barat tetapi juga di Timur. Menurut teori-teori ini nilai sesebuah karya/ teks pada asasnya bergantung masing-masing kepada keberkesanan ekspresi pengarang, kejayaannya meniru alam/ kehidupan, keutuhan dan keindahan seni yang diciptanya, dan kemanfaatan karyanya bagi kehidupan manusia. (Md. Salleh Yaapar, 2002: 26).

Berkaitan pernyataan Md. Salleh Yaapar tersebut, jelas betapa perlu teori sastra tempatan dibina dan dikukuhkan. Teori yang bermula dengan gagasan-gagasan ini berbagai-bagai nama dan prinsipnya. Terdapat kewajaran bahawa sesebuah karya atau teks pada asasnya bergantung masing-masing kepada keberkesanan ekspresi pengarang yang tinggal dalam lingkungan masyarakat dan amat terpengaruh dengan unsur alam. Pemikiran dan perasaan para pengarang yang dibawakan dalam karya mereka merupakan pengaruh sebagai meniru alam dan kehidupan, keutuhan dan keindahan seni yang diciptanya. Sehubungan itu, karya-karya tersebut dapat memberi faedah dan kemanfaatan bagi kehidupan manusia yang lain.

Pembentukan teori sastra tempatan yang kukuh daripada asas pemikiran masyarakat Melayu sangat rapat dengan jati diri dan keperibadian Melayu itu sendiri.

Memetik pendapat Md. Salleh Yaapar;

Kewujudan sesebuah teori sastra bagi sesuatu bangsa tentunya bermula dengan usaha gigih seseorang individu atau satu generasi bangsa berkenaan yang mempunyai visi dan misi yang jelas. Namun faktor-faktor lain juga

turut memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah teori. Secara umumnya faktor-faktor itu ialah manusia yang membina teori berkenaan (kesedaran tentang dirinya, tasawwurnya, visi dan misinya, kekuatan wacananya), masyarakat (visi, identiti, orientasi dan kehendaknya), budaya dan tradisinya (kekuatan, kelemahan, kesinambungan dan *elennya*, suasana dan kehendak zaman serta impak dan hubung kait global (penjajahan dan globalisasi).
(2002: 27)

Kepentingan mengangkat sesebuah teori tempatan berkaitan dengan kelahiran teori tersebut daripada generasi bangsa yang mempunyai visi yang kukuh dan jelas. namun demikian bergantung kepada kekuatan wacana dan kerelevanan dengan masa mendatang.

Zawiah Yahya (2010: 9) pernah memperkatakan tentang pembinaan teori tempatan. Beliau menyatakan;

...of the need for theory in Malay literary criticism, the impetus behind the project and problematics involved in the attempt to factor in indigenous tradition and belief system. In the process of doing this, we need to walk through some Malay theories already in the making: the Malay-centric theories of Puitika Melayu by Muhammad Haji Salleh and Pengkaedahan Melayu by Hashim Awang; the Islam-centric theories of Persuratan Baru by Mohammad Affandi Hassan and Takmilah by Shafie Abu Bakar; and the Eurocentric theories of Teksdealisme by Mana Sikana, Kata-Kunci of Mohamad Mokhtar Hassan and Rasa-Fenomenologi of Suhaimi Abdul Aziz.

Dengan menyebut teori tempatan seperti Pengkaedahan Melayu, Persuratan Baru, Takmiillah, Teksdealisme, Kata Kunci dan Rasa-Fenemologi, jelas bahawa perkara yang membina sesebuah teori atau gagasan tempatan tersebut sangat berkait dengan kepercayaan, jati diri, lingkungan alam dan pemikiran para pengarang yang lahir dalam masyarakat itu sendiri. Dalam hal ini masyarakat Melayu yang membawa teori sastera Melayu.

Dalam sejarah kesusasteraan Eropah genre kritikan agak awal dan mencapai bentuk yang agak matang melalui karya-karya Plato dan Aristotle. Dasar perspektif

seni sebagai penyalinan (*imitation*) alam dan kehidupan dibuat dan dikembangkan dengan agak menarik. Kesusasteraan dilihat sebagai berfungsi membersihkan jiwa manusia melalui suatu pengalaman katarsis. Unsur keindahan dalam kesusasteraan diiktiraf sebagai ciptaan taraf tinggi. Pertumbuhannya di Yunani menjadi akar kepada suatu pohon yang rimbun yang membesar subur di Eropah dan Benua Amerika.

Menurut Muhammad Haji Salleh dan Amdun Husain (1987: x), perkembangan seterusnya membawa kepada zaman Renaissance. Teks Aristotle ditemui kembali dan dengan terjemahan karya-karya Yunani dan Latin timbul pula suatu suasana dan perbincangan baru. Persoalan teknikal dalam sesebuah karya mendapat perhatian dan unsur-unsur fantastik, alegori dan mitologi dibincangkan dengan rancak.

Muhammad Haji Salleh dan Amdun Husain (1987: xi) seterusnya menyatakan bahawa Matthew Arnold, pengkritik Inggeris yang utama pada kurun ke-19, menghimpunkan wawasan pentingnya dalam karya *The Study of Poetry* (Pengkajian Puisi). Dalam buku ini, beliau mencuba menggalurkan sifat-sifat karya-karya penting dan mencari kayu pengukur dalam pengkajinya. Arnold melihat wujudnya beberapa dasar, termasuk kebenaran dan keseriusan yang tinggi, yang harus digunakan dalam menilai karya-karya kesusasteraan. Puisi yang baik, padanya, ialah “suatu kritikan kehidupan” yang terlibat di dalam menilai apa-apa yang berlaku pada manusia dan masyarakatnya.

Kemudian, pada sekitar tahun-tahun pertengahan kurun ke-19 timbul pula beberapa aliran baru, seperti pengaruh dan respons terhadap pemikiran Hegel. Aliran-aliran ini berbentuk pandangan-pandangan yang berlandaskan sejarah yang bersifat saintifik, realistik atau sosiologi. Oleh itu, diketemui di Perancis pemikir-pemikir seperti Hippolyte Adolphe Taine yang mengesyorkan bahawa pengkaji harus mencari akar

kesusasteraan dalam bangsa, persekitaran dan zamannya, kerana unsur-unsur inilah yang akan menentukan bentuk, pemikiran, taraf teknik sesebuah karya.

Di Asia, negara India yang pertama sekali menurunkan suatu teori kesusasteraan dan kesenian. Teori atau panduan ini ditulis lebih 2000 tahun yang lalu dan muncul dalam kitab *Natyasastra* hasil kerja Baharata. Manakala di China, Liu Hseih ialah seorang pengkritik dan sejarawan awal China yang penting kerana melaluinya telah berpuncak suatu perkembangan pemikiran tentang kesusasteraan dan estetika Cina purba. Buku yang mengumpul pemikiran Liu ini bertajuk *Wen-hsin tiao-lung* (Pemikiran Sastera: Suatu Pemilihan).

Dari Asia Barat, Abu al-Faraj Qudamah ibn Ja'far merupakan seorang pengkritik yang berpengaruh. Dalam *Naqd al-Shi'r*, ibn Ja'far menganalisis puisi untuk pertama kalinya secara sistematik. Penciptaan puisi dilihat sebagai melalui tahap-tahap agak sama dengan penciptaan ilmu, iaitu persediaan harus mendahuluinya serta dengan bakat dasar serta latihan yang sesuai. Puisi dan penyair dianggap sebagai bahagian penting dalam peradaban serta kehidupan masyarakat.

Tradisi Nusantara pada awalnya tidak terlalu menggalakkan penurunan pendapat tentang estetika karya dan persembahan. Namun demikian antara pernyataan dalam bentuk mukadimah yang penting ialah dalam "Mukadimah" Sejarah Melayu. Dalam Mukadimah Sejarah Melayu, ditemukan dengan kenyataan bahawa hasil kesusasteraan adalah karya ciptaan bersama, yang dapat "diperbaiki" oleh pengarang dari zaman yang sama atau terkemudian. Daripada "Mukadimah" dan kandungan Sejarah Melayu juga dapat disimpulkan bahawa kesusasteraan bertujuan mengajar, menyampaikan ajaran sejarah-sejarah dan kehidupan, dan penulis bertanggungjawab untuk menyampaikannya dalam kesenian yang terhalus mungkin.

Dalam kajian kesusasteraan Melayu, banyak sekali teori yang diaplikasi untuk menganalisis mahupun mengulas sesebuah karya. Teori-teori tersebut diambil daripada pandangan teori dari Barat yang semakin bercambah. Namun demikian, terdapat juga kajian dan analisis yang mengaplikasikan teori-teori tempatan.

Selain meneruskan kerancangan kajian dan interpretasi terhadap kesusasteraan mutakhir, kesusasteraan tradisional tetap dianggap sebagai akar sumber teori sastera Melayu. Antara teori sastera Melayu moden yang menjadikan kesusasteraan tradisional sebagai sumbernya ialah Puitika Sastera Melayu yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dan Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Muhammad Haji Salleh menggali kembali konsep pengarang, teks dan khalayak Melayu berdasarkan pantun dan hikayat (Mawar Shafei, 2010: 27).

Antara teori tempatan yang sering dijadikan panduan untuk pengkajian sastera Melayu ialah Teori Pengkaedahan Melayu.⁵ Teori Pengkaedahan Melayu

⁵ Teori Pengkaedahan Melayu dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 hingga 1 November 1989. Empat pendekatan dibawakan iaitu, pertama ialah Pendekatan Gunaan. Pendekatan ini adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek-objek dari hasil ciptaan: objek-objek alam lainnya diciptakan Tuhan, manakala sastera ciptaan manusia. Dengan berdasarkan kepada pegangan begini, maka sastera dapat dilihat sebagai satu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Di samping itu, kejadiannya itu paling utamanya boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain. Pendekatan berikutnya sebagai Pendekatan Moral. Ini sesungguhnya timbul adalah dari ekoran tanggapan dasar yang dipegang dalam pendekatan pertama di atas tadi jua- iaitu sastera di samping dianggap sebagai objek alam, merupakan suatu kejadian alam; tetapi kejadian alam di sini bukan lagi berupa satu kewujudan berbentuk alat atau benda, melainkan bersifat pengalaman hidup pula. Pengkaedahan alamiah diperengkap dengan Pendekatan Firasat. Pendekatan ini ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup; dan di sini, kejadian tersebut adalah dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup yang penuh misteri – yang oleh masyarakat Melayu – sering dianggap sebagai bermakna kepada kehidupan. Kedua, Pendekatan Dakwah, melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah. sastera, dalam maksud tanggapan kudus begini, sewajarnya mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah. Sastera dapat dijadikan semacam “kitab” yang darinya insan dapat mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat diri tuhan yang demikian itu, sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadapnya. Pendekatan Masyarakat pula menganggap sastera sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakar kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, seperti yang dituntut oleh Islam. Pendekatan Seni berupa pendekatan menjadikan unsur keindahan dalam sastera sebagai persoalan pokok. Keindahan di sini ialah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam, yang sudah pasti tidak bertentangan dengan aqidah serta ajaran Islam. Lihat Hashim Awang (1997: 122-123).

Antara teori kajian sastera tempatan yang lain ialah Teori Takmillah, Teori Persuratan Baru, Teori Taabudiyah, Teori Rasa-Insaniah dan Teori Estetika Bersepadu.

dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 hingga 1 November 1989. Empat pendekatan dibawakan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Firasat.

Selain itu terdapat beberapa teori sastera tempatan lain yang diaplikasi dalam kajian karya kesusasteraan. Antara teori kajian kesusasteraan tempatan ialah, Teori Takmillah yang dibawakan oleh Shafie Abu Bakar (1993), Gagasan Persuratan Baru diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan (2002), Teksdealisme oleh Mana Sikana (1996), Teori SBP4L oleh Mohd Yusof Hassan (2004), Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohammad Mokhtar Hassan (2005), Rasa-Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz (2002), Sastera Warisan oleh A.Wahab Ali (2009), Anjakan Makna oleh Rahman Shaari (2009) dan Estetika Bersepadu oleh Abdul Halim Ali (2010). Setiap teori mempunyai kaedah analisis dan fokus perbincangan yang tertentu. Namun demikian, selain teori semiotik dan simbolisme yang terkenal di Barat, teori tempatan yang berkaitan dengan analisis makna siratan tidak banyak dihebahkan.

Kepelbagaian wajar diraikan yang akhirnya akan membawa kepada satu kesepakatan. Sehubungan itu, adalah wajar pembinaan dan kemantapan sebuah teori pengkajian kesusasteraan tempatan yang dinamakan Gagasan Kritikan Melayu.

3.4 Gagasan Kritikan Melayu

Proses analisis teks bagi kajian ini mengikut kerangka teoretikal. Bagi tujuan tersebut, satu kerangka analisis disediakan yang dinamakan Kerangka Teoretikal Analisis Makna Siratan dalam Novel Melayu seperti dinyatakan dalam Bab 1. Seterusnya bahagian ini mengandungi perbincangan Gagasan Kritikan Melayu dan prinsip-prinsip gagasan teori tersebut.

Perkataan “kritik” adalah daripada bahasa Inggeris, *critic*. Konsep kritik dalam masyarakat Melayu disebut sebagai teguran dan sindiran. Teguran dan sindiran ini disampaikan secara langsung, namun yang lebih mendalam dinyatakan dalam bentuk tersirat atau mengandungi kiasan dan perlambangan.

Melalui penghasilan karya kesusasteraan, para pengarang menyampaikan kritikan dan saranan untuk kebaikan pembaca, yakni masyarakat. Setiap bangsa di dunia ini mempunyai latar kehidupan yang tersendiri. Keadaan masyarakat serta politik yang tersendiri. Sejak sekian lama, tradisi mengkritik masyarakat sama ada untuk menegur seseorang individu, pemimpin mahupun masyarakat seluruhnya, karya-karya sastera adalah antara mediumnya. Namun demikian, terdapat juga kritikan yang disampaikan secara langsung atau terus tanpa tersirat dan kiasan.

Danziger dan Johnson (1983: vii) menyatakan kritikan sastera telah ditakrif sebagai suatu seni menilai, sama ada untuk mengecam atau memuji sesuatu karya. Samuel Johnson, misalnya, pernah menyifatkan seorang pengkritik itu sebagai “orang yang berkebolehan untuk membezakan antara kelemahan dan keindahan dalam sesebuah karya sastera”. Menurut Elder Olson (Wellek, 1971: 316), kritikan memberi pengertian falsafah yang tetap terhadap konsep seni. Perkataan “kritik” berasal daripada *krites* dalam bahasa Yunani, bererti *judge* atau hakim atau *a person skilled to decide*. Kata itu diluaskan kepada kalimat *krinen* bererti *to judge* atau menghakim. Dalam

kesusasteraan diguna *kritikos*, yang memberi erti menilai sastera, menilai buku atau menilai sesuatu, terutama yang berhubungan dengan estetika.

Menurut HB Jasin (1952: 42), kritik kesusasteraan ialah pertimbangan baik atau buruk sesuatu hasil kesusasteraan. Pertimbangan itu tentu dengan memberikan alasan-alasan mengenai isi dan bentuk hasil kesusasteraan. Jadi, jelas bahawa kritik itu adalah satu ilmu yang berkembang begitu lama untuk memahami sesuatu karya sastera. Lebih jelas, ilmu kritik ini merupakan suatu kaedah atau cara untuk memahami dan menikmati di samping membuat penilaian secara objektif dan subjektif terhadap sesebuah karya sastera berhubung dengan estetik, falsafah, mesej, struktur, plot, latar, teknik, tema dan stail sesuatu karya sastera.

Menurut S. Othman Kelantan (1986: 39), bidang kritikan merupakan satu bentuk pengkajian yang mendalami pelbagai aspek sebagai kajian. Kritikan sebagai satu disiplin ilmu muncul akhir 1970-an atau awal 1980-an apabila sarjana di institusi pengajian tinggi telah muncul sebagai pengkaji dan peneliti kesusasteraan secara serius. Pengkritik tidak lagi sekadar mengulas, menerangkan isi cerita, atau memberi hukuman, tetapi memperlihatkan keragaman bentuk kritikan dan menunjangkan ilmu. Teori-teori baru yang dipelajari bulat-bulat tanpa penyesuaian dengan iklim kesusasteraan Melayu, walaupun berdasarkan ilmu yang mendalam, menjadi agak ganjil dan aneh, dan sukar diterima. Penilaian ke atas karya kreatif Melayu menjadi tidak menentu apabila ukuran penilaiannya bertolak daripada teori Barat. Perkara ini banyak diperkatakan oleh para sarjana Melayu di pusat pengajian tinggi. Ada antara sarjana yang telah mengemukakan beberapa teori dari sudut pandangan Melayu dan Islam sebagai pilihan.

Kritikan sebagai dasar ilmu pengetahuan mulai diperhitungkan dengan teliti terutama ketika para sarjana mulai mendekatkan hasil kesusasteraan dan seni kreatif ke mata rakyat umum, bukan hanya milik kaum elit sastera semata-mata (S. Othman Kelantan, 1986: 41). Dalam waktu yang sama, kritikan dalam masyarakat Melayu telah

lama wujud dalam perbincangan ini disebut kritikan orang Melayu. Kritikan dilakukan terhadap masyarakat biasa dan juga terhadap golongan atasan atau feudal. Apabila masyarakat Melayu semakin berilmu dan tertubuhnya institusi pemerintahan yang kukuh, tradisi kesusasteraan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan istana. Untuk membetulkan pemikiran golongan feudal yang menguasai istana, para pengarang telah menggunakan pelbagai lambang, imej dan situasi tertentu dengan cara penuh sopan, tetapi tepat dan tajam. Ini dapat dilihat dalam karya klasik Melayu seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja-raja Banjar dan Kota Ringin*, *Hikayat Seri Kelantan*, *Hikayat Pahang*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* dan *Misa Melayu*.

Perbincangan tentang kritikan yang disampaikan oleh seseorang pengarang dalam karya relevan dengan satu genre dalam kesusasteraan yang diistilahkan sebagai satira. Menurut S. Othman Kelantan (2005: 269), maksud daripada istilah “satira” yang terpenting ialah kritik. Kritik itu muncul daripada perubahan masyarakat kerana adanya perubahan dalam sejarah. Hal ini berdasarkan fakta atau kebenaran yang ditimbulkan oleh pergolakan dalam masyarakat. Pergolakan yang mewujudkan pelbagai kepincangan akan menyebabkan lahirnya kritik. Kritik itulah yang mewujudkan satira. Satira mengundang anggota masyarakat supaya kembali melihat diri mereka atau mentertawakan kebodohan yang lalu dan meninggalkan kejahatan diri. Walaupun kritikan terhadap masyarakat menjadi dasar terpenting dalam satira, tetapi unsur lain seperti sindir, tempelak, giat, ejek, senda, perli, keji, cemuh dan olok-olok masih termasuk dalam unsur satira yang dianalisis dalam kajian ini kerana semua unsur itu secara langsung atau tidak langsung melahirkan kritikan. Pemikiran satira wujud daripada lingkungan alam masyarakat itu sendiri. Bermula dengan cerita kutu di atas kepala, iaitu dari dalam rumah, yang membawa konsep kebersihan wajah kemudian

kepada cerita binatang seperti kura-kura menang berlumba dengan arnab, siput menang berlumba dengan arnab, siput menang berlumba dengan helang dan lain-lain.

Pemikiran satira tentang politik dibawakan oleh pengarang tertentu dalam karya kesusasteraan sejak sebelum sehingga selepas perang. Dalam konteks negara Malaysia, sindiran kepada sikap Inggeris yang tidak mengenal budaya Melayu telah diungkapkan dalam novel-novel bertema politik. Orang Melayu memberi tanggapan “gila” kepada nasionalis. Antaranya apabila berlakunya peristiwa raja-raja Melayu yang “menjualkan” Singapura, Melaka, Pulau Pinang dan Patani. “Kegilaan” ahli politik seperti “bapa ayam” yang akhirnya dapat diketahui rakyat tentang keburukannya (S. Othman Kelantan, 2005: 257).

Gagasan Kritikan Melayu diperkenalkan oleh Dr. Syed Othman Syed Omar yang juga menggunakan nama S. Othman Kelantan pada Pidato Karyawan Tamu Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya Kuala Lumpur pada 20 Jun 1998. Kertas kerja setebal 54 halaman yang dibincangkan bertajuk “Kritikan Melayu: Penemuan Awal”. Kertas kerja tersebut kemudiannya disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* dengan judul “Kritikan Melayu” Bahagian Pertama pada bulan September 1998, Bahagian Kedua pada bulan Oktober 1998 dan Bahagian Ketiga pada bulan November 1998.

Untuk memantapkan lagi gagasan ini, S. Othman Kelantan telah membentangkannya dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 6-8 Disember 1999. Kertas kerja bertajuk “Kritikan Melayu” itu mengulas secara panjang lebar tentang teori ini daripada peringkat awal, tradisi lisan dalam masyarakat Melayu hinggalah kepada pembentukannya.

Gagasan Kritikan Melayu lebih banyak memfokuskan tentang kritikan sosial yang dilontarkan dalam sastera Melayu. Perkara ini turut disentuh oleh Sahlan Mohd Saman (2010: 77-78) dengan menyatakan, “Seperti tokoh-tokoh sebelum ini, beliau juga

berpaling ke belakang melihat akar tradisi sastra Melayu. Menurut beliau tidak ada tradisi kritikan sastra dalam masyarakat kita tetapi yang ada ialah kritikan sosial.”

Kritikan sosial berkait rapat dengan politik. Cara pengungkapan persoalan politik juga merupakan suatu pernyataan sosial. Namun demikian, para pengarang menggunakan perlambangan dan kiasan dalam mengkritik masyarakatnya terutama berkaitan politik.

Sebelum gagasan Kritikan Melayu diperkenalkan, S. Othman Kelantan telah melakukan penyelidikan peringkat doktor falsafah tentang pemikiran satira. Dalam kesusasteraan Melayu banyak sekali unsur-unsur satira digunakan oleh pengarang bagi menyampaikan pemikiran mereka. Satira dimaksudkan dengan pemikiran tersembunyi yang disampaikan melalui lambang-lambang dan imej-imej tersendiri yang bertujuan mengkritik, menyindir, mencemooh anggota masyarakat, baik golongan atasan mahupun golongan bawahan. Meskipun terdapat banyak unsur satira dalam karya-karya kreatif Melayu, tidak banyak sarjana yang membuat kajian tentang unsur ini. Karya-karya Melayu seperti *Putera Gunung Tahan*, *Tikus Rahmat*, *Di Negeri Belalang*, *Perlumbaan Kedua*, *Panrita* dan *Begawan* banyak mengandungi maksud yang tersirat di sebaliknya yang tersurat yang menggunakan satira-satira yang tersendiri (Che Abdullah Che Ya, 2010: 395).

Lanjutan daripada penyelidikan doktor falsafah tentang satira tersebut, S. Othman Kelantan menghasilkan sebuah buku untuk tatapan umum dan diperkatakan tentang teori tersebut. Buku itu bertajuk *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1997 dan diulang cetak pada 2005. Namun sebelum itu, S. Othman telah menghasilkan buku *Novel: Tanggapan dan Kritikan* pada tahun 1986. Buku ini telah memperlihatkan tumpuan S. Othman terhadap imej, simbol, penerapan etika dan estetika. Pada tahun 1987, terbit sebuah lagi buku daripada kajian S. Othman yang bertajuk *Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu: Satu Kajian*

Struktur. Buku ini penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu kerana mengkaji struktur novel-novel Melayu mengikut tahapan tahun sebelum 1960 diikuti tahun 1960 hingga 1969. Kemudian tahun 1970 hingga 1980. Kecenderungan baru yang dimaksudkan oleh S. Othman adalah sifat perubahan yang jelas dalam novel Melayu selepas Perang Dunia II (S. Othman Kelantan, 1987: v).

Selain dalam bentuk buku, terdapat banyak esei kertas kerja dan artikel majalah dihasilkan oleh S. Othman dengan memberi perhatian terhadap “isi” yang bermanfaat dalam sesebuah novel. Kolum “Catatan Sastera” Dewan Sastera September 1996 bertajuk “Bukunya Tebal, Isinya Nipis” menjelaskan bahawa sesebuah novel yang tebal itu hanya merakamkan sesuatu dalam stail wartawan, seperti kebanyakan novel yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail, Ruhi Hayat, Abdullah Hussain. Dalam makalah tersebut, S. Othman menyatakan bahawa novel *Sutan Baginda* oleh Shahnnon Ahmad hanya lebih sedikit seratus halaman namun menggambarkan cita-cita politik manusia, malah ada yang menjadi gila kerana politik itu. Kegilaan itu sudah dibuktikan oleh kebanyakan tokoh dunia seperti Hitler, Moussolini, Richard the Lion Heart, Idi Amin dan Soekarno. Kegilaan politik, atau *psycopath*, menyebabkan manusia itu tidak puas hendak menguasai dunia dan segala-galanya. Daripada tulisan ini, S. Othman melihat secara kontekstual dan dunia luar selain teks terutama tentang politik dunia.

Begitu juga S. Othman Kelantan membincangkan novel *Di Negeri Belalang* oleh Anwar Ridhwan. Novel ini mengambil ruangan imaginasi sebanyak mungkin. Imaginasi itulah yang mengambil realiti dunia yang ganas dan zalim, yang menjadikan manusia seperti sekawan belalang yang boleh dibunuh dengan aerosol atau bom yang dilahirkan oleh manusia, seperti yang dilambangkan oleh wanita dari Hiroshima yang menghamilkan bom. Semuanya melalui lambang dan imej untuk menjelaskan karehah manusia.

Seterusnya novel yang dibincangkan ialah novel *Daerah Zeni* karya A. Samad Said yang sangat tebal dengan lapisan makna yang diadunkan melalui realiti watak dengan alam. Antara realiti watak dengan realiti naskhah seakan-akan tidak ada sempadan. Antara dua realiti ini wujudnya beberapa watak yang mempengaruhi perjuangan seseorang. Melalui lambang atau imej, seperti gadis lumpuh atau lelaki pejuang, novel ini mewujudkan latar pemikiran yang sangat kompleks.

Buku *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* telah mendapat perhatian seorang sarjana tempatan yang juga pengkritik sastera, A. Wahab Ali. Beliau memperkatakan buku tersebut dalam sebuah makalah bertajuk “Pemikiran Satira dalam Novel Melayu: Sumbangan Berguna Kesusasteraan Melayu” dalam *Dewan Sastera*, Januari 1999. Dalam makalah tersebut, penulisnya menyebut bahawa usaha pemerhatian S. Othman Kelantan terhadap gagasan Kritikan Melayu dan satira ini perlu disambut dan diteruskan.

Terdahulu daripada penelitian S. Othman Kelantan ini, kajian mengenai kritikan dalam novel berbentuk satira telah menarik perhatian seorang lagi sarjana sastera tempatan, Fatimah Busu. Beliau melakukan kajian peringkat doktor falsafah dengan tajuk *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan*. Tesis tersebut telah dibukukan dengan judul yang sama pada tahun 1992.

Kesinambungan daripada penyelidikan tentang pemikiran satira, S. Othman Kelantan mengemukakan pula dalam bentuk gagasan yang mencadangkan pembentukan teori yang dinamakan Kritikan Melayu. Karya-karya kesusasteraan Melayu lama seperti cerita penglipur lara, cerita-cerita hikayat, cerita-cerita lisan dan sastera sejarah banyak mengandungi perkara tersirat yang disampaikan secara tersirat. S. Othman Kelantan cuba memahami dan mentafsir pemikiran yang hendak disampaikan oleh para pengarang tersebut.

Berkaitan Gagasan Kritikan Melayu, S. Othman Kelantan menjelaskan bahawa kritikan secara Melayu ini tumbuh dalam masyarakat bersama-sama tumbuhnya wajah kesusasteraan Melayu dalam pelbagai ragam pengucapan batin orang Melayu. Pelbagai genre kesusasteraan seperti dalam peribahasa, pantun, cerita lisan, cerita rakyat, mitos, legenda, cerita jenaka, cerita penglipur lara, hikayat, cerita separuh sejarah atau sastera sejarah dan sebagainya. Sesuai dengan pertumbuhan budaya Melayu yang harmoni dalam pengaruh ajaran Islam dan terbentuk secara alamiah, semua jenis Kritikan Melayu berlaku dalam suasana halus, sopan, beradab, dan menunjukkan nilai estetika yang tinggi.

Dalam penghuraian berkaitan gagasan ini, S. Othman Kelantan menjelaskan bahawa Kritikan Melayu telah lama wujud dalam tradisi pengungkapan Melayu, antaranya melalui peribahasa. Peribahasa mencakupi bidalan, perumpamaan, pepatah dan perbilangan, termasuk juga simpulan bahasa. Semua jenis peribahasa bersifat alamiah. Mengambil bahan alamiah untuk mengkritik masyarakat atau perseorangan, peribahasa mudah difahami dan amat sederhana tetapi tajam dalam maknanya. Misalnya, untuk menyatakan seseorang itu kedekut dikatakan “tangkai jering.” Buah jering sejenis buah yang mempunyai tangkai berpulas-pulas yang amat sukar diambil kalau tidak menggunakan pisau atau parang. Disebabkan pohonnya tinggi, amat susah untuk mengambil buahnya disebabkan tangkainya yang keras dan liat. Maka “tangkai jering” disamakan dengan orang kedekut, yakni seseorang yang amat susah untuk menghulurkan hartanya kepada orang lain. Untuk menggambarkan orang yang sombong dan bongkak dikatakan sebagai “hidung tinggi” atau “kepala angin”. Kepada orang yang suka mengumpat dan mengeji kepada keluarganya sendiri dikatakan “menampar air di dulang, terpercik ke muka sendiri juga” atau “cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga.” Demikian kepada orang yang suka merayau waktu malam tanpa tujuan dikatakan “kacang hantu” atau “kutu embun”. Kepada orang yang bertengkar atas sesuatu sebab

yang tidak mendatangkan manfaat dikatakan “kalah jadi abu menang jadi arang” atau “sudah jadi abu arang.”

Bentuk kritikan ini memperlihatkan ketinggian nilai budaya orang Melayu. Kekayaan bahan alamiah dijadikan alat pengucapan untuk membuat kritikan secara halus dan bersopan. Bentuk pengucapannya mempunyai daya estetika yang tinggi di samping maknanya yang tepat dan tajam. Diungkapkan seperti “melepaskan anjing tersepit” atau seperti “kacang lupakan kulit” kepada orang-orang yang tidak tahu mengenang budi. Begitu juga disebut sebagai “mata keranjang” atau “mata raga” kepada orang yang tidak menentu cintanya kepada perempuan. Pengungkapan yang lain adalah seperti “seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit” atau “sebab nila setitik rosak susu sebelanga.”

Semua bentuk peribahasa dan simpulan bahasa bersifat alamiah, yakni mengambil alam sebagai sumber pengalihan pengungkapan. Perhubungan manusia Melayu dengan alam *flora* dan *fauna* amat erat. Penutur awalan yang bijaksana telah mencipta luahan perasaan mereka melalui penelitian dan pemerhatian terhadap alam dan disesuaikan dengan kelakuan manusia. Ratusan peribahasa Melayu tersebar di kalangan masyarakat Melayu dan mereka mengetahuinya sebelum dibukukan seperti sekarang. Hal ini mewujudkan kewajaran dan kesederhanaan dalam melahirkan kritikan terhadap masyarakat atau individu, dan mempunyai estetika kesusasteraan yang amat tinggi nilainya.

Melalui cerita lisan, pendidikan berfikir orang Melayu bermula dengan kisah-kisah yang mudah. Mereka melihat siput, anab, helang, kura-kura, kancil, harimau, buaya, gajah, dan sebagainya. Sama ada wujudnya pendidikan berfikir atau kritikan kepada kehidupan, semua binatang itu diberi peranan seperti manusia. Cerita binatang ini lazimnya dihubungkan dengan Nabi Sulaiman a.s. yang boleh menguasai bahasa binatang. Bagaimanapun situasi zaman yang memerlukan kekuatan fizikal untuk

mengalahkan lawan seperti harimau, gajah, helang dan sebagainya, akhirnya bertukar dan dapat dikalahkan oleh akal atau pemikiran. Masyarakat Melayu meletakkan akal atau berfikir itu sebagai puncak kejayaan dalam hidup, bukannya kekuatan fizikal tubuh badan semata mata. Sebab itu, binatang kecil seperti siput, kura-kura dan kancil dapat mengalahkan helang, arnab, harimau dan gajah.

Selain daripada peribahasa dan cerita rakyat yang diselitkan dengan kritikan secara implisit, terdapat sejenis bentuk cerita yang sangat digemari dalam masyarakat Melayu, iaitu cerita jenaka. Antaranya yang paling terkenal ialah Pak Kaduk, Pak Pandir, Lebai Malang, Pak Belalang dan Si Luncai. Demikian juga dengan cerita penglipur lara sangat digemari dalam masyarakat Melayu. Struktur ceritanya lebih tersusun dan tersebar secara meluas dan banyak sudah dibukukan. Selain daripada menjadi hiburan kepada rakyat kerana diceritakan oleh seseorang secara berlagu atau muzik, genre penglipur lara banyak membawa kritikan, pengajaran dan malah ada yang membawa perutusan perjuangan bangsa Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan.

Harun Aminurrashid dalam novel *Panglima Awang* membuka pandangan baru tentang keunggulan orang Melayu sebagai pelaut. Kisah ini sebenarnya didasarkan daripada satu penemuan baru yang disiarkan oleh sebuah akhbar atau majalah di Barat yang menamakan lelaki dari timur, sebagai Enrique atau Hendrique yang mengepalai angkatan Ferdinand Magellan mengelilingi dunia melalui jalan laut. Walaupun Magellan orang Portugis, dikenal sebagai pelopor mengelilingi dunia melalui pelayaran yang panjang, tetapi sebenarnya Magellan dipandu arah oleh seorang lelaki bernama Enrique, seorang tawanan dari Kepulauan Melayu yang tentu sahaja keturunan Melayu. Oleh sebab pelaut itu tidak diketahui namanya, Harun Aminurrashid menamakannya sebagai "Awang", iaitu menurut kebiasaan orang Melayu menyebutkan pemuda yang tidak dikenali sebagai Awang (S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003: 87).

3.4.1 Prinsip-prinsip Gagasan Kritikan Melayu

Pengkajian peribahasa dan pelbagai cerita lisan, cerita rakyat, cerita jenaka, cerita penglipur lara dan karya klasik atau sastera sejarah, sebenarnya untuk melihat landasan kepada wujudnya sebuah teori kritikan Melayu dalam kesusasteraan. Bentuk “kritikan” yang disampaikan kepada masyarakat melalui peribahasa dan pelbagai cerita lisan, cerita rakyat, cerita jenaka, cerita penglipur lara dan yang lain itu menjadi landasan kepada wujudnya teori (dibincangkan sebagai Gagasan) Kritikan Melayu dalam kesusasteraan (S. Othman Kelantan, 1998: 53). Terdapat sepuluh prinsip Gagasan Kritikan Melayu.

Pertama, tumpuan hanya ke atas teks. Sepanjang analisis ternyata bahawa hanya teks yang menjadi alat untuk menimbulkan kritikan. Teks tulen itu mengandungi pelbagai kisah, jalinan peristiwa, tragedi, ucapan atau dialog, perlakuan, pengembaraan dan sebagainya. Teks itu merakamkan ketulenan adat resam dan budaya Melayu yang halus, sopan santun dan segala teguran atau kritikan dilakukan secara berlapik.

Kedua, Kritikan Melayu itu banyak menggunakan lambang, imej, peristiwa dan kejadian tertentu. Ini yang dikaitkan dengan unsur yang tersirat. Dengan sendirinya wujud kritikan dalam kesusasteraan tertumpu kepada lambang, imej, peristiwa, cerita alegori dan seumpamanya, untuk mendapatkan makna atau pengertian yang tersirat. Segala lambang atau imej dan sebagainya itu amat rapat dengan persekitaran Alam Melayu yang kaya dengan flora dan fauna. Tumpuan kritikan menjadi lebih jelas apabila analisis terhadap lambang, imej, cerita alegori, peristiwa atau rentetan kejadian, kerana bahan ini menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Melayu. Tujuannya untuk mendapatkan pengertian yang tepat atau dalam erti yang tersirat di dalam penggunaan unsur-unsur tersebut.

Ketiga, tumpuan ke atas perilaku. Dalam karya tradisional, banyak perilaku atau tindakan watak tertentu yang menyebabkan berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa yang luar biasa. Kajian ke atas perilaku ini untuk menunjukkan bahawa setiap teks atau cerita dalam kesusasteraan Melayu itu ada motif tertentu atau secara tersirat, yang dilakukan oleh pengarang atau penuturnya.

Keempat, menimbulkan kesedaran. Dalam Kritikan Melayu amat jelas sesuatu peristiwa atau kejadian sama ada yang menggunakan lambang atau imej alamiah atau manusia, pada hakikatnya untuk menimbulkan kesedaran. Misalnya, supaya orang Melayu tidak menderhaka kepada rajanya, dan supaya raja juga tidak berlaku zalim terhadap rakyatnya, maka secara sedar, kononnya, diadakan perjanjian suci antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba.

Kelima, Kritikan Melayu menyumbangkan ilmu. Amat jelas bahawa kebanyakan teks klasik Melayu telah menyerap budaya dan cita rasa Islam yang membawa kepada pemikiran atau akliah, bukan seni semata-mata.

Keenam, Kritikan Melayu membawa contoh yang lebih baik. Apabila dasar kritikan untuk menunjangkan atau membina ilmu, maka keupayaan yang amat penting dalam kritikan ini ialah mengemukakan hujah atau alasan yang lebih baik. Ini sesuai dengan saranan Al-Qur'an yang menganjurkan "bermujadalahlah/ debatlah mereka dengan (ilmu) yang lebih baik" (Surah An-Nahl, Ayat 125). Apabila kritikan bertujuan membina ilmu atau hujah yang lebih baik, maka tidak timbul kritikan untuk bermuka-muka atau untuk memuji atau mengeji seseorang.

Ketujuh, Kritikan Melayu menyentuh soal kebatinan atau kerohanian. Kebanyakan teks Melayu, terutama teks klasik banyak menyentuh soal kebatinan atau kerohanian orang Melayu, yang juga bermakna menyentuh soal budaya. Penelitian ke atas teks bukan sekadar melihat ruang fizikal saja, akan tetapi meneliti aspek kerohanian

yang tersirat dalam peristiwa atau kejadian atau lambang yang dihadirkan secara seadanya.

Kelapan, Kritikan Melayu meneliti imaginasi. Bagaimanapun dikatakan benar atau realiti sesebuah karya tidak lepas daripada diadunkan dengan imaginasi atau daya reka. Kebanyakan teks klasik, termasuk sastera sejarah, apa lagi cerita penglipur lara, termasuk juga cerita binatang, cerita jenaka dan sebagainya, tidak terlepas daripada unsur imaginasi. Daya imaginasi itulah yang teradun dengan realiti. Apabila kritikan dilakukan ke atas teks tertentu, maka tumpuan harus dilakukan kepadanya.

Kesembilan, Kritikan Melayu bersifat intelektual, atau kritikan intelektual. Kenyataan ini benar dan dapat diteliti sepanjang analisis ini. Kritikan Melayu dalam teks, jelas menghadirkan sifat intelektual, kecendekiaan, yang amat ketara. Sindiran atau teguran yang dilakukan dalam teks menggambarkan sifat keintelektualan pengarangnya.

Kesepuluh, Kritikan Melayu mementingkan pengucapan bahasa yang halus dan penuh estetika. Kritikan Melayu dalam kesusasteraan ditumpukan kepada pengucapan bahasa dalam ayat, dalam frasa, dalam pemilihan diksi, dalam meluahkan sesuatu perasaan dan dalam menggambarkan sesuatu. Tumpuan kepada stail, tetapi dilihat kepada bagaimana pemilihan kata atau diksi dalam melukiskan sesuatu peristiwa, kejadian, perilaku manusia dan yang seumpamanya. Meneliti kepada pengucapan bahasa ini amat sesuai dengan budaya Melayu dan Islam yang amat mementingkan keharmonian dan sopan santun dan berhubung kait dengan alam persekitaran.

Daripada sepuluh prinsip yang dinyatakan tersebut, dapat dirumuskan bahawa tumpuan melibatkan beberapa aspek penting iaitu kerohanian, kesedaran, bersifat intelektual dan menyumbangkan ilmu, bersumber imaginasi dan memberi perhatian kepada estetika. Terdapat perbincangan yang dibawakan oleh Syed Othman Syed Omar didapati membawa maksud yang sama. Secara tidak langsung berlaku pertindihan dan pengulangan berkaitan prinsip-prinsip tersebut walaupun fokus tentang sesuatu perkara

dilebihkan pada prinsip tertentu. Empat aspek yang melingkungi teori Kritikan Melayu dapat dibahagikan kepada kerohanian, keilmuan, imaginasi dan estetik. Keempat-empat aspek ini berkait antara satu sama lain dalam sepuluh prinsip dalam teori Kritikan Melayu yang dinyatakan.

Aspek pertama iaitu kerohanian yang dibincangkan terdapat pada prinsip yang keempat iaitu untuk kritikan bertujuan untuk menimbulkan kesedaran. Kesedaran merupakan satu tindakan dan perasaan yang mempunyai kaitan rapat dengan kerohanian. Hal ini disokong kukuh dengan prinsip ketujuh iaitu kritikan juga menyentuh soal kerohanian. Malahan prinsip keenam juga berkaitan dengan aspek kerohanian iaitu kritikan untuk membawa contoh yang lebih baik. Demikian juga, aspek ketiga iaitu kritikan yang bertumpu kepada perilaku juga berkaitan dengan kerohanian. Hal ini akan dibuktikan dalam analisis yang seterusnya yang menumpukan makna siratan perilaku selain peristiwa dan unsur alam.

Dalam *Sulalatus Salatin*, peristiwa waadat atau perjanjian orang Melayu, persoalan wasiat, persoalan mempertahankan maruah, kisah Sultan Mahmud Syah Melaka belajar agama dan pertanyaan agama hingga ke Pasai, menulis kitab agama dan adat Melayu, pemahaman budaya Melayu dalam memilih nama “tuah” dan “jebat” atau “kasturi” yang membawa kepada bertelingkahan sepanjang zaman, dan yang seumpama ini, adalah merupakan tumpuan teks Melayu klasik itu kepada soal atau kerohanian. Pelanggaran terhadap perjanjian suci secara batin ini akan membawa kepada malapetaka. Ini dibuktikan dengan penderhakaan Hang Kasturi atau Hang Jebat atau Sang Rajuna Tapa, akan membawa kepada kebinasaan kehidupannya. Demikian juga berlaku kepada Raja Iskandar Syah Singapura dan Sultan Mahmud Syah Melaka yang berlaku zalim tanpa menggunakan akal, akhirnya membawa kepada kebinasaan diri dan kehancuran negeri. Kritikan Melayu menumpukan penelitian kepada perilaku, kejadian atau peristiwa sedemikian untuk menimbulkan kesedaran.

Aspek kedua, iaitu keilmuan dinyatakan prinsip kelima dan kesembilan. Prinsip kelima yang menyatakan bahawa kritikan dapat menyumbangkan ilmu menunjukkan bahawa aspek keilmuan dan keintelektualan sangat rapat dalam kesusasteraan Melayu. Tanggapan menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan bidang yang hanya membincangkan hal fantasi dan khayalan adalah serong sama sekali. Prinsip kesembilan dalam Gagasan Kritikan Melayu menunjukkan keintelektualan pengarang secara yang tersembunyi dalam teks amatlah perlu didedahkan. Kebanyakan teks itu lazimnya menyerlahkan keupayaan, kegigihan, kebijaksanaan, kepekaan, pengalaman dan keintelektualan pengarangnya. Bahkan boleh dikatakan bahawa karya atau teks itu adalah penjelmaan keintelektualan penulisnya.

Dalam penghasilan karya, para pengarang menyampaikan ilmu dalam bentuk penceritaan. Menurut S. Othman Kelantan (1998: 45), setelah mengkaji keseluruhan teks Melayu klasik, termasuk sastera rakyat, didapati sudah ada motif Islam di dalamnya. Terdapat pengajaran yang berguna seperti kisah penderhakaan kepada kedua-dua ibu bapa akan mendatangkan malapetaka dan tindakan menggunakan akal untuk tujuan kejahatan akan membawa kepada kebinasaan diri sendiri. Pembunuhan ke atas ulama akan membawa keruntuhan sebuah negara, selain daripada bala ke atas diri sendiri. Semuanya ini bertujuan supaya manusia menggunakan akal rasional, beragama, hidup harmoni, saling bantu-membantu, dan lebih daripada segala-galanya untuk membina dan mewujudkan suasana berilmu. Kritikan Melayu dalam kesusasteraan adalah untuk membina tangga ilmu kepada pembaca, iaitu suatu usaha untuk meneliti segala isi teks atau cerita di luar teks, yang memungkinkan terbinanya ilmu untuk pembaca. Ini sesuai dengan ajaran Islam yang terserap di dalam kebanyakan teks Melayu klasik, kritikan untuk membina ilmu ini sesuai dengan ajaran Al-Qur'an, yang menyebutkan bahawa, "Allah meninggikan orang yang beriman dan berilmu di antara kamu beberapa darjat daripada orang biasa" (Surah Al-Mujadalah, Ayat 11).

Berkaitan aspek keilmuan ini juga, analisis berpandukan Kritikan Melayu bertujuan untuk membina dan mendatangkan ilmu yang wujud daripada teks, maka tentu tidak ada kejian, ejekan, sindiran, tempelakan dan yang bersifat negatif terhadap seseorang pengkarya atau penulis atau penutur. Sesuatu yang menunjangkan ilmu itu tidak membawa orang menjadi terhina, malah pembaca atau pengkarya merasa mendapat ilmu daripada kritikan terhadap karyanya. Inilah motif atau tujuan Kritikan Melayu dalam kesusasteraan iaitu untuk membina landasan ilmu yang memberi manfaat kepada penulis karya dan juga kepada pembaca seluruhnya. Kritikan membawa hujah yang berilmu dan bersifat mengajar, mendidik atau membuktikan sesuatu kesalahan dengan cara halus atau melalui teladan, seperti yang dilakukan oleh Saiyidina Husain ketika melihat seorang lelaki tua berwuduk. Dalam kritikan ini, secara sopan dan berpsikologi, sesuatu kesalahan itu tidak perlu dibesar-besarkan, akan tetapi cukuplah dengan menyatakan hujah atau pandangan ilmu yang lebih jelas. Dengan kritikan demikian akan mendatangkan ilmu yang manfaat dan pengkarya atau pengarang atau penutur tidak merasa dirinya atau karyanya direndah-rendahkan atau diejek atau dihina.

Aspek ketiga yang dapat dirumuskan daripada sepuluh prinsip Gagasan Kritikan Melayu ialah imaginasi. Setiap pengarang menggunakan imaginasi ketika menghasilkan karya kreatif. Prinsip kelapan menyatakan bahawa kritikan meneliti imaginasi. Melalui prinsip ketiga, iaitu kritikan menumpukan kepada perilaku juga berkaitan dengan aspek imaginasi. Perilaku seseorang watak yang digambarkan oleh pengarang mempunyai maksud tertentu untuk disampaikan kepada pembaca sama ada secara terus ataupun secara tersirat. Imaginasi juga menyentuh soal kerohanian dan keilmuan, yang menyelongkar makna budaya sesuatu bangsa secara mendalam tetapi sukar difahami oleh pembaca biasa. Seseorang pengarang itu mempunyai imaginasi yang hebat dan kuat untuk dapat menghasilkan karyanya. Sebab itulah dalam teks klasik, dalam menceritakan pembukaan negeri baru disebutkan pelanduk menerjang anjing, penemuan

semut besar, cacing gelang masuk lukah dan menjadi emas, adanya puteri cantik di atas gunung, dan sebagainya. Semuanya membayangkan betapa hebat dan kuatnya daya imaginasi pengarangnya untuk menimbulkan sesuatu motif.

Aspek keempat yang dirumuskan daripada sepuluh prinsip Gagasan Kritikan Melayu ialah estetik. Aspek ini hanya dinyatakan pada prinsip kesepuluh iaitu kritikan seharusnya mementingkan estetik bahasa. Namun demikian, secara keseluruhan, sesebuah karya hadir dalam bentuk untuk menyampaikan estetik kepada pembaca. Estetik dalam pengertian keindahan dalam bentuk pengujaran, pengungkapan, pemilihan kata dan berbagai-bagai lagi pecahannya turut menyampaikan pesanan, pengajaran, sindiran, makna dan ilmu. Aspek estetik ini dapat dikenal pasti dalam seluruh teks Melayu klasik yang tidak menggunakan bahasa yang kasar dan tidak bersopan kepada golongan mana pun dalam masyarakat. Contohnya, tidak ada perkataan “bodoh”, walaupun jelas berkubukan betis untuk menahan serangan ikan todak sangat tidak masuk akal dalam penceritaan Singapura diserang ikan todak.

Fokus analisis dalam kajian ini adalah untuk membincangkan pengungkapan yang tersirat dalam novel Melayu moden yang dipilih. Tiga unsur makna siratan yang menjadi fokus kajian ialah makna siratan perilaku, peristiwa dan unsur alam.

3.4.2 Makna Siratan Perilaku, Peristiwa dan Unsur Alam

Dalam kajian ini, makna siratan yang membawa kritikan Melayu difokuskan dalam novel yang berunsur politik. Daripada prinsip Gagasan Kritikan Melayu membentuk tiga aspek utama yang merupakan fokus kajian iaitu untuk mengkaji makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam.

Menurut S. Othman Kelantan (1998: 55), pemahaman terhadap perilaku ke atas individu tertentu dalam sesebuah teks amat penting diberi makna supaya dapat difahami

oleh pembaca. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Jebat terpaksa kalah walaupun sudah menghalau Sultan Melaka dari istana dan kematiannya pula di tangan Hang Tuah. Secara tersirat, bahawa “tuah” itu tetap menang dalam situasi yang bagaimanapun. Begitu juga dengan penggunaan nama Hang Tuah dan Hang Jebat, kedua-dua nama ini dalam budaya orang Melayu menunjukkan “tuah” yang amat dikehendaki oleh manusia, sedangkan “jebat” adalah sejenis bau busuk yang tidak dikehendaki. Kedua-duanya bertentangan sepanjang masa, dan secara tersirat bahawa pemilihan dalam budaya Melayu, yang bermakna dilihat dari sudut kerohanian atau batin orang Melayu, “tuah” mesti menang, dan “jebat” wajib kalah.⁶

Kajian makna siratan perilaku ini untuk menunjukkan bahawa setiap teks dalam kesusasteraan Melayu itu ada motif tertentu atau secara tersirat yang dilakukan oleh pengarangnya. Makna Siratan Perilaku berkaitan dengan peribadi yang dibentuk dalam watak atau pelaku dalam sesebuah novel. Sebagai contoh, dalam perbincangan *Sulalatus Salatin*, kehendak Sultan Melaka beristerikan Puteri Gunung Ledang atau impian Sultan Iskandar untuk membuat 'mahligai istana' atau tindakan Hang Kasturi, mewujudkan makna tertentu. Perilaku individu seperti Tun Jana Khatib seorang ulama, “budak cerdik” dalam zaman Singapura, anak perempuan Sang Rajuna Tapa disula, dan lain-lain lagi yang seumpama ini, merupakan pencetus kepada beberapa makna dan pengertian yang besar. Sebab itu dalam kritikan kesusasteraan ini, perkara ini adalah menjadi satu bahagian yang penting, memperlihatkan kemahuan, cita-cita, aspirasi rakyat terbanyak yang juga merupakan wawasan orang Melayu.

Seperti yang dinyatakan oleh S. Othman Kelantan (1998a: 76), perhatikan bagaimana kritikan terhadap kezaliman raja terhadap rakyat diwujudkan secara halus dalam peristiwa laga ayam antara Pak Kaduk dan Raja dalam cerita jenaka. Raja mengetahui bahawa Pak Kaduk mempunyai ayam yang dikatakan bertuah. Sebagai

⁶ Pemahaman ini didasarkan kepada pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*, halaman 608-628.

Raja, baginda boleh berbuat apa saja kepada rakyatnya. Titah Raja dalam frasa pendek, “Hai Pak Kaduk, mari kita bertukar ayam”, walaupun terucap dengan lembut seakan-akan merayu, akan tetapi ucapan itu adalah dari mulut Raja. Situasi zaman Pak Kaduk, Raja adalah segala-galanya. Di sini letaknya anak kunci tragedi dalam cerita Pak Kaduk. Pada akhir perlagaan, apabila Biring Si Kunani menang dan Jalak Putih Mata mati terbunuh, Pak Kaduk masih menyebelahi Si Kunani. Pak Kaduk bersorak gembira kerana dia masih merasa ayam itu miliknya sebab pertukaran itu berlaku secara paksa. Dalam situasi tertentu, di hadapan Raja yang zalim, manusia atau Pak Kaduk terpaksa ikut bersorak tanpa kerelaan untuk menyenangkan Raja. Bahkan dalam zaman sekarang, orang akan bersorak selepas pemimpin berucap, walaupun mereka tidak menyetujuinya. Kononnya dikatakan Pak Kaduk membunuh isterinya kerana ucapan isterinya yang menyinggung perasaan ketika dia lapar kerana tidak berjaya menghadiri jamuan kenduri. Ini memberi makna bahawa Pak Kaduk dizalimi menyebabkan fikirannya kusut dan boleh bertindak apa saja. Pak Kaduk telah menjadi mangsa kepada Raja yang zalim dan kejam.

Satu lagi contoh makna siratan perilaku digambarkan melalui kisah Nakhoda Tenggang.⁷ Begitu juga dengan Cerita Mat Jenin atau Angan-angan Mat Jenin pula tersebar luas dalam masyarakat Melayu, dan disampaikan dalam tujuan yang negatif. Selalunya dihubungkan dengan niat seseorang yang hendak mengerjakan sesuatu yang sebenarnya tidak termampu olehnya, lalu dikatakan “angan-angan Mat Jenin.”

Makna Siratan Peristiwa pula membincangkan tentang kejadian yang berlaku pada zaman tertentu dalam sesebuah karya. Setiap peristiwa yang diungkapkan pengarang mempunyai kepentingan dan sebaliknya dengan untuk disampaikan kepada pembaca. Kritikan Melayu menghuraikan tanggapan dan pemahaman tentang peristiwa yang disampaikan secara tersirat. Dalam membincangkan makna siratan peristiwa, terdapat

⁷ Lihat Abdul Samad Ahmad, *Nakhoda Tenggang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959. Juga oleh Harun Aminurrasyid, *Jong Batu*. Singapura: Harmy Press, 1958.

perkaitan dengan makna siratan perilaku kerana kebanyakan peristiwa tentunya manusia atau individu terbabit dalamnya.

Makna Siratan Unsur Alam menunjukkan bahawa unsur alam sangat rapat kaitan dengan kepengarangan Melayu. Alam sekitar memberi banyak pengalaman kepada manusia yang menghuninya. Setiap pengarang mempunyai kepekaan terhadap pergerakan bumi, perjalanan malam dan siang, kewujudan tumbuh-tumbuhan dan haiwan dan tuntutan kehidupan manusia itu sendiri. Setiap pengalaman yang dilalui sebagai perjalanan kehidupan yang pelbagai itu memberikan tanggapan yang tersirat. Dalam novel-novel berunsur politik Melayu, makna siratan unsur alam disampaikan kepada pembaca untuk ditafsirkan.


Kritikan daripada makna siratan unsur alam ini, menurut S. Othman Kelantan (1998: 77) dilakukan dengan amat halus, menggunakan lambang dan imej alamiah, tetapi tepat dan tajam. Kritikan demikian hanya difahami oleh orang-orang yang kritis. *Sejarah Melayu* telah melakukan kritikan terhadap kelakuan dan pemikiran Sultan Singapura dan Sultan Melaka yang bertindak atas tuntutan nafsu bukan atas dasar akal yang rasional. Kritikan itu disampaikan secara halus dan sopan, walaupun dalam pantun dikatakan “Adakah gila bagimu, tuan/ Burung terbang dipipiskan lada?” tetapi tidak ketara, kerana yang mengatakan perkataan “gila” itu ialah Bunga Tanjung Biru. Pengarangnya menggunakan lambang dan imej alamiah secara biasa dan tidak kelihatan menyindir atau mengejek. Malah kritikan itu diwujudkan dalam sesebuah kisah yang seakan-akan benar terjadi, misalnya ikan todak menyerang Singapura, Hang Kasturi melawan Sultan Melaka, wujudnya Puteri Gunung Ledang dan hanya Tun Mamat yang berupaya mendaki gunung itu. Dengan menggunakan cerita alegori, lambang, imej dan peristiwa tertentu, kritikan tajam itu hanya dapat difahami oleh pembaca yang kritis.

Demikian juga dengan kisah Raja Bersiung amat terkenal dalam sejarah Kedah. Kerana gemarkan darah manusia, Raja Ong Maha Perita Deria lalu dinamakan Raja

Bersiung, iaitu diumpamakan sebagai binatang. Hanya binatang sahaja bersiung atau bertaring, dan binatang saja memakan sesama binatang. Sindiran dan kritikan yang paling tajam tetapi secara keterbalikan, dikatakan Kampar menjelma menjadi babi tunggal, menjadi ular tedung selar dan menjadi harimau menentang Raja Bersiung. Kritikan inilah yang ditonjolkan dalam bentuk lambang alamiah untuk menggambarkan sifat dan kelakuan Raja Ong Maha Perita Deria yang digelar Raja Bersiung. Kritikan ini amat jelas untuk menggambarkan kezaliman dan kebuasan nafsu Raja Ong Maha Perita Deria atau Raja Bersiung yang amat luar biasa, sehingga disamakan dengan binatang. Tetapi cara kritikkannya amat halus dan bersopan sehingga dikatakan yang menjadi binatang itu orang lain, bukan raja yang zalim itu.

Berdasarkan prinsip kedua dalam Gagasan Kritikan Melayu iaitu mencari makna dan pengertian dalam lambang atau imej alamiah ini, kritikan kesusasteraan menjadi amat bererti kerana dalam kehidupan orang Melayu sangat terikat kepada ciri-ciri budaya yang harmoni, halus, bersopan santun, tetapi tegas dan keras kalau bertindak.

Makna siratan perilaku, makna siratan peristiwa dan makna siratan unsur alam merupakan tiga pecahan utama dalam perbincangan dan analisis berpandukan Gagasan Kritikan Melayu. Ringkasan prinsip dan fokus kajian ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 2: Prinsip-prinsip Gagasan Kritikan Melayu dan Fokus Kajian

3.5 Rumusan

Pernyataan dan pengungkapan dalam karya tradisional dan moden mempunyai unsur tersirat yang dapat ditafsirkan untuk diberikan makna. Pernyataan dan pengungkapan tersebut pula mengandungi kritikan yang mempunyai nilai sebagai penghayatan kerohanian, keilmuan, mempunyai nilai estetik dan juga membuktikan keupayaan imaginasi para pengarang. Sungguhpun demikian, bentuk kritikan sudah lama wujud dalam masyarakat Melayu seperti yang dilihat dalam peribahasa, cerita binatang, sastera lisan, cerita jenaka, cerita penglipur lara, syair dan sastera sejarah. Penelitian yang terdahulu telah menunjukkan bahawa yang kritikan orang Melayu wujud. Kritikan Melayu ini amat halus cara penyampaiannya dalam pelbagai lambang dan imej, tetapi unsur kritikan atau teguran itu amat tajam dan tepat. Berdasarkan unsur Kritikan Melayu inilah sebuah gagasan teori kritikan Melayu dalam kesusasteraan dapat diwujudkan, yang juga dinamakan Gagasan Kritikan Melayu.

Terdapat sepuluh prinsip yang sudah dikenal pasti menjadi unsur penting dalam Kritikan Melayu untuk kesusasteraan. Dengan menggunakan ciri ini sebagai landasan kepada seorang pengkritik untuk membuat kritikan terhadap sesebuah karya atau teks, bererti dapat melihat sesebuah teks itu sebagai suatu karya yang baik atau sebaliknya, yang juga bermakna dapat melihat inti hakikat dalam sesebuah karya atau teks itu.

Novel Melayu banyak membawa dan menyetengahkan masalah individu masyarakat, institusi adat, agama, politik, ekonomi dan sebagainya. Lazimnya disampaikan melalui unsur tema dan persoalan dalam bentuk dialog atau deskriptif yang mudah difahami. Walau bagaimana pun, melalui unsur dalaman yang mudah difahami itu, penulisnya telah menggunakan gambaran yang dilukiskan dalam imej dan lambang yang memerlukan pemahaman yang mendalam. Pemikiran itu seakan-akan tersembunyi dan amat implisit sifatnya kerana disampaikan dalam bentuk imej dan lambang yang

disebut sebagai pemikiran satira. Daripada pemikiran satira ini lahirnya bentuk kritikan yang dinamakan Kritikan Melayu sesuai dengan budaya yang melingkungi masyarakat yang menghasilkan karya dan kandungan karya yang dibincangkan itu. Dalam analisis berikutnya, fokus diberikan melalui pengungkapan dalam novel-novel politik terpilih dari sudut tafsiran pengungkapan yang dinamakan sebagai makna siratan.

University of Malaya

BAB 4: MAKNA SIRATAN PERILAKU

4.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan analisis makna siratan perilaku dalam lima buah novel Melayu yang berunsur politik iaitu *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. Tumpuan kepada perilaku merupakan antara ciri utama dalam prinsip Gagasan Kritikan Melayu yang dicetuskan oleh Syed Othman Syed Omar atau S. Othman Kelantan. Selain tumpuan kepada perilaku, ciri pertama Kritikan Melayu ialah kajian hanya menumpukan ke atas teks manakala yang kedua, teks yang menggunakan lambang, imej, peristiwa dan kejadian.¹

Menurut S. Othman Kelantan (1998b: 54), dalam kritikan seperti yang ditemui dalam teks asas, banyak tindakan watak tertentu yang menyebabkan berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa yang luar biasa. Kehendak Sultan Melaka beristerikan Puteri Gunung Ledang atau impian Raja Iskandar untuk membuat “mahligai istana” atau tindakan Hang Kasturi, mewujudkan makna tertentu. Diri peribadi seperti Tun Jana Khatib seorang ulama, “budak cerdik” dalam zaman Singapura, anak perempuan Sang Rajuna Tapa disula, dan lain-lain lagi yang seumpama ini, merupakan pencetus kepada beberapa makna dan pengertian yang besar. Oleh sebab itu, dalam kritikan kesusasteraan, perkara ini menjadi satu bahagian yang penting, kerana memperlihatkan kemahuan, cita-cita, aspirasi rakyat terbanyak, yang juga merupakan wawasan orang Melayu.

Pemahaman terhadap perilaku ke atas individu tertentu dalam sesebuah teks amat penting diberi makna supaya dapat difahami oleh pembaca. Sebagai contoh dalam teks klasik Melayu, *Hikayat Hang Tuah*. Hang Jebat terpaksa kalah walaupun sudah

¹ Tiga ciri teras iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam menjadi fokus analisis kajian ini. Tiga ciri teras ini dipermudah daripada sepuluh ciri dalam Gagasan Kritikan Melayu.

menghalau Sultan Melaka dari istana dan kematiannya pula di tangan Hang Tuah. Dalam makna yang tersirat, bahawa “tuah” itu tetap menang dalam situasi yang mana sekalipun. Walaupun sudah menguasai istana, maka “jebat” yakni sejenis bau busuk, akan tetap kalah, kerana bau “jebat” tidak disukai oleh sesiapa pun (S. Othman Kelantan, 1998: 55).²

Kajian makna siratan perilaku ini untuk menunjukkan bahawa setiap teks dalam kesusasteraan Melayu itu ada motif tertentu atau secara tersirat, yang dilakukan oleh pengarangnya melalui pengungkapan watak-watak dan penceritaan yang disampaikan.

Perilaku yang ditunjukkan yang berbentuk tingkah laku, percakapan, sifat dan peribadi individu ini sangat berkaitan dengan amalan budaya. Bagi masyarakat yang mengamalkan budaya tersebut, keadaan ini menjadi pengajaran ataupun sekadar pemerhatian. Namun demikian, bagi masyarakat luar keadaan ini lebih bersifat pandangan dan persepsi. Hakikat ini juga disentuh oleh Clifford Geertz dalam kajian antropologi tentang masyarakat Melayu. Menurut Geertz (1973: 18), tingkah laku mesti diberikan tumpuan dengan jitu kerana menerusi aliran tingkah laku atau lebih tepat lagi, melalui tindakan sosial, bentuk budaya dizahirkan.

Setiap pengarang yang menghasilkan karya terpengaruh dengan situasi masyarakat pada zamannya atau zaman sebelum kelahirannya. Penghasilan novel-novel berunsur politik antara lain bertujuan untuk menyedarkan pembaca untuk menanggapi dan memikirkan persoalan politik yang melingkungi masyarakat sepanjang masa. Walaupun sesetengah persoalan politik yang diangkat dalam sesebuah novel bersifat semasa namun kerelevanannya untuk tujuan masa akan datang selain tidak menafikan untuk mengimbas kembali situasi politik yang pernah berlaku. Persoalan politik dalam masyarakat Melayu telah diungkapkan dalam banyak karya terutama *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*) dan *Hikayat Hang Tuah*. Setiap perkembangan politik yang

² Pemahaman ini didasarkan kepada pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*, Jilid 3, hal. 608-628. Lihat S. Othman Kelantan (1998b: 55) Dewan Sastera, November.

melibatkan peristiwa tertentu akan mempengaruhi pengarang secara langsung atau tidak langsung.

Dalam cerita jenaka Melayu juga seperti Mat Jenin, dikatakan berangan-angan sebaik-baik sahaja memanjat pokok kelapa kerana dia akan mendapat upah dua biji pada setiap pokok. Pokok kelapa itu banyak, jadi Mat Jenin tentu mendapat banyak buah kelapa. Buah-buah kelapa itu dijualkan untuk membeli anak ayam. Apabila ayam membiak, dijualkan, Mat Jenin membeli kambing, kemudian membeli lembu kerbau dan akhirnya membeli kapal dan belayar ke seluruh dunia. Waktu Mat Jenin berkahwin dengan seorang puteri dan ingin memeluk isterinya itu, dikatakan Mat Jenin jatuh dari atas pucuk kelapa dan mati. (S. Othman Kelantan, 1998: 56). Cita-cita Mat Jenin yang utama untuk memperluaskan perniagaan ternakannya sehingga memiliki kapal. Perancangan Mat Jenin ini memang rapi dan memberangsangkan. Tetapi dengan tiba-tiba saja apabila Mat Jenin mulai menanjak dan akan sampai ke kemuncak perniagaannya, dikatakan Mat Jenin jatuh. Di sinilah terletak kritikan terhadap usaha Mat Jenin sebagai usahawan ternakan. Pada asasnya, Mat Jenin mempunyai perancangan yang rapi. Ini dapat dilihat kepada susunan perancangannya yang baik, iaitu selepas jual kelapa membeli ayam, kemudian kambing, selepas itu lembu atau kerbau. Dalam perancangan yang begitu rapi, dikatakan Mat Jenin “jatuh” dan “mati”.

Berikut analisis makna siratan perilaku dalam lima buah novel iaitu *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*.

4.2 Makna Siratan Perilaku dalam Novel *Sebelas Rejab*

Sebelas Rejab (SR) adalah antara novel Melayu terawal yang memasukkan catatan pengarang sebagai narator. Keadaan ini menunjukkan pengarang bercerita secara benar, namun masih dalam konteks sebuah fiksyen, bukan cerita kosong atau khayalan semata-mata. Tujuan pengarang adalah untuk mengingatkan pembaca bahawa perkara yang ingin disampaikan itu penting dan berharap agar dapat memberikan kesedaran dan keinsafan. Pengarang mencatatkan, “maka manakah yang benar antara khabar-khabar itu sukarlah hendak dituliskan di dalam riwayat kita ini” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 138).

Novel ini dimulakan dengan memetik surat perjanjian di antara Yang Maha Mulia Raja Negeri Kelantan dengan Tuan W.E.J Tillikey dan Tuan J. Mackey. Sekali pandang, peristiwa ini tidak berhubungan langsung dengan cerita berikutnya, namun ada kaitan di antara perbuatan menyewakan tanah yang dilakukan oleh Raja Kelantan itu dengan perhubungan di antara Jalal dan Rafeah. Rafeah telah menyerahkan tanahnya kepada Jalal, seorang “asing” dan akhirnya dia dibunuh sedangkan anaknya ditinggalkan tanpa apa-apa harta. Jalal yang bijak tetapi serong itu, pada mulanya diberi kuasa untuk mentadbirkan saja tanah kepunyaan Rafeah tetapi akhirnya dia menjadi tuan kepada tanah tersebut. Hal lain yang menarik pandangan tentang keselarian di antara dua peristiwa ini ialah cara kekuasaan itu diperolehi. Jalal menawan hati Rafeah melalui cara yang halus, dengan membuat hubungan persahabatan dengan Sulaiman, suami Rafeah dan kemudiannya meracuni fikiran dan perasaan mereka berdua. Akhirnya mereka berbalah lalu berpisah dan Jalal menarik keuntungan daripada perpisahan itu (Abu Bakar Hamid, Pengenalan SR, Abdul Kadir Adabi, 1980: xiv-xv).

Dalam SR, tiga watak utama dibincangkan sebagai perilaku yang dibincangkan makna siratan ialah, watak Sulaiman, Jalal dan Mamat.

4.2.1 Perilaku Sulaiman

Sulaiman merupakan watak yang mempunyai ciri-ciri manusia tipikal dalam masyarakat. Sulaiman tidak digambarkan mempunyai kesempurnaan peribadi dalaman dan luaran sebaliknya Sulaiman ialah seorang manusia yang pernah melakukan kesilapan. Sulaiman berkahwin dengan Rafeah, kemudiannya mendapat anak yang dinamakan Mamat. Sulaiman pernah mengabaikan rumah tangga, pernah berjudi dan bertindak menceraikan isteri. Namun demikian, Sulaiman seorang yang cepat sedar akan kesilapan yang telah dilakukannya. Hal ini dibuktikan dengan pengungkapan pengarang;

Pada akhirnya Sulaiman teringat akan kata-kata orang-orang tua: “Bala bencana itu jika tiada terbit daripada kita sendiri adalah diterbitkan daripada orang-orang yang berkehendakkan sesuatu faedahnya atau guna daripada kebalaan atau kebencanaan itu bagi dirinya”
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 31).

Sebagai manusia biasa, sikap amarah dan dendam dalam diri Sulaiman tidak disembunyikan. Akibat tindakan Jalal yang mengganggu rumah tangganya dan bersikap tamak, Sulaiman menyimpan rasa dendam seperti dinyatakan oleh pengarang, “...maka semalam-malaman itu hati Sulaiman bertambah-tambah tertiuip ungunnya yang lama itu lebih-lebih menyala lagi, hanya menantikan masa yang baik, saat yang kenalah sahaja hendak membakarkan kayu-kayu yang kering itu” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 82).

Sulaiman yang tenang dan sabar menunggu bertahun-tahun untuk membalas dendam menunjukkan perasaan yang tidak puas hati seseorang itu tetap tersimpan biarpun mengambil masa yang lama. Watak Sulaiman dalam novel ini juga digambarkan sebagai seorang yang bertanggungjawab kerana menjaga Mamat setelah menemuinya.

Perilaku Sulaiman yang berani kerana kebenaran juga adalah contoh bagi masyarakat tipikal Melayu yang masih relevan sehingga sekarang. Pengarang membawa penceritaan tentang manusia yang hadir pada zamannya. Setiap manusia tentu mempunyai sikap dan perlakuan yang berbeza. Perbezaan ini dibuktikan dengan ragam dan niat serta tindakannya sama ada yang dapat dizahirkan ataupun digambarkan dalam perasaan atau niat dalam hati. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Fuller (2000: 81) bahawa dapat diperhatikan dengan ragam-ragam manusia yang mempunyai perkaitan dengan masyarakat pada zamannya.

Dalam realiti kehidupan seharian, penceritaan dalam novel ini, seperti mana perilaku Sulaiman yang digambarkan itu, mempunyai perkaitan dan sindiran terhadap perilaku orang lain yang wujud. Sikap dendam yang tersimpan dalam hati, bukan sahaja dimiliki oleh Sulaiman pada zamannya, tetapi siapa sahaja pada masa selepasnya. Pengarang menghadirkan perilaku tersebut sebagai ingatan dan pengajaran kepada pembaca, yang juga kepada masyarakat seluruhnya supaya berwaspada dalam bertindak dan berniat baik terhadap orang lain serta tidak boleh berkelakuan yang menyalahi perintah agama. Yang tersirat daripada perlakuan Sulaiman adalah untuk mengkritik masyarakat bahawa sikap berdendam itu ada di mana-mana.

4.2.2 Perilaku Jalal

Jalal dalam novel ini ditafsirkan sebagai manusia yang memancarkan sikap-sikap negatif yang tidak sepatutnya dicontohi. Namun demikian, watak Jalal adalah gambaran wujudnya manusia sedemikian dalam mana-mana masyarakat. Dalam konteks masyarakat Melayu seperti yang digambar dalam *SR*, Jalal hadir sebagai pengacau kepada keharmonian dan kesentosaan keluarga Sulaiman. Jalal digambarkan sebagai manusia yang 'kaya strategi' untuk memenuhi kehendak hatinya. Jalal sanggup

memecah-belahkan rumah tangga Sulaiman hingga dia menceraikan isterinya. Isteri Sulaiman yang bernama Rafeah itu kemudian dikahwininya. Antara sebab Jalal mengahwini Rafeah adalah kerana Rafeah mempunyai harta, yakni tanah hasil daripada warisan keluarganya. Jalal ialah seperti penjajah yang mengganggu-gugat ketenteraman sesebuah negara. Dalam hal ini dapat digambarkan bahawa Jalal secara tersirat dalam bentuk keluarga, tetapi dalam konteks yang lebih luas, tersirat perlakuan Jalal adalah seperti kuasa penjajah yang datang ingin menguasai sesebuah negeri atau negara.

Jalal yang menggugat rumah tangga Sulaiman digambarkan oleh pengarang; "Jalal yang diperintah oleh nafsunya yang jahat itu telah menjadi racun yang semakin lama semakin bisa kepada kehidupan rumahtangga mereka itu" (Abdul Kadir Adabi, 1980: 24). Perilaku Jalal ditafsirkan sebagai penjajah relevan sepanjang penceritaan dalam novel ini. Sebagai ayah tiri kepada Mamat, Jalal tidak bersikap adil dan sering memarahi Mamat. Antaranya didapati daripada pengungkapan;

...kerana itulah hari dan masanya budak itu ditengking herdik oleh Jalal dan bertambah pula dengan sumpah 'maki hamun seribu.' Budak itu dikatakan anak haram tiada mengenang budi, anak durhaka tiada taat setia, kelek dukung dan gilap sinarnya yang seperti emas sepuluh itu dibalas dengan najis belaka.

(Abdul Kadir Adabi, 1980: 69).

Jalal juga menggunakan "ubat" yang sebenarnya adalah racun untuk mengubati sakit Mamat dan Rafeah. Mamat terselamat manakala Rafeah ditimpa penyakit yang berterusan hingga meninggal dunia. Kejahatan "meracun" ini merupakan tindakan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Pengarang cuba mengaitkan perilaku Jalal ini dengan tindakan penjajah yang telah bertindak "meracun" fikiran dan perasaan rakyat yang dijajah.

Perilaku Jalal yang digambarkan dalam novel ini sebagai jahat dan berniat tidak baik adalah makna siratan perilaku yang diungkapkan untuk menyedarkan pembaca bahawa usaha manusia-manusia yang jahat ini selalunya nekad dan kejam. Manusia

seperti Jalal akan berusaha untuk memuaskan hatinya, apatah lagi telah mempunyai kuasa untuk mempengaruhi dan menakluk orang lain. Gambaran perilaku Jalal memberikan makna betapa kekuasaan dan muslihat yang tidak baik itu tidak akan selamat, dan akhirnya akan mendapat balasan. Dalam konteks yang lebih besar, apabila Jalal dikaitkan secara tersirat sebagai satu kuasa yang besar untuk menjajah, menakluk, yakni ada kuasa untuk mempengaruhi orang lain, digambarkan bahawa Jalal itu seorang yang sangat kuat. Jalal yang kuat adalah gambaran kuasa yang kuat. Di sebalik yang kuat, tentu ada yang lemah. Maka, apakah yang dapat dilakukan oleh yang lemah untuk melawan atau menandingi yang kuat ini. Jahat-baik, kuat-lemah ini ada kalanya dapat dikesan dengan mudah, mempunyai lapisan tafsiran yang perlu didalami secara tersirat.

4.2.3 Perilaku Mamat

Watak Mamat dalam novel ini sebagai seorang rakyat yang lemah namun akan bertindak apabila tiba masanya. Mamat kehilangan ibu yang menurut fikiran dan perasaannya ada hubungan dengan tindakan ayah tirinya, Jalal. Mamat dengan bantuan ayah kandungnya, Sulaiman akhirnya menemui jawapan bahawa Jalal telah meracun ibunya melalui ubat racun daripada serang bomoh. Mamat dan Sulaiman bertindak dengan helah kebijaksanaan dan penyamaran untuk menumpaskan Jalal. Simbolik di sini ialah perilaku Mamat yang penyabar seperti seorang rakyat yang bersikap sabar untuk bertindak.

Watak Mamat juga mempunyai hati yang lembut. Walaupun dianggap anak yang “tidak begitu cerdas” oleh Jalal, Mamat tetap bersabar. Peribadi Mamat ini digambarkan pengarang seperti berikut;

Ajaib! Ajaib! Sudahlah budak yang baharu seperti Mamat itu terbodoh, jikalau bodoh bebal lupa dan lalainya sebegitu sekalipun menjadi patut kepada seorang budak, tetapi orang-orang kampung istimewa lagi darah

daging Mamat dan Rafeah yang tua-tua semuanya telah terjadi sebingung-bingung manusia lebih daripada tiada otak yang boleh dengannya berfikir,... (Abdul Kadir Adabi, 1980: 72).

Pengarang mengaitkan perilaku Mamat sebagai pengajaran kepada pembaca bahawa sikap sabar akan membawa kejayaan. Dalam novel ini, Mamat mahu mencari bapa kandungnya. Dengan pertolongan Allah, disertakan kesabaran dan keyakinan, akhirnya impiannya itu tercapai. Sebagai anak tiri, Mamat dibenci oleh Jalal, dipandang rendah malah cuba dibunuh dengan racun yang digunakan sebagai ubat untuk menyembuhkan penyakitnya. Tindakan Jalal ke atas Mamat yang lemah menunjukkan kekejaman dan kejahatan 'pihak yang kuat dan berkuasa' iaitu Jalal. Tindakan sebagai "yang kuat" terhadap "yang lemah" ini berlaku dalam mana-mana masyarakat sehingga hari ini.

Mamat merupakan watak pembantu dalam novel ini. Namun perilaku Mamat yang sederhana itu menarik untuk ditelusuri. Dalam senyap dan "kebodoh-bodohnya", Mamat juga mempunyai strategi dan perasaan untuk bertindak secara bijak. Gambaran perilaku Mamat ini secara simbolik adalah bahawa manusia yang dilihat lemah tidak seharusnya dilihat lemah. Pandangan dan persepsi sebegini ada dalam realiti kehidupan masyarakat. Dalam novel ini, Mamat seperti manusia yang tidak banyak tahu tetapi terlibat dalam hal tertentu. Pengarang secara tersirat mahu menyedarkan pembaca bahawa dalam banyak situasi, kepekaan perlu daripada bersikap tidak banyak bersikap mahu mengambil tahu. Selain itu, pengarang ingin membuka pandangan dan fikiran pembaca supaya tidak terlalu mudah memberi persepsi dan label kepada individu tertentu berpandukan peribadi fizikalnya.

Makna siratan perilaku yang dibawakan oleh pengarang melalui watak Sulaiman, Jalal dan Mamat membuktikan bahawa demikian cara yang digunakan agar sampai kepada pembaca dan masyarakat.

4.3 Makna Siratan Perilaku Dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*

Penyampaian dalam cerita *Anak Mat Lela Gila (AMLG)* secara berlucah dan bergurau-senda namun tersirat makna yang tersembunyi. Dengan latar rimba yang bermula di Cameron Highland, dikisahkan pertemuan Bulat dengan Alang, orang Sakai keturunan Batin Sukun yang sangat terkenal. Bulat belajar ilmu selok-belok kehidupan daripada Alang. Pertemuan Bulat dengan Alang ialah pertemuan anak muda Melayu dengan keaslian kebudayaan dan adat resam, serta kemurnian pusaka peninggalan nenek moyang yang sudah kian menghilang daripada perhatian anak-anak muda. Hal ini digambarkan sendiri oleh Alang bahawa anak-anaknya sendiri sudah menjauhkan diri mereka daripada kehidupan hutan rimba.

Dalam *AMLG*, pengarang membawa keperibadian watak manusia atau tokoh untuk menyampaikan maksud tertentu. Makna siratan perilaku tiga watak utama yang dibincangkan ialah Mat Lela, Bulat dan Alang.

4.3.1 Perilaku Mat Lela

Mat Lela mempunyai perlakuan yang ganjil berbanding orang biasa, maka dia dianggap gila. Keanehan watak Mat Lela sengaja digarap oleh pengarang untuk ditafsirkan. Sebagai sebuah karya yang “bermain” secara kreatif, garapan tentang watak Mat Lela menimbulkan unsur humor. Mat Lela merupakan penjelmaan watak Melayu yang mempunyai sifat humor dan tersendiri kerana kegilaan dan keanehannya. Sikap Mat Lela digambarkan oleh pengarang;

Oleh sebab itu segala perbuatannya dan pekerjaan-pekerjaannya – membuat bata daripada tanah liat, mengukir kemaluan laki-laki daripada kayu, mendirikan rumah yang tidak berpintu, bertingkap dan bertangga, di dalam semak membuat not daripada selupat upih pinang, menyapu kawasan masjid dan lain-lain lagi itu semuanya disifatkan sebagai perbuatan orang gila jua. (Ishak Haji Muhammad, 1960: 17).

Mat Lela mengingatkan pembaca kepada watak-watak jenaka dalam cerita rakyat seperti Pak Pandir, Lebai Malang, Mat Jenin, Si Luncai dan Pak Kaduk. Walaupun ada interpretasi yang menuntut pemikiran semula daripada sudut positif dan negatif, namun dalam kehidupan seharian watak-watak sebegini tetap wujud sepanjang zaman. Malahan terdapat dalam mana-mana bangsa di dunia ini. Kebodohan, kegilaan dan keanehan merupakan satu sindiran dan kiasan kepada masyarakat umum. Mat Lela mewakili segelintir anggota masyarakat yang mengasingkan diri dan melakukan sesuatu mengikut kehendak hatinya.

Dalam bab atau bahagian kedua dalam novel ini, pengarang berpandukan pendapat sendiri menjelaskan makna gila dan persamaannya yang berkaitan dengan pandir dan sasau. Pengarang menerangkan perbezaan antara makna gila penyakit otak dengan tingkah laku yang ganjil. Demikian diuraikan tentang watak Mat Lela, seorang lelaki yang ganjil perawakannya dengan rambutnya sepanjang rambut perempuan dan tingkah laku yang aneh seperti bercakap seorang diri dan bersendirian berjam-jam di dalam hutan. Keadaan demikian menyebabkan orang kampung menganggapnya gila lalu memanggilnya Mat Lela Gila. Namun demikian, Mat Lela yang dianggap gila itu mempunyai sifat bertanggungjawab untuk menyerahkan barang-barang yang ditemui bersama-sama Bulat ketika dijumpai kepada orang yang menemuinya. Mat Lela mengumpulkannya lalu memasukkan ke dalam labu air kemudian menghanyutkan ke sungai. Walaupun sebelum ini digambarkan Mat Lela itu bodoh dan gila, tetapi tindakan sedemikian dilihat berakal dan berpandangan jauh. Mat Lela mempunyai pemikiran yang kreatif namun dilihat aneh oleh masyarakat sekeliling. Mat Lela mempunyai penampilan yang pelik seperti digambarkan oleh pengarang;

Apakah yang ganjil padanya? Pertamanya ia membiarkan rambut di kepalanya bertumbuh panjang hingga menggerbang seperti rambut perempuan; seperti orang Hindu atau orang Sikh, tetapi misai dan janggut dicukurnya.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 7).

Selain itu, pengarang turut memberi komentar terhadap perlakuan masyarakat umum dibandingkan dengan perlakuan Mat Lela itu. Pengarang mengungkapkan;

Yang kedua ia selalu kelihatan dan didengar bercakap seorang diri; ketawa dan tersenyum seorang diri, merepek dan merungut seorang diri. Tetapi adakah berkata-kata seorang diri itu suatu tanda rosak atau kurang akal fikiran? Jikalau begitu gilalah belaka orang yang menyanyi, berdoa, membaca dan menjampi seorang diri!
(Ishak Haji Muhammad, 1960; 7).

Daripada dimensi politik, tindakan mengumpulkan bata-bata menunjukkan kepandaian dan kebolehan bangsa yang dijajah sama dengan penjajah. Kemajuan fizikal seperti bangunan-bangunan batu boleh dibuat malah batu-batu itu boleh disimpan di rumah kayu. Tafsiran di sini bahawa penjajah (Inggeris, contohnya) bukanlah perlu diagungkan sebaliknya berada di bawah kekuasaan yang dijajah (Melayu) juga jika kena caranya. “Bata” yang mewakili penjajah dan “rumah” yang mewakili yang dijajah menunjukkan perkaitan kuasa dan dikuasai secara perlambangan. Begitu juga dengan perbuatan membuat not (wang kertas) daripada upih pinang adalah siratan yang halus tentang kuasa, material dan harga diri.

Pengarang menyampaikan perlakuan watak ini untuk ditafsirkan oleh pembaca. Perilaku Mat Lela adalah sindiran terhadap individu dalam masyarakat itu sendiri. Pengarang menghantar pesanan bahawa dalam kebijaksanaan ada kebodohan dan sebaliknya, dalam kegilaan ada rasionalnya. Walaupun perlakuan Mat Lela ini asing dalam masyarakat sebenar, namun dalam sebuah fiksyen watak Mat Lela hidup dengan cara dan tersendiri. Latar kepengarangan novel ini adalah sebelum kemerdekaan Tanah Melayu (Malaysia) ketika itu. Suara untuk mengkritik penjajah mahupun pemerintah seharusnya dikawal. Melalui penceritaan dan penulisan, pengarang menyelar sikap pemerintah dan keburukan penjajahan malahan sikap masyarakat.

4.3.2 Perilaku Bulat

Bab atau bahagian pertama dalam novel ini menampilkan watak Bulat yang ditemui dalam usia enam bulan oleh Mat Lela. Perkataan “bulat” diperincikan oleh pengarang dalam sebahagian besar bab pertama ini. Bentuk “bulat” sebagai perbandingan yang dikaitkan dalam kepelbagaian keadaan secara fizikal pada anggota badan manusia, hinggalah alam semesta seperti bulan dan bintang. Novel ini dimulakan dengan perenggan berikut:

Bulat – apa yang ganjil pada bulat? Berbagai-bagai benda di dalam dunia yang luas ini keadaannya bulat, rupanya bulat dan asalnya bulat. Pokok-pokok kayu dan buah-buahan banyak yang bulat. Di tubuh badan kita bukan sedikit anggota-anggota kita yang bulat keadaannya – kepala, mata, lengan, leher dan jari-jari kita pun bukankah bulat. Itu di bumi; di langit atau di angkasa pula matahari berupa bulat, dan bulan pun – masa penuhnya, waktu bulan purnama disebut orang – rupanya pun bulat juga. barangkali bintang yang banyak itu pun bulat keadaannya jika boleh dilihat dekat. (Ishak Haji Muhammad, 1960: 1).

Dari dimensi politik, bulat sebagai perlambangan pada kesatuan, suara, idea yang ada pada seseorang ataupun pada sesuatu bangsa. Jika Bulat sebagai watak sebagai individu yang dikatakan sempurna, dengan rupa dan kebijaksanaannya hingga dewasa, “bulat” dalam dimensi politik adalah kesatuan yang menjadikan sesuatu golongan atau bangsa itu bijaksana. Bulat sebagai watak dan “bulat” dalam pengertian politik membawa maksud seiring daripada pandangan perlambangan.

Bulat sebagai simbol yang memiliki kesempurnaan. Bulat digambarkan mempunyai bentuk yang penuh dan menyeluruh. Sebiji tembikai yang bulat itu sudah mempunyai kesempurnaan tetapi jika dibelah, keadaan tidak menjadi bulat lagi. Bentuk itu dinamakan separuh bulat. Bulat sebagai perlambangan yang mempunyai perjalanan kehidupan yang menyeluruh. Keadaan ini digambarkan oleh pengarang;

Demikianlah riwayat hidup si anak yang bernama dan dikenali dengan nama Bulat itu. Dalam masa tiga belas bulan sahaja ia bertukar kepada tiga-empat tangan – mulanya dari ibunya sendiri kepada Mat Lela yang dikatakan

seorang yang tidak siaman fikirannya dan tidak berapa lepas itu jatuh pula ke dalam tangan Johari dan Permai sekelamin peladang yang hampir-hampir putus ikatan perkongsian.
(Ishak Haji Muhammad, 1960: 28).

Bulat dalam novel ini tampil sebagai manusia yang biasa namun akhirnya dapat dikesani mempunyai ciri-ciri kepemimpinan. Pemimpin yang berperibadi seperti Bulat, diiringi oleh pengalaman dan pengetahuannya tidak banyak dalam konteks hari ini. Namun begitu terdapat pemimpin yang jauh lebih bernasib baik daripada Bulat dan ada yang kekurangan daripada sudut-sudut tertentu. Secara kontekstual dalam situasi semasa, terdapat pemimpin yang bersikap seperti Alang, ibu Bulat, Haji Osman, malahan Mat Lela sendiri. Mengesani Kritikan Melayu daripada pengungkapan pengarang, dan mengaitkannya dengan situasi politik menjadikan karya sastera tetap relevan dan penting sepanjang zaman.

Pemilihan nama watak dan kaitannya dengan pelbagai benda di alam ini, dan kembali kepada individu itu sendiri dengan bangsanya memperlihatkan adanya hubungan projeksi konteks sosial kepada konteks yang abstrak. Begitu juga dengan pengungkapan tentang pengembaraan Bulat yang dipetik;

Tiadalah diketahui apa yang berlaku kepada Bulat yang mengembara lagi itu akan tetapi sekiranya ia menurut nasihat ibunya dan bekerja bersungguh-sungguh haruslah ia hidup aman-sentosa, mulia dan berbahagia di dalam dunia itu.
(Ishak Haji Muhammad, 1960: 137).

Bahagian di atas merupakan bahagian terakhir dalam novel ini. Novel ini berakhir dengan kegembiraan namun membawa persoalan kemanusiaan yang tidak berkesudahan iaitu manusia perlu terus mengembara. Watak Bulat yang sudah menempuhi berbagai-bagai pengalaman dan menemui kebahagiaan tetap mahu terus mengembara. Ini sesuai gambaran kemanusiaan bahawa ilmu dan pengalaman perlu terus dicari selagi hayat dikandung badan. Makna siratan perilaku di sini ialah bahawa setiap manusia tidak kira siapa perlu terus membaiki hidupnya untuk kesenangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

4.3.3 Perilaku Alang

Kemunculan Alang sebagai penghulu merupakan yang tersirat perihal kepemimpinan. Alang juga sebagai perantara untuk menyampaikan peringatan tentang hak dan kebenaran serta rasa cinta terhadap tanah air yang digunakan oleh pengarang. “Alang” sebagai ikon bagi kepemimpinan dan keberanian. Alang pernah bercerita kepada Bulat dengan diselangi nasihat. Sebagai ketua, Alang cuba untuk membela nasib kaum peribumi agar bekerja keras dan turut bersaing dengan orang asing agar berjaya. Dipetik kata Alang;

Perbandingan-perbandingan yang nyata ada banyak di tanah tinggi Cameron itu – misalnya yang pertama orang bangsa asing berkebun teh dua ribu ekar luasnya, tetapi kita dua batang pokok teh pun enggan hendak bertanam kerana sebatang atau sekerat batang pun sudah cukup. Jika tidak langsung pun tidak mengapa.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 86).

Selain itu, nasihat Alang kepada Bulat tentang sikap untuk keselamatan dan kebahagiaan dalam hidup diungkapkan pengarang;

Engkau jangan membanyakkan hasad-dengki umpat –keji dan fitnah-pesona, kerana yang demikian tiada membawa kepada keselamatan dan kebahagiaan hidup. Umpamanya orang buta: jangan dikeji akan dia kerana di dalam dunia ini siapakah yang tidak buta? Orang-orang alim itu buta kerana kejahilannya ia tidak nampak; orang-orang cerdik itu buta kerana ia tidak nampak akan kebodohnya; pencuri-pencuri itu buta kerana mereka tidak ternampak akan Tuhan bahkan siapakah yang tidak buta?

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 99).

Kedua-dua petikan di atas membuktikan kepekaan pengarang terhadap nasib peribumi yang tidak berusaha gigih untuk mencapai kemajuan. Perbandingan dengan bangsa asing, termasuk penjajah yang berkebun teh beribu ekar di tanah air ini sedangkan penduduk tempatan tidak berusaha yang lebih daripada sekadar cukup untuk dirinya. Kritikan tentang sikap bangsa peribumi ini dibawakan oleh pengarang melalui percakapan Alang. Alang digambarkan sebagai ketua yang peka kepada masyarakat sekelilingnya dan mempunyai semangat sayangkan tanah air kelahirannya. Simbolik

perilaku Alang juga dibawakan oleh pengarang daripada caranya berfikir dan membuat tanggapan tentang sesuatu. daripada petikan, Alang menasihati Bulat agar jangan banyak melakukan umpatan dan kejian, memfitnah dan berhasad-dengki. Sebagai tambahan, nama Alang, dalam masyarakat Melayu mempunyai kaitan dengan orang yang tidak sempurna akal dan terdapat peribahasa Melayu yang menyebut “bodoh-bodoh alang”. Penggunaan nama Alang juga sebagai bawaan makna siratan.

Menurut Hooker (2000: 163), struktur naratif *AMLG*, yang diterbitkan selepas beberapa tahun *Putera Gunung Tahan*, menyamai hikayat Melayu yang tradisional. Kedua-dua karya itu pengarang mencampur-adukkan unsur keajaiban dan kekaguman dengan realiti. Tujuannya adalah untuk menimbulkan unsur-unsur fantasi dan menonjolkan jarak antara “cereka” dengan “fakta” yang menunjukkan adanya unsur paradoks dan ilusi yang dibayangkan oleh pengarang kepada pembacanya sebagai satu ciri dalam karyanya. *AMLG* meneruskan perjuangan menentang materialisme melalui sikap beberapa orang wataknya. Sikap Mat Lela terhadap wang kertas, sebagai yang tersirat campur tangan Inggeris dalam kehidupan orang Melayu dan pencetus perbalahan, mendorongnya untuk mengeluarkan mata wangnya sendiri. Dalam novel ini watak Bulat bertanya, mengapa orang Melayu dan orang Sakai hidup merana dan miskin? Watak Alang menjawab sebabnya adalah kerana mereka berpecah-belah, tidak semuafakat, tidak bersatu hati untuk kebaikan bersama, tetapi lebih memilih sebagai pengusaha secara kecil-kecilan.

Watak Mat Lela, Bulat dan Alang ialah watak yang digarap oleh pengarang sebagai gambaran kepada segelintir manusia yang wujud dalam masyarakat. Perilaku watak tersebut dapat menggerakkan cerita dengan unsur lucu dan aneh. Namun demikian, pada lapis tafsiran makna watak-watak tersebut sengaja ditampilkan secara tersirat untuk memberi kesan dan kesedaran pembaca khususnya yang berkaitan dengan politik dalam sesebuah negara.

4.4 Makna Siratan Perilaku dalam Novel *Tunggul-Tunggul Gerigis*

Analisis pengungkapan pengarang dalam naratif dan dialog novel ini berpandukan Gagasan Kritikan Melayu. Makna siratan perilaku akan dibincangkan berpandukan tokoh-tokoh atau watak-watak yang berperanan dalam novel ini. Mereka ialah Su Usul, Imam Itam dan Mahmud.

4.4.1 Perilaku Su Usul

Perkataan “usul” difahami secara konvensi sosial sebagai satu kebenaran. “Usul” juga bererti cadangan ataupun sesuatu yang berupa idea perlu yang dibincangkan. Menurut A. Rahim Abdullah (2008: 202), sebagai orang tua yang menganggap dirinya ibarat tunggul tua dan bergerigis (hodoh) dan tidak ada fungsi, Su Usul mengharapkan kematiannya lebih cepat. Melalui kematiannya dia percaya (konsep Islam di Alam Barzakh) dapat menemui kebahagiaan – bertemu gemulah Bunga (isterinya) dan para gemulah lain yang meninggal dunia lebih lama (mereka yang bersih daripada dosa pada anggapan Su Usul). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa dunia Su Usul akan lebih bererti apabila dia meninggal dunia.

Perilaku Su Usul adalah keserupaan bagi ketuaan dan kehodohan yang dilupakan oleh masyarakat. Orang tua sebegini langsung tidak memberi apa-apa manfaat. Namun demikian, Shanon Ahmad meletakkan Su Usul sebagai alat yang integral bagi mengaitkan dengan permasalahan sosiopolitik semasa terutama yang berlaku di sebuah kampung yang bernama Poseng. Su Usul sebagai watak yang muncul dalam pergelutan kekuasaan politik manusia yang mengutamakan kemenangan dan kemajuan mengikut pandangan masing-masing. Su Usul sebagai yang “usul” menyedari kepincangan tingkah laku politik ini hanya bersungut dan merelakan dirinya terus melarat. Suara Su

Usul hanya bermain-main dalam fikiran dan perasaannya sendiri. Percakapan dengan lembu yang dipanggil sebagai Goh seperti diungkapkan pengarang, “Su Usul masih tenang dalam kandang Goh” (Shahnon Ahmad, 1988: 119), sebagai gambaran bahawa manusia normal sudah tidak boleh menerima pendapat dan cetusan orang tua yang melarat seperti Su Usul.

Su Usul telah dianggap sebagai “tunggul” gerigis menghadapi pergolakan anak cucu dan orang kampungnya di Poseng. Sepanjang penceritaan, Su Usul yang sudah tua mengenang arwah isterinya Bunga, yang meninggal dunia disambar petir. Lembu tuanya, Goh akan disembelih untuk korban Hari Raya Haji. Dia menghadapi cucunya, Bedul yang banyak memberi kasih sayang. Kemudian cucunya itu pula mati ngeri dilanggar lori balak Merbau Holdings. Su Usul menghadapi dua golongan yang bertentangan ideologi politik yang diwakili oleh dua anaknya sendiri; Mahmud menjadi tokoh Parti Bumi Bertuah (PBB) dan Derani menjadi tokoh Parti Seruan Suci (PSS) (Mohd. Yusof Hasan, 2010: 169).

Su Usul menghadapi situasi ini dalam *TTG*, secara tersirat, betapa berat penderitaan dalaman yang dialami oleh Su Usul namun Su Usul tetap tenang dan lebih banyak memikirkan tentang saat-saat kematiannya. Su Usul ada persamaan dengan Poseng yang menghadapi permasalahan sekeliling yang menuju kepada “kematian”. Su Usul menyerlah nasib sebagai orang tua yang tidak berdaya. Pengarang meletakkan anggapan masyarakat sekeliling tentang wujudnya Su Usul namun tidak dipedulikan itu seperti diungkapkan, “Su Usul tersepek di situ seperti kain buruk dapur terhenyak di muka pintu yang tak habis-habis dipijak dan dihenyak dan dilanyak hingga berkecai kecil-kecilan” (Shahnon Ahmad, 1988: 54).

Perbandingan “kain buruk dapur” yang “dihenyak” dan “dilanyak” menunjukkan kewujudan Su Usul di kampung itu tidak dipedulikan. Namun demikian, Su Usul merupakan penggerak penceritaan. Watak-watak lain tampil bersama-sama dengan Su

Usul seperti masjid, Imam Itam, Imam Deramang, Bedul, Bunga, malahan Poseng itu sendiri. Su Usul seolah-olah melihat dan menyaksikan sendiri segala pergolakan yang berlalu di Poseng. Sikap diam dan “tidak boleh melakukan apa-apa” pada kudrat dan keupayaan Su Usul menimbulkan pengungkapan, “Mak sendiri pernah kata Nek Usul itu tunggul” (Shahnon Ahmad, 1988: 67). Gambaran ketuaan Su Usul seperti “tunggul” yang menanti reput dan musnah adalah lambang ketuaan yang disia-siakan. Judul novel ini, “Tunggul-tunggul Gerigis” membawa makna ada orang-orang tua yang kelihatan hodoh, tidak dipedulikan namun tetap mempunyai fikiran dan perasaan kampung halamannya.

Sebagai protagonis, Su Usul membawa pembaca menghayati perubahan waktu dan sejarah Poseng melalui kenangan silam, apa yang berlaku masa kini, dan yang akan berlaku pada masa depan terutama kepada Poseng dan penghuni-penghuninya (Ooi Eng Lye, 2005: 136). Dengan demikian, arus pembangunan dan proses industrialisasi yang telah merombak cara hidup dunia Poseng telah merampas nilai tradisional yang selama ini telaah mengikat masyarakat Poseng. Su Usul merasakan bahawa bumi Poseng sekarang bukan untuk golongan tua dan beliau tidak mempunyai sebarang harapan dan kebahagiaan di dunia kini. Unsur-unsur pemodenan telah melonggarkan perhubungan kekeluargaannya dan juga merampas identitinya sebagai seorang ayah dan sebagai anggota masyarakat Poseng. Dengan merenung ke alam silam, Su Usul dapat mengembalikan maruah dan identitinya (Ooi Eng Lye, 2005: 167). Su Usul digambarkan tersepit dalam pertentangan antara dua golongan Melayu ini membawa kepada persoalan negara dan survival bangsa. Pertelingkahan politik telah menjadi punca kehancuran bumi dan masyarakat Poseng. Sikap tolak ansur, hormat-menghormati, dan berbaik sangka tidak diamalkan lagi (Jeniri Amir, 2012: 63). Su Usul merupakan siratan perilaku dalam situasi masyarakat yang berpecah-belah dan keliru.

Shahnon Ahmad membawakan perilaku Su Usul untuk ditafsirkan dalam berbagai-bagai sudut. Imej ketuaan dengan sikap nyanyuk, pelupa dan selalu merungut, serta digambarkan derita dalam fikiran yang kacau, dikaitkan pula dengan keadaan masyarakat yang bertelingkah. Su Usul sebagai manusia dan Poseng sebagai tempat yang mempunyai perkaitan daripada aspek 'derita' dan 'kacau'. Demikian pengarang membawa makna siratan perilaku Su Usul.

4.4.2 Perilaku Imam Itam

Watak Imam Itam berbeza sama sekali dengan Su Usul. Imam Itam dibawakan oleh pengarang seorang yang rasional, boleh berfikir namun akhirnya merasakan kecewa disebabkan tindakan politik pihak lain. Peribadi Imam Itam secara tersirat dapat dikaitkan dengan seorang pemimpin yang mempunyai pengaruh yang kuat dan mempunyai pengikutnya sendiri. Imam Itam adalah gambaran manusia yang mempunyai latar pengetahuan agama dan memikul tanggungjawab mengetuai hal-hal ibadah namun tidak dapat mengelakkan juga kehendak pengikut golongan tertentu yang mempunyai cita-cita politik. Sebagai Imam Masjid Poseng, Imam Itam juga manusia biasa yang dalam keadaan tertentu menghadapi tekanan berkaitan dengan pandangan politik sesama manusia. Pengetahuan agama dan akhlaknya sebagai seorang ketua agama di sebuah kampung, membawa Imam Itam mempunyai kekuatan diri walaupun beberapa kali tidak dapat menahan sabarnya. Situasi yang dialami oleh Imam Itam dapat digambarkan melalui dua petikan berikut;

Imam Itam hanya mengambil jalan mudah, sekurang-kurangnya buat sementara waktu. Dia ikut lagak ekor tikus; memperkecil dan mengkerdikan diri dan terus menirukan hak.
(Shahnon Ahmad, 1988: 197).

dan;

Imam Itam cepat menangkap riak yang mulai tumbuh keliling pinggangnya. Dia tersenyum. Begitu mudah dirinya dikuak dari masjid Poseng bagaikan dia itu sama seperti kubang kerbau yang dikuak naik ke tebing. (Shahnon Ahmad, 1988: 207).

Imam Itam merasai sendiri pergelutan politik di Poseng. Seseorang yang sepatutnya dihormati sudah tidak dipedulikan lagi. Keadaan menjadi lebih teruk apabila fahaman parti menguasai fikiran dan perasaan. Seorang yang berjawatan imam di sesebuah masjid atau kampung, boleh ditukar dan dibawa ke sana-ke mari mengikut kehendak yang lebih berkuasa. Walaupun Imam Itam cuba bertindak bijak, namun akhirnya tokoh ini terpaksa mengalah seperti digambarkan oleh pengarang, “Dan Imam Itam cukup nampak gambaran itu bila kelak tiba ketikanya. Poseng akan berubah. Kalau tidak menjadi padang jarak padang terkukur, Poseng pasti menjadi padang bergelimpangan batang-batang pisang, batang paku rawan, lidi-lidi dan bilah-bilah buluh bubu” (Shahnon Ahmad, 1988: 214).

Kelebihan yang pada Imam Itam yang tiada dimiliki oleh orang lain, seperti diungkapkan oleh pengarang;

Dan bila tiba tengah malam, Imam Itam menerima isyarat dari dunia luar. Ada bahana yang menyampaikan khabar. Bahana itu terhenti dan membisikkan sesuatu ke telinga Imam Itam. Perasaannya mulai kurang sedap bagaikan dia tahu di luar sana itu sedang menunggu raksasa dan gergasi bermulut besar dengan berkuku besi dan bertaring besi untuk menyerangnya dan meluputkan semua anak buahnya dari bumi Poseng. (Shahnon Ahmad, 1988: 295).

Rahsia kebatinan yang dimaksudkan iaitu *zuuq* hanya dikurniakan kepada orang yang terpilih. Peribadi Imam Itam juga secara realistik mengingatkan beberapa nama tokoh pejuang fahaman dan aliran tertentu. Peristiwa Memali berlaku pada tahun 1985 di sebuah daerah, Memali di Baling, Kedah berkaitan dengan laporan kumpulan orang yang bersenjata melakukan kegiatan subversif di daerah berkenaan dipimpin oleh Ibrahim Libya. Sehubungan dengan laporan ini, pihak kerajaan telah menghantar pasukan polis dan pasukan simpanan khas untuk menggempur daerah berkenaan. Dalam

pertempuran ini, Ibrahim Libya terkorban bersama beberapa orang lain termasuk anggota polis. Dalam peristiwa ini dikatakan yang turut menentang anggota polis adalah orang-orang perempuan dan kanak-kanak.

4.4.3 Perilaku Mahmud

Dalam novel ini, dua orang anak Su Usul yang diperkatakan ialah Mahmud dan Derani. Kedua-duanya mempunyai cita-cita yang tersendiri dalam perjuangan parti politik, terutama sekali Mahmud yang menjadi pemimpin parti PBB di Poseng. Secara tersirat, Su Usul sebagai lambang ketuaan merupakan ketuaan politik negara yang melahirkan “dua anak” yang bertentangan ideologi iaitu PBB dan PSS. Menurut Ooi Eng Lye (2005: 131), sikap dan perlakuan mereka telah dijadikan kritikan Shahnnon terhadap golongan politik mahupun agama yang juga terlibat dalam persaingan kuasa. Yang dikritik oleh Shahnnon ialah dua jenis kelompok atau parti politik yang mempunyai kepentingan politik sendiri dan kerakusan mereka untuk merebut kuasa telah membawa kepada perpecahan dan kemusnahan masyarakat Poseng.

Shahnnon Ahmad telah memperlihatkan perhubungan persaudaraan yang amat erat antara Mahmud dengan Derani dalam suasana perkampungan Poseng yang turut memisahkan hidup mereka. Apabila suasana di Poseng sudah berubah lantaran perbezaan politik, kemesraan kedua-dua beradik itu juga menjadi dingin. Melalui pemerhatian Su Usul, pembaca akan berhadapan dengan sindiran pengarang terhadap pergolakan di perkampungan Poseng sama ada perubahan fizikal atau keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan akibat pecah belah hubungan antara ahli keluarga dengan kerakusan masyarakat Poseng yang dalam keghairahan mereka mengejar kuasa dan status.

Mahmud menggunakan kuasanya untuk menekan penduduk yang tidak mengikut partinya dengan hanya memberi kemudahan dan subsidi kerajaan kepada pengikut PBB

sahaja. Hal ini dapat dikesani melalui ungkapan, "Kalau mereka nak berkepal batu juga sampai kiamat, biar mereka kepala batu. Tak usah beri habuan apa-apa. Kita tengok siapa yang terkeok, siapa yang tak terkeok. Kitakah yang gagah, merekakah yang gagah" (Shahnon Ahmad, 1988: 41) Setelah Mahmud telah dijanjikan menjadi calon pilihanraya akan datang, sikapnya semakin keterlaluan terhadap penduduk Poseng. Mahmud dan pengikutnya telah menyebarkan fitnah terhadap pengikut PSS sehingga kerajaan mengambil tindakan dengan memecat Imam Itam sebagai Imam Poseng.

4.5 Makna Siratan Perilaku dalam Novel *Nagogho Astana*

Novel *Nagogho Astana* (NA) diawali dan diakhiri dengan menggambarkan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Perdana di bilik mesyuarat kerajaan yang dinamakan Lethrinus Minitus. Walaupun beberapa orang menteri merasa keganjilannya, dan tidak tahu akan maknanya, namun bagi Menteri Perdana nama itu melambangkan kecerdikan, kepintaran dan ketenangan meskipun dalam beberapa mesyuarat kabinet tidak melambangkan kepintaran dan kecerdikan (Jeniri Amir, 2012: 307). Perlakuan dan tindakan Menteri Perdana ini menunjukkan sikap seorang pemimpin yang boleh membuat keputusan mengikut pendapatnya sendiri tanpa memikirkan fikiran orang lain.

Pengarang membawa keperibadian watak manusia atau tokoh untuk menyampaikan maksud tertentu. Dalam novel ini, setiap bab mempunyai watak utama yang menjadi fokus penceritaan. Secara keseluruhan, setiap bab dalam novel ini juga berdiri sendiri sebagai sebuah cerita pendek (cerpen). Watak-watak dalam novel ini

terdiri daripada pelbagai peringkat dalam masyarakat daripada pemimpin atasan hinggalah kepada rakyat bawahan.³

Dalam *NA*, pengarang membawa keperibadian watak manusia untuk menyampaikan maksud tertentu. Keperibadian ini dibincangkan sebagai analisis perilaku berdasarkan Kritikan Melayu. Tiga perilaku yang dibincangkan dibahagikan kepada tiga iaitu pemimpin utama, pemimpin institusi dan rakyat biasa.

4.5.1 Perilaku Pemimpin Utama

Sebagai sebuah “negara” yang diwujudkan secara fiksiyen, pemimpin dan corak kepemimpinan yang dibawakan oleh pengarang melalui *NA* juga sebagai fiksiyen. Namun demikian, perilaku watak atau tokoh yang dipilih oleh pengarang tentunya berkaitan dengan tokoh-tokoh atau watak-watak yang wujud dalam realiti kehidupan. Dalam novel ini dua tokoh yang menjadi fokus perhatian, terutama dalam bab awal dan penghujung iaitu tokoh pemimpin atasan yang mewakili parti pemerintah dan seorang lagi tokoh pemimpin atasan daripada parti pembangkang.

Dalam susunan nahu atau tatabahasa Melayu, objek selalunya di hadapan predikat, iaitu terdapat hukum D-M (diterangkan-menerangkan). Daripada sudut tatabahasa, sebutan Menteri Perdana lebih tepat berbanding Perdana Menteri. Namun demikian, faktor kebiasaan ataupun pengaruh daripada bahasa Inggeris, istilah Dalam *NA*, nama jawatan Perdana Menteri tidak digunakan, tetapi diterbalikkan menjadi Menteri Perdana. Secara harfiah disebut berbeza namun makna kata adalah sama. Tanggungjawab yang digambarkan oleh pengarang melalui watak Menteri Perdana juga mempunyai persamaan dengan tanggungjawab seorang Perdana Menteri. Watak Dr.

³ Satu lagi contoh tindakan berdasarkan kuasa yang terdapat dalam *NA*, ialah watak Prof. Dr. Budiman Radhi, Pengarah Institut Kajian Nagogho Astana (IKNA) yang ditamatkan sebelum tarikhnya yang sebenar.

Ahmad Zafrullah bin Maqam Zafrullah sebagai Menteri Perdana yang dibawakan oleh pengarang mempunyai kaitan dengan *Prime Minister* atau Perdana Menteri ataupun juga Presiden bagi sesebuah negara.

Perilaku Menteri Perdana dalam *NA* digambarkan oleh pengarang sebagai seorang yang amat tegas dalam membuat keputusan. Keadaan ini digambarkan seperti, "Kalau dibandingkan api kemarahannya dengan julangan api kebakaran bandar Rom dalam zaman Maharaja Nero yang mengaku tuhan itu, api kemarahannya lebih besar" (S. Othman Kelantan, 1998: 11). Pengarang dengan sengaja membandingkan kemarahan itu seperti api kebakaran bandar Rom. Gambaran yang keterlaluan dan melampau ini membuktikan tanggapan pengarang terhadap kekuasaan dan kehebatan Menteri Perdana dalam novel ini. Menteri Perdana juga digambarkan seorang yang membuat keputusan dengan tegas. Terdapat beberapa perkara yang diputuskan sendiri tanpa meminta pendapat daripada orang lain terlebih dahulu. Ketegasan dalam membuat keputusan ini membuatkan orang bawahan beliau hanya bersetuju sahaja.

Dalam *NA*, dipetik: "Mungkin mereka sudah tercongok di Bilik Lethrinus Minitus, bilik khas mesyuarat kerajaan. Nama Lethrinus Minitus sengaja dipilihnya walaupun ada beberapa orang menteri merasa ganjil" (S.Othman Kelantan, 1998: 12). Demikian juga dengan petikan;

Kalau dia bermimpi pada malamnya untuk sesuatu pelaksanaan, dia akan kemukakan kepada kabinet. Cara mengemukakannya bukanlah untuk anggota kabinet mengatakan setuju atau tidak, akan tetapi terus diminta supaya melaksanakannya. Cara melaksanakannya saja dibincangkan. (S. Othman Kelantan, 1998: 18).

Menteri Perdana telah memilih nama bilik mesyuarat menggunakan bahasa asing, yakni bukan bahasa kebangsaan yang ditentukan oleh perlembagaan negara tersebut. Secara simbolik, perlakuan ini menggambarkan keadaan sebuah negara seperti Malaysia yang menggunakan nama asing bagi tempat-tempat tertentu, termasuklah nama jalan dan pejabat kerajaan.

Sebagai ketua bagi sebuah negara yang dipilih secara demokrasi, kelebihan dan keistimewaan Dr. Ahmad Zafrullah dibincangkan. Gambaran kebijaksanaan Menteri Perdana dipetik seperti berikut:

...dan misi awal yang paling penting, demikian fikir Menteri Perdana, adalah untuk membeli senjata nuklear yang bertaburan di seluruh bekas negara Kesatuan Sosialis Rusia yang pecah atas dasar perestroika dan glasnost pimpinan Presiden Gorbachev yang tidak menjadi. Malah sekali gus akan membeli para saintis yang kehilangan sumber pendapatan itu. (S. Othman Kelantan, 1998: 16).

Tindakan Menteri Perdana menunjukkan bahawa perancangan dan strategi ada pada seorang pemimpin utama sebuah negara. Keputusan yang berani walaupun berisiko harus diambil oleh seorang pemimpin. Perilaku yang ditunjukkan oleh Dr. Ahmad Zafrullah sebagai Menteri Perdana dalam *NA* adalah yang tersirat tentang perlakuan seorang pemimpin utama yang dikaitkan dengan negara tertentu, khususnya Malaysia dalam tempoh tertentu. Keadaan ini digambarkan dengan pengungkapan, "... dan selepas sepuluh tahun dia menerajui negara Nagogho Astana, usianya sudah enam puluh sembilan tahun sekarang, negara ini sudah terkenal di kalangan negara membangun." (S. Othman Kelantan, 1998: 17).

Penentangan terhadap tindakan Menteri Perdana diketuai oleh Ketua Pembangkang yang begitu berpandangan negatif terhadap perilaku dan kepimpinan Menteri Perdana. Menurut Jeniri Amir (2012: 310), berdasarkan naratif dalam bab terakhir, tujuan Ketua Pembangkang berbuat demikian bukannya untuk menjatuhkan Menteri Perdana. Dipetik;

...supaya sesiapa saja yang menjadi Menteri Perdana tidak akan menyelewengkan kuasa besarnya hingga menjadi diktator. Kita bimbang nanti ada pada suatu masa seorang Menteri Perdana yang bernafsu besar, bersultan di mata beraja di hati, sehingga menghancurkan demokrasi negara Nagogho Astana yang sudah terkenal di seluruh dunia. (S. Othman Kelantan, 1998: 279).

Tokoh pemimpin utama parti pembangkang tersebut ialah Muhammad Mustaqim al-Qudsi atau disebut Ustaz Mustaqim. Beliau merupakan pemimpin PIBUM yang membawa slogan “Negara Kebajikan”. Di Malaysia, parti yang membawa konsep “negara Islam” dan “negara kebajikan” ini dapat dikaitkan dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Walaupun ciri-ciri kepimpinan Ustaz Mustaqim di Nagogho Astana tidak dapat disamakan dengan mana-mana pemimpin PAS di Malaysia, namun pendapat dan perjuangannya bertentangan dengan parti pemerintah yang diketuai oleh Dr. Ahmad Zafrullah.

Pendapat-pendapat Ustaz Mustaqim menggambarkan beliau sebagai seorang yang kritis. Hal ini dapat dibuktikan dengan petikan:

Hanya dengan mempelajari dua biji mata, telah menjadi pakar mata. Hanya dengan mengkaji dua puluh atau tiga puluh batang gigi, lalu disebut pakar gigi. dengan mengkaji kulit manusia, lalu disebut pakar kulit. Ilmu manusia itu hanya didapati dalam perkara dan unsur tertentu dalam ruangan dan masa yang amat terbatas.
(S. Othman Kelantan, 1998; 34).

Ustaz Mustaqim menegur situasi dalam masyarakat intelektual terutama di universiti yang memberi gelaran berdasarkan kepakaran seseorang seperti pakar mata, pakar gigi, pakar kulit dan lain-lain. Secara tersirat, pengarang melalui watak Ustaz Mustaqim mengkritik cara pemikiran masyarakat yang terlalu mudah memberi tanggapan dan gelaran sedemikian. Kerajaan sesebuah negara tidak dapat dipisahkan oleh pandangan masyarakat terhadap orang yang berilmu. Namun, bagi pengarang tidak semua yang berilmu itu mampu berbicara dalam apa juga bidang. Pandangan pemimpin parti pembangkang yang mempunyai ijazah dalam bidang pengajian Islam tidak akan membuka minda menteri Nagogho Astana kerana pemimpin parti pembangkang yang menjadi saingan politik malah kadangkala dianggap musuh politik. Dalam tulisan Zalila Sharif (2012: 345), beliau berpendapat bagi pemerintah Nagogho Astana atau kerajaan

Muafakat yang penting ialah membina kemajuan fizikal. Di samping itu, Ustaz Mustaqim telah berkali-kali menggariskan Islam yang praktikal dengan memberi contoh masyarakat madani kerana di *NA* sebahagian besar penduduknya beragama Islam.

4.5.2 Perilaku Pemimpin Institusi

Pemimpin institusi yang dimaksudkan ialah pemimpin berbagai-bagai institusi dalam masyarakat. Pemimpin ini bukanlah dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya tetapi berdasarkan pilihan pemimpin utama dan kelayakan perkhidmatan. Pemimpin institusi yang difokuskan daripada *NA* ialah Profesor Turap, Dr. Imran Dasan, Ali Maharsyah dan Abdul Jalal Hanafi. Empat watak ini mempunyai perilaku politik yang menyerlah berbanding watak-watak lain dalam *NA*.

Profesor Turap sebagai watak utama dalam Bab 1 dan 24 dalam novel ini. Nama “Turap” yang diberikan oleh pengarang membawa konotasi lapisan untuk “mencantikkan jalan”. Sebagai seorang intelektual dalam sesebuah negara, pemikiran dan ilmunya sepatutnya menjadi ikutan. Namun pengarang dalam bab yang dijudulkan dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Clash of the Professors* menunjukkan terdapat masalah dalam bidang keintelektualan Nagogho Astana daripada sudut penggunaan bahasa, penghayatan ilmu dan kenaikan pangkat serta keangkuhan terhadap gelaran. Judul bab ini yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai sindiran keperluan bahasa Inggeris pada pendapat golongan Profesor ini tanpa mempedulikan bahasa Melayu dan juga menggambarkan serabut pemikiran bahasa golongan intelektual seperti profesor. Secara simbolik, pengarang membawakan Profesor Turap sebagai kritikan terhadap intelektual yang bergelar Profesor ini.

Selain Profesor Turap, Profesor Dr. Imran Dasan juga menjadi salah satu watak pemimpin institusi dalam novel ini yang turut membawa makna siratan perilaku dalam

masyarakat semasa. Sebagai seorang yang bergelar Profesor, Dr. Imran Dasan menghadapi cabaran dalam persaingan mendapatkan pangkat dalam jawatan walaupun jawatan akademik. Dalam novel ini, Profesor Dr. Imran sanggup memberikan pelbagai prasangka terhadap Profesor Turap. Profesor Dr. Imran akhirnya dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Nagogho Astana. Pengaruh kuasa dan tindakan-tindakan untuk mendapatkan kuasa ada di mana-mana. Perilaku dan tindakan ini dalam bentuk yang berbagai-bagai, termasuk secara negatif.⁴

Menteri Pendidikan, Ali Maharsyah juga merupakan watak yang dikategorikan sebagai pemimpin institusi. Kementerian Pendidikan merupakan sebuah kementerian yang penting dalam pentadbiran kerajaan. Institusi ini tentunya melahirkan pemimpin daripada berbagai-bagai peringkat pengajian. Ali Maharsyah sebagai seorang menteri yang tahu akan kepentingan ilmu kemanusiaan namun terpaksa berhadapan dengan Menteri Perdana yang sangat obsess terhadap perkembangan teknologi. Perilaku Ali Maharsyah bukanlah janggal dalam situasi masyarakat semasa. Pemimpin yang berpandangan seperti ini wujud dalam realiti masyarakat terutama dalam kepesatan sains dan teknologi. Perilaku Ali Maharsyah yang mengakui kepentingan sains dan teknologi namun tidak mahu menyetepikan bidang kemanusiaan. Gambaran perilaku ini wajar ditunjukkan oleh seorang pemimpin, terutama yang mengetuai sebuah institusi seperti Kementerian Pendidikan. Ali Maharsyah terpaksa menyampaikan arahan Menteri Perdana dalam mesyuarat di kementerian yang diterajunya. Beliau menyatakan;

Menteri Perdana meminta saya sampaikan, bahawa setiap universiti mestilah mengurangkan ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Banyakkan bidang vokasional. Yang praktikal. Yang boleh membina industri kapal

⁴ Antara watak dalam novel ini ialah Menteri Perdana yang bernama Dr. Ahmad Zafrullah, pemimpin parti politik pembangkang iaitu Muhammad Mustaqim al-Qudsi, Ketua Barisan Bertindak bernama Amin Zuhdi, Dr. Imran Hassan (Naib Canselor UNA), Faruq al-Muntaqi (Menteri Pendidikan) dan watak-watak lain antaranya Noramli Salim (penulis), Syukran Syaukat (datuk bandar Nagobogho), Ilham Agus (penulis), Cikgu Musa Ramli (guru), Na'im Jamalul (sasterawan), Malik dan Salam (pendatang tanpa izin), Ahmad Basri (orang tua di kampung), Siti Roziah Jailani (pejuang hak wanita) dan Pak Su Hamid (pemilik pusat serenti sukarela)

terbang, kapal laut, motokar dan seumpamanya itu. Ilmu total ke arah sains dan teknologi.
(S. Othman Kelantan, 1998: 71).

Keadaan ini menggambarkan bahawa kekuasaan lebih utama daripada keyakinan terhadap hakikat kehidupan. Namun demikian, Ali Maharsyah tetap mempunyai pendapat dan fikirannya sendiri. Pandangan Ali Maharsyah dilihat pada ungkapan, "...yakinlah kita kalau ilmu kemanusiaan disedikitkan, anak-anak kita akan datang menjadi robot. Tidak ada ahli falsafah dan negarawan. Tidak akan ada ulama dan pemikir" (S. Othman Kelantan, 1998: 72).

Seorang lagi tokoh yang dibincangkan makna siratan perilaku ialah Abdul Jalal Hanafi, Ketua Hakim Nagogho Astana yang merasakan tekanan tugasnya semakin kuat. Bidang perundangan dan kehakiman tentunya menghadapi cabaran yang kuat. Sebagai Ketua Hakim, Abdul Jalal menghadapi berbagai-bagai situasi tentang keadilan dan kehormatan. Cabaran yang pelbagai daripada yang sebesar-besar kes hinggalah yang remeh menjadikan beliau beranggapan bahawa manusia itu sudah hilang pertimbangan dan tiada lagi persefahaman dan kesepakatan. Mahkamah dijadikan tempat untuk menuntut keadilan yang pada masa yang sama merupakan tempat untuk membuktikan keegoan dan kepentingan diri sendiri. Keadaan ini dapat digambarkan dalam petikan di bawah:

Rakyat Nagogho Astana telah sampai kepada satu peringkat menjadikan mahkamah sebagai institusi menentukan keadilan. Tidak ada perkara walau sekecil-kecil sekalipun, seperti memijak rumput atau memotong pokok jiran tanpa kebenaran daripada tuan empunya, mahkamah dirujuk untuk memutuskannya.
(S. Othman Kelantan, 1998: 239).

Dalam kalangan masyarakat golongan pertengahan dan birokrat, jenayah kolar putih juga semakin serius. Keadaan ini membuktikan bahawa kejahatan manusia moden bukan semata-mata merompak dan memeras ugut secara fizikal tetapi secara kebijaksanaan pengurusan. Dalam *NA*, Abdul Jalal Hanafi menghadapi situasi sebegini. Beliau mengungkapkan, "Jenayah kolar putih atau juga disebut sebagai *computer crime*

yang sangat halus atau *subtle* ini memerlukan kepekaan dan kebijaksanaan para hakim dalam membuat keputusan" (S .Othman Kelantan, 1998: 244). Harapan Abdul Jalal membuktikan bahawa kemanusiaan sudah semakin rendah martabatnya.

4.5.3 Perilaku Rakyat Biasa

Watak-watak dalam kalangan masyarakat juga dibawakan oleh pengarang dalam novel ini, selain watak-watak kepimpinan utama dan institusi. Individu-individu yang berperanan dalam dunia yang tersendiri mempunyai siratan perlakuan untuk dibincangkan. Perilaku rakyat biasa yang dipilih daripada novel ini ialah daripada watak Noramli Salim, Paksu Hamid, Cikgu Musa Ramli dan Marhaban Matar.

Noramli Salim merupakan seorang penulis yang berpengalaman. Pengarang memberikan gambaran perwatakan Noramli Salim hampir menyamai penulis-penulis yang dikenalnya. Noramli Salim telah menghasilkan lima belas buku politik dalam tempoh lapan tahun sejak dia melepaskan jawatan sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Nagogho Astana (UTENA). Walaupun berlatarkan pendidikan dan pengajaran kesusasteraan, Noramli Salim lebih berminat menghasilkan buku politik yang sering mendapat sambutan hangat dan dengan itu memperolehi pulangan wang yang lumayan. Makna siratan di sini menunjukkan bahawa kerana kepentingan untuk keuntungan kewangan, seseorang itu sanggup menjadi penulis buku politik. Walaupun bukan semua buku politik disifatkan sebagai negatif, namun terdapat juga tanggapan daripada masyarakat bahawa penulis buku politik menghadapi risiko kerana melibatkan tokoh dalam penulisannya.

Noramli Salim tetap dengan pendiriannya malahan tidak mpedulikan sebarang tuduhan terhadapnya. Dalam novel ini, pengarang mengungkapkan;

Kawannya ramai sekali. Golongan penulis sepertinya berlambak-lambak. Noramli Salim tidak peduli apa orang kata. Penulis nyamuk. Penulis pijat-

pijat. Penulis ular sawa. Penulis biawak. Penulis cabuk. Penulis macam-macam. Lantaklah. Yang penting buku itu laris.
(S. Othman Kelantan, 1998: 53).

Untuk menjadi seorang penulis buku politik seperti Noramli Salim, seseorang itu hendaklah kuat semangat dan tidak terlalu memikirkan tanggapan orang lain. Pengalaman Noramli Salim sebagai penulis buku politik membuatkan beliau sering berhati-hati. Pengalaman yang dilalui oleh penulis yang lain membuatkan beliau sendiri tidak begitu menyenangi keadaan yang berlaku dalam negaranya. Hal ini dibuktikan dengan pengungkapan;

Sekali gus demokrasi yang dibanggakan ini juga tidak menyenangkannya. Menulis mesti hati-hati juga. Kadang-kadang buku makan tuan. Habib Ghani al-Hindi, kawannya yang paling outspoken dan paling berani kena naik mahkamah.
(S. Othman Kelantan, 1998: 54).

Perilaku rakyat biasa yang dipilih seterusnya ialah Paksu Hamid. Paksu Hamid mempunyai sejarah hitam dalam kehidupannya apabila terjebak dengan penagihan dadah. Sebagai bekas penagih, Paksu Hamid menghadapi pelbagai cemuhan dan tanggapan daripada masyarakat. Gambaran watak ini wujud dalam masyarakat. Paksu Hamid mempunyai kekuatan semangat dan daya usaha untuk melupakan dunianya yang lalu. Paksu Hamid berkahwin dengan Murniati Selamatan yang juga merupakan bekas penagih dadah, yang baginya Tuhan telah memberikan jodoh dan balasan yang setimpal dengan dirinya. Namun demikian, sebagai seorang hamba yang pasrah, Paksu Hamid dan isterinya tetap tabah meneruskan kehidupan.

Cita-cita Paksu Hamid yang utama ialah membuka sebuah pusat serenti secara sukarela. Pusat serenti ialah pusat untuk pendidikan, bimbingan dan aktiviti pemulihan dadah. Pusat serenti itu dinamakan sebagai Darul Qarib.⁵ Perlakuan Paksu Hamid

⁵ *Qarib* - dalam bahasa Arab bermakna 'rapat'. Dalam Bahasa Melayu, diungkapkan "sahabat karib" (qarib) yang menunjukkan yang bermaksud persahabatan yang benar-benar rapat. Dipetik, "Dia menghidupkan sebuah pusat serenti sukarela. Dipilihnya nama Darul Qarib, memberi makna taman kerabat atau tempat persaudaraan yang rapat dan akrab. Semuanya berdasarkan pengalamannya yang lalu.

dibawakan oleh pengarang untuk menyatakan bahawa adakah pusat serenti hanya sesuai dibuka oleh bekas penagih dadah sahaja sedangkan tanggungjawab itu boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja. Perlakuan Paksu Hamid juga menunjukkan bahawa niat yang baik akan membawakan kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan walaupun pernah melalui pengalaman yang pahit.

Seorang lagi tokoh yang dibincangkan dalam simbolik perilaku ialah Cikgu Musa Ramli, guru yang bertukar dari Sekolah Kebangsaan Gong Paya ke Sekolah Kebangsaan Taman Teratai Satu. Seorang guru mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat, dihormati dan selalunya menjadi tempat untuk nasihat dan meminta pandangan. Dalam *NA*, watak Cikgu Musa dibawakan seperti orang lain yang menghadapi cabaran ekonomi untuk tinggal di bandar besar seperti Nagobogho. Hal ini dibuktikan dengan perbualan Cikgu Musa dengan anaknya, "Kita tinggal di Nagobogho, abah. Kita jadi orang kota" (S. Othman Kelantan, 1998: 134).⁶

Perilaku Cikgu Musa menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu mulia pada pandangan masyarakat, orang itu tetap hidup seperti masyarakat yang memuliakannya juga, yakni hidup penuh cabaran dan menghadapi kesempitan kewangan. Keadaan ini menunjukkan juga bahawa walaupun seseorang itu bekerja menyampaikan ilmu, mendidik anak-anak di sekolah, namun kehidupannya seperti orang lain. Pengarang mengungkapkan, "Dan Cikgu Musa Ramli berasa bahawa dia lebih menjadi seorang peraih pasar malam daripada peribadi seorang guru, sebaik-baik saja menjadi orang kota Nagobogho" (S. Othman Kelantan, 1998: 143). Bagi Cikgu Musa Ramli alangkah

dan untuk menebus kesilapannya sehingga memautkan kedua-dua orang tuanya" (S. Othman Kelantan, 1998: 3).

⁶ Demikian juga dengan pengungkapan pengarang, "Tahun pertama Cikgu Musa Ramli dicengkam perbelanjaan kota. Bayar rumah sewa. Bayar bil air dan api. Terpaksa pula membeli motosikal" (S. Othman Kelantan, 1998: 138). Pengungkapan lain yang berkaitan, "Dalam saat inilah Cikgu Musa Ramli merasa taraf cikgu terlalu rendah. tinggal di rumah pangsa paling murah. Gaji terlalu rendah untuk tinggal di kota" (S. Othman Kelantan, 1998: 134).

baiknya jika kehidupan guru-guru di bandar selesa daripada segi bayaran gaji dan pendapatan. Jika demikian tidak perlulah beliau ataupun guru-guru sepertinya yang lain mencari pendapatan tambahan dengan melakukan kerja-kerja sambilan.

Marhaban Matar ialah satu lagi watak untuk perbincangan makna siratan perilaku dalam novel *NA*. Marhaban Matar merupakan presiden persatuan penyanyi Nagogho Astana. Dalam konteks realiti di Malaysia, persatuan ini mungkin ada persamaan dengan persatuan pengamal seni, penyanyi dan penghibur seperti yang diringkaskan sebagai SENIMAN atau PAPITA. Dalam novel ini, terdapat sebuah majlis gabungan persatuan yang dinamakan Majlis Seniman Nagobogho (Masno). Persamaan ini disengajakan oleh pengarang. Perilaku Marhaban Matar sebagai seorang yang mengejar harta dan keuntungan dunia, secara simbolik menunjukkan bahawa seni itu diletakkan sebagai perkara yang kedua selepas material, iaitu wang. Marhaban Matar menyatakan pendiriannya itu dalam sebuah forum, “Kita tidak boleh lagi memikirkan seni untuk keindahan seni semata-mata, tetapi kita juga mesti memikirkan bahawa seni itu adalah satu bahan atau alat untuk memewahkan kita” (S. Othman Kelantan, 1998: 172).

Marhaban Matar juga berpendirian bahawa pengamal seni seperti penyanyi, pelakon dan yang lainnya supaya tidak hidup pada takuk lama. Baginya, zaman berkhayal dengan lagu *Pasir Roboh* atau *Seri Mersing* atau “Pak Ngah balik ketika bulan mengambang” sudah berlalu. Pendirian Marhaban ini menunjukkan bahawa zaman moden yang serba mencabar telah membuatkan manusia perlu memikirkan keuntungan. Hal ini dibuktikan dengan pengungkapan;

Jangan hidup di takuk lama. Sebab itu, seruling buluh atas belakang kerbau, atau serunai batang padi di atas permatang sawah, haruslah ditukar dengan muzik *heavy metal* di atas pentas Amerika, atau muzik *pop rock* di London, atau muzik kesukaan dunia di mana-mana, supaya sekurang-kurangnya dapat pertukaran wang luar negara untuk negara kita.
(S. Othman Kelantan, 1998: 173).

Pengarang, melalui Marhaban Matar secara tersirat menegur sikap pengamal seni yang terlalu mementingkan keuntungan dan kemewahan hingga melupakan ketinggian seni dan budaya dan warisan seni yang sangat istimewa.

Nagogho Astana, negara yang diwujudkan dalam fiksyen oleh pengarang, mempunyai perkaitan secara makna siratan perilaku dalam kepimpinan dan masyarakat sesebuah negara. Perkara ini bersesuaian dengan pendapat Hanafi Ibrahim (2012: 329) yang menyatakan, seluruh persoalan ini berlangsung dalam sebuah negara fiktif-realiti, iaitu Nagogho Astana, terutama yang berlegar pada persaingan memperoleh punca kuasa, keabsahan kuasa, pembahagian kuasa selain pergeseran yang berkaitan dengan kaedah pelaksanaan ideologi, dasar dan sistem pemerintahan untuk memperkasa, mengenakan kuasa dan pemaksaan nilai kepada entiti politik dan institusi sosial yang diwakilinya terutama yang berhubung kait dengan dasar pembangunan fizikal atas nama modeniti.

Sepuluh tokoh sebagai watak yang dipilih daripada novel *NA* membuktikan bahawa pengarang telah menyampaikan bahawa segala perilaku dalam novel mempunyai kaitan dengan kehidupan sebenar secara tersirat mahupun secara langsung. Namun demikian, setiap perilaku yang berbentuk tindakan fizikal dan pemikiran mempunyai perkaitan pada tempoh atau zaman tertentu. Novel ini dihasilkan pada tahun 1998, ketika negara Malaysia sedang menuju kepada pembangunan yang pesat. Kehadiran tokoh-tokoh kepimpinan seperti Profesor Turap, Dr. Imran Dasan, Ali Maharsyah dan Abdul Jalal Hanafi adalah bukti keperluan untuk mengisi pembangunan negara menuju kemajuan tersebut. Pemimpin Utama Menteri Perdana adalah yang tersirat kepada seorang Perdana Menteri. Demikian juga watak Ketua Pembangkang yang mempunyai perawakan seorang guru agama (*ustaz*) digambarkan oleh Ustaz Mustaqim adalah bayangan kepada pemimpin Parti Islam. Bagi rakyat bawahan seperti Noramli Salim, Paksu Hamid, Cikgu Musa Ramli dan Marhaban Matar, pengarang

membawakan segelintir daripada ragam dan kehendak rakyat bawahan ini. Masih banyak lagi cita-cita dan rungutan rakyat bawahan yang tidak diungkapkan tetapi difahami oleh pengarang, dan kemudiannya oleh pembaca.

4.6 Makna Siratan Perilaku dalam Novel *Naratif Ogonshoto*

Dalam *Naratif Ogonshoto (NO)*, pengarang membawa makna siratan perilaku watak manusia atau tokoh untuk menyampaikan maksud tertentu. Setiap bab mempunyai watak dan perwatakan yang mempunyai kelebihan masing-masing. Namun demikian, empat watak utama yang difokuskan untuk analisis. Empat watak yang dipilih itu ialah Presiden, Jeneral, Resi dan Politikus Muda.

4.6.1 Perilaku Presiden

Kepimpinan utama sesebuah negeri atau negara sering menjadi fokus untuk dikritik. Karya-karya tradisional seluruh dunia telah membawakan persoalan tentang raja, kerajaan, pemerintah dan golongan bangsawan. Karya-karya itu disampaikan tentang ketokohan, jasa-jasa dan kehebatan pemimpin-pemimpin utama. Selain itu dalam waktu yang sama menampilkan juga kelemahan dan kesilapan mereka. Cara penyampaian pula adalah secara terus dan secara tersirat yang melahirkan tafsiran. Gelaran Presiden juga digunakan untuk organisasi dan institusi tetapi dalam novel ini ialah seorang pemimpin utama iaitu ketua pemerintahan negara Ogonshoto.

Presiden merupakan seorang yang bercita-cita tinggi. Beliau berasal daripada keluarga yang miskin. Latar belakang Presiden sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan asal-usul Si Tanggang, atau juga disebut Si Tenggang dalam sastera rakyat

Melayu, yang menjalani perubahan status sosial selepas bertemu dengan nakhoda yang kaya raya (Mohamad Saleeh Rahamad, 2005: 78). Dalam masyarakat Indonesia, nama Malim Kundang juga dikaitkan dengan kisah kegigihan dan kejayaan seseorang yang datang dari keluarga miskin. Apabila dikaitkan dengan Presiden Ogonshoto yang merupakan rekonstruksi kisah Tanggung, perilaku beliau dalam *NO* menampilkan sisi yang lain. Presiden tidak seperti Tanggung yang menderhakai ibunya, sebaliknya amat menghormati ibunya. Namun penderhakaan yang ditunjukkan oleh Presiden ialah menderhakai manusia dan kemanusiaan melalui tindak-tanduknya terhadap rakyat Ogonshoto.

Tindak-tanduk Presiden dapat juga dikatakan sebagai keinginan akan kekuasaan yang lebih gah dan menyerlah. Aturan sistem dalam pemerintahan Presiden dapat dikatakan berlegar dan bermain di sekitar kekuasaan. Pegawai negeri yang telah meluluskan projek padang golf 36 lubang diserahkan kerana berani meluluskan projek besar itu kepada bukan orang Presiden. Hal ini menimbulkan kemarahan Presiden. Presiden seterusnya berusaha untuk membatalkan projek tersebut melalui laporan alam sekitar.⁷

Masyarakat umum di Ogonshoto, yang merupakan rakyat biasa merasakan kepimpinan Presiden penuh dengan strategi untuk mengekalkan kekuasaan. Presiden menyertai parti politik paling popular di Ogonshoto yang didokong pihak polis, tentera dan umum. Sebelum menjadi Presiden, beliau berbaik-baik dengan pihak atasan, mengkaji kelemahan parti politik yang disertainya malahan bertindak mengkritik kepimpinan Presiden ketika itu. Pengungkapan pengarang dalam novel ini, “Memanglah si tikus berkaki dua itu pencuri makanan yang licik. Dia menyelongkar tanpa berbunyi.

⁷ Presiden yang zalim itu digelar sebagai anak haram, Belut Selat Morauka, Dewa Badak, Monyet Hitam dan empat lima gelar lagi yang hodoh-hodoh dan busuk-busuk. Begitu hodoh sampai kalam, dakwat dan kertas tidak berdaya mencatatnya dan namanya yang popular sebagai natif sebagai kolonial baru (Anwar Ridhwan, 2002: 10).

Mencuri tanpa menghabisi. Menyorok tanpa jejak. Tidur tanpa dengkur” (Anwar Ridhwan, 2001: 11) membuktikan kepandaian Presiden dalam mengatur strategi. Ungkapan “si tikus berkaki tua” melambangkan tanggapan rakyat biasa terhadap perilaku Presiden. Tikus merupakan haiwan yang banyak merosakkan harta benda, yang secara latarnya hidup di tempat yang tersorok.

Dalam satu ucapan Presiden, dapat digambarkan pemikiran beliau tentang politik dalam negara. Soal masa depan politik sesebuah negara, selain ditentukan oleh keadaan semasa, turut dipengaruhi oleh tindakan-tindakan pemimpin terdahulu. Pandangan Presiden dalam ucapannya;

Sekarang tidak ada; saya ulangi, tidak ada kolonial Eropah di Ogonshoto. Berapa lamakah hayat politik kita? Hayat politik kita panjang kalau tiada penentangan, seperti kuman yang berbahaya, mesti dihapuskan seawal mungkin dengan apa cara sekalipun. (Anwar Ridhwan, 2001: 24-25).

Setelah kuasa kolonial Eropah tamat, walaupun saki-baki penjajahan masih wujud, sistem kekuasaan yang dimahukan oleh Presiden sebenarnya hampir sama dengan penjajahan kolonial juga. Hal ini turut disentuh oleh Mohamad Saleeh Rahamad (2013: 11) yang menyatakan ucapan itu menegaskan penggantian kuasa kolonial kepada penguasa tempatan, tetapi dalam masa yang sama tersisip idea kolonial yang mahu dipinjam olehnya, iaitu mematahkan setiap penentangan natif (peribumi) demi mengekalkan kuasa. Pergantian kuasa ini berserta dengan pewarisan strategi kolonial dalam pentadbiran adalah dalam bentuk kolonial baru, yakni wajah kolonialisme dalaman yang mencirikan Negara Dunia Keempat. Presiden telah memastikan penentangannya dihapuskan secara licik sehingga tidak disedari.

Perilaku Presiden dapat juga dikatakan sebagai keinginan akan kekuasaan yang lebih gah dan menyerlah. Sebagaimana diakui oleh Foucault, kekuasaan itu pada dasarnya bersifat positif, produktif dan berkembang ke seluruh tubuh sosial (Awang

Azman, 2002: 12). Perilaku Presiden merupakan kritikan terhadap kepemimpinan yang tegas. Walaupun dalam realiti kepemimpinan Melayu tidak sedemikian, tetapi pengarang mengandaikan keruntuhan masyarakat dan negara, malahan keruntuhan institusi kepemimpinan itu sendiri jika ada pemimpin seperti Presiden. Pemilihan latar Ogonshoto, yang tidak pasti letaknya di mana di dunia ini, secara simbolik menggambarkan bahawa ciri-ciri kepemimpinan seperti Presiden mungkin wujud, mungkin tidak. Kemungkinan ini yang menjadi teras kepada pengungkapan yang tersirat, terutama perilaku dalam kesusasteraan Melayu sebagai cerminan dalam masyarakat itu sendiri.

4.6.2 Perilaku Jeneral

Bab “Jeneral” membawa penceritaan tentang intrik politik di Ture. Watak Jeneral bersara kerana membunuh seorang wakil rakyat. Secara umum, Jeneral ialah seorang pemimpin utama dalam organisasi ketenteraan. Gelaran ini juga boleh disamakan dengan seorang Laksamana pada zaman kesultanan Melayu tradisional. Dalam *NO*, perilaku Jeneral dibawakan berdasarkan konteks moden, seorang yang juga mempunyai perancangan strategi dan gagah daripada pandangan fizikal. Perilaku Jeneral di Ogonshoto secara makna siratan perilaku watak pemimpin yang akan dibincangkan berpandukan Kritikan Melayu.

Kegigihan Jeneral terutama prinsip perjuangan hidupnya dapat digambarkan dalam ungkapan, “Ucapannya tentang semangat hidup daripada fajar, bukanlah kata-kata kosong” (Anwar Ridhwan, 2001: 26). Pemilihan kata “fajar” itu menggambarkan sesuatu semangat yang besar, bersifat kosmologi, yakni sumber alam semesta yang utama. Fajar, dalam konteks bahasa merupakan matahari. Masyarakat Jepun, dengan

anutan kepercayaan agama mereka beranggapan matahari sebagai sumber kekuatan.⁸ Satu lagi bukti yang menunjukkan Jeneral seorang yang tabah dan degil ialah pengungkapan, “Dia tidak menghiraukan sangat tentang orang-orang yang “kurang berguna”, yang mendapat limpahan cahayanya” (Anwar Ridhwan, 2001: 28).

Jeneral yang bersemangat waja ini tidak mempedulikan “hakikat kebenaran” dan juga nasihat-nasihat orang lain, apatah lagi orang yang berilmu lebih tinggi daripadanya. Gambaran sikap ini wujud di mana-mana. Pengungkapan pengarang, “Dia selalu merasakan bahawa di Ture, dialah mutiara itu, satu-satunya, yang tunggal, dan yang paling mahal” (Anwar Ridhwan, 2001: 28) juga menunjukkan bahawa Jeneral merasakan dirinya sangat layak untuk jawatan di Dewan Kepresidenan yang menjadi rebutan. Dengan itu boleh bertindak mengikut keinginannya tanpa mempedulikan pandangan orang lain.

Perilaku Jeneral yang berpura-pura menunjukkan kebaikan di hadapan orang, tetapi di belakang mempunyai niat yang tidak baik merupakan perilaku yang secara tersirat menunjukkan sikap berpura-pura untuk kepentingan diri sendiri. Sikap mementingkan diri sendiri, mahu selamat, mahu tunjuk bagus dan banyak lagi yang negatif mencerminkan akhlak yang tidak baik, yang tidak sepatutnya ada pada individu yang dihormati sebagai pemimpin.

Pengungkapan berikut pula menunjukkan perjalanan akhir seorang jeneral yang ditangkap oleh polis atas tuduhan membunuh. Dipetik;

Dia terbayang gerak dan deru ombak malam keparat di pangkalan. Bayangannya tentang ombak mengingatkan dia kepada sekumpulan paus biru yang muncul di muka Selat Gereva. Seekor paus biru itu sedang

⁸ Hal ini dapat dibuktikan dengan penggunaan simbol matahari pada bendera negara Jepun. Pandangan Jeneral ini bertentangan dengan prinsip Islam yang memberikan sepenuh kepercayaan terhadap Allah. Dengan latar Ogonshoto, dan segala-gala yang jauh dari bumi Melayu, Jeneral sebagai watak yang berperilaku jauh daripada agama dan kepercayaan Melayu Islam itu sendiri. Namun secara tersirat, inilah yang dibawakan oleh pengarang, untuk ditafsirkan jauh atau dekatnya kepimpinan, prinsip dan perjuangan individu itu dalam sesebuah organisasi.

menelannya, menghempaskan tubuh raksasanya di muka lautan, lalu membawanya ke lantai paling gelap di Pasifik. (Anwar Ridhwan, 2001: 42).

Pengungkapan yang menunjukkan bayangan dalam fikiran Jeneral bahawa akhirnya setiap kejahatan terbalas dengan kesedaran juga. Pengarang membawakan perlambangan “bayangan tentang ombak” dan “paus biru” yang menelannya. Ombak yang dilambangkan sebagai cabaran hidup dan paus biru yang menjadi ketakutan yang akhirnya memusnahkan. Jeneral akhirnya “tewas” ditelan ikan paus biru. Dalam al-Quran terdapat sebuah kisah tentang Nabi Yunus yang ditelan ikan paus untuk menyelamatkan dirinya. Namun paus dalam *NO* sedikit ada persamaan dalam novel *Moby Dick* (Herman Melville, 1851) yang akhirnya memusnahkan kehidupan Jeneral.

4.6.3 Perilaku Resi

Perbincangan tentang perilaku resi berpandukan penceritaan dalam bab yang dijudulkan sebagai “Pentafsir”. Bab ini menceritakan tentang tawaran Presiden kepada para seniman agar mencipta satu benda yang “kelihatan hidup”. Permintaan yang aneh pada fikiran logik ini membawa unsure tersirat kepada keinginan yang luar biasa seorang Presiden. Sesiapa yang berjaya dijanjikan akan mendapat penghargaan berupa buah kelapa emas.

Dalam kisah ini, seorang resi telah berjaya memikat penilaian Presiden melalui ciptaan ikan berwarna-warni yang kemudiannya perlu dilihat seperti ikan yang hidup. Walaupun begitu, Presiden telah menunjukkan alamat kejatuhannya apabila dia menghancurkan ciptaan itu, tanpa memberikan kelapa emas yang dijanjikan. Presiden ternyata tidak memberikan keadilan kepada rakyatnya, sebaliknya berlaku zalim terhadap resi tersebut. Resi tersebut kemudian bertapa di dalam laut dan menemukan ikan berwarna-warni dan hidupan berduri yang memakan karang. Tafsiran resi itu

merupakan pernyataan secara langsung daripada pengarang untuk meruntuhkan kemuliaan Presiden. Tanggapan ini dibuktikan dalam petikan yang berikut: “Seorang manusia kerdil sepertinya, fikir resi muda, mustahil akan dapat melawan seorang Presiden yang sangat berkuasa dan perkasa. Akan tetapi bolehkah dia berdiam diri saja?” (Anwar Ridhwan, 2001: 142).

Kelebihan yang ada pada resi digambarkan sebagai seorang ilmuwan dan mempunyai bakat dan kebolehan luar biasa. Keistimewaan ini sebenarnya dibimbangi Presiden. Kebijakan dan kepandaian tidak begitu digemari oleh pemimpin atasan, kerana kelak itu akan mengancam kekuasaannya. Siratan ini mengingatkan kepada kisah *Singapura Dilanggar Todak*, tentang cadangan seorang budak bernama Nadim agar berkubukan batang pisang menggantikan badan atau betis seperti yang dicadangkan oleh Datuk Temenggung untuk menahan serangan ikan todak. Perilaku resi yang dikatakan “gemar menyelam” itu mempunyai tafsiran yang dikaitkan dengan pencarian ilmu. Orang yang berilmu tentunya dihormati di mana-mana juga. Gambaran tentang resi ini, antaranya melalui pengungkapan berikut:

Menurut penduduk Aitu, lelaki tua yang gemar menyelam itu merupakan satu-satunya resi yang mereka kenal. Konon, ujar mereka, ada sejumlah resi di seluruh Ogonshoto. Ada yang bertapa di gua gelap. Ada yang menyendiri di sela-sela batu lereng gunung. Ada yang berkumpul di hutan-hutan, menjungkir-balik tubuh di dahan pohonan, macam keluang. Akan tetapi penduduk Aitu belum pernah melihat resi yang lain, kecuali lelaki tua yang gemar menyelam itulah.
(Anwar Ridhwan, 2001: 94).

Gambaran tentang orang yang berilmu atau intelektual ini dibawakan dengan berbagai-bagai persepsi. Dengan menggunakan kata resi yang “bertapa di gua gelap” menunjukkan keilmuan yang tidak begitu diyakini manakala “di sela-sela batu lereng gunung” membawa makna keilmuan yang tidak begitu teguh pencariannya. Demikian juga dengan resi yang berkelakuan “macam keluang”. Resi yang “dikenal”, diyakini keilmuan dan kebolehannya ialah yang “gemar menyelam” itu. Perlakuan “gemar menyelam” ditafsirkan sebagai pencarian ilmu di tempat yang mendalam dan tersimpan

khazanah yang tinggi nilainya. Dalam bahasa Melayu terdapat peribahasa “lautan ilmu” menunjukkan luasnya pengetahuan, tidak ada “hutan ilmu” ataupun “gua ilmu”.

Perilaku resi yang menggambarkan keperibadian yang sesuai dicontohi dipetik seperti berikut:

Jika dia harus bertutur, terlebih dahulu, dia mengambil masa untuk berfikir-fikir lalu meluahkan kata-kata paling terpilih, bagai madu lewat saringan. Kata-kata terpilih itu pula tidak pernah mempunyai makna tunggal, tetapi membawa makna berlapis-lapis serta perlambangan. Begitu bahasa resi, kata mereka. Seperti madu tersaring, bunga tunggalnya tidak dikenal lagi kerana lebah mungkin telah menyunting tujuh jenis bunga dari tujuh taman. (Anwar Ridhwan, 2001: 94-95).

Secara tersirat, perilaku resi sebagai seorang intelektual dalam masyarakat hari ini. Ilmuwan dan intelektual bukanlah semata-mata berada pada tahap tertinggi gelaran di institusi pengajian tinggi. Intelektual sejati ialah seorang yang sentiasa berfikir, ilmunya menjadi rujukan, dan tinggi budi pekertinya. Pengungkapan pengarang, “makna berlapis-lapis serta perlambangan” dalam petikan di atas membuktikan bahawa watak resi seperti diwakilkan oleh pengarang untuk membuktikan makna siratan perilaku yang dibincangkan.

4.6.4 Perilaku Politikus Muda

Bab “Hering” dalam novel ini membawa persoalan kejahatan dan dendam. Politikus muda diminta membunuh seorang ahli politik yang terkenal dari Runakita yang merupakan penentang kepada Presiden. Ahli politik Runakita yang gemar berburu binatang liar itu mempunyai seorang anak perempuan yang cantik. Gadis itu menjadi idaman politikus muda untuk dijadikan gundiknya. Politikus muda menerima tawaran Presiden dan merancang pembunuhan dengan cara mengajak ahli politik Runakita itu keluar berburu. Bagi politikus muda, tugas itu tidaklah terlalu sukar dilakukannya.

Katanya, “Tidak ada beza membunuh binatang liar dengan membunuh seekor haiwan politik yang sering mengecam Presiden” (Anwar Ridhwan, 2001: 120).

Perilaku politikus muda itu dilihat sebagai seorang yang sanggup membunuh demi mahukan kuasa yang berupa jawatan politik diberikan oleh Presiden. Keinginan nafsu terhadap anak gadis ahli politik Runakita juga menunjukkan perilaku buruk politikus muda. perlakuan yang ditunjukkan oleh politikus muda adalah keinginan seseorang itu untuk mendapatkan apa sahaja, dan lebih teruk seseorang itu sanggup melakukan perbuatan keji. Perlakuan tersebut untuk ditafsirkan oleh pembaca dan dikaitkan dengan masyarakat. Perilaku politikus muda yang mempunyai strategi untuk kepentingan dirinya, akhirnya menerima nasib malang atas kejahatan nafsunya.

Politikus muda dan ahli politik Runakita keluar berburu dengan perasaan sangsi dalam hati. Cara berselindung dan penyamarannya juga mempunyai persamaan dengan perilaku Presiden. Pengarang menggunakan siratan gaya pakaian dan peralatan yang dibawa oleh politikus muda seperti digambarkan, "Dia berpakaian seperti seorang pemburu yang biasa dilihat di Ogonshoto. Bahu kanan menyandang senapang, bahu kiri menyandang busur, di pinggangnya tersisip sebilah pisau tersarung" (Anwar Ridhwan, 2001: 115). Senapang pada bahu kanan, busur pada bahu kiri dan pisau di pinggang menunjukkan persediaan yang sangat rapi dilakukan oleh politikus muda. Selain itu, dayung yang digunakan untuk berperahu di sungai juga dibuat lebih tebal daripada biasa. Dayung tersebut akan digunakan untuk menghempuk kepala ahli politik Runakita itu. Perasaan yang tersimpan dalam hati dan tindakan dalam fikiran politikus muda menunjukkan nilai kemuliaan dan kehormatan sesama manusia sudah tiada. Perilaku sedemikian dapat dikaitkan dengan pertimbangan akal bagaimana orang seperti ini boleh dipercayai oleh Presiden.

Sikap berpura-pura politikus muda ditunjukkan kepada anak gadis ahli politik Runakita. Mayatnya dibawa pulang dengan simpati yang pura-pura. Tidak lama

kemudian, politikus muda memujuk gadis itu untuk menjadi gundiknya. Gadis yang bersetuju menerima politikus muda selepas dipujuk selama 99 hari telah menyeksa pembunuh bapanya itu dengan keengganannya ditiduri selama 99 hari juga. Akhirnya politikus muda itu mati mengejut tanpa menerima layanan daripada gundik barunya. Walaupun tidak disebutkan dengan jelas, kematiannya secara mengejut itu memberikan sebarang kemungkinan termasuk dibunuh secara sulit oleh Presiden. (Mohamad Saleeh Rahamad, 2013: 12).⁹ Dengan kematian politikus muda lenyaplah ancaman kepada Presiden.

Dalam konteks semasa, dalam kalangan ahli politik kepartian juga sering berlaku perbalahan, fitnah-memfitnah dan tuduh-menuduh. Dunia politik kepartian sentiasa berbara walaupun sesekali kelihatan tenang pada permukaan. Terdapat ahli politik yang saling bermusuhan dan sebaliknya ada yang berpolitik secara tenang dan bijaksana. Namun demikian, *NO* membawa secara simbolik perlakuan manusia politik seperti politikus muda dan Presiden yang sanggup melakukan pembunuhan kepada golongan yang lemah demi kepentingan diri dan untuk mengekalkan kuasa.

Novel ini melihat huru-hara alam sebagai manifestasi balasan Allah terhadap dosa-dosa manusia yang melampau; manusia diberi pelbagai peringatan, diberi peluang untuk membersihkan dosanya, pun mereka memilih untuk kekal dalam kemungkarannya, justeru wajar menerima balasannya. Idea moral ini sebagai intipati perjalanan sejarah dalam tamadun manusia silam kini dibayangkan semula dalam karya ini sebagai amaran masa depan seperti kata Tun Seri Lanang dalam mukadimah Sejarah Melayu: “Supaya diingati oleh anak cucu kita yang kemudian, dan beroleh faedahlah mereka daripadanya.”

⁹ Peristiwa zakar mayat politikus muda yang hidup dan terpaksa ditundukkan oleh gundiknya dipinjam daripada *Tuhfat al-Nafis* yang menceritakan perihal sebab Cik Pung bunting mengandungkan anak Sultan Mahmud II (Virginia Matheson Hooker, 1991: 144). Secara tersirat juga, peristiwa zakar yang dipotong lalu diberikan kepada burung hering, iaitu sejenis helang merupakan penghinaan terhadap politikus muda.

Pengarang telah membawakan makna siratan perilaku dalam *NO* untuk dikaitkan dengan kehidupan masyarakat. Tentunya yang baik akan dicontohi tetapi yang tidak baik sebagai sempadan. Sebagai amanah yang diberikan oleh Allah, seseorang pemimpin mempunyai tanggungjawab yang besar. Pada peringkat kepemimpinan tertinggi hinggalah yang di bawah, kesedaran untuk berbakti dengan menunjukkan perilaku yang baik menuntut tanggungjawab yang tinggi dan kebijaksanaan menangani situasi. Berdasarkan Kritikan Melayu, empat watak dalam *NO* iaitu Presiden, Jeneral, Resi dan Politikus Muda membawa simbolik perilaku yang masing-masing membawa tujuan untuk kesedaran dan peringatan. Perilaku yang ditunjukkan juga dapat menggambarkan keintelektualan manusia tertentu yang ada dalam masyarakat yang wajar dihormati. Selain itu, kewaspadaan terhadap tindakan seseorang juga amat perlu kerana kejahatan dan niat yang tidak baik dapat disembunyikan.

4.7 Rumusan

Makna siratan perilaku memenuhi prinsip dalam Gagasan Kritikan Melayu. Setiap pengarang mempunyai kebolehan yang tersendiri menyampaikan cerita selain membawakan makna yang tersirat. Makna-makna yang ditafsirkan dalam huraian di atas menunjukkan betapa dekatnya pengarang dengan situasi sekeliling dan masyarakatnya. Sesebuah karya tidak lahir daripada kekosongan. Karya yang baik bukan sekadar untuk tujuan menghiburkan pembaca dengan kisah-kisah dan penceritaan, tetapi membawa kepada unsur pengajaran, sindiran dan tentunya kritikan kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat golongan, daripada pihak yang berkuasa hingga kepada rakyat biasa peringkat bawahan.

Rajah di bawah ini memperlihatkan pembahagian makna siratan perilaku yang dibincangkan.

Novel	Pembahagian Makna Siratan Perilaku
<i>Sebelas Rejab</i>	Perilaku Sulaiman Perilaku Jalal Perilaku Mamat
<i>Anak Mat Lela Gila</i>	Perilaku Mat Lela Perilaku Bulat Perilaku Alang
<i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>	Perilaku Su Usul Perilaku Imam Itam Perilaku Mahmud
<i>Nagogho Astana</i>	Perilaku Pemimpin Utama - Menteri Perdana - Muhammad Mustaqim al-Qudsi, Perilaku Pemimpin Institusi - Profesor Turap - Dr. Imran Dasan - Ali Maharsyah - Abdul Jalal Hanafi Perilaku Rakyat Biasa - Noramli Salim - Paksu Hamid - Cikgu Musa Ramli - Marhaban Matar
<i>Naratif Ogonshoto</i>	Perilaku Presiden Perilaku Jeneral Perilaku Resi Perilaku Politikus Muda

Rajah 3: Pembahagian Makna Siratan Perilaku dalam Lima Buah Novel

Secara keseluruhan dikesani perilaku watak-watak dibawakan oleh pengarang untuk menimbulkan kesedaran kepada pembaca dan masyarakat. Dalam *Anak Mat Lela Gila*, watak Mat Lela sebagai kritikan kepada perlakuan yang tidak masuk akal tetapi

mempunyai tujuan dan hasrat untuk menyedarkan masyarakat tentang keburukan kolonial. Watak Bulat pula membawa makna kepada keperibadian individu itu sendiri. ketabahan, kesabaran, kegigihan dan kecerdikan sebagai cerminan masyarakat bahawa ciri-ciri tersebut perlu untuk menjadi manusia yang berjaya, atau dalam konteks yang lebih luas tentunya merujuk kepada bangsa itu sendiri. Demikian juga dengan perilaku Alang, sebagai pemimpin masyarakat peribumi yang sangat kuat menjaga tradisinya.

Sebagai siratan kepada perlakuan pemimpin-pemimpin, seseorang seharusnya mempunyai wawasan atau cadangan-cadangan idea yang diajukan kepada pengikut dan dapat diterima oleh mereka. Seorang pemimpin patut bertindak sebagai penyelamat kepada masyarakatnya dengan membawa idea-idea baru yang boleh mengubah kedudukan masyarakatnya, dari satu tahap yang kurang elok kepada suatu kemajuan yang memberi manfaat kepada mereka. Dalam erti kata yang lain, pemimpin harus boleh membina sejarah masyarakat yang dipimpinnya.

Dalam *Sebelas Rejab*, pengarang membawakan watak Sulaiman dan Jalal sebagai makna siratan kebaikan dan kejahatan individu itu sendiri. Dengan nada mengkritik sikap penjajah, pengarang menggambarkan Jalal sebagai “orang luar” yang mempunyai niat jahat untuk menguasai tanah dan harta milik Rafeah. Namun demikian, Sulaiman sebagai “orang yang teraniaya” akhirnya insaf dan bertindak untuk membalas dendam dengan bantuan anaknya, Mamat. Hubungan individu dalam pencerakaan, dikaitkan dengan kuasa dalam hakikat sebenar membuktikan pengarang telah menggunakan kebolehnya untuk mengkritik. Cara mengkritik secara tersirat inilah yang menunjukkan kebijaksanaan pengarang tersebut menghantar pesanan dan ingatannya kepada masyarakat.

Seterusnya dalam *Tunggul-tunggul Gerigis*, dibawakan dimensi politik era moden selepas kemerdekaan negara. Pertelingkahan dalam masyarakat ada di mana-mana. dalam novel ini, masyarakat sebuah kampung yang dinamakan Poseng berhadapan

dengan pertelingkahan dan perebutan dua pihak untuk berkuasa. Sistem demokrasi politik yang terbuka telah membuatkan masyarakat berpecah kepada dua. Namun demikian, sebagai orang tua yang digambarkan melalui watak Su Usul, penderitaannya lebih parah apabila kekuasaan telah menggugat alam sekitar, kasih sayang persaudaraan dan kejujuran sesama manusia. Secara tersirat, Su Usul menyamakan dirinya seperti tunggul yang tidak dipedulikan orang.

Nagogho Astana pula sebuah novel yang menggunakan sebuah latar tempat yang tidak wujud, namun secara fiksyen tempat yang digambarkan amat dekat dengan sebuah negara di Kepulauan Melayu, malah tidak salah jika dianggap adalah negara Malaysia sendiri. Penggunaan nama watak yang amat dekat dengan masyarakat Melayu menunjukkan pengarang tidak dapat menjauhkan diri daripada pandangan dan pengalaman persekitarannya. Novel ini jelas membawa kritikan yang agak keras, namun tidak ditujukan tepat kepada sesiapa atau mana-mana pihak. Namun, pepatah Melayu ada menyatakan “siapa yang makan lada, pasti akan terasa pedasnya”. Perilaku yang dibawakan dalam novel ini mengkritik golongan pemimpin atasan yang menggunakan kuasa, menegur pemimpin institusi yang ego dan juga menampilkan rakyat biasa yang berada dalam dilema dan berjuang dalam kekurangannya.

Novel *Naratif Ogonshoto*, sebuah karya yang berbeza gaya dan cara garapannya berbanding karya-karya novel yang lain. Novel yang banyak sekali membawakan watak yang juga mempunyai kritikan yang tajam. Dalam novel ini, antaranya dibawakan watak Presiden dan Jeneral sebagai pemimpin yang licik dan bijak menggunakan kuasa untuk kepentingan dirinya. Namun demikian, dibawakan juga watak manusia biasa seperti resi yang digambarkan sebagai ilmuwan yang mempunyai kebolehan yang tersendiri. Dalam novel ini juga digambarkan watak Politikus Muda yang mempunyai cita-cita untuk berkuasa walaupun terpaksa melakukan kekejaman. Kritikan terhadap kepemimpinan tersebut tidak difokuskan kepada sesiapa, sama ada benar-benar wujud

atau hanya sebuah khayalan. Namun demikian, kritikan-kritikan yang sedemikian tentunya akan memperkaya khazanah pemikiran masyarakat dengan mengambil iktibar daripadanya.

University of Malaya

BAB 5: MAKNA SIRATAN PERISTIWA

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan analisis makna siratan peristiwa melalui pengungkapan dalam lima buah novel Melayu yang dibincangkan iaitu novel *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. Setiap novel mempunyai banyak peristiwa atau kejadian yang berlaku malahan tanpa peristiwa, sesebuah cerita tidak akan dapat diwujudkan. Penceritaan sesebuah novel digerakkan oleh peristiwa.¹ Perbincangan aspek peristiwa ini merupakan salah satu ciri utama dalam Gagasan Kritikan Melayu. Makna siratan peristiwa daripada prinsip teori Gagasan Kritikan Melayu yang dicetuskan oleh Syed Othman Syed Omar atau S. Othman Kelantan. Dalam penghuraian prinsip dalam gagasan tersebut dinyatakan bahawa Kritikan Melayu disampaikan oleh pengarang menggunakan imej (unsur alam), peristiwa dan kejadian. Peristiwa dan kejadian yang dimaksudkan dalam ciri Kritikan Melayu tersebut membawa kepada analisis dalam bab ini.

Perbincangan tentang peristiwa-peristiwa dalam sesebuah novel berkaitan dengan pengolahan dan susunan naratif dalam sesebuah novel. Setiap pengarang menggunakan

¹ Peristiwa-peristiwa dalam sesebuah novel disusun dalam penceritaan. Seseorang pengarang biasanya menyusun peristiwa-peristiwa secara kronologi atau tidak, selalunya dalam pembahagian bab. Contohnya, novel *Naratif Ogonshoto* dibahagikan kepada 12 bab termasuk Prolog dan Epilog, dengan peristiwa-peristiwa seperti berikut:

Bab “Kolonial” – latar belakang Presiden.

Bab “Jeneral” – intrig politik di Ture, Jeneral bersara, wakil rakyat mati dibunuh Jeneral, jeneral ditahan.

Bab Penyamaran – demonstrasi di Tabua, strategi politik: menyamar sebagai nelayan Kuri.

Bab “Aisberg” – ekonomi yang sarat kronisme, menjadi agen dapatkan pakar aisberg dari Greenland dan kapal penarik aisberg.

Bab “Mainan” – pemuda hanyut di Gora-gora menjadi anak angkat Presiden, dibunuh apabila mengetahui rahsia Presiden.

pentafisir – sayembara ‘ciptaan yang hidup’, kedudukan resi dipermudahkan.

Bab “Hering” – intrig inginkan kuasa, tentangan lelaki dari Rukanita.

Jari – kritik pembangunan di Tatamanu.

Bab “Kamera” – kamera unik, merakam peristiwa lalu, tahu kes pembunuhan yang dilakukan Presiden. Dia ditahan.

Bab “Bahtera” – mitos penyu raksasa, gempa bumi akan berlaku, nakhoda membina bahtera menyelamatkan penduduk Ogonshoto.

pelbagai cara untuk menyusun peristiwa dalam ceritanya. Hal ini termasuklah peristiwa-peristiwa yang dibawakan secara tersirat tentang peristiwa yang pernah terjadi dalam realiti kehidupan mahupun peristiwa yang sengaja direncanakan untuk menyampaikan maksud tertentu. Peristiwa-peristiwa yang disampaikan secara tersirat oleh pengarang merupakan bentuk Kritikan Melayu untuk menyedarkan masyarakat dan pembaca selain sebagai pengajaran dan hiburan untuk difikirkan kesan baik dan buruknya.

Kamaruddin M. Said (2012: 3) menyatakan bahawa bagi karyawan sastera dan seniman, dunia ini ialah ruang naratif yang mempunyai pelbagai peristiwa. Manusia memancarkan cebisan kehidupan menurut runtunan perasaan, falsafah dan matlamat hidup masing-masing. Himpunan cebisan kehidupan inilah yang melahirkan pelbagai episod dan pelbagai bab kehidupan. Setiap peristiwa, setiap episod dan bab kehidupan itu, mempunyai pengertiannya yang tersendiri kepada setiap warga masyarakat. Pengertian ini mungkin juga dikongsi bersama oleh keseluruhan warga masyarakat tersebut. Daripada perspektif ini, kebudayaan sesuatu masyarakat ini adalah pancaran yang dihasilkan oleh keseluruhan cebisan kehidupan tersebut.

Dalam karya tradisional Melayu, peristiwa-peristiwa yang diungkapkan membawa banyak sinikal terhadap masyarakat. Dalam kajian S. Othman Kelantan tentang Gagasan Kritikan Melayu, (1998a: 76) diperhatikan bagaimana kritikan terhadap kezaliman Raja terhadap rakyat diwujudkan secara implisit atau secara halus. Antaranya melalui cerita Pak Kaduk yang gemar berjudi laga ayam. Raja sebagai pemerintah yang berkuasa mengetahui bahawa ayam Pak Kaduk bertuah, yakni sentiasa menang dalam perlagaan. Sebagai Raja, baginda boleh berbuat apa saja kepada rakyatnya. Titah Raja dalam frasa pendek, "Hai Pak Kaduk, mari kita bertukar ayam", walaupun terucap dengan lembut seakan-akan merayu, akan tetapi ucapan itu adalah dari mulut Raja. Situasi zaman Pak Kaduk, Raja adalah segala-galanya. Bolehkah Pak Kaduk mengatakan tidak terhadap 'keinginan dan kemahuan' Raja yang mahukan ayamnya?

Di sinilah letaknya anak kunci tragedi dalam cerita Pak Kaduk. Sebagai rakyat yang tahu akibatnya kalau menolak keinginan dan kemahuan Raja, Pak Kaduk menerima dengan katanya, “Jikalau sudah dengan titah duli yang maha mulia, relalah patik...”. Ucapan Pak Kaduk ternyata bertentangan dengan jiwanya, lalu Pak Kaduk mengatakan, “Jikalau sudah dengan titah,” ertinya “jikalau sudah tuanku memaksa patik,” maka “relalah patik” menerimanya secara terpaksa itu.

Dalam cerita Pak Kaduk itu, ketika Biring Si Kunani menang dan Jalak Putih Mata mati terbunuh, Pak Kaduk masih menyebelahi Biring Si Kunani. Pak Kaduk bersorak gembira kerana dia masih merasa ayam itu miliknya sebab pertukaran itu berlaku secara paksa. “Gelanggang Raja” yang menimbulkan “perjudian” itu pun mempunyai makna yang besar terhadap nasib Pak Kaduk dan rakyat jelata lainnya. “Perjudian” itu merupakan perjuangan Pak Kaduk untuk mempertaruhkan ayamnya, yang juga bermakna nasibnya, untuk mendapat untung. Tentu sahaja semua rakyat akan bergantung nasib kepada gelanggang “perjudian” Raja ini. Perjuangan hidup itu saja “perjudian”, dan Pak Kaduk menghadapi kuasa Raja yang terpaksa diterima dan “terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik” supaya terlepas daripada dikatakan “menderhaka” kepada Raja. Dalam cerita ini juga, dikatakan Pak Kaduk bersorak-sorak dengan riangnya apabila melihat ayam Biring Si Kunani menang, kononnya Pak Kaduk “dungu” dan “bodoh” tidak menyedari ayamnya sudah bertukar milik.

Dalam situasi tertentu, seperti di depan Raja yang zalim, manusia atau Pak Kaduk terpaksa ikut bersorak tanpa kerelaan untuk menyenangkan Raja. Dalam situasi mutakhir, orang akan bersorak selepas pemimpin berucap, walaupun mereka tidak menyetujuinya. Kononnya dikatakan Pak Kaduk membunuh isterinya kerana ucapan isterinya yang menyinggung perasaan ketika dia lapar kerana tidak berjaya menghadiri jamuan kenduri. Ini memberi makna bahawa Pak Kaduk dizalimi menyebabkan

fikirannya kusut dan boleh bertindak apa saja. Pak Kaduk telah menjadi mangsa kepada Raja yang zalim dan kejam.

Berhubungan dengan itu, S. Othman Kelantan (1998b: 75) juga menyatakan *Kisah Singapura Dilanggar Todak* merupakan satu cerita alegori yang ada hubung kait dengan kezaliman Paduka Seri Maharaja yang memerintah Singapura. Cerita ini dimulai dengan peristiwa seorang ulama bernama Tun Jana Khatib melintas di depan istana. Waktu itu Raja perempuan terpendang akan Tun Jana Khatib, dan tiba-tiba seponoh pinang terbelah dua. Paduka Seri Maharaja amat murka kerana pada sangkanya ulama itu sengaja menunjuk-nunjukkan kepandaiannya di depan isterinya. Tanpa usul periksa Paduka Seri Maharaja telah memerintahkan supaya ulama itu dibunuh.² Pembunuhan ke atas ulama ini merupakan kunci kepada pemikiran kritikan terhadap feudal dan akibat yang akan berlaku kemudian.

Selepas pembunuhan ke atas Tun Jana Khatib, dengan tiba-tiba beribu-ribu ikan todak menyerang Singapura. Ramai nelayan dan orang biasa mati ditikam oleh ikan todak itu. Dalam keadaan gawat serangan todak seperti hujan itu, tiba-tiba Paduka Seri Maharaja memerintahkan rakyatnya supaya berkubukan betis di sepanjang pantai untuk melawan ikan todak itu. Tindakan ini menyebabkan rakyat yang mati makin bertambah ramai.³ Ketika itu muncul seorang budak lelaki dan memberi pendapatnya dengan berkata, “Apa kerja kita berkubukan betis ini? Kita perdayakan diri kita demikian ini, jika kita berkubukan batang pisang alangkah baiknya!” Paduka Seri Maharaja menurut pendapat budak lelaki yang genius itu, tetapi dengan hasutan para pembesar yang cemburukan kepintaran budak sekecil itu, akhirnya budak lelaki itu dibunuh.

Syed Hussein al-Attas (1973: 372) menyentuh tentang persoalan politik dengan menyatakan bahawa penjajahan Inggeris, mulanya melalui dasar campur tangan, dan kemudiannya pengambil alih pemerintahan, mencairkan kuasa politik raja-raja Melayu.

² *Sejarah Melayu*, hal. 56-57, Cetera ke 10.

³ *Ibid.*, hal. 57

Proses perubahan kuasa jenis lama iaitu, feodal, autokratik, mutlak kepada kuasa jenis baru iaitu liberal, demokratik yang disebut oleh Faucault sebagai normalisasi atau istilah yang biasa defeudalisasi. Fenomena ini bertanggungjawab terhadap pecahnya istana sebagai penaung aktiviti sastera dan memperlihatkan anjakan yang amat menarik dalam peranan kepengarangan Melayu. Pecahnya bentuk kuasa yang menyaring karya sastera bermakna para pengarang buat pertama kali berupaya untuk bebas menyatakan hasrat diri dan mengeksploitasi bakat kreativiti.

5.2 Makna Siratan Peristiwa Dalam Novel *Sebelas Rejab*

Sebelas Rejab (SR), novel yang ditulis dalam tahun 1920-an, yang membawakan latar masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Jika dibuat perbandingan dengan situasi semasa atau yang berlaku pada masa kini, tentu didapati jauh berbeza. Dalam *SR*, pengarang memperlihatkan masalah kehidupan masyarakat dan bagaimana masyarakat tersebut menghadapinya. Pandangan yang dibawakan oleh pengarang bukan menunjukkan keadaan masyarakat ketika itu secara keseluruhan, namun peristiwa yang dibawakan adalah untuk pengajaran dan sindiran kepada masyarakat yang terdiri dalam kalangan pelbagai peringkat, daripada yang atasan sebagai pemerintah dan penguasa hinggalah kepada rakyat biasa yang miskin dan tersisih. Peristiwa-peristiwa yang dibawakan dalam *SR* secara tersirat dan pemaknaan dalam situasi masyarakat sentiasa relevan sepanjang zaman.

Dalam *SR*, tiga peristiwa yang dipilih dan dibincangkan sebagai makna siratan peristiwa ialah peristiwa pembunuhan dan racun, peristiwa berkaitan perjudian dan peristiwa berkaitan hutang dan dendam.

5.2.1 Peristiwa Pembunuhan dan Racun

Kehidupan masyarakat tahun 1920-an, sebagaimana latar masa novel ini ditulis, amalan perbomohan dalam kalangan masyarakat agak ketara. Ketika itu, teknologi perubatan moden masih belum berkembang dengan maju. Pengetahuan masyarakat terdahulu berkaitan perubatan dan sains kesihatan agak terhad. Selain itu, akhlak dan sikap masyarakat yang dipengaruhi dendam dan amarah yang berlanjutan menyebabkan berlakunya pergaduhan hingga bertindak untuk membunuh.

Racun sangat membahayakan. Racun tentulah boleh membunuh, sedangkan penawarnya belum tentu dapat diperolehi dan berkesan. Racun dalam masyarakat selain berbentuk ubatan, juga dikaitkan dengan meracuni perasaan dan fikiran. Tindakan ini dilakukan oleh individu atau kumpulan tertentu dan mempunyai tujuan untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Selain racun, ganja juga dinyatakan dalam novel ini. Penggunaan ganja yang melebihi sebagai ubat-ubatan memberi kesan yang membahayakan. Gejala negatif ini telah disedari oleh pengarang sebagai peringatan kepada masyarakat.

Frank Swettenham (2003: 6) menyatakan pendapatnya bahawa orang Melayu pantang menerima sebarang penghinaan. Padanya hal ini harus dihapuskan sekalipun dengan pertumpahan darah. Jika dia merasa maruahnyanya dicemarkan, sama ada hal itu betul atau tidak, dia menyimpan perasaan itu dalam hatinya sehingga dia dihantui dengan niat untuk menuntut bela. Kalau tidak dapat dituntutnya ke atas orang yang menghinanya itu, dia menyerang sesiapa sahaja yang pertama ditemui, tidak kira lelaki atau perempuan, tua atau muda. Pandangan Swettenham itu dapat dilihat dalam beberapa karya Melayu klasik. Demikian juga dengan novel-novel yang moden.

Sebagai siratan kejahatan, racun ditafsirkan sebagai sesuatu yang merosakkan, menghancurkan dan membunuh. Menurut Abdul Rahman al-Ahmadi (1994);

Satu hal yang menarik sesudah mengikuti pemikiran Abdul Kadir Adabi dalam berbagai-bagai hal dan aspek, terdapat kisah yang berkaitan dengan racun. Kebanyakan novelnya diselitkan cerita tentang racun. Hal ini mungkin dapat dihubungkan dengan latar belakang hidupnya yang penuh pergolakan, menyebabkan beliau harus berhati-hati dengan soal racun yang membinasakan diri dan hidupnya. (1994: 113).

Dalam *SR*, Rafeah dan Jalal meninggal dunia diracun. Manakala Mamat hampir-hampir meninggal dunia. Racun sebagai simbolik peristiwa kejahatan yang berkaitan dengan niat untuk membunuh dan membalas dendam. Tindakan meracun ini pernah dilakukan oleh Jalal menggunakan khidmat seorang bomoh yang kononnya sebagai “ubat”. Watak Abdul Jalal akhirnya mati menghamburkan darah akibat perbuatan curangnya terhadap teman karibnya, Sulaiman yang selama ini menaruh kepercayaan kepadanya. Setelah 20 tahun, pembantu kedai Sulaiman, membalas dendam terhadap bomoh yang bernama Mat Saleh itu. Pengarang menyatakannya seperti berikut;

Matilah engkau orang celaka dengan kematian yang celaka, hutang itu telah kubayar sekali dengan bunga-bunganya, iaitulah hutang pembelaan dendam bapak saudaraku dua puluh tahun lebih dahulu, tanyalah semuanya kepada sahabat karibmu Abdul Jalal yang celaka itu. (Abdul Kadir Adabi, 1980: 154).

Menurut Abdul Rahman al-Ahmadi (1994: 62), dalam *SR* diceritakan Jalal seorang suami dan penipu telah menghabiskan harta isterinya untuk berjudi, yang akibatnya menghancurkan rumah tangganya, dan Jalal menemui ajal kerana meminum racun. Memang itulah yang hendak diperkatakan oleh Abdul Kadir Adabi tentang nasib bangsa Melayu yang tiada pelajaran, tidak sedarkan diri, asyik melakukan maksiat yang meruntuhkan akhlak dan masyarakat; lupa perkembangan dunia sekeliling mereka. Pengarang telah memaparkan keburukan judi dalam novel sebagai peringatan kepada masyarakat keseluruhannya.

Dalam novel yang lain, Abdul Kadir Adabi memasukkan peranan racun ini. Dalam *Acuman Mahkota*, *Melati Kota Bharu* dan *Persemburan Darah di Bawah*

Lipatan Takdir, didapati banyak watak mati akibat racun (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1994: 113).

5.2.2 Peristiwa Berkaitan Perjudian

Novel *SR* mempunyai unsur tersirat tentang perjuangan politik. Novel ini memilih “judi” atau ‘perjudian’ untuk menyatakan sindiran dan ejekan terhadap golongan tertentu, terutama penjajah. Novel ini memilih bahan realiti sejarah dan mengadunkan dengan imaginasi secara perlambangan untuk menunjukkan sindiran yang tajam. Pengungkapan “Sebelas Rejab” mempunyai makna dalam sejarah perjuangan protagonis novel ini iaitu, hari kematian Rafeah juga hari kematian Abdul Jalal. Perjuangan yang dilambangkan ke dalam “perjudian” yang membawa maksud tipu helah, muslihat malah pembunuhan juga, secara halus menyindir pihak berkuasa dengan mudah memberikan tanah air kepada orang asing sedangkan anak negeri menderita dan terpaksa berjuang puluhan tahun untuk mengembalikan maruah diri, bangsa dan tanah air yang tergadai itu. Walaupun “perjudian” itu menang, tetapi banyak membawa kesengsaraan yang memerlukan kesabaran, tawakal, yakin dan penuh keberanian.

Dalam novel ini diceritakan Jalal seorang suami dan penipu telah menghabiskan harta isterinya untuk berjudi, yang akibatnya menghancurkan rumah tangganya dan Jalal menemui ajal kerana meminum racun. Abdul Kadir Adabi mengkritik tentang nasib bangsa Melayu yang dilihat ketika itu tiada pelajaran, tidak sedarkan diri, asyik melakukan maksiat yang meruntuhkan akhlak dan masyarakat serta lupa perkembangan dunia sekeliling mereka.

Perjudian, secara tersirat punca kehancuran masyarakat. Permainan judi tidak pernah menguntungkan. Judi adalah haram bagi agama Islam. Ketagihan bermain judi merupakan satu penyakit yang membawa kesan buruk. Dalam *SR*, terdapat beberapa

peristiwa yang melibatkan perjudian. Antaranya, penceraian Sulaiman dan Rafeah akibat judi, Jalal menghabiskan harta Rafeah kerana berjudi dan Tuk Penghulu (Jalal) bercerai dengan salah seorang isterinya. Sikap Tuk Penghulu yang gemar berjudi digambarkan oleh pengarang seperti berikut:

Sungguhpun penghulu yang tua itu sekarang tidak berduit banyak lagi seperti dahulu dan badannya kurus uzur dan batuk yang menjadi-jadi itu, hati gilanya kepada perjudian itu telah menarik-narikkan dia dan menjadikan dirinya segar semangat diruntun oleh nafsunya yang jahanam itu.

(Abdul Kadir Adabi, 1980: 111).

dan juga; "... maklumlah penyakit telah berakar berumbi begitu lama tentulah berat hendak bercerai daripada jasad Tuk Penghulu (Abdul Kadir Adabi, 1980: 165).

Kesan daripada kegiatan perjudian ini amat buruk walaupun permainan judi itu bersifat kecil-kecilan. Berdasarkan latar kepengarangan, Abdul Kadir Adabi pernah akrab dengan golongan diraja, yang menyebabkan beliau boleh memberikan buah fikiran dan mengkritik kepincangan masyarakat ketika itu. Abdul Kadir pernah membentang persoalannya dengan tajuk "Perjudian dan Persundalan" dalam majalah *Pengasuh*. Selain majalah *Pengasuh*, Abdul Kadir juga menulis dengan kritis dalam majalah *Idaran Zaman*.

Rencana beliau yang panjang lebar tentang perjudian itu menimbulkan amarah pihak tertentu yang tidak bersetuju perkara itu dipaparkan. Akibatnya beliau telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah, bahkan beliau pernah diserang oleh orang yang bersenjatakan kapak bungkus tetapi ancaman fizikal tidaklah menggetarkan hatinya untuk menulis.⁴ Penentangan Abdul Kadir Adabi dalam masalah perjudian tetap dipegang teguh sampai dikemukakan juga dalam novelnya yang bertajuk *Acuman Mahkota* yang diterbitkan pada tahun 1937 (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994: 60).

⁴ Lihat buku Abdul Rahman Al-Ahmadi. *Abdul Kadir Adabi dan Asad Shukri: Suatu Perbandingan* (1994) Bab II bertajuk "Riwayat Hidup Abdul Kadir Adabi."

5.2.3 Peristiwa Berkaitan Hutang dan Dendam

Selain racun dan perjudian, hutang juga sebagai penyakit masyarakat yang sebaiknya dihindari. Hutang berkaitan dengan persoalan ekonomi iaitu kewangan. Dalam kehidupan moden, amalan berhutang tidak dapat dielakkan namun seharusnya disandarkan kepada perancangan yang baik dan kebijaksanaan pengurusan. Hutang yang berlebihan boleh membawa kemudaratan dan bencana. Hutang merupakan tanda kepada keburukan dalam mana-mana masyarakat. Hutang yang berlebihan akan menimbulkan masalah kewangan, hubungan rumah tangga, masyarakat malah ke peringkat negara. Amalan berhutang sewajarnya dikawal dengan cara yang bijaksana.

Dalam novel ini, pengarang mengungkapkan hutang dari sisi yang lain iaitu yang berkaitan dengan dendam dan perasaan marah. Hutang dendam yang negatif dalam perlakuan manusia. Dipetik;

Hal ini baiklah aku periksa, jika dia daripada pengkhianat yang pertama menyebabkan porak peranda kehidupan seperti itulah terjadi ini maka tahulah aku membayar hutang itu. Hutang akan kubayar juga lambat bangatnya dengan sepenuh-penuhnya.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 30)

Pada penghujung novel ini, digambarkan perasaan tentang dendam yang akhirnya terbalas iaitu luahan perasaan Mamat. Pembunuhan yang dilakukan oleh Mamat terhadap bapa tirinya iaitu Jalal adalah satu kepuasan perasaan yang memang dinantikan sekian lama oleh Mamat.

Daripada segi akhlak dan keperibadian, sisi negatif ini tidak seharusnya dicontohi. Namun pengarang memberikan tafsiran bahawa kejahatan akan dibalas kejahatan juga. Dalam kehidupan seharian, setiap jenayah atau kesalahan yang dilakukan akan diadili oleh perbicaraan manusia berlandaskan hukum-hukum agama dan hukum negara yang telah ditetapkan.

Tindakan sendiri secara melulu memberi kesan yang tidak baik. Sehubungan itu, jelas bahawa hutang dan dendam ini perlu dijauhi. Petikan di bawah gambaran perasaan Mamat yang dimaksudkan;

Sudah bapaku, sudah, baharu sekejap ini aku telah membayar hutang ibuku, hari ini bapaku ialah hari Sebelas Rejab iaitu bersamaan dengan hari ibuku berhutang dahulu Sebelas Rejab juga, aku telah sempurnakan hutang itu dengan bunga-bunganya sekali dan bapaku bagaimana?"
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 174-175).

Hutang dendam yang dibawakan dalam *SR*, dalam tafsiran politik adalah realiti yang wujud sejak zaman dahulu lagi. Siratan hutang dendam sebagai tanda berbahaya dalam masyarakat. Bermula daripada dendam sesama manusia membawa kepada persoalan keluarga dan kelompok. Persoalan menjadi semakin besar apabila melibatkan masyarakat setempat dan kemudian menjadi lebih besar. Tindakan dengan akal fikiran dan perasaan yang terkawal dapat mengatasi sebarang masalah.

Dalam *SR*, Abdul Kadir menulis mukadimah yang mengandungi maklumat penting tentang perjanjian sewa tanah antara kerajaan Kelantan dengan sebuah syarikat asing di Bangkok, Thailand (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994: 11). Dalam catatan kaki novel *SR* itu, Abdul Kadir Adabi menyatakan bahawa beliau tidak mengubah atau meminda sedikitpun, sama ada ibarat tulisan atau ejaan kalimat itu daripada asalnya.

Berkaitan dendam, Amida Abdulhamid (2004: 1) menyatakan bahawa perasaan dendam yang dilaksanakan dalam bentuk tindakan tertentu tidak wujud secara sendirian. Perasaan dendam yang menguasai fikiran dan tindak-tanduk seseorang itu berhubung kait dengan emosi lain seperti amarah, iri hati, dengki, terhina dan malu.

Sikap berdendam membawa kesan negatif. Manusia tidak akan berdendam jika tidak teraniaya atau tidak diaibkan, atau air muka atau maruah tidak dijatuhkan oleh orang lain. Lantaran dijatuhkan air muka, seseorang itu akan berasa malu dan terhina. Kemudian ada yang merancang untuk bertindak sendiri untuk kepuasan diri sendiri bagi mendapat keadilan menebus perasaan malu dan terhina yang dialami itu.

5.3 Makna Siratan Peristiwa dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*

Novel *Anak Mat Lela Gila* (AMLG) membawakan banyak peristiwa yang diberi makna siratan. Peristiwa-peristiwa ini digabungkan kepada tiga peristiwa iaitu Peristiwa Berkaitan Keganjilan dan Kegilaan, Peristiwa Pengembaraan dan Peristiwa Berkaitan Penjajahan.

5.3.1 Peristiwa Berkaitan Keganjilan dan Kegilaan

Dalam AMLG, pengarang menghantar tanda secara tersirat melalui peristiwa tertentu. Keganjilan dan kegilaan sebagai tanda daripada fenomena kelakuan dan sikap manusia. Ganjil menunjukkan sesuatu yang lain daripada yang lain namun keganjilan boleh disamakan dengan banyak perkara.

Keganjilan dalam novel AMLG merujuk kepada keanehan yang digarap untuk maksud tertentu. Dalam bahagian ini, Ishak Haji Muhammad memperlihatkan peristiwa yang berlaku pada watak Mat Lela yang tidak masuk akal pada pandangan manusia normal terutama masyarakat di sekeliling pada ketika itu. Keganjilan dan keanehan yang berlaku pada Mat Lela, yang dilihat kebodoh-bodohan itu bersifat kontras, yakni bertentangan. Yang mahu digambarkan oleh pengarang bukannya kegilaan dan kebodohan, tetapi betapa pentingnya ilmu (kebijaksanaan). Jika watak Mat Lela diwujudkan secara normal dan mungkin tidak menjadi aneh dan keistimewaan novel ini. Walaupun Mat Lela aneh dalam tindakan, tetapi cara Mat Lela berfikir dan berbicara sebaliknya. Beberapa peristiwa berkaitan keganjilan, keanehan dan kegilaan Mat Lela digambarkan, antaranya;

Dan lagi satu perbuatannya yang ganjil, yang tiada dapat diterka atau difikirkan oleh orang-orang lain akan maksud-tujuannya dan pengajaran daripadanya atau yang terkandung di dalamnya ialah bata-bata yang

dibuatnya daripada tanah liat yang diambilnya daripada tebing-tebing tasik tempat ia bercengkerama itu.
(Ishak Haji Muhammad, 1960: 16).

seterusnya,

Oleh sebab itu segala perbuatannya dan pekerjaan-pekerjaannya – membuat bata daripada tanah liat, mengukir kemaluan laki-laki daripada kayu, mendirikan rumah yang tidak berpintu, bertingkap dan bertangga, di dalam semak membuat not daripada selupat upih pinang, menyapu kawasan masjid dan lain-lain lagi itu semuanya disifatkan sebagai perbuatan orang gila jua.
(Ishak Haji Muhammad, 1960: 17).

Pengarang menggunakan naratif untuk memberi pandangan tentang keganjilan dan keanehan tentang pertemuan, rezeki dan maut. Sebagai orang Islam, ketentuan ini telah diakui dalam Rukun Iman yang keenam iaitu Percaya kepada Qada dan Qadar. Sebagai manusia biasa pengarang mencetuskan fikiran pembaca agar berfikir akan hal sedemikian dengan mengungkapkan;

Dalam hal maut dan tanah kubur pula ganjil dan ada kalanya tidak disangkakan langsung boleh jadi begitu. Bukankah pelik jika Siti Banun – misalnya – dari Kuala Pilah telah dapat sakit taatkala dalam kereta apai hala ke Kota Bharu lalu mati di Gua Musang dan dekebumikan di Kuala Kerai? ... Tidak ada siapa melainkan Tuhan
(Ishak Haji Muhammad, 1960: 46).

Keganjilan dan kegilaan merupakan tanda daripada fenomena kelakuan dan sikap manusia. Seseorang itu dikatakan gila apabila kelakuan dan sikapnya tidak lagi normal dan berlebih-lebihan. Kegilaan juga disebabkan oleh sejenis penyakit yang berkaitan dengan kejiwaan dan mental. Namun demikian, dalam konteks masyarakat Melayu, terdapat juga tindakan yang dinamakan “gila-gila”, yakni menunjukkan bukan sejenis penyakit yang berkaitan dengan kejiwaan dan mental. Dalam *AMLG*, pengarang turut menggunakan kata “pandir” dan “sasau” bagi menunjukkan perlakuan yang tidak normal ini.

Berkaitan dengan kegilaan diungkapkan;

Alangkah payahnya hendak menerangkan perkataan-perkataan di atas ini, teristimewa pada zaman sekarang kerana banyak benar perkara-perkara dan

perbuatan-perbuatan yang dikaitkan atau dicantumkan dengan perkataan-perkataan itu seperti dikata: gila perempuan, gila pangkat, gila kebangsaan, gila talak, gila agama, hingga dunia sekarang pun pernah dikata dunia gila. Siapakah yang tidak pandir dan tidak sasau pada zaman ini? (Ishak Haji Muhammad, 1960: 6).

Petikan di atas menunjukkan bahawa pengarang bermain dengan kata-kata untuk menghuraikan maksud perkataan yang dipilihnya dalam novel ini. Ishak Haji Muhammad membuat perkaitan perkataan-perkataan tersebut dengan pengungkapan peribahasa berbentuk perumpamaan dan simpulan bahasa yang rapat dengan masyarakat Melayu. Pemilihan ungkapan sangat dekat dengan tanggapan budaya. Sikap manusia seperti yang dijadikan simpulan bahasa seperti gila perempuan, gila talak dan gila pangkat memang wujud dalam masyarakat tidak mengira bangsa.

Kata “gila”, “pandir” dan “sasau” sengaja dihuraikan sambil membuka keterbukaan kepada pembaca bentuk-bentuk kegilaan, kepandiran dan kesasauan yang wujud dalam realiti masyarakat. Gila, pandir dan sasau itu pula menunjukkan tingkat-tingkat yang berbeza. Ketegasan dan ketajaman pemilihan kata yang digunakan oleh pengarang jelas dengan ungkapan seperti “dunia gila” yang merupakan satu simpulan bahasa yang jarang digunakan berbanding “gila dunia”. Kesinisan pengarang secara perlambangan berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang dilalui bahawa berlaku pelbagai keadaan yang tidak logik dalam dunia ini pada pandangan akal yang waras.

Daripada dimensi politik, “dunia gila” itu sangat luas tafsirannya jika dikaitkan dengan manusia-manusia berpolitik dalam banyak keadaan untuk kepuasan diri dan kelompok-kelompok tertentu. “Siapakah yang tidak pandir dan tidak sasau pada zaman ini?” merupakan pertanyaan pengarang yang membuka perhatian dan renungan pembaca dan khalayak seterusnya masyarakat umum termasuk pengamal politik kepartian mewakili pemerintahan ataupun pembangkang. Demikian juga keadaannya dengan perlakuan-perlakuan dan sifat-sifat manusia biasa yang turut menuntut renungan tentang “kepandiran”nya.

5.3.2 Peristiwa Pengembaraan

Kembara sebagai tanda yang membawa maksud perjalanan dari suatu tempat ke satu tempat dalam tempoh masa tertentu yang akhirnya akan pulang ke tempat asalnya. Perjalanan hidup manusia dalam dunia diibaratkan sebagai sebuah pengembaraan. Dalam novel *AMLG*, perjalanan hidup Bulat yang juga merupakan sebuah perjalanan tersirat sebagai seorang makhluk Tuhan.

Dalam novel ini, watak Bulat menempuhi pelbagai pengalaman dalam hidup sebagai anak angkat seorang yang dikatakan “gila” iaitu Mat Lela telah mengembara untuk mencari semula ibu dan bapa kandungnya. Bulat telah menjadi penyanyi kemudian telah bertemu dengan ibu dan bapa kandungnya. Pencarian Bulat dalam pengembaraan tentang kehidupan ini diakhiri dengan perjalanan ke Mekah sebuah tempat yang suci dan merupakan Rukun Islam yang kelima iaitu menunaikan haji. Perjalanan hidup Bulat digambarkan oleh pengarang, antaranya;

Tiadalah diketahui apa yang berlaku kepada Bulat yang mengembara lagi itu akan tetapi sekiranya ia menurut nasihat ibunya dan bekerja bersungguh-sungguh haruslah ia hidup aman-sentosa, mulia dan berbahagia di dalam dunia itu.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 137).

Novel ini berakhir dengan kegembiraan namun membawa persoalan kemanusiaan yang tidak berkesudahan iaitu manusia perlu terus mengembara. “Pengembaraan” seseorang itu difahami oleh orang yang lebih tua. ini digambarkan oleh ibu dan ayah kandung Bulat yang mempelawa Bulat untuk ke Mekah. Pemahaman orang yang lebih tua ini digambarkan oleh pengarang;

Bulat tersengih-sengih, tersipu-sipu dan berseri-seri air mukanya mendengarkan cadangan ibunya itu. Ia hairan bagaimana orang tua-tua sangat mengerti akan kehendak orang muda? Cadangan belayar ke Mekah itu umpama ‘pucuk dicita ulam mendatang’ kepada Bulat.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 73).

Pengembaraan dikaitkan dengan proses kemajuan sesebuah negara, dari peringkat membina kemudian membangun, kemudian maju hingga menjadi sangat maju.

5.3.3 Peristiwa Berkaitan Penjajahan

Ramlah Adam (1998: 230) menyatakan bahawa gerakan kebangsaan Melayu mula berputik sejak akhir kurun ke-19. Walaupun kesedaran politik atau semangat kebangsaan itu masih tidak menyeluruh tetapi di sana sini telah timbul rungutan terhadap nasib orang Melayu yang miskin jika dibandingkan dengan kemakmuran negeri-negeri Tanah Melayu. Rungutan ini bersifat kenegerian dan kedaerahan. Isu yang dibangkitkan juga begitu umum dan tidak kuat penekanannya, namun cukup untuk melahirkan bibit-bibit kesedaran kebangsaan itu.

Noriah Taslim (2010: 262) menyatakan, ada beberapa faktor yang dapat dikenalpasti sebagai agen pemangkin yang menggiatkan proses pemodenan atau pembaratan di Tanah Melayu. Tentunya prasyarat utama untuk sesuatu bangsa itu menerima pembaharuan walaupun, menyisihkan adat dan tradisi lama menuntut kepada satu perombakan sikap yang agak radikal. Perombakan sikap yang demikian hanya akan mungkin setelah berlaku perubahan bentuk pemikiran yang melibatkan perobohan cara fikiran lama oleh cara fikiran baru yang lebih bertenaga dan mencabar. Pemikiran Melayu itu mudah benar rapuh dan layu untuk menerima hakikat akan kerendahan dan kedaifan diri dan intelek melalui mekanisme Orientalisme dan kolonialisme yang melarut kepada berlakunya hegemoni budaya dan mental. Pemikiran Melayu yang sudah dijajah itu dibentuk pula oleh penjajah melalui sistem pendidikan sekular yang bertujuan untuk membina satu generasi Melayu moden yang bertindak dan berfikir cara Barat, membantu Inggeris untuk mengendalikan kuasanya ke atas peribumi.

Dalam *AMLG*, dibawakan makna siratan bahawa kehadiran orang Eropah sebenarnya tidak sesuai untuk tinggal di Tanah Melayu (Malaysia). Dalam tafsiran makna yang lain, penjajahan oleh pihak Eropah, termasuk Inggeris tidak memberi keselesaan mereka sendiri kerana keadaan geografi dan cuaca yang berbeza. Demikian juga perbezaan adat dan budaya. Itu yang dimaksudkan dengan “ikan teraut” dari England tidak sesuai dengan iklim di sini. Melalui penggunaan siratan, Alang menyebutkan:

Adapun ikan teraut itu ialah sejenis ikan atas angin yang dibawanya telurnya dari England dengan kapal terbang dan ditetaskan di dalam anak-anak sungai di sini. Tetapi ikan itu tidak mahu biak – kerajaan sudah berbelanja berpuluh-puluh ribu ringgit kerananya – nampaknya tak boleh jadi.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 78).

Tafsiran barang-barang yang dihanyutkan oleh Mat Lela juga menarik untuk dibincangkan daripada dimensi sosiopolitik. “Barang berharga” adalah gambaran bahawa setiap daripada kita lahir dengan keturunan dan harta yang dimiliki tidak kira banyak atau sedikit. “Cincin emas” gambaran keturunan yang baik dan mulia. “Emas” adalah gambaran ketinggian nilai dan penjagaan yang baik. “Surat-surat” pula gambaran wasiat keturunan dan dokumen-dokumen berharga yang perlu dijaga. Manakala “kain kuning” merupakan gambaran kepercayaan tradisi termasuk perbomohan dan “gemala tangkal” berkaitan dengan ilmu, kepercayaan agama serta kekuatan dan keyakinan dalaman yang harus ada pada setiap individu.

Begitu juga dengan watak Alang yang ditafsirkan berpandangan jauh dan penuh kesedaran. Antaranya dipetik;

Alang telah bercerita juga kepadanya kesah-kesah zaman dahulu kala yang ajaib dan peristiwa atau tawarikh-tawarikh yang mengembirakan dan mengeraskan semangat Bulat. Ia telah menunjukkan benda-benda yang ajaib, tanda-tanda dan kesan-kesan kebesaran Empayar Melayu yang telah hilang, tersembunyi dan terselindung di dalam hutan-rimba, di celah-celah batu dan di dalam gua-gua yang gelap gelita.

(Ishak Haji Muhammad, 1960: 85).

Petikan di atas perbualan antara Bulat dengan Alang, yang digambarkan mempunyai kebijaksanaan dan berpandangan jauh. Suku Sakai merupakan suku peribumi asli yang mempunyai jati diri dan mempunyai rasa cinta terhadap tanah air dengan sepenuh hati. Sakai, merupakan masyarakat asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Namun bilangan puak ini semakin mengecil. Kebijaksanaan Sakai dalam novel ini menunjukkan pengarang ingin meletakkan keistimewaan itu kepada puak atau bangsa yang asli atau asal di Tanah Melayu. Selain ingin menyatakan wujud minoriti orang asli Sakai, pengarang juga menyampaikan maksud bahawa Melayu yang masih mengekalkan tradisi dan “keaslian” hanya tinggal minoriti. Namun begitu, kebijaksanaan itu tetap diangkat dengan caranya berdialog dengan Bulat dalam novel ini. Manakala dalam realiti hari ini, kebijaksanaan itu perlu tetap dimiliki malah perlu menjangkau jauh dari lingkaran setempat.

Watak Alang dalam novel ini menyatakan pernah wujud sebuah empayar Melayu yang agung satu ketika dahulu tetapi kini telah hilang dan tersembunyi. Pengungkapan ini sangat menarik untuk ditafsirkan secara makna siratan. “Empayar Melayu” itu gambaran sebuah kekuasaan yang sangat luas dan kuat. Hanya kekuatan dan kebijaksanaan dapat membina dan mengukuhkan sesebuah empayar. Namun apabila dinyatakan telah hilang lenyap, pasti ada sebabnya berlaku demikian. Pemilihan kata “hutan-rimba” menunjukkan empayar itu menjadi terbiar dan tidak lagi mempunyai kekuatan dan keistimewaan. Secara tanggapan umum, kerajaan Melayu dahulu kala memang terkenal dengan gahnya di seluruh dunia. Empayar Melayu bukan sahaja terkenal dari segi keistimewaan perdagangan tetapi juga perundangan, perajurit dan adat-istiadatnya. Maksud Ishak Haji Muhammad tentang empayar Melayu itu merujuk kepada Kerajaan Melayu Melaka atau juga kerajaan Melayu lain yang gemilang sebelum itu.

Penggunaan ungkapan “celah-celah batu” daripada dimensi politik menunjukkan bahawa kegemilangan kekuasaan dan empayar umpama sebagai monumen yang tidak mampu untuk dikembalikan. Manakala “gua-gua” pula menggambarkan keadaan yang amat malang, tersorok, gelap dan tidak dikunjungi orang. Sejarah gemilang empayar Melayu itu sedemikian dan pengarang menyerahkan kebijaksanaan pembaca untuk memahami adakah keagungan dan kegemilangan empayar itu dapat dikembalikan.

5.4 Makna Siratan Peristiwa dalam Novel *Tunggul-tunggul Gerigis*

Berikut dibincangkan makna siratan peristiwa dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis* (*TTG*). Peristiwa-peristiwa ini digabungkan kepada tiga makna siratan peristiwa iaitu Peristiwa Perpecahan Masyarakat, Peristiwa Gerakan Berdakwah dan Peristiwa Berkaitan Kematian.

5.4.1 Peristiwa Perpecahan Masyarakat

Komuniti atau masyarakat akan membentuk sistem politik. Sistem politik yang diamalkan di negara ini adalah politik kepartian. Parti atau pertubuhan politik ini mempunyai idealisme dan prinsip-prinsip yang tersendiri. Perbezaan idealisme dan prinsip perjuangan menjadikan setiap parti politik mempunyai identiti yang tersendiri yang menyebabkan tiada kesepaduan dalam banyak hal. Kelainan dan perbezaan ini tentunya menimbulkan pertentangan, berkaitan perkara yang kecil hinggalah kepada persoalan pertandingan pilihan raya, pengagihan jawatan dan kekuasaan, cara meraih undi untuk memenangi pilihan raya dan sebagainya. Pertentangan yang wujud menimbulkan perbalahan, dari yang kecil menjadi semakin besar. secara kasar,

pergaduhan dan perbalahan pendapat dalam politik kepartian ini membawa kepada kehancuran.

Pengarang novel ini membawakan makna siratan perpecahan dalam masyarakat disebabkan fahaman politik kepartian ini menjadi perhatian dalam penulisan karya. Mohd. Yusof Hasan (2009: 168) menyatakan novel *TTG* adalah gambaran konflik di desa Poseng yang penuh dengan tipu muslihat, fitnah, hasutan dan kecurangan.

Pengarang mengungkapkannya, “Sekarang sudah jelas Poseng sudah terbelah tiga. PBB satu belahannya. PSS satu belahannya. Dan yang dianggap tak wujud dalam Poseng pun satu belahannya” (Shahnon Ahmad, 1988: 174). Seterusnya, “...Sudahlah masuk puak sana, kita ini pun dikatakan semuanya tak halal” (Shahnon Ahmad, 1988: 49) dan ungkapan, “Yang lain cuma dedalu-dedalu yang tumbuh kerana ingin menumpang” (Shahnon Ahmad, 1988: 191). Ungkapan-ungkapan dalam situasi yang berbeza dalam novel ini jelas membuktikan bahawa makna siratan tentang perpecahan masyarakat diberi perhatian oleh pengarang.

Novel *TTG* menghimpunkan berbagai-bagai masalah manusia dan politik di Poseng sebagai siratan kepada berbagai-bagai masalah politik dan masyarakat dalam negara secara realiti. Mohd. Yusof Hasan (2010: 170) juga menyatakan bahawa fahaman politik yang berbeza ini telah mencetuskan banyak masalah seperti ekonomi, politik, kepimpinan, sosial dan keagamaan di Poseng. Institusi yang mengendalikan gotong-royong sudah tidak ada lagi. Politik berpecah belah. Kepimpinan tidak tentu arah. Ahli masyarakat sudah bermusuhan antara satu sama lain, saling tuduh-menuduh, saling khianat-mengkhianat dan lain-lain lagi. Masjid tempat beribadat menjadi punca perbalahan dan pertengkaran.

Hal ini disentuh Jeniri Amir (2005: 96), dengan menyatakan bahawa tujuan akhir pemimpin politik adalah untuk mendapatkan kuasa. Kuasa ialah ini parti politik, malah

fenomena politik, terutama pergeseran atau persengketaan politik berpunca daripada perebutan kuasa.

Selain perpecahan berdasarkan fahaman parti politik, masyarakat kampung juga diganggu dengan perebutan jawatan seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) yang secara tersirat diberikan berbagai-bagai nama lain yang menunjukkan sisi negatif. Pengarang mengungkapkan, “Kita dalam JKK ni disebut macam Jemaah Kuda Kayu. Macam Jemaah Kerbau Keweh. Macam Jemaah Kucing Kurap. Macam Jemaah Kuah Kenduri...” (Shahnon Ahmad, 1988: 69). Panggilan “kuda kayu”, “kucing kurap” dan “kerbau keweh” adalah gambaran buruk apabila dikaitkan sifat haiwan dengan manusia yang memegang jawatan dalam jawatankuasa itu. Secara makna siratan, pengungkapan pengarang ini sebagai kelucuan namun menyedarkan masyarakat umum tentang tanggungjawab yang sebenar-benarnya apabila memegang jawatan tersebut.

Pengungkapan pengarang yang dikaitkan dengan perpecahan persaudaraan dan kemanusiaan serta kemusnahan alam sekitar di Poseng seperti berikut;

Setompok sekam yang di dalamnya sedia berapi kecil dan mengeluarkan kepulan-kepulan asap. Demikian Imam Itam melihat keadaannya. (Poseng) Api itu ialah api dalam hati dan sekam itu adalah butir-butir yang mampu menyemarakkan lagi api itu menjadi ganas dan buas membakar bila kelak sampai masanya. (Shahnon Ahmad, 1988: 213).

Peristiwa pembunuhan beramai-ramai pengikut PSS mengingatkan kepada tragedi Memali pada tahun 1985. Seramai 18 orang ahli PAS telah terkorban dalam peristiwa berkenaan apabila mereka bertempur dengan pihak tentera. Krisis tersebut menyejajarkan krisis lain dalam masyarakat seperti sembahyang dua imam, pulau-memulau, dan tidak mahu menyembahyangkan jenazah dari kelompok lain. Keadaan ini membawa ketegangan dan permusuhan. Dalam novel ini, PSS bergerak atas landasan Islam sehingga ahli-ahlinya menganggap hanya kumpulan mereka yang benar, sedangkan pengikut PBB dianggap kafir. Parti Seruan Suci (PSS) dengan Parti Bumi

Bertuah (PBB). PSS bergerak atas landasan perjuangan keagamaan, manakala PBB atas landasan sekular dan kebendaan.

Novel *TTG* membawakan persoalan tentang para pejuang tanah air yang terdiri daripada ahli politik pembangkang dan ahli politik pemerintah. Kedua-duanya cuba mempertahankan ideologi perjuangan masing-masing sehingga mencetuskan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Ekoran keinginan untuk memenuhi agenda perjuangan tersebut, maka terjadi perdebatan pendapat, permusuhan dan tindakan yang menjurus kepada kekejaman. Novel ini merupakan gambaran konflik kepemimpinan politik di desa Poseng. Shahnnon Ahmad memaparkan kisah tragedi Memali, Baling yang penuh kecurangan, hasutan, fitnah, dan tipu muslihat sehingga membawa kepada perpecahan.

Dua parti politik yang berkonflik dalam *TTG* dikaitkan dengan dua parti besar di tanah air. Siapa yang tidak dapat mencium bau politik negara dalam *TTG*, apalagi Shahnnon secara terang-terangan menampilkan penglibatannya secara langsung dalam politik tanah air. (Zaleha Ahmad 2012: 19).

Berkaitan hal tersebut, Fatimah Busu (2010: 366) menyatakan;

Poseng sudah tidak lagi mencerminkan ciri-ciri kehidupan kedesaan lagi. Wabak ideologi politik sedang memusnahkan rasa hormat-menghormati dan saling tolok ansur di kalangan penduduk Poseng. Semuanya bermula dengan penubuhan dua buah parti politik yang sedang menguasai seluruh penduduk Poseng iaitu Parti Bumi Bertuah yang dipimpin oleh Mahmud dan Parti Seruan Suci yang dipimpin oleh Imam Itam. Penerapan ideologi politik menyebabkan keadaan masyarakat di Poseng berpecah, berpuak-puak, saling kata-mengatai, tuduh-menuduh hingga terjadi unsur fitnah di merata-rata. Ideologi politik juga menyebabkan bumi, manusia dan segala impian Poseng musnah.

Peristiwa ini menjadikan perkampungan Poseng berada dalam keadaan yang huru-hara yang diinterpretasikan oleh Shahnnon Ahmad sebagai sudah tiba kepada proses terjadinya hari kiamat. Di sebalik peristiwa ini, terpancar juga kecaman pengarang terhadap sikap manusia dengan kejahilannya. Kehuru-haraan yang berlaku di Poseng adalah petanda balasan Tuhan terhadap kejahilan penduduk Poseng. Episod ini

merupakan pengulangan satu realiti yang menjadi peristiwa arketip yang dikenali dengan “Peristiwa Memali”.

5.4.2 Peristiwa Gerakan Berdakwah

Sebagai sebuah karya yang lahir dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam, *TTG* mengangkat unsur-unsur dakwah dan ketakwaan secara tidak langsung. Dengan itu, dapat ditemui pengungkapan dakwah antaranya kesyukuran sebagai tanda penyerahan dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Allah. Pengarang memperlihatkan tanda-tanda sebagai hamba yang ikhlas dalam amalannya dan mencapai tahap yang tinggi dengan, “Wajah orang suka bercakap dengan Allah selalunya berseri dan manis dan cantik” (Shahnon Ahmad, 1988: 91). Kata “manis” dan “cantik” dilihat dalam bentuk pandangan yang lebih dekat kepada persoalan psikologi dan kejiwaan. Malahan “manis” dan “cantik” itu hanya dapat dirasai dan dikesan oleh orang-orang yang patuh kepada ajaran Islam sahaja.

Tanggungjawab berdakwah dan menyebarkan ajaran Islam seperti yang disampaikan dalam al-Quran maksud Ayat 104, Surah Ali ‘Imran;

Dan hendaklah ada di anta kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

Dalam sesebuah masyarakat, amalan beragama ini disemarakkan dengan program-program dan aktiviti-aktiviti yang bercorak kerohanian. Dalam mengerjakan solat sebagai ibadat wajib, umat Islam digalakkan melakukannya secara berjemaah. Dari sini hubungan sesama manusia dalam masyarakat terbentuk. Ibadah-ibadah berjemaah ini disusuli dengan zikir, ratib dan pengajian. Ibadah berjemaah ini juga merupakan tanda kesyukuran dalam masyarakat Poseng yang digambarkan pengarang, “Semakin lama semakin cepatlah ratiban itu sehingga akhirnya hanya terdengar *ik ik ik ik* sahaja”

(Shahnon Ahmad, 1988, p.278). Bunyi “ik ik ik ik” yang dimasukkan oleh pengarang ialah peristiwa yang menunjukkan amalan berjemaah iaitu beratib. Sebutan “Lailahailah” (Tiada Tuhan Melainkan Allah) disebut secara kerap dengan intonasi yang keras berselang perlahan namun pantas, yang terdengar hanya “ik ik ik ik” sahaja.

Masjid sebagai tempat ibadat mempunyai kerelevanan dengan penduduk sesebuah masyarakat Islam. Di Poseng, satu-satunya masjid yang menjadi tempat ibadat dan kegiatan keagamaan. Terbina sesebuah masjid adalah bukti tertegaknya Islam. Seluruh kampung menumpukan masjid tersebut. Fakta ini dibuktikan dengan pengungkapan pengarang, “Sejarah Poseng adalah sejarah masjid Poseng itu sendiri” (Shahnon Ahmad, 1988: 255).

Secara tersirat juga, masjid dan peralatan di dalamnya seperti sejadah merupakan hak masyarakat. Hal ini dinyatakan pengarang, “Biar sejadahnya jenis luar negeri yang gambar Kaabahnya kerana Kaabahnya yang menjadi sasaran pun” (Shahnon Ahmad, 1988: 265). “Sejadah” merupakan siratan ibadat sebagai keperluan apabila mengerjakan solat. Gambar Kaabah yang terdapat pada kebanyakan sejadah melambangkan arah dan tujuan penyempurnaan Rukun Islam dan sebagai tanda penyatuan umat Islam seluruh dunia.

Keselesaan dalam beribadat amat perlu. Masyarakat umum mahukan masjid berfungsi dengan berkesan sebagai tempat beribadat dan kegiatan berdakwah dan kegiatan bermasyarakat sebagai bukti keunggulan dan kesucian agama Islam. Kesamarataan dalam jemaah tanpa mengira kedudukan seseorang manusia itu secara umumnya difahami masyarakat. Namun demikian, peristiwa pergolakan politik akibat perpecahan daripada dua fahaman dan ideologi, menyebabkan masjid sebagai institusi mulia mula tercemar. Dalam konteks semasa, suasana ini berlaku di beberapa tempat. Apabila masjid sudah tidak berfungsi dengan baik, malahan dipengaruhi oleh kepentingan politik pihak-pihak tertentu, institusi tersebut sudah tidak lagi memberi

keselesaan dan keyakinan kepada masyarakat. Masalah mula timbul seperti berlaku ibadat solat secara berjemaah tetapi mempunyai dua imam serentak. Keadaan lebih buruk apabila ada cadangan yang mahu membina masjid yang baharu menggantikan masjid yang sedia ada. Di sini, jelas bahawa masjid sebagai tempat ibadah telah bertukar menjadi tempat perbalahan dan punca luahan rasa tidak puas hati masyarakat setempat.

Pertikaian antara dua golongan yang berfahaman politik juga menyebabkan timbul kata-kata nista, umpatan dan sindiran yang seolah-olah tidak menghormati amalan suci dan peribadatan. Keadaan ini digambarkan apabila kewibawaan Imam Itam sebagai ketua agama di Poseng dipertikai. Pengarang mengungkapkan; “Sapa kata mereka alim. Imam Itam itu awak kata alim. Alim kata awak. Tasbih itu memang ada tapi bukan sebut nama Allah. Dia sebut nama kita...” (Shahnon Ahmad, 1988: 69).

5.4.3 Peristiwa Berkaitan Kematian

Penghayatan ajaran Islam dimantapkan dalam kalangan diri individu atau masyarakat dengan berdakwah tentang kisah-kisah kematian. Hal ini amat disedari oleh Shahnon Ahmad betapa kisah-kisah kematian berupaya membangkitkan kesedaran umat Islam untuk lebih banyak memperbanyak amal ibadat dan mengisi hidup yang singkat ini (Talib Samat, 2010: 203).

Kematian dan kemusnahan itu mempunyai perkaitan kudrat kemanusiaan dengan kuasa politik. Hal ini turut diakui oleh Mohd. Yusof Hasan (2010: 173) yang menyatakan bahawa dengan kuasa politik itulah golongan PBB, bertindak ke atas golongan PSS dengan kuasa fizikal iaitu kekuatan askar dan kemarahan api golongan PBB memusnahkan kesemua hati budi, harta benda golongan PSS. Poseng musnah

segala-galanya bersama-sama sejarah gemilangnya akibat perbezaan kepercayaan politik.

Kematian, kerosakan dan kemusnahan yang digambarkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *TTG* merupakan tanda-tanda yang disedari oleh masyarakat. Daripada sisi yang lain, kepada masyarakat yang tidak sedar, kematian, kerosakan dan kemusnahan adalah tersirat kepada kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Setiap umat Islam, mempercayai dengan yakin bahawa kematian itu akan tiba. Seperti yang digambarkan dalam novel ini;

Kematian sebagai satu peristiwa yang bakal datang kepada seseorang mengikut kadar masing-masing; Enak. lembut. Keras. dan kejam. Campur baur dan bersepadu selernya bila waktu untuk pulang tiba. perlahan-lahan akan ditarik dan kalu perlu direntap; mungkin seindah mungkin, mungkin sekejap tarikan buluh songsang di tepi sungai.
(Shahnnon Ahmad, 1988: 6).

Setiap manusia tidak dapat mengelak datangnya saat-saat kematian. Pengarang dengan tegas memperlihatkan bahawa organisma yang membentuk anggota fizikal bersifat kesementaraan seperti manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, semua akan lenyap apabila tiba waktunya. Kematian, kerosakan dan kemusnahan yang akan dialami oleh setiap yang bernyawa apabila sudah ditentukan Allah. Hanya Allah juga sahaja yang kekal abadi mentadbir segala isi alam ini dengan kekuasaan-Nya yang maha Besar dan Maha Berkuasa.

Dalam novel ini digambarkan beberapa kali secara tersirat tentang kematian, kerosakan dan kemusnahan ini dengan petikan, “Papan-papan itu akan dibakar dan dibuang begitu saja untuk digantikan dengan jasad-jasad yang lebih teguh dan megah untuk benar-benar melambangkan kekuasaan dan kesombongan yang ada (Shahnnon Ahmad, 1988: 305). Gambaran ini sebagai indeks bahawa Masjid Poseng telah diroboh. Demikian juga dengan ungkapan, “Sama seperti kekuasaan dan kesombongan kuku besi dan gigi besi juga. Itu hanya jasad-jasad yang tidak bermakna dan kelak akan hancur lebur sama seperti daging dan tulang” (Shahnnon Ahmad, 1988: 305). Pengungkapan

pengarang ini menunjukkan bahawa kekuasaan dan kesombongan juga bersifat tidak kekal dan akan mendapat balasan daripada Maha Pencipta.

Pengarang meletakkan isyarat-isyarat sebagai tanda kemungkinan berulang-ulang kali dalam *TTG*. Goh, seekor lembu juga akan mati musnah. Demikian juga dengan manusia, apatah lagi yang telah tua dan uzur seperti Su Usul. Pengarang mengungkapkan;

Tak lama lagi kerana asap akan berkepul naik menebalkan udara dan menutupkan wajah Poseng. Dalam suasana penuh asap itulah akan muncul binatang berwajah manusia. Ini pasti, Goh. (p.99) dan berkaitan dengan Su Usul, “Aku akan pulang juga, lambat-bangatnya.
(Shahnon Ahmad, 1988: 1).

Gambaran dalam pengungkapan tersebut dibawa secara tersirat dan memberikan makna kepada masyarakat agar tidak bersifat sombong dan bermegah-megah terutama yang memiliki kelebihan di dunia ini sama ada yang kaya harta, jawatan dan kuasa sebagai pemimpin dan juga manusia-manusia biasa yang lupa diri.

Perkaitan analogi Su Usul (seorang tua) dan Goh (seekor lembu) yang seolah-olah berkomunikasi sebagai bukti kesedaran seseorang individu terhadap jalan terakhir yang mesti ditempuhi, iaitu kematian. A. Rahim Abdullah (2008: 199) turut menyentuh hal ini dengan menyatakan bahawa pengarang melalui watak Su Usul yang bermonolog dengan Goh. Dengan adanya Goh yang diajak berdialog (sebenarnya proses monolog dalaman oleh Su Usul), maka jelaslah Goh menjadi satu tanda dan gejala. Perbezaan tanda dan gejala (*symptom*) juga cukup jelas. Jika binatang diajak bercakap, masih bersifat tanda (bukan hal yang sangat aneh), sebab orang Melayu memang mengajar lembu dan kerbau membajak sawah atau menyuruh beruk dan kera memetik kelapa dengan suatu bahasa yang khusus. Dalam pernyataan ini, tanda dan gejala itu berkaitan dengan makna siratan peristiwa yang dibincangkan.

TTG banyak membawakan persoalan politik alam masyarakat. Dalam novel ini terdapat tanda-tanda yang merupakan kesan, sebab-musabab, isyarat atau fenomena.

Kesemua perkara yang dinyatakan itu merupakan sebagai makna siratan sebagai kritikan terhadap masyarakat Melayu.

5.5 Makna Siratan Peristiwa dalam Novel *Nagogho Astana*

Peristiwa dan kejadian yang digambarkan dalam sesebuah novel memberikan makna siratan yang dapat dibincangkan. Dalam penghasilan karya, terdapat peristiwa yang diambil merupakan gambaran peristiwa sebenar yang diubahsuai menjadi sebuah fiksi. Namun demikian, terdapat juga peristiwa yang sengaja direka oleh pengarang untuk tujuan perjalanan cerita dan menyampaikan kritikan kepada masyarakat. Setiap bab dalam sesebuah novel digarap dengan berbagai-bagai peristiwa. Demikian juga bagi novel *Nagogho Astana (NA)* yang dihasilkan oleh S. Othman Kelantan yang juga merupakan pencetus kepada Gagasan Kritikan Melayu. Kebanyakan watak utama yang dihadirkan mengalami peristiwa penting. Walaupun terdapat banyak peristiwa yang terdapat dalam novel ini, dipilih peristiwa yang menjadi tiga pecahan yang mempunyai makna siratan berkaitan dengan kritikan terhadap masyarakat. Tiga bahagian makna siratan peristiwa dalam *NA* untuk dibincangkan ialah Peristiwa Mempertahan Kekuasaan, Peristiwa Berkaitan Propaganda dan Politik dan Peristiwa Berkaitan Gejala Sosial.

5.5.1 Peristiwa Mempertahan Kekuasaan

Dalam novel *NA*, beberapa peristiwa keputusan pemimpin dibawakan oleh pengarang untuk menyedarkan pembaca situasi yang dialami oleh watak-watak ini dan keadaan masyarakat ketika itu. Serentak itu juga, makna-makna siratan sesuatu peristiwa itu

dapat dikaitkan dengan keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Dalam konteks Nagogho Astana, sebuah negara yang diwujudkan secara fiksyen, peristiwa-peristiwa yang berlaku kadangkala dikesani sebagai di luar dugaan, aneh dan tidak diakui sebagai wujud dalam realiti. Namun demikian, peristiwa-peristiwa itu merupakan peristiwa yang tersirat tentang keadaan sesebuah masyarakat, dengan situasi kepimpinannya yang relevan dengan masyarakat Malaysia dan mana-mana masyarakat di dunia ini.

Menteri Perdana yang digambarkan oleh pengarang merupakan seorang yang tegas dalam membuat keputusan. Sebagai seorang pemimpin utama sebuah negara, keputusan yang diambil oleh Menteri Perdana akan memberi kesan terhadap pandangan rakyat jelata. Salah satu keputusan yang diambil oleh Menteri Perdana adalah untuk membeli senjata nuklear bertaburan di seluruh bekas negara Kesatuan Sosialis Rusia yang pecah atas dasar perestroika dan glasnost pimpinan Presiden Gorbachev dan juga akan membeli para saintis yang kehilangan sumber pendapatan. Secara tersirat keadaan ini menunjukkan keberanian Menteri Perdana membuat keputusan. Dalam hal lain dapat ditafsirkan kesediaan Menteri Perdana untuk mendapatkan senjata nuklear bermakna mahukan negara Nagogho Astana digeruni oleh negara-negara lain.

Dari sisi yang lain, keputusan yang diambil oleh Menteri Perdana ini juga menunjukkan kebijaksanaan beliau. Sesebuah negara yang maju selalu dikaitkan juga dengan kekuatan pertahanan ketenteraan. Sehubungan itu, cita-cita Menteri Perdana Nagogho Astana mahu menjadikan negaranya setanding negara-negara maju yang lain walaupun ketika itu negaranya masih dikenali sebagai negara yang membangun. Cita-cita Menteri Perdana mahu menjadikan Nagogho Astana sebuah negara yang terkenal di seluruh dunia dibuktikan dengan pengungkapan;

Yang penting sekarang, jangan ada anasir yang dapat menyekat pertumbuhan negara kita. Biarlah Nagogho Astana menjadi seperti tuan puteri tercantik di dunia, yang akan direbut oleh seluruh wira modal dan

syarikat gergasi seluruh dunia. Biar seluruh wira raksasa kewangan di dunia datang untuk merebut senyum dan kecantikan tuan puteri Nagogho Astana. (S. Othman Kelantan, 1997: 273).

Kuasa merupakan kebolehan individu mempengaruhi orang lain. Kuasa boleh dianggap sebagai kebolehan memaksa orang lain berbuat sesuatu ataupun menjayakan sesuatu rancangan mengikut naluri seseorang (Jeniri Amir, 2005: 96). Ketegasan yang ditunjukkan oleh Menteri Perdana dalam membuat keputusan adalah bertujuan untuk mempertahankan kekuasaan. Namun demikian, tindakan sedemikian mempunyai kewajaran untuk kebaikan dan kesentosaan sesebuah negara. Tanggungjawab yang dipikul oleh seorang ketua negara sangat besar dan berat. Menteri Perdana tentunya mengalami pelbagai peristiwa penting sepanjang hidupnya dan juga perlu membuat pelbagai keputusan.

Dalam novel ini, watak Amin Zuhdi sebagai Ketua Barisan Bertindak kerajaan bersama-sama Safuan Turji dan tujuh yang lain telah membentuk Majlis Bertindak Anggota Parlimen Kerajaan yang disifatkan sebagai *backbencher* yang dapat disamakan dengan Kelab Penyokong Kerajaan dalam kehidupan sebenar. Tindakan ini direstui oleh Menteri Perdana, yang antara lain bertujuan untuk melindungi pengekalan kuasa Menteri Perdana juga. Peristiwa ini menggambarkan betapa orang-orang berjawatan penting yang mempunyai kuasa dan suaranya yang diyakini di Parlimen boleh bertindak mengikut perancangan atas kepentingan parti politik yang memerintah. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan ungkapan yang dikeluarkan oleh Amin Zuhdi dalam novel ini, “Biar Parlimen mewujudkan akta khas untuk Menteri Perdana Dr. Zafrullah berkuasa seumur hidupnya” (S. Othman Kelantan, 2007: 27).

Secara tersirat, sikap Amin Zuhdi dan beberapa penyokongnya yang lantang bersuara demi pentingnya mengekalkan kuasa seorang Menteri Perdana. Dalam waktu yang sama wujud keinginan untuk menjaga kepentingan diri sendiri juga. Amin Zuhdi

juga dengan lantang mahu menggunakan sepenuhnya Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menghalang anasir subversif yang menggugat Menteri Perdana.

Sikap radikal golongan yang bertindak sebagai *backbencher* ini sebagai gambaran berlakunya gesaan suara dari dalaman kuasa pemerintah. Cadangan-cadangan lain yang dikemukakan oleh mereka ialah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk melenyapkan suara-suara penentang, terutama pembangkang. Mereka juga mengusulkan agar PIBUM diharamkan, ketua pembangkang ditangkap dan mewujudkan Majlis Fatwa daripada kalangan PANAT untuk mengeluarkan fatwa bahawa Kerajaan Muafakat mengamalkan pemerintahan Islam. Mereka juga mencadangkan mengeluarkan Wilayah Dua yang dikuasai pembangkang dari Nagogho Astana, selain mencadangkan agar 'membeli' pemimpin tertentu agar dapat bersekongkol dengan mereka. Kumpulan ini juga mencadangkan Menteri Perdana diberikan peranan menguasai pasukan tentera yang bertujuan melindungi pemusatan kuasa mutlak yang dimiliki Menteri Perdana. Memberi cadangan dan bersuara dengan lantang sedemikian hanya boleh dilakukan oleh orang-orang tertentu sahaja. dalam sesebuah parti yang mempunyai kuasa memerintah, orang yang berai bersuara begini perlu ada, malah perlu diwujudkan. Pengarang menggunakan makna siratan peristiwa melalui keputusan dan keberanian bersuara Amin Zuhdi ini, sebagai interpretasi dalam situasi sebenar.

Satu lagi peristiwa yang berlaku dalam penceritaan novel ini ialah berkaitan keruntuhan tiga blok pangsapuri lapan puluh tingkat yang mengorbankan lebih seribu nyawa dua tahun lalu di Bukit Liburan (S. Othman Kelantan, 1997: 77). Peristiwa ini secara tersirat mempunyai persamaan dengan peristiwa sebenar yang dinamakan Tragedi Highland Towers di Taman Hillview, Hulu Kelang pada 11 Disember 1993. Tragedi tersebut merupakan satu-satunya tragedi yang paling buruk setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Seramai 48 orang terkorban dalam tragedi yang menyayat hati

ini. Berkaitan dengan peristiwa tersebut, pengarang mengaitkannya dengan penceritaan dalam *NA*. Watak yang menggunakan kuasanya dalam membuat keputusan ialah Menteri Ketua Wilayah Tiga Belas. Jawatan tersebut dapat disamakan dengan jawatan seorang Menteri Besar, yang merupakan ketua pentadbiran negeri-negeri bagi seperti di Malaysia. Oleh kerana demi keuntungan dalam perniagaan dan pengekalan jawatan, Menteri Ketua mahu terus memajukan kawasan Bukit Liburan. Bagi beliau, kawasan itu perlu dimajukan dan akan mendapatkan keuntungan daripada pelaburan syarikat luar negara. Bagi Menteri Ketua, kemalangan yang berlaku itu hanyalah satu kejadian bencana alam.

Peristiwa keruntuhan bangunan di Bukit Liburan merupakan satu kejadian yang malang. Peristiwa tersebut secara tersirat menggambarkan peristiwa malang yang diambil iktibar dengan penuh pengajaran. Namun tragedi tetap tragedi pada pemikiran ahli politik dan ahli korporat yang tamak kuasa dan harta. Keuntungan dan pembangunan perlu diteruskan. Tindakan untuk meneruskan perancangan memajukan kawasan Bukit Liburan dalam *NA* merupakan yang tersirat kepada keinginan para pemimpin dan ahli perniagaan yang terdiri daripada syarikat-syarikat besar untuk mempertahankan legasi perniagaan dan kekuasaan kepemimpinan.

Dalam tulisan Zalila Sharif (2012: 356) dinyatakan bahawa pengarang turut mengkritik sikap ahli politik yang hanya mendiamkan diri dengan pelbagai masalah rakyat dan negara. antara masalah yang sering berulang seperti masalah banjir yang disebabkan pembangunan yang terlalu pesat. Masalah ini disebut pengarang sebagai malapetaka pembangunan. Banjir demi banjir berlaku di taman ini, namun tiada apa yang dapat dilakukan kerana bukit-bukit telah digondolkan.

Demikian, pengaruh pihak yang berkuasa untuk mengekalkan kuasa digambarkan dalam *NA*. Secara tersirat, peristiwa yang berlaku diadun secara kreatif untuk memberi pengajaran kepada pembaca. Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu, peristiwa-

peristiwa yang berlaku sewajarnya dijadikan iktibar. Pengarang telah menggunakan bentuk penceritaan untuk menyampaikan pesan bermanfaat kepada masyarakat agar. Kepada para pemimpin pula, sewajarnya menggunakan kuasa dengan penuh kesedaran untuk kebaikan dan masa hadapan dirinya dan seluruh masyarakat yang dipimpinnya.

5.5.2 Peristiwa Berkaitan Propaganda dan Politik

Terdapat beberapa peristiwa dalam novel *NA* sebagai propaganda pihak tertentu untuk mempengaruhi pihak yang lain. Propaganda merupakan mesej-mesej bersepadu yang bertujuan mempengaruhi pendapat atau kelakuan orang ramai. Menurut Jowett dan O'Donnell (2012: 3), propaganda adalah cubaan sengaja yang sistematik untuk membentuk persepsi, memanipulasi kognisi, dan mengarahkan kelakuan agar mencapai maklum balas yang melanjutkan tujuan yang diinginkan penyebarannya.

Menurut Jeniri Amir (2012: 323), selain propaganda melalui akhbar, buku politik juga memainkan peranan penting untuk melonjakkan imej pemimpin. Penulis buku politik begitu banyak dan mengambil kesempatan daripada perkembangan dan pergolakan politik. Mereka cuba menulis tentang pemimpin yang hendak mendapat tempat dalam parti. Propaganda yang dimaksudkan dalam perbincangan ini adalah beberapa peristiwa yang berlaku dalam novel *NA* yang dikaitkan dengan tindakan untuk mempengaruhi oleh satu pihak kepada pihak yang lain.

Terdapat beberapa ahli politik menggunakan medium penulisan untuk membawakan persepsi yang positif terhadap dirinya. Kejayaan seseorang ahli politik itu perlu disampaikan kepada masyarakat. Antaranya ialah melalui penulisan buku-buku politik. Buku-buku ini kebanyakannya menjurus kepada biografi atau tulisan yang menyatakan kejayaan dan kecemerlangan seseorang ahli politik itu. Namun demikian, terdapat buku-buku politik yang bertujuan untuk mengecam ahli politik tertentu, malah

ada yang bertujuan untuk menjatuhkannya dalam arena politik. Dalam novel ini, pengarang turut membawakan persoalan bagaimana seseorang ahli politik berusaha untuk menghasilkan buku politik, salah satu sebabnya sebagai propaganda kepartian dan juga meningkatkan imejnya. Terdapat dua cara yang digunakan oleh ahli politik ini dalam menghasilkan buku-buku tersebut. Yang pertama, ialah menulisnya sendiri manakala yang kedua, menggunakan penulis upahan.

Dalam *NA*, Aman Salikun, Menteri Wilayah Tiga Belas telah menghasilkan buku *Melayu Baru: Cabaran Abad Akan Datang*. Menurut Profesor Turab dalam novel tersebut, Melayu Baru hanyalah satu slogan, iaitu “suatu publisiti ahli politik tertentu untuk memanjangkan hayatnya dalam majlis tertinggi parti saja” (S. Othman Kelantan, 1997: 167). Hal ini dinyatakan kepada tiga orang wartawan, Kamarul Ariffin, Nurjana Halimi dan Najwa Salamun dari *Utusan Nagogho Astana*. Buku ini mengingatkan kepada sebuah buku yang hampir sama yang ditulis oleh mantan Menteri Besar sebuah negeri yang dalam novel ini dikenali sebagai Wilayah Tiga Belas. Buku itu diterbitkan ketika isu mengenai “Melayu Baru” hangat diperkatakan.

Dalam pada itu, ada juga penulis yang menggunakan buku politik untuk mengkritik pemimpin. Zahari Taslim, suami Siti Roziah Jailani menggunakan buku politik untuk mengkritik pemerintah. Isterinya sedar akan akibat daripada sikap suaminya yang suka memberontak dan mengkritik orang, termasuk pemerintah, maka peluang untuk menggunakan gelaran Datin, Datin Seri, Puan Seri dan Toh Puan adalah tipis, kerana “tulisanannya keras dan tajam”. Ini akibat daripada sikap suka mengkritik dan berseteru dengan kerajaan kerana menjadi amalan di negara itu untuk tidak menganugerahkan bintang dan gelaran kepada mereka yang tidak tunduk kepada pemikiran politik arus perdana, atau mereka yang cuba melawan arus. Di Nagogho Astana, hanya mereka yang menyokong dan mengampu sahaja berpeluang untuk mendapat bintang, manakala mereka yang menentang kemungkinan akan dikenakan

tindakan termasuk ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, selain dikenakan tindakan lain.

Secara tersirat, peristiwa penghasilan buku untuk kepentingan politik ini digunakan oleh pengarang untuk menegur sikap sesetengah pemimpin. Namun demikian, bukanlah satu keburukan atau bersifat negatif. Penghasilan buku sewajarnya disokong lantaran keperluan untuk merencanakan industri penerbitan dan percetakan. Namun demikian, penghasilan buku-buku politik lebih bersifat semasa dan tidak begitu banyak manfaat ilmu yang disumbangkan dalam buku-buku tersebut melainkan yang berkaitan dengan hal-hal politik dan isu-isu semasa. Tindakan-tindakan yang bertujuan untuk sesuatu seperti memenangi pilihanraya, mendapat gelaran dan jawatan, dan mencari populariti merupakan tindakan yang dicituskan sebagai peristiwa propaganda.

Isu Melayu Baru yang dibawa oleh pengarang dalam novel ini melalui tindakan penulisan seorang Menteri Besar, mengingatkan pada isu sekitar tahun 1990, yang mana isu ini telah dibawa dalam parlimen. Antara yang agak lantang membicarakan persoalan ini ialah Menteri Besar Selangor ketika itu. Peristiwa ini mempunyai kesinambungannya apabila isu berkaitan dengan Melayu Baru dibawa pada tahun-tahun seterusnya.

Selain buku-buku yang dihasilkan oleh ahli politik, buku-buku yang berkaitan dengan politik juga dihasilkan oleh penulis dalam kalangan rakyat biasa yang tidak terlibat dalam bidang politik kepartian secara langsung. Antaranya, penulis yang bertugas sebagai wartawan akhbar dan juga pengkaji dalam kalangan ahli akademik di universiti. Penghasilan penulisan sebagai peristiwa propaganda juga dibawa oleh pengarang melalui watak Noramli Salim, seorang pensyarah yang juga seorang penulis. Dipetik, “Dalam tempoh lapan tahun sejak dia melepaskan jawatan sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Nagogho Astana (UTENA), Fakulti Kemanusiaan, dalam

pengajaran sastera, sudah lima belas buku politik yang dihasilkannya” (S. Othman Kelantan, 1997: 53).

Dalam novel tersebut, walaupun sudah banyak menghasilkan buku politik, Noramli Salim sentiasa berwaspada. Keadaan dalam Nagogho Astana yang sukar diduga itu menyebabkan beliau beranggapan bahawa demokrasi yang dibanggakan juga tidak menyenangkan. Keadaan demikian menyebabkan Noramli Salim berhati-hati. Keadaan ini dibuktikan dalam petikan berikut:

Sekaligus demokrasi yang dibanggakan ini juga tidak menyenangkannya. Menulis mesti hati-hati juga. Kadang-kadang buku makan tuan. Habib Ghani al-Hindi, kawannya yang paling outspoken dan paling berani kena naik mahkamah.
(S. Othman Kelantan, 1997: 54).

Satu peristiwa pernah terjadi, seorang penulis senior bernama Habib Ghani al-Khindi pernah disaman di mahkamah kerana kelantangan dalam penulisannya. Secara simbolik, gambaran situasi demikian dan perbicaraan Habib Ghani tentang penulisannya dalam novel ini dapat disamakan dengan seorang penulis buku politik di Malaysia yang terkenal kerana kelantangannya yang dikenali juga sebagai Pak Habib, atau nama dalam penulisannya, Syed Hussein Alatas.

Senario penghasilan buku-buku politik juga menimbulkan pelbagai tanggapan daripada masyarakat umum, terutama yang mengikuti perkembangan politik semasa.

Hal ini dapat digambarkan dalam pengungkapan pengarang;

Kawannya ramai sekali. Golongan penulis semacamnya berlambak-lambak. Noramli Salim tidak peduli apa orang kata. Penulis nyamuk. Penulis pijat-pijat. Penulis ular sawa. Penulis biawak. Penulis cabuk. Penulis macam-macam. Lantaklah. Yang penting buku itu laris.
(S. Othman Kelantan, 1997: 54).

Dalam kalangan masyarakat sebenar di luar novel tersebut, suasana ini memang wujud. Gelaran “penulis nyamuk”, “penulis pijat-pijat” dan “penulis ular sawa” bukan ungkapan yang sering digunakan. Namun demikian, pengarang membawakan

pengungkapan tersebut untuk menggambarkan tanggapan masyarakat umum terhadap golongan penulis sedemikian. Bagi sesetengah penulis seperti itu, persepsi masyarakat yang juga membawa gelaran yang tidak baik itu tidak pun menggugat atau membantutkan hasrat untuk mereka terus melaksanakan kerja-kerja mereka. Selain sebagai propaganda untuk membawakan kebenaran pada pandangan mereka ataupun kelompok kepartian politik tertentu, penulisan buku-buku politik tersebut perlu diteruskan memandangkan itu merupakan sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan seharian, selain daripada kemungkinan yang akan memperoleh pendapatan yang lumayan.

5.5.3 Peristiwa Berkaitan Gejala Sosial

Punca segala keributan dalam diri seseorang manusia itu ialah kelemahan dalam diri yang akhirnya berlaku kesilapan. Kesilapan dan kelemahan tersebut dapat dirasakan setelah berlaku sesuatu peristiwa atau kejadian. Antara peristiwa yang menginsafkan sesetengah individu adalah peristiwa dalam masyarakat, yang juga dapat dikategorikan sebagai peristiwa gejala sosial.

Nagoh Astana sebuah negara membangun yang sedang dalam proses untuk menjadi sebuah negara maju daripada segi sarana, ekonomi dan industri. Namun demikian, kemajuan fizikal tidak berjaya diseiringkan dengan kemantapan akhlak, peribadi, sahsiah dan ketaatan terhadap nilai-nilai agama. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan berlakunya gejala sosial dengan bertambahnya golongan remaja yang kurang bermoral. Selain itu berlaku juga gejala sosial yang lain seperti perdagangan seks secara terbuka dan terhormat, pelacuran, jenayah kolar putih dan perlakuan seks bebas. Sikap manusia yang tamak akan kuasa juga menyebabkan berlakunya keruntuhan institusi keluarga, perlakuan *incest* yang semakin berleluasa dan pelbagai lagi bencana

sosial. Kemajuan fizikal yang turut diikuti dengan kepesatan teknologi seperti komputer dan jaringan dalam maya atau internet juga menjadi penyebab berlakunya gejala sosial. Gambaran yang dibawakan dalam novel ini, diungkapkan oleh pengarang sebagai gambaran secara tersirat yang berlaku dalam mana-mana negara khususnya negara dunia ketiga, negara menuju ke arah negara maju seperti Malaysia.

Permasalahan masyarakat yang dibawakan dalam novel ini adalah kisah kecurangan, masalah sosial, gadis liar yang dikaitkan gejala *bohsia*. Istilah “bohsia” merupakan bahasa pasar yang digunakan secara tidak rasmi untuk dimaksudkan kepada remaja perempuan yang agak liar perlakuannya. Dalam novel ini, antara permasalahan masyarakat yang berkaitan tentang keruntuhan akhlak dan maruah antaranya tentang peristiwa yang dialami oleh watak Adlina Ratnawati. Pengarang mengungkapkan, "Memang *accident* itu tidak terfikirkan. Sedar-sedar, penyesalan datang sebesar Gunung Tahan. Lalu menghempap kepalanya (S. Othman Kelantan, 1997: 61).

Maksud pengarang tentang *accident* atau kemalangan itu ialah ketelanjuran hubungan lelaki dan perempuan hingga kepada melakukan hubungan seksual atau bersetubuh secara haram. Kejadian tersebut merupakan satu perkara yang membuatkan Adlina Ratnawati menyesal. Peristiwa ketelanjuran hingga kepada perlakuan seksual yang dinyatakan oleh pengarang merupakan kritikan terhadap segelintir masyarakat yang bertindak di luar batasan hingga melakukan dosa besar iaitu berzina. Siratan kepada peristiwa ini adalah teguran pengarang terhadap masyarakat yang tidak takutkan hukum Allah. Selain itu, hal ini menggambarkan rendahnya nilai yang ada pada seseorang yang kesannya menunjukkan rendahnya juga nilai sesuatu masyarakat.

Dalam novel ini, peristiwa yang dipaparkan menjadi lambang terhadap gejala kemungkarannya perilaku dan psikososial. Peristiwa yang melihatkan permasalahan masyarakat digambarkan dari pelbagai peringkat pimpinan dan golongan atasan kemudian menjalar kepada rakyat umum. Unsur-unsur kritikan yang dibawakan dalam

novel ini juga merupakan suatu pandangan entiti kecil terhadap pelbagai isu masyarakat dalam sebuah sistem sosial. Pengarang turut menyuarakan bahawa usaha pembangunan insan di pusat pemulihan penagih dadah perlu dilengkapi dengan guru agama yang mampu membimbing penghuninya. Pengarang mahu meyakinkan pemerintah bahawa sejauh mana manusia melakukan kesilapan, dia masih mempunyai ruang untuk kembali ke pangkal jalan. Melalui watak Pak Su Hamid, pengarang membuktikan bahawa daripada seorang penagih, kini dia bergelar ustaz dan mampu mendirikan pusat pemulihannya sendiri. Pengalaman yang dilalui oleh Pak Su Hamid merupakan pengalaman yang berharga yang dialaminya hingga menjadikannya berazam kuat untuk membangunkan sebuah pusat pemulihan.

Secara tersirat berkaitan gejala sosial, beberapa peristiwa lain dibawakan oleh pengarang. Antaranya ialah peristiwa berlakunya jenayah kolar putih terutama dalam zaman yang semakin mencabar yang melibatkan teknologi. Dalam novel ini dipetik, “Jenayah kolar putih atau juga disebut sebagai *computer crime* yang sangat halus atau *subtle* ini memerlukan kepekaan dan kebijaksanaan para hakim dalam membuat keputusan” (S. Othman Kelantan, 1997: 244). Hal ini menunjukkan cabaran zaman moden turut seiring dengan cabaran masyarakat berhadapan dengan permasalahan jenayah dan lain-lain perlakuan yang negatif. Dalam novel ini juga dinyatakan tentang koridor multimedia yang secara simbolik dengan realiti yang terdapat di negara Malaysia mempunyai Multimedia Super Coridor atau Koridor Raya Multimedia (MSC).
Dipetik;

Pelaksanaan *Multimedia Super Coridor* (MSC) (di Malaysia ini wujud), koridor raya multimedia yang disokong dan ikut memajukannya oleh Jepun, Korea, Amerika, Kanada dan negara-negara Eropah, menyebabkan segala data maklumat dunia masuk seperti banjir ke Nagogho Astana.
(S. Othman Kelantan, 1997: 120).

Pembinaan MSC memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Namun demikian, tentunya unsur-unsur negatif yang dibawa bersama-sama teknologi ini agak

sukar dibendung. Secara tidak langsung, kesan-kesan yang buruk ini membawa kepada perlakuan negatif yang kemudiannya merebak kepada masyarakat. Walaupun segelintir yang berkelakuan demikian, namun kesannya buruk kepada masyarakat keseluruhannya. Pernyataan yang berkaitan dengan perlakuan negatif ini turut dibawakan oleh pengarang melalui peristiwa penulisan yang merupakan petikan khutbah yang disiarkan dalam akhbar harian, *Warta Astana*. Dalam khutbah itu disebut;

Pertumbuhan kemajuan material yang tidak seimbang dengan pertumbuhan spiritual, pertumbuhan kerohanian, terutama kerohanian Islam, hidup manusia akan menjadi pincang. Akan menjadikan manusia makhluk barangan.

(S. Othman Kelantan, 1997: 123).

Selain itu diungkapkan;

Inilah akibatnya sekarang. Kemajuan yang berat sebelah. Keduniaan atau kebendaan menonjol, sedangkan kefahaman Islam yang boleh membetulkan akhlak manusia, tercicir dalam pembangunan dan kemajuan negara.

(S. Othman Kelantan, 1997: 128).

Pengarang membuka perbincangan dalam pemikiran pembaca dengan pernyataan secara tersirat keadaan yang berlaku di negara Nagogho Astana. Di mana-mana negara di dunia ini, keseimbangan antara kemajuan ekonomi dengan kemajuan akhlak dan moral sentiasa dipertanyakan. Kekuatan yang perlu ada untuk menjaga, melindungi malahan dapat membanteras gejala negatif, tentulah kembali kepada kefahaman mendalam terhadap agama. Dalam konteks Nagogho Astana dari novel ini, mahupun Malaysia dan negara di Nusantara secara umumnya, merujuk kepada agama Islam.

Dirumuskan di sini bahawa kritikan secara Melayu yang dibawakan oleh pengarang melalui novel ini secara simbolik peristiwa dapat dikesani melalui tiga perkara utama iaitu melalui peristiwa untuk mempertahankan kekuasaan, peristiwa propaganda, dan gejala dalam masyarakat. S. Othman Kelantan banyak mengadunkan pengalaman dengan imaginasi serta realiti dan kreativiti hingga pada tempat tertentu sukar bagi kita untuk tidak menghubungkan kait dengan peristiwa dan tokoh yang wujud

dalam alam nyata di negara ini. Dari segi ini, karya tersebut merupakan hasil adunan pintar dan penuh kreatif, berdasarkan penyelidikan, pembacaan, pengamatan, dan pengetahuannya, tentang realiti sosiopolitik, akhbar, ekonomi dan bidang-bidang lain di negara ini.

Terdapat peristiwa yang berlaku membawa kepada keputusan diambil oleh pihak atasan yang mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar. Peristiwa Menteri Perdana mahu membeli senjata nuklear sebagai yang tersirat kepada keputusan yang berani. Demikian juga dengan Ketua Barisan Bertindak kerajaan yang lantang bersuara menunjukkan peristiwa tersirat untuk mengekalkan kekuasaan. Peristiwa keruntuhan tiga blok bangunan tinggi di sebuah bukit sebagai siratan kepada kejadian sebenar yang akhirnya hanya dianggap sebagai satu bencana alam. Pengarang menghadirkan pengucapannya secara tersirat melalui peristiwa-peristiwa tersebut secara bermakna kepada pembaca.

5.6 Makna Siratan Peristiwa Dalam Novel *Naratif Ogonshoto*

Analisis makna siratan peristiwa berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu diakhiri dengan novel *Naratif Ogonshoto (NO)*. Persoalan-persoalan yang dibawakan oleh pengarang novel ini bersifat sejagat namun persoalan politik yang dibincangkan relevan dengan masyarakat di Malaysia. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab analisis makna siratan perilaku, novel ini menggunakan sebuah latar tempat yang tidak wujud, namun secara fiksiyen tempat yang digambarkan amat dekat dengan sebuah negara di Kepulauan Melayu. Terdapat nama-nama yang digunakan seperti berdekatan dengan negara Jepun atau Korea. Peristiwa dan kejadian yang digambarkan dalam sesebuah novel memberikan makna siratan yang dapat dibincangkan. Terdapat banyak peristiwa yang

berlaku dalam novel ini, namun dipilih tiga peristiwa secara rangkuman yang mempunyai makna siratan berkaitan dengan politik dan masyarakat. Tiga makna siratan peristiwa dalam novel *NO* untuk dibincangkan ialah Peristiwa Berkaitan Kekuasaan dan Penjajahan, Peristiwa Berkaitan Pembunuhan dan Peristiwa Bencana Dan Kemusnahan.

5.6.1 Peristiwa Berkaitan Kekuasaan dan Penjajahan

Penjajahan Inggeris atau Barat ke atas Tanah Melayu walaupun berlangsung hanya selama lebih kurang satu abad namun bersifat amat menyeluruh. Mereka bukan sahaja menjajah tanah dan jasad penduduk tempatan, tetapi juga mental dan pemikiran yang menjadikan pengaruh mereka terhadap hampir seluruh jalur kehidupan tempatan amat tegar dan kental (Said, 1979: 213). Namun demikian, penjajahan bentuk penguasaan pemerintahan fizikal telah berubah kepada penjajahan yang lebih halus, bukan penjajahan fizikal. Penjajahan mental inilah yang merealisasikan fenomena yang diistilahkan sebagai hegemoni budaya, iaitu satu penjajahan budaya Timur oleh budaya Barat.

Noriah Taslim (2013: 6) menyatakan salah satu pengalaman tekstual yang menyentuh pemikiran semasa membaca novel ini ialah tentang beratnya muatan politik yang dikendongnya. Sesungguhnya sifat *ambiguous* novel ini, termasuk peristiwanya yang *legendaries* dan *mythical*, watak-watak tanpa nama, ruang geografi yang samar-samar rujukannya, garis masanya yang terbuka memungkinkan kita mensauhkan "kerajaan Ogonshoto" ini di mana-mana sahaja. Situasi politik di Ogonshoto boleh bersifat setempat boleh juga bersifat seantero alam. Kita juga membacanya secara ganda: literal mahupun *allegorikal* (mencari alusi politik di luar teks).

Dalam novel *NO*, satu bab dijudulkan sebagai "Kolonial". Secara keseluruhan bab ini bukanlah menceritakan tentang penjajahan kuasa dari Barat ke atas Timur.

Penceritaan dalam bab ini ialah tentang sejarah kelahiran dan cita-cita seorang Presiden. Walaupun Presiden merupakan seorang ketua, namun gambaran-gambaran yang dibawakan dalam novel ini membawa persamaan Presiden itu sebagai penjajah yang membawakan tanggapan masyarakat sebagai satu penjajahan. Antara peristiwa telah dilalui oleh Presiden yang dapat ditafsirkan secara tersirat sebagai tindakan penjajahan ialah menggunakan kuasa dan pengaruhnya untuk menguasai beberapa pihak bawahan.

Petikan di bawah membuktikan;

Menurut mereka ini, yang bicara sembunyi-sembunyi, belajar tidak mahu menyerah kalah, ada tujuh tembok ghaib mengelilingi Istana Presiden: semangat mahasiswa yang telah dicabut dan dipasak ke bumi, semangat nelayan yang telah dirantai ke tanah, semangat petani yang telah dibelenggu ke batu hitam muntahan gunung api, suara wartawan radikal yang hanya layak melindungi kaki bukit keliling Istana, suara seniman tulen yang hanya cocok memagar keliling pekarangan, empangan darah para pembangkang dan sederetan laung mangsa penyeksaan serta pembunuhan misteri.

(Anwar Ridhwan, 2001: 23).

Tujuh tembok ajaib mengelilingi istana Presiden yang dimaksudkan ialah kehilangan suara protes mahasiswa, nelayan yang patuh pada pemerintah, petani yang tidak dapat bersuara menentang, wartawan radikal yang tidak berdaya bersuara, seniman yang hanya mengangguk bersetuju, para pembangkang yang telah diaibkan dan nasib malang manusia bawahan yang tidak berupaya. Tujuh perkara ini merupakan kesan kekuasaan Presiden yang agak keras untuk menyelamatkan dirinya agar terus berkuasa. Secara tersirat, beberapa peristiwa telah berlaku secara terselindung di balik kemasyhuran Presiden Ogonshoto. Novel ini membawakan situasi kekejaman kekuasaan seorang Presiden di Ogonshoto yang disamakan dengan peristiwa-peristiwa kuasa penjajahan. Sesebuah negara yang dijajah, pada peringkat awal berlaku peristiwa penentangan. Ini dapat dibuktikan sendiri di Tanah Melayu (Malaysia) penentangan terhadap penjajah banyak berlaku. Antaranya hingga berlakunya pembunuhan Residen British, J.W.W Birch di Pasir Salak ekoran Perjanjian Pangkor 1874 yang tidak disenangi rakyat.

Tindakan yang bersifat “kolonial” dilihat apabila setiap penentangan terhadap kekuasaan Presiden, akan dibalas dengan penentangan yang lebih keras. Keadaan ini diungkapkan pengarang,

Berapa lama hayat politik kita? Hayat kita panjang kalau tiada penyakit. Hayat politik kita akan panjang kalau tiada penentangan. Oleh itu, setiap penentangan, seperti kuman yang berbahaya, mesti dihapuskan seawal mungkin dengan apa cara sekalipun.
(Anwar Ridhwan, 2001: 19)

Secara tersirat beberapa perkara tentang tindakan Presiden juga memberikan tanggapan buruk penduduk Ogonshoto. Antaranya diungkapkan, "Memanglah si tikus berkaki dua itu pencuri makanan yang licik. Dia menyelongkar tanpa berbunyi. Mencuri tanpa menghabisi. Menyorok tanpa jejak. Tidur tanpa dengkur (Anwar Ridhwan, 2001: 11). Gambaran sebagai “tikus” dan “pencuri” merupakan tanggapan yang muncul daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelumnya yang mungkin ada kaitannya dengan kekuasaan Presiden. Demikian juga dengan ungkapan, "Mereka mencari dan memberi gelar itu kepada Presiden. Entahlah, sama ada Presiden pernah terdengar gelar atau tidak. ‘Belut Selat Morauka’... ‘Dewa Badak’... ‘Monyet Hitam’... (Anwar Ridhwan, 2001: 7). Pengungkapan yang dibawakan oleh pengarang menunjukkan betapa tanggapan golongan bawahan yang berpandangan negatif terhadap tindakan Presiden hingga memberinya gelaran seperti Dewa Badak dan Monyet Hitam.

Mohamad Saleeh Rahamad (2013: 9) menyatakan *NO* memuatkan kisah-kisah perilaku Presiden Ogonshoto yang kejam demi mendapatkan kuasa dan mempertahankan kuasa menurut kaedah Machiavellisme. Presiden Ogonshoto pernah mendalami gagasan politik Machiavelli semasa belajar di Eropah. Dalam tesis Presiden, dia telah membahaskan kemunculan dan perkembangan faham demokrasi di Asia Pasifik atau lebih tepat dia mengkaji aspek kediktatoran.

Walaupun perbincangan berkaitan dengan peristiwa penjajahan difokuskan kepada tindakan Presiden telah membuka mata rakyat bawahan akan hakikat penjajahan

yang sebenar. Dalam sejarah pembinaan negara Malaysia, penjajahan telah berlaku sejak kedatangan Portugis, kemudiannya Belanda, seterusnya British dan berselang dengan Jepun dan British kembali. Ancaman daripada ideologi komunis juga merupakan satu bentuk cubaan untuk menjajah yang membahayakan. Kuasa-kuasa penjajah ini selalunya kuat, bijak dengan strategi dan mempunyai keupayaan fizikal seperti senjata, kewangan, ketokohan dan lain-lain. Peristiwa yang dilakukan oleh Presiden dalam *NO*, dengan tanggapan rakyat terhadap tokoh tersebut membawa makna-makna tersirat penjajahan dan kolonial dalam bentuk baru, yakni penjajahan pemikiran.

5.6.2 Peristiwa Pembunuhan

Terdapat beberapa peristiwa dalam novel ini yang dikelompokkan sebagai pembunuhan. Makna siratan peristiwa pembunuhan juga yang mempunyai kaitan dengan menunjukkan amalan berburu yang secara tradisional telah wujud sekian lama. Secara tersirat juga, pemburuan diamalkan dalam konteks politik, yakni yang lemah akan tetap menang manakala yang lemah akan berada di bawah ataupun mengalami ketewasan.

Dalam bab “Jeneral” Wakil Dewan Kepresidenan (DK), seorang jeneral bersara, dan seorang pegawai kerajaan bermain politik untuk mendapatkan kuasa. Jeneral bersara, dan pegawai kanan itu berebut tempat Wakil DK yang sudah tua dan uzur, lalu mereka mengatur strategi sulit untuk mengembangkan pengaruh. Misalnya Jeneral telah memihak kepada parti pemerintah untuk menentukan peluang pada masa akan datang; ini samalah dengan tindakan Presiden pada peringkat awal menyertai politik di Ogonshoto. Namun begitu, Wakil DK juga mempunyai strategi yang licik dengan memerangkap kedua-dua saingannya itu sehingga mereka saling berbunuhan sedangkan dirinya kekal sebagai calon yang tidak disenangi. Wakil DK telah bertindak “baling

batu sembunyi tangan”, iaitu dengan membunuh salah seorang pesaingnya melalui tangan orang lain. demikianlah cara kematian pegawai kanan yang *ambitious* itu apabila ditembak oleh Jeneral dalam satu pertemuan makan malam yang dirancang oleh wakil Dewan Kepresidenan.

Perbuatan membunuh penentang melalui orang lain turut diterapkan dalam tindakan Presiden membunuh seorang aktivis melalui tindakan seorang komandan. Kisah yang dibentangkan dalam bab “Kamera” dipaparkan mengikut logik cereka semata-mata, tanpa mengambil kira logik realiti kerana kebolehan sebuah kamera merakam peristiwa yang telah berlalu. Kisahnya tentang seorang komandan tua yang berasa bersalah menjelang hari tuanya kerana membunuh seorang aktivis hak asasi manusia atas perintah Presiden. Kerana dibayangi dosanya itu, dia tertekan lalu membuat iklan untuk memohon maaf atas segala dosanya. Beberapa orang dari pejabat Presiden datang lalu membawanya ke tempat lain kerana bimbang rahsia Presiden akan terbongkar. Kaedah yang sama digunakan oleh Presiden ketika menghapuskan seorang penentangannya dari Runakita dalam bab “Hering”.

Dalam bab “Mainan”, Presiden telah menjadikan anak angkatnya sebagai buruan seperti binatang untuk dibunuh. Tindakan Presiden itu sangat kejam kerana dia tidak mempunyai sebab yang munasabah untuk membunuh anak angkat yang dididiknya dengan pelajaran itu. Anak angkat itu berasal dari Banaba hanyut di lautan yang terdampar di pantai Tubua lalu dirawat dan dijadikan anak angkat oleh Presiden. Tindakan Presiden itu mendapat pujian daripada rakyat kerana sikap perikemanusiaannya. Namun demikian, setelah anak angkatnya tinggal di istana dia dijadikan seperti hamba dan akhirnya menjadi permainan untuk dibunuh. Hal ini mungkin disebabkan dua faktor. Pertama, Presiden tidak mempedulikan sesiapa sahaja untuk menjadi mangsa buruannya kerana memang sifatnya kejam. Kedua, mungkin juga dia ingin mengekang atau menghancurkan orang yang berpotensi merugikan dirinya.

Hal ini demikian kerana anak angkatnya itu berasal dari Banaba iaitu tempat yang mempunyai sejarah penentangan terhadap kolonial yang sangat kuat. Oleh itu pemuda itu mungkin akan menjadi penentangannya satu hari nanti.

Bab “Hering” merupakan bahagian yang membawa penceritaan daripada peristiwa pembunuhan. Dalam bab ini peristiwa pembunuhan ini dirancang dengan baik oleh politikus muda manakala hal itu disedari oleh anak mangsa yang dibunuh. Namun kehebatan politikus yang berpengalaman membuktikan bahawa dia seorang yang digeruni. Seperti katanya, “Ya, setiap kali aku pergi berburu, pasti ada yang mati” (Anwar Ridhwan, 2001: 118). Kemudian digambarkan kemunculan burung hering sebagai petanda kepada kematian seperti digambarkan, “Pemburu muda mendongak ke awan. Dia menyedari kehadiran beberapa ekor burung hering, sedang berlegar-legar mengembang sayap di bawah awan kelabu (hal. 122). Dipetik juga dalam novel ini bahawa hering adalah burung yang digambarkan ganas dan kejam, “Hering memang burung dari neraka,” kata pemandu bot sambil memandang isi kolek balok (hal. 128).

Selepas politikus tua dibunuh politikus muda, satu lagi pembunuhan sebagai balasan dendam oleh anak politikus tua. Peristiwa ini digambarkan;

Mereka mula mendengar wanita itu seperti mengerang. Dalam bayangan mereka, anak perawan itu sedang menggerak-gerakkan badannya di atas sekujur mayat yang diam kaku; tidak ubah seperti gerak seekor hering mematuk-matuk bangkai yang tidak memberi reaksi.
(Anwar Ridhwan, 199: 137).

Bab lain dalam novel ini juga membawakan peristiwa yang memperlihatkan makna siratan peristiwa. Antaranya bab “Pentafsir” yang membawa kisah tentang perlawanan melibatkan resi tentang ikan-ikan hiasan dan yang tersirat tentang jaya atau gagal seorang pahlawan dalam memenuhi kehendak pemerintah.

5.6.3 Peristiwa Bencana dan Kemusnahan

Kekejaman yang tanpa batasan akhirnya akan membawa kehancuran. Beberapa peristiwa kemusnahan dalam novel ini ditafsirkan dari secara tersirat. Peristiwa kehancuran dan kemusnahan akibat bencana ini digambarkan oleh Anwar Ridhwan melalui bahagian epilog novel ini yang berjudul “Tsunami”.

Bencana tsunami telah melanda Ogonshoto sebagai makna siratan kepada kehancuran fizikal sebuah negara atau lokasi pemerintahan yang terlalu banyak menyalahi hukum normal hidup masyarakat yang bermoral. Tafsiran di sini bahawa alam tidak dapat menerima manusia yang hidup melanggar sistem normal yang diperintahkan agama. Balasan bencana dari Tuhan ini merupakan makna siratan peristiwa untuk menyedarkan manusia agar kembali ke jalan yang benar. Pengungkapan berkaitan bencana tsunami ini tsunami ini, antaranya, “Di darat, apabila kami bertemu untuk pertama kali dengan nakhoda dan para penumpang bahteranya, peristiwa *tsunami* itulah yang mual-mula kami perkatakan (Anwar Ridhwan, 2001: 190).

Selain itu, dalam novel ini juga diungkapkan kejadian bom asap yang berlaku di istana Presiden. Dipetik, “Mereka terbayang peristiwa cemas itu semula, ketika tiba-tiba tabir asap kuning tercipta – memisahkan kumpulan demonstran dengan lelaki tua dan anggota angkatan bersenjata (Anwar Ridhwan, 2001: 54).

Bom asap dan tsunami merupakan siratan berkaitan peristiwa bencana dan kemusnahan. Selain itu antara yang telah diperkatakan dalam tulisan Mohamad Saleeh Rahamad (2013: 16) membincangkan bab “Iceberg” yang mana terpapar konspirasi dalam negara yang memberikan keuntungan besar kepada sebilangan orang melalui projek mega, menarik dua bongkah iceberg dari kutub selatan ke Ogonshoto yang akan dilanda kemarau. Seorang wartawan televisyen daripada Japan News Network

berpendapat Ogonshoto tidak perlu mengeluarkan belanja yang besar begitu seandainya kerajaan Ogonshoto bijaksana dalam menguruskan alam sekitar, terutama kawasan tadahan hujan di Gora-Gora, Rai-Rapa dan Futu-Ata. Tetapi siaran itu hanya didengari oleh beberapa orang penduduk Ogonshoto, termasuklah pengikut Presiden, yang segera menutup siaran itu.

Namun demikian, sampai akhir cerita aisberg itu tidak sampai ke Ogonshoto. Rakyat menunggunya dengan penuh harapan. Hanya seorang tua yang berusaha keras mengorek perigi besar dan memasak garam untuk membenihkan hujan akhirnya memperoleh manfaat. Di sinilah wujudnya wacana balas terhadap penyelewengan Presiden. Usaha meganya tidak mendatangkan hasil sedangkan usaha gigih seorang tua membuahkan hasil yang setimpal. Mohamad Saleeh Rahamad (2005: 78) turut menyentuh unsur kepercayaan karut ini diterapkan dalam Bab “Pentafsir” dengan kejadian ikan paus mati di pantai Aitu dan debu gunung berapi yang membawa alamat buruk iaitu, kisah kehadiran ikan paus mati itu berlawanan dengan ikan paus yang menyelamatkan Nabi Yunus a.s. Begitu juga halnya dengan penyu raksasa yang bergerak dari tempatnya di lautan yang menandakan gempa bumi akan berlaku (tsunami). Haiwan air sebagai pemberi alamat buruk ini juga terdapat dalam Hikayat Hang Tuah yang memunculkan buaya putih.

Kekejaman Presiden Ogonshoto akhirnya tidak bertahan lama kerana unsur *poetic justice* ditimpakan ke atas negara tersebut. Dalam bab “Bahtera” gunung-gunung berapi Ogonshoto meletup dan mengakibatkan taufan Tsunami lalu memusnahkan kepulauan tersebut. Selain itu tukang masak wanita yang menyamar sebagai lelaki telah mencampurkan daging manusia yang menghidap penyakit kelamin (virus) dalam masakan kerana tidak berpuas hati terhadap orang-orang Presiden. Akibatnya orang-orang istana keracunan. Ada antara mereka ingin juga menaiki bahtera untuk melepaskan diri daripada bencana alam. Akhirnya, walaupun tidak dinyatakan, Presiden

turut terkubur di Ogonshoto, sama ada oleh penyakit yang disebabkan oleh tukang masak mahupun oleh bencana alam. Peristiwa pembinaan bahtera menyelamatkan banjir mengingatkan tentang kejadian yang dinyatakan dalam al-Quran apabila Nabi Noh a.s diperintahkan oleh Allah agar membina kapal untuk menghadapi banjir besar.

5.7 Rumusan

Setiap peristiwa yang dalam sesebuah novel penting untuk menggerakkan penceritaan dan perkembangan watak-watak. Setiap cerita mempunyai kepentingannya. Peristiwa-peristiwa tersebut memberikan makna untuk ditafsir dengan perkaitan kehidupan realiti masyarakat.

Rajah di bawah memperlihatkan pembahagian makna siratan peristiwa yang dibincangkan.

Novel	Pembahagian Makna Siratan Peristiwa
<i>Sebelas Rejab</i>	Peristiwa Pembunuhan dan Racun - Rafeah dan Jalal diracun Peristiwa Berkaitan Perjudian - Jalal berjudi Peristiwa Berkaitan Hutang dan Dendam - Hutang wang - Perasaan dendam
<i>Anak Mat Lela Gila</i>	Peristiwa Berkaitan Keganjilan dan Kegilaan - Keganjilan Mat Lela - Kegilaan dunia Peristiwa Pengembaraan - Bulat ke Mekah Peristiwa Berkaitan Penjajahan - Penjajahan Inggeris - Kehebatan Empayar Melayu
<i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>	Peristiwa Perpecahan Masyarakat - Parti Bumi Bersatu (PBB) - Parti Seruan Suci (PSS)

	Peristiwa Gerakan Berdakwah - Kegiatan masyarakat di masjid Peristiwa Berkaitan Kematian - Masjid roboh - Su Usul semakin uzur - Goh akan mati - Bedul kemalangan
<i>Nagogho Astana</i>	Peristiwa Mempertahan Kekuasaan - Keberanian Menteri Perdana - Amin Zuhdi penyokong kuat kerajaan - Keruntuhan di Bukit Liburan Peristiwa Berkaitan Propaganda dan Politik - Perjuangan penulis buku politik - Gelaran penulis nyamuk Peristiwa Berkaitan Gejala Sosial - Masalah sosial anak muda - Jenayah kolar putih
<i>Naratif Ogonshoto</i>	Peristiwa Berkaitan Kekuasaan dan Penjajahan - Kuasa dan pengaruh Presiden - Penjajahan Barat ke atas Timur Peristiwa Berkaitan Pembunuhan - Pegawai kanan ditembak Jeneral - Anak angkat Presiden - Politikus tua dan politikus muda Peristiwa Bencana dan Kemusnahan - Tsunami - Bom asap - Aisberg

Rajah 4: Pembahagian Makna Siratan Peristiwa dalam Lima Buah Novel

Pengungkapan yang dihuraikan dengan tafsiran makna menunjukkan dekatnya pengarang dengan situasi sekeliling dan masyarakatnya. Karya yang baik bukan sekadar untuk tujuan menghiburkan pembaca dengan kisah-kisah dan penceritaan, tetapi membawa kepada unsur pengajaran, sindiran dan tentunya kritikan kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat golongan, daripada pihak yang berkuasa hingga kepada rakyat biasa peringkat bawahan. Peristiwa-peristiwa yang dibawakan oleh pengarang seharusnya membuka mata masyarakat untuk dilihat secara simbolik dan dikaitkan dengan situasi semasa.

Dalam *Sebelas Rejab*, pengarang membawakan peristiwa pembunuhan dan racun, peristiwa berkaitan perjudian dan peristiwa berkaitan hutang dan dendam. Manakala dalam *Anak Mat Lela Gila* peristiwa menunjukkan keganjilan dan kegilaan, peristiwa pengembaraan dan peristiwa berkaitan penjajahan. Seterusnya dalam *Tunggul-tunggul Gerigis* pula dibawakan peristiwa perpecahan dalam masyarakat, peristiwa gerakan berdakwah dan peristiwa berkaitan kematian. Ketiga-tiga novel tersebut berada dalam zaman yang mana masyarakat pedesaan menghadapi survival untuk meneruskan kehidupan, namun tidak dapat mengelak daripada berlakunya pelbagai peristiwa terutama yang berkaitan politik.

Nagogho Astana dan *Naratif Ogonshoto* merupakan novel moden yang menggunakan latar perbandaran dan survival masyarakat pascamerdeka. Dalam *Nagogho Astana* dibincangkan peristiwa mempertahankan kekuasaan, peristiwa berkaitan propaganda dan Politik serta peristiwa gejala sosial. *Naratif Ogonshoto* membawakan banyak peristiwa dibawakan oleh pengarang yang dibincangkan melalui peristiwa berkaitan kekuasaan dan penjajahan, peristiwa pembunuhan dan juga peristiwa bencana dan kemusnahan.

Peristiwa-peristiwa yang dilalui masyarakat antaranya berkaitan politik sepanjang zaman tidak dapat dipisahkan tentang kekejaman, kejahatan, dan isu-isu semasa yang tidak terjangka sebagai cabaran serta iktibar kepada masyarakat.

BAB 6: MAKNA SIRATAN UNSUR ALAM

6.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan analisis aspek makna siratan unsur alam dalam lima buah novel Melayu yang dibincangkan iaitu novel *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. Perbincangan makna siratan unsur alam merupakan antara ciri utama dalam Gagasan Kritikan Melayu yang dicetuskan oleh Syed Othman Syed Omar atau S. Othman Kelantan. Dalam penghuraian prinsip dalam teori tersebut dinyatakan bahawa Kritikan Melayu disampaikan oleh pengarang menggunakan imej alamiah, peristiwa dan kejadian. Imej alamiah yang dimaksudkan itu adalah sama dengan makna siratan unsur alam yang dibincangkan dalam bab ini.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Hassan Ahmad (2003: 1) bahawa manusia ialah makhluk pencipta makna dan pencipta lambang, maka melalui proses konseptual yang dibentuk oleh minda manusia. Manusia yang hidup secara bermasyarakat dapat mentakrif dirinya, kemudian menanggapi alamnya. Tanggapan terhadap alam membuat individu ini peka dengan sekitarnya lalu membentuk pandangan hidup sejagat. pandangan hidup yang semakin kukuh ini kemudiannya dapat mencipta tamadunnya sendiri.

Orang Melayu menghayati suatu cara hidup yang dianggap unggul dari segi mata pandangan moden semasa. Antara manifestasi keunggulan tersebut ialah unsur yang terkandung dalam pandangan alam (*weltanschauung*) dan budaya alam bangsa Melayu (Hairudin Harun, 2001: 10). Bagi orang Melayu tradisional, mereka melihat alam tabii ini sebagai penuh makna, simbolisme, gurindam dan syair. Seterusnya menurut Hairudin, ciri keunggulan lain ialah orang Melayu tradisional juga boleh dikatakan

hidup berteraskan prinsip harmoni dengan alam. Keharmonian ini dihayati melalui ritual dan manifestasi kebudayaan. Manifestasi kebudayaan tersebut biasanya digariskan oleh semiotik tabii dan kosmologi kebudayaan yang diwarisi dan dimantapkan generasi demi generasi. Hampir tidak ada langsung manusia Melayu tradisional yang akan menidakkan kosmologi mereka, walaupun kepercayaan dan pandangan alam mereka dianggap bertentangan dengan kenyataan moden atau pandangan sains.

Masyarakat Melayu sangat dekat dengan alamnya. Tafsiran tentang alam akan menjelmakan ungkapan berbentuk perlambangan, kiasan dan perbandingan. Unsur alam dalam pengungkapan Melayu terserlah dalam pantun. Selain penggunaan perlambangan secara tersirat dengan kaedah metafora, terdapat pengungkapan yang menggunakan peribahasa Melayu. Antaranya ialah “pucuk dicita ulam mendatang” dan “Pipit tak akan boleh telan jagung” membuktikan kepekaan pengarang kepada tradisi pengungkapan Melayu secara turun-temurun.

Pandangan S. Othman Kelantan (1998: 87) mengaitkan semua bentuk peribahasa dan simpulan bahasa bersifat alamiah. Perhubungan manusia Melayu dengan alam *flora* dan *fauna* amat erat. Penutur awalan yang bijaksana telah mencipta luahan perasaan mereka melalui penelitian dan pemerhatian terhadap alam, dan disesuaikan dengan kelakuan manusia. Ratusan peribahasa Melayu tersebar di kalangan masyarakat Melayu dan mereka mengetahuinya sebelum dibukukan seperti sekarang. Peribahasa mewujudkan kewajaran dan kesederhanaan dalam melahirkan kritikan terhadap masyarakat atau perseorangan, dan mempunyai estetika kesusasteraan yang amat tinggi nilainya.

Manusia sebagai makhluk yang dianugerahkan dengan kebolehan akal untuk berfikir, dan dengan kelebihan-kelebihan yang dianugerahkan Tuhan cepat peka akan ciptaan alam yang luas terbentang. Kejadian langit yang luas di cakerawala, dengan bumi dan tanah yang diduduki, persekitaran alam dengan tumbuh-tumbuhan dan

haiwan-haiwan membuat manusia rasa bersyukur dan berfikir tentang penciptaan yang Maha Besar itu. Manusia dapat hidup dengan tenang mengikut aturan agama dan panduan budaya masing-masing. Kepekaan terhadap alam ini telah menyebabkan manusia-manusia yang berfikir, dapat mencipta perlambangan, perbandingan atau analogi untuk panduan meneruskan kehidupan agar lebih bermakna. Dalam hal ini, pandangan manusia Melayu yang mencetuskan perlambangan, metafora, kiasan dan seumpamanya ini, tentu sahaja berpandukan ajaran Islam yang mengakui Allah s.w.t itu Pencipta alam ini dan Nabi Muhammad s.a.w sebagai penyampai ajaran Islam yang suci. Pandangan tentang alam ini turut berkait dengan istilah kosmologi.¹

Kosmologi atau dalam bahasa Inggeris, *cosmology*, adalah gabungan daripada dua perkataan, *cosmos* bermaksud alam semesta atau dunia yang teratur dan *logos* bermaksud “penyelidikan tentang” atau “asas-asas rasional daripada” yang berasal dari bahasa Yunani. Kosmologi satu kajian berkenaan evolusi dan struktur alam semesta yang teratur yang ada masa kini (Abdul Rahman, 1995: 1).

S. Othman Kelantan membincangkan teks *Sejarah Melayu* dengan menyatakan bahawa Sultan Mahmud Syah menitahkan Tun Mamat, Penghulu orang Indera Giri, merentas jalan untuk mudah diikuti oleh Laksamana Hang Tuah dan Sang Setia (Hang Jebat) ke Gunung Ledang itu. Laksamana dan Sang Setia tidak larat mendaki, hanya separuh gunung saja. Oleh sebab Laksamana dan Sang Setia tidak dapat mendaki ke kemuncak, maka Tun Mamat yang dikatakan sampai ke kemuncak Gunung Ledang telah bertemu dengan satu taman, terlalu indah-indah perbuatan taman itu”. Dalam “taman” yang ditemuinya itulah kemudian Tun Mamat memberitahu Sultan Melaka, bahawa Puteri Gunung Ledang melalui inangnya Dang Raya Rani, telah menerima

¹ Kamus Webster pula mentakrifkan kosmologi sebagai teori atau falsafah mengenai kewujudan dan prinsip-prinsip alam semesta, manakala kamus Oxford dengan ringkas menyebutnya sebagai sains dan teori alam semesta. Kosmologi berkait rapat dengan pandangan dunia atau world view. Hal ini, kerana kajian mengenai pandangan dunia merupakan suatu percubaan untuk mengkaji bagaimana suatu kelompok manusia memandang alam “natural” dan alam “supernatural”, serta masyarakatnya dan juga diri mereka sendiri (Abdul Rahman, 1995: 1).

peminangan Sultan Melaka dengan beberapa syarat. Antara syarat atau isi peminangan itu ialah sebuah jambatan emas dan sebuah jambatan perak daripada Melaka ke Gunung Ledang, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, darah Sultan Melaka semangkuk dan darah anak raja semangkuk. Tun Mamat juga memberitahu Sultan Melaka, dalam taman itu ada rumah diperbuat dari tulang dan atapnya diperbuat daripada rambut manusia, dan dia juga telah “mendengar” bunga mawar berpantun, iaitu:

Sana sini gigi menimang,
Hendak makan ikan dalam telaga;
Lagi lemak telur berlinang,
Sisiknya lekat kepada dada.

Kemudian pantun itu dijawab oleh Bunga Tanjung Biru, dengan katanya:

Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada;
Adakah gila bagimu tuan,
Burung terbang dipipiskan lada?²

Pantun ini disampaikan oleh Tun Mamat kepada Sultan Mahmud Syah, dan akhirnya Sultan menjawab, “Semuanya kehendaknya itu dapat kita adakan; mengeluarkan darah itu tiada dapat, kerana tiada sampai hati kita, melainkan berhentilah dahulu.” Peminangan yang terakhir ini menyebabkan Sultan Melaka mengundurkan niat nafsu serakahnya.

Keindahan “taman” imaginasi Tun Mamat itu menonjolkan suatu kritikan yang amat tajam terhadap kezaliman dan tidak berakalnya Sultan Melaka. Bayangkan rumah diperbuat daripada tulang manusia dan rambut manusia, sebagai betapa ramainya manusia telah dibunuh atas sebab-sebab tidak masuk akal. Dang Raya Rani yang bongkok tiga menggambarkan imej bahawa manusia di Melaka amat menderita oleh kezaliman. Apa lagi dua buah pantun yang wujud daripada imaginasi Tun Mamat jelas

² *Sejarah Melayu*, hal. 176-178

menyindir Sultan Melaka. Sultan Melaka dikatakan “lagi lemak telur berlinang,” iaitu penuh nafsu, berkeinginan kuat, tetapi nampaknya sekarang “sisiknya lekat kepada dada,” ertinya tidak berjaya, kecewa dan mendapat aib. Kritikan lebih tajam lagi dalam pantun kedua yang dikatakan “adakah gila bagimu tuan/ burung terbang dipipiskan lada?” Maksudnya kehendak Sultan Mahmud Syah itu tidak masuk akal sama sekali. Mana mungkin ada seorang tuan puteri di atas Gunung Ledang yang penuh hutan rimba dan tidak pernah didaki oleh manusia. Kehendak Sultan Mahmud Syah itu dianggap gila dan tidak siuman.

Selain dalam karya tradisional, pengungkapan tersirat menggunakan bahan atau benda atau lebih luas perkara yang berkaitan alam yang terbentang ini begitu banyak dalam karya-karya moden, khususnya novel.

Berkaitan pengungkapan berkaitan unsur alam tersebut, kajian Norhayati Ab Rahman (2012: 53) berkaitan kepengarangan wanita, beliau memetik pendapat Joyce Carol Oates yang menyatakan bahawa gaya penulisan wanita mungkin cenderung memuatkan propaganda terhadap isu-isu wanita. Moers dalam kajiannya, menyatakan bahawa pengarang wanita amat cenderung menggunakan perlambangan atau metafora yang dimanfaatkan daripada alam semula jadi. Semua makhluk alam ini seperti bunga-bunga, serangga, binatang dan yang lain-lain yang digunakan oleh wanita sebagai metafora dalam penulisan. unsur yang paling berkesan bagi Moers ialah penggunaan metafora burung.

Dalam puisi moden, siratan unsur alam dibincangkan dengan mengaitkan dengan metafora alam. Hal ini dibuktikan dalam kajian Zurinah Hassan (2001: 32) dengan menyatakan alam jagat raya merupakan sumber metafora yang paling dominan di dalam puisi Melayu. Penyair amat akrab dengan alam seperti laut, sungai, gunung, awan, matahari, hujan dan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan. Sehubungan dengan itu, H.B. Jassin (1968: 114) menyatakan, “Seniman yang halus perasaannya sangat rapat

hubungannya dengan alam sekitar. Dalam angan-angannya alam itu hidup juga dan tumbuh-tumbuhan, batu-batu dan bunga-bungaannya baginya ialah makhluk yang bernyawa. Para penyair sering menjadikan unsur alam sebagai alat untuk menyampaikan pemikiran, nasihat, kritikan dan sebagainya dalam bentuk metafora. Ahli falsafah Itali Giambattista Vico menyifatkan kaedah pembinaan metafora seperti ini sebagai *anthropomorphic metaphore* (metafora antropomorfis) (Ullman, 1983: 84).

Menurut Muhammad Haji Salleh (2012: 11), sebagai hasil pemerhatiannya dan juga kepercayaannya, manusia Melayu membina struktur cakerawalanya, atau kosmologinya. Setiap hari dilihatnya langit, dalam langit itu diperhatikan pergerakan dan kuasa matahari. Pada malamnya pula ditatapnya pergerakan bulan dan bintang. Seterusnya Muhammad Haji Salleh (2012: 12) menyatakan, “Dia (manusia Melayu) belajar membaca persamaan, perbezaan, kelainan, keunikan, rentak dan ulangan alam. Dia belajar daripada wajah dan wataknya, daripada keabadian batu dan juga silih berubahnya wajah air dan langit.”

Berikut adalah analisis pengungkapan yang mengandungi makna siratan unsur alam dalam lima buah novel yang dipilih.

6.2 Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel *Sebelas Rejab*

Novel *Sebelas Rejab (SR)*, antara prosa moden terawal yang mengangkat persoalan kehidupan manusia moden, menggunakan latar realiti iaitu di negeri Kelantan dan Terengganu. Dalam novel ini dapat dikesani gambaran pengarang tentang kehidupan masyarakat dengan pengaruh pegangan yang apa padanya serta suasana politik ketika itu. Unsur-unsur alam yang melingkungi kehidupan tentu sahaja tidak dapat dipisahkan. Dalam *SR*, makna siratan unsur alam yang dibincangkan adalah Makna Siratan Tanah, Keris dan Harta dan Lain-lain.

6.2.1 Tanah

Tanah merupakan unsur alam yang penting dalam novel ini. Naratif novel bergerak bermula dengan persoalan tanah. Pengarang mengaitkan perjanjian lama di negeri Kelantan tentang perjanjian tanah membuktikan unsur ini dibawakan oleh pengarang secara serius kepada pembaca. Tanah merupakan harta pusaka turun-temurun dan merupakan bukti seseorang yang mempunyai harta dan maruah yang baik dipandang orang lain.

Seperti yang diperkatakan oleh Abdul Rahman al-Ahmadi (1994: 111) dalam mempersoalkan masalah sosial, ekonomi dan politik, Abdul Kadir Adabi turut mengaitkan faktor sejarah. Dalam novel-novelnya, beliau menekankan faktor sejarah sebagai bahan penting. Dalam *SR*, beliau menulis mukadimah yang mengandungi maklumat penting tentang perjanjian sewa tanah antara kerajaan Kelantan dengan sebuah syarikat asing di Bangkok, Thailand. Dalam catatan kaki novel itu, Abdul Kadir Adabi menyatakan bahawa beliau tidak mengubah atau meminda sedikitpun, sama ada ibarat tulisan atau ejaan kalimat itu daripada asalnya seperti dinyatakan pengarang.

Dinyatakan bahawa, “Surat yang tersebut ini ejaan-ejaannya tiada diubah daripada asalnya, tetapi hari bulan dan terasulnya yang panjang itu sengaja dihilangkan kerana difikir lebih baik diperbuat begitu di dalam riwayat ini” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 2).

Situasi yang diwujudkan oleh pengarang pada awal novelnya malahan menjadikan sebahagian daripada perjanjian itu dalam naratif menunjukkan bahawa tanah pusaka boleh menyebabkan berlakunya pergaduhan. Berdasarkan perjanjian yang dikaitkan dalam novel ini, tindakan menyewa tanah kepada orang asing atau dalam konteks politik bermaksud menyerahkan penguasaan tanah itu penjajah. Secara tersirat, dalam *SR*, watak Rafeah diumpamakan sebagai warga tempatan yang memiliki tanah manakala Jalal yang bertindak menyewa dan mengahwini Rafeah diumpamakan sebagai penjajah yang datang untuk menguasai dan memiliki tanah tersebut. Rafeah digambarkan lemah secara sinikal seperti individu atau masyarakat yang dijajah. Kekurangan usaha dan ikhtiar menyebabkan harta yang dimiliki dikuasai oleh orang lain. Pengungkapan pengarang tentang Rafeah dan tanah yang dimilikinya seperti berikut:

Rafeah sungguhpun mempunyai banyak tanah-tanah pusaka dirinya seorang perempuan, sebijak-bijak dan sependai perempuan di dalam kira bicara maka tidaklah dapat mengalahkan laki-laki yang pandai yang telah berkemahiran dengan tiap-tiap suatunya oleh sebab itu ia tidaklah percaya sangat kepada kebolehannya pada menjaga dan mengawali apa lagi membuat kemajuan-kemajuannya.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 38).

Tanah sebagai unsur yang dikaitkan dengan harta dan maruah mengingatkan agar hak tersebut dijaga dengan baik dan dipertahankan. Perkaitan yang lebih luas, semangat cintakan negara dapat dipupuk di sini agar menyayangi tanah (tanah air tempat kelahiran) agar tidak dikuasai oleh orang asing ataupun penjajah. Sebagai warga yang memiliki tanah sebagai harta pusaka, kemestian yang perlu dilakukan adalah menjaga, mengurus dan mempertahankannya.

Dalam situasi semasa, tanah sangat penting dimiliki oleh setiap orang untuk melangsungkan kehidupan. Dengan mempunyai tanah, rumah akan dapat dibina malah

aktiviti lain seperti bertani juga boleh dilakukan. Tanah yang luas membolehkan aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan dapat dijalankan. Kepentingan tanah dalam konteks zaman moden menyebabkan harga tanah semakin tinggi. Kepekaan terhadap tanah dan harta pusaka ini membuatkan individu akan bekerja keras untuk mendapatkannya. “Tanah” jelas merupakan unsur alam dengan mengaitkan dengan asal kejadian manusia. Kematian juga akan berakhir ke dalam tanah. Demikian pengarang menyedarkan masyarakatnya tentang tanah sebagai unsur alam yang sangat penting.

6.2.2 Keris

Senjata mempunyai kaitan dengan identiti sesuatu bangsa. Keris melambangkan keperibadian kepahlawanan Melayu sejak zaman berzaman. Keris terbahagi kepada beribu-ribu jenis dan bentuk. Demikian juga nama yang berlainan. Pada zaman dahulu, pakaian lengkap seorang lelaki perwira Melayu adalah dengan memiliki keris yang tersisip di pinggangnya. Keris ketika itu digunakan bertujuan untuk melindungi diri dan digunakan untuk pertarungan. Pada masa kini, keris tidak lagi relevan dalam perihal pertarungan, lagi pula memperagakan senjata tanpa sebarang tujuan adalah dilarang undang-undang. Keris pada hari ini hanyalah sebagai simbol. Raja-raja Melayu menggunakan keris sebagai lambang kedaulatan raja-raja dan keistimewaan bangsa Melayu itu sendiri. Keris sebagai simbol ini juga digunakan pada bendera seperti bendera parti politik, persatuan silat dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Dalam novel *SR*, keris dilambangkan sebagai alat yang digunakan untuk pertarungan. Sulaiman yang terasa tertipu dengan tindakan Jalal berasa teramat marah. Perasaan marah itu tidak dinyatakan dengan tindakan memarahi dan memaki hamun tetapi dengan cara mahu mengamuk dan mencederakan malah mungkin membunuh Jalal. Keadaan ini digambarkan oleh pengarang;

Sulaiman pun masuk ke dalam rumahnya dan mengambil sebilah keris dan sepuntung tongkat ia berjalan terus pergi ke rumah imam itu dengan hajat hendak mendatangkan senjatanya ke atas Jalal itu tetapi “mujur tak dapat diraih malang tak dapat ditolak” masa kesampaian Sulaiman ke halaman rumah imam itu Jalal beserta lain-lain orang telah tiada lagi. (Abdul Kadir Adabi, 1980: 33).

Keris sebagai lambang amukan Melayu ini ditemui dalam banyak naratif sastera Melayu tradisional. *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* antara dua karya Melayu yang banyak melibatkan pertarungan menggunakan keris. Sehingga pada zaman moden ini, keris tetap sebagai makna siratan pertarungan dan kepahlawanan Melayu. Demikian juga pengarang *SR* yang beranggapan bahawa keris yang membawa makna tersirat itu tidak boleh dipisahkan dalam politik Melayu.

6.2.3 Harta dan Lain-lain

Pengungkapan unsur alam yang dibawakan secara tersirat turut diungkapkan oleh pengarang secara sepintas lalu, antaranya “harta”, “lalat”, “emas”, dan “bunga”. Harta seperti rumah sebagai tempat tinggal sesebuah keluarga merupakan yang tersirat membawa maksud tanah air atau negara seseorang. Pengarang mengungkapkannya; “...tetapi sebagaimana kebanyakan perempuan mendengarkan perkataan “kaya” atau “harta” itu sebagai Tuhan yang disembah oleh nafsunya, maka begitulah Khadijah sedikitpun tidak kurang daripada kebanyakan perempuan-perempuan lain itu” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 125). Demikian juga dengan pengungkapan, “Adalah dua perkara yang berhubung dengan Rafeah iaitu harta bendanya dan ubat itu sentiasa menjadi pertanyaan-pertanyaan di dalam kepala budak yang kehilangan ibunya itu (Abdul Kadir Adabi, 1980: 67).

“Harta” yang besar dan penting, menjadi bertentangan apabila “lalat” sejenis haiwan yang kecil dijadikan perbandingan. Perbandingan kekayaan dan kemiskinan

pada anggapan umum sebagai kemuliaan berbanding kehinaan dapat ditangkap oleh pengarang. Dalam situasi masyarakat ketika itu perbandingan sosioekonomi ini telah mewujudkan perbezaan taraf atau darjat. Dalam novel ini, Jalal pada awal penceritaan ialah seorang yang kaya walaupun memperoleh hasil daripada isteri yang dianiaya kemudiannya jatuh miskin dan kerugian dalam perniagaan akibat perjudian. Perbandingan sosioekonomi kaya-miskin atau mulia-hina ini turut mempengaruhi sosiopolitik ketika itu malahan hingga ke hari ini keadaan sedemikian masih wujud. Pengungkapan “harta” dan “lalat” seperti di bawah:

Itu benarlah juga, tetapi tentulah kita sesama tua lebih maklum akan hal manusia semasa kaya dan segar degar banyak orang-orang menampak-nampakkan tulus ikhlas kasih mesra dan apabila telah terjadi seperti saya ini lalat pun tiada menghampiri lagi oleh sebab itu tentulah tangan yang pendek itu sayalah orangnya pada masa ini.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 113).

“Emas” digunakan oleh pengarang dengan maksud untuk menyatakan sesuatu yang perlu dijaga dengan baik. Emas adalah sesuatu yang sangat berharga dalam penilaian material. Penghargaan emas sudah wujud sejak bermulanya peradaban manusia pada zaman pembinaan tamadun sejak sekian lama. Dalam pengertian yang lain, emas adalah simbol nilai yang tinggi terhadap sesuatu perkara dan juga benda.

Hal ini dapat dikesan dalam *SR*, dengan;

Hati orang tua itu tersangat baik boleh diibaratkan seperti emas yang cukup sempurna atau ialah berhatiakan emas urai yang cukup-cukup tua dan bersih, dan memaafkan orang sebagai tabiatnya yang semula jadi dan tanda-tanda lemah lembut hatinya lebih daripada lemah lembut anak kambing yang manja.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 147).

Selain itu, hubungan “harta” dan “emas” ini dikaitkan dengan petikan berikut:

Aku tidak adil berlaku demikian kerana hutang itu dengan helah-kelah dan tipu daya. Wajiblah balasan yang adil dan saksama itu dengan helah-helah dan tipu daya jua, emas bayarannya emas darah bayarannya darah dan budi pekerti maka bayarannya pun budi pekerti jua.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 33).

Unsur alam “bunga” diungkapkan oleh pengarang mengibaratkan bunga itu sebagai seorang perempuan atau gadis. Bunga yang berbagai-bagai jenis dan haruman dilambangkan sebagai kecantikan, keindahan dan kesegaran. Perubahan yang berlaku pada bunga seperti menjadi layu, kering dan gugur juga dianalogikan oleh pengarang secara tradisi daripada perlambangan Melayu. Bunga yang layu bermaksud perempuan yang sudah tua ataupun yang tidak dipedulikan kerana terdapat perempuan lain yang menarik perhatian. Keadaan ini digambarkan oleh pengarang menerusi watak Khadijah, “Orang kaya mana lagi sudi menghidukan saya padahal saya ibarat bunga sudah layu diseri kumbang yang lain beberapa lama sudah” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 126).

Watak-watak dalam *SR* berhubungan seperti mana norma biasa dalam masyarakat tempatan. Hubungan baik yang diselangi dengan permasalahan diungkapkan oleh pengarang seperti, “...sedangkan lidah lagi tergigit inikan pula orang yang bergerak diam bertutur kata tentulah tiada boleh lepas daripada khilaf bebal dan tersalah atau terlangsung tidak kelakuan, perbuatan ataupun sekurang-kurangnya perkataan” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 55). Demikian juga dengan ungkapan;

Benarlah anak antaranya dengan diriku ini tetapi dengan engkau sendiri sesungguhnya tidaklah akan putus berkerat rotan, ertinya anak putus yang tak boleh disambung kembali bahkan engkau dengan bapamu itu sampai bila-bilapun tidaklah akan putus-putusnya.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 55).

Penggunaan peribahasa Melayu tersebut bertepatan sekali dengan penceritaan novel ini. Peribahasa Melayu merupakan ungkapan yang diturunkan dari generasi kepada generasi secara lisan dan tulisan. Dalam peribahasa Melayu terdapat pembahagian lagi iaitu perumpamaan, perbilangn dan simpulan bahasa.

Terdapat beberapa lagi pengungkapan Melayu secara tersirat yang melibatkan peribahasa dan kiasan dalam novel ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengarang tidak dapat memisahkan dengan alam Melayu yang wujud dalam fikiran dan perasaan. Antara ungkapan tersebut ialah, “sebagai pinang di belah dua, sebagai kunyit dengan

kapur” (hal.10), “sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada berguna” (hal.20), “seperti anjing dengan kucing” (hal. 24), “memakan hati berulamkan jantung” (hal. 27), “seperti telur di hujung tanduk” (hal. 33), “malu bertanya sesat jalan, malas berlangkah hala tak sampai” (hal.75) “sirih pulang ke gagang” (hal.78), “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” (hal. 89), “pecah di perut daripada pecah di mulut” (hal. 95), “makan tak kenyang tidur tak lena dan mandi pun tidak membasahkan jasadnya” (hal. 110), “padi ditanam lalang yang tumbuh” (hal.114) serta simpulan bahasa “batu api”, “kucing tidur”, “buah tangan”, “anak tunggal”, “bermanis muka” (hal.24), “kerbau sekandang” (hal.30), “berpatah arang” (hal. 71), “keras ubun-ubun” (hal. 74) dan “keramat hidup” (hal. 87).

Pengalaman seseorang itu diukur secara tersirat oleh masyarakat terdahulu. Pengarang mengungkap kembali untuk menggambarkan tentang pengalaman Mamat dalam novel ini, iaitu;

Tiada lebih daripada itu maklumlah Mamat hanya seorang budak yang belum berpanjang langkah dan tidak biasa berenang di lautan hidup yang sulit-sulit kerana ia seorang anak yang biasa dimanja dan dipuja-puja oleh ibu bapanya...
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 68).

Demikian juga pengarang menggunakan ungkapan secara tersirat perempuan tua yang berumur lebih daripada empat lima puluh tahun, tetapi orang-orang ini semuanya daripada bilangan “kancing di tumit” belaka masakan langkahnya lebih daripada sepanjang rambut di kepalanya” (hal. 92). Pengarang juga dapat mengungkapkan petanda sakit seperti demam dalam tradisi masyarakat Melayu iaitu, “Sesungguhnya benarlah kata-kata Mamat bahawa badannya panas dan budak itu demamlah sudah” (hal. 43). Indeks badan panas sebagai tanda demam sebagai tanda yang telah diterima umum sejak sekian lama.

Pengarang juga memberi komentar tentang sikap manusia yang sangat berminat untuk mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan orang lain. Masyarakat Melayu secara

tradisi memberikan perlambangan yang sesuai untuk keadaan ini. Dalam *SR*, pengarang menggunakannya dengan naratif, “Barangkali ajaran-ajaran yang makruf pada zaman itu ialah terkandung di dalam pesanan orang tua-tua yang berkata “Hak orang jangan dipadu pekerjaan orang jangan dibicara” oleh kerana itu biarlah berlaku dan biarlah terjadi. begitu juga diungkapkan, “Alif sebesar lengan di hadapan matanya pun jangan menampaknya, jatuh ke mata pejamkan, jatuh ke telinga pekakkan dan jatuh ke mulut tutupkan kerana iaitu bukannya kepunyaan kita sendiri” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 98).

Amalan berbudi sangat diutamakan dalam mana-mana masyarakat. Begitu juga dengan masyarakat Melayu. Malahan masyarakat Melayu sangat menegaskan kepentingan ‘berbudi’ ini seperti dengan ungkapan “berbudi bahasa”, “hati budi”, “orang budiman” dan sebagainya. Budi dalam perlambangan Melayu memasukkan unsur akhlak, ilmu dan pekerti yang tinggi. Novel *SR* turut memasukkan unsur ini walaupun secara tersirat. “Budi baik dibalas baik, jahat dibalas jahat” dapat dikesan pada perlakuan Sulaiman dan Samat. Watak Khadijah juga yang mementingkan kekayaan digambarkan tetap menghargai budi yang melingkari pemikiran masyarakatnya. Ini dapat dilihat dalam pengungkapan pengarang;

Khadijah berkata: “Tolonglah saya, saya tidak akan melupakan budi orang yang berbudi dan saya termestilah menyempurnakan apa-apa jua yang dikehendaki menjadi balasannya, walaupun demikian itu menyebabkan bala bencana ke atas diri dan nyawa saya.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 117).

Secara tersirat dalam pengungkapan membuktikan pengarang berhasrat untuk memberi peringatan kepada pembaca dan masyarakat umum. Antara peringatan yang dikemukakan oleh pengarang adalah berkaitan semangat berkelompok yang ada baik dan sebaliknya. Hal ini dibuktikan oleh pengarang;

Oleh sebab dia seorang yang suka bercampur dalam berbagai-bagai peringkat manusia jadilah banyak kawan temannya, bermain muda ada kawan-kawannya, melihat permainan-permainan ada handai taulan dan berjudi pula ada juak-juaknya.
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 88).

Pengungkapan ini merupakan kiasan dan sindiran terhadap perkumpulan dalam masyarakat kecil yang membawa juga kepada pertubuhan politik yang besar.

Situasi yang berkaitan dengan politik manusia juga digambarkan dengan ungkapan;

Orang tua-tua telah berkata: ‘Kesukaan seorang itu, tangisan yang lainnya – kemujuran yang satu kemalangan lawannya’ dan ‘kemenangan satu pihak iaitu kekalahan pihak yang lain daripadanya,’ dan hal ini berlaku ke atas perempuan yang bersedu iaitu sekarang Jamilah bersuka hati dan berketawa hilai, maka Khadijahlah pula yang berduka dan bertangis ratap. (Abdul Kadir Adabi, 1980: 102).

Pengungkapan tersebut membawa makna bahawa di sebalik kegembiraan, ada kedukaan di pihak yang lain. Pusingan suka duka ini boleh disamakan dengan jaya-gagal atau menang-kalah sesebuah pertubuhan politik dalam sesebuah negara.

Unsur-unsur alam mempunyai pengaruh yang kuat dalam pengungkapan tradisional Melayu. Antara ungkapan adalah seperti peribahasa yang telah mempunyai gaya dan nada sebutan yang tetap. Pengarang juga mempunyai keupayaan mencipta ungkapan yang berbentuk peribahasa. Pengaruh kosmologi Melayu dan latar masyarakat tradisional yang kuat telah membabitkan ungkapan baharu seperti “mengharapkan bubur menjadi nasi” (hal. 71) yang asalnya sedia dimaklumi peribahasa yang sering diungkapkan ialah “nasi menjadi bubur.” Demikian juga dengan ungkapan “sama menelentang memakan embun, sama meniarap memakan pasir” (hal. 80) yang tidak pernah didengari sebagai peribahasa unggul Melayu. Ungkapan ini membawa maksud hubungan erat persahabatan yang bersama-sama menempuh cabaran suka dan duka. Demikian juga dengan cetusan peristiwa atau berlaku perkara yang memungkinkan tercipta ungkapan seperti, “...hartaku sendiri di sini pun bukannya sedikit, biarlah sesuatu yang tenggelam itu biarlah diselami oleh orang yang pandai menyelamnya” (hal. 80). Ungkapan tersebut bermaksud sesuatu rahsia itu hanya diketahui oleh orang yang tertentu sahaja.

Ungkapan berikut membuktikan pengaruh kosmologi alam Melayu dalam perkarya Abdul Kadir Adabi;

Orang-orang tua kampung itu teringat-ingat mereka itu kepada peredaran matahari akan bergelincih zuhur kemudian daripada berdirinya, bulan akan beredar kelam kemudian daripada purnamanya dan air akan berpaling surut kemudian daripada memenuh pasangannya, hati orang-orang tua itu tidaklah berapa sedap rasanya istimewa pula kemudian mereka itu melihat tingkah laku Sulaiman yang dahulunya berkawan teman memilih seperti memilih antah beras “lepas diayak dirawa lagi” dan sekarang tidak begitu “lambat terhampir tertarik rapat.”
(Abdul Kadir Adabi, 1980: 11).

Petikan di atas menunjukkan kepekaan pengarang terhadap waktu (waktu Zuhur) dan juga peredaran waktu malam ke siang. Pengarang turut menggunakan perumpamaan Melayu. Terdapat lagi beberapa ungkapan yang antaranya daripada peribahasa Melayu dan ungkapan-ungkapan yang mempunyai makna berlapis secara kiasan untuk tujuan mendidik dan memberi peringatan kepada masyarakatnya. Ungkapan-ungkapan tersebut merupakan Perlambangan Melayu berasaskan kosmologi Melayu dan Islam yang melingkungi latar masyarakat pengarangnya. Antara ungkapan tersebut ialah “minyak duyung perendang duyung” (hal. 91) yang dimaksudkan sebagai ubat pengasih, peribahasa Melayu yang terkenal seperti “pucuk dicita ulam mendatang” (hal. 93) “pinang pulang ke tampuk” (hal. 104) dan “bulan jatuh ke riba” (hal. 113).

Pengalaman hidup seseorang digambarkan, “Sudah tiga bulanlah ia meninggalkan rumah tiada balik-balik lagi, malu rasanya saya dikata orang tiada mengetahui “kunyit lengkuas” tidak tahu “berasam garam” cara anak orang-orang tua.” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 95). Pemilihan unsur tumbuh-tumbuhan iaitu kunyit, lengkuas dan asam menunjukkan dekatnya pengungkapan Melayu dengan unsur yang ada dalam alam semesta. Pemilihan unsur tumbuh-tumbuhan iaitu daun keladi juga menunjukkan keadaan yang sama dengan ungkapan, “kasih sayang atau kasihan belas yang seperti itu pada fikiran Mamat akan menjadi seperti “air di daun keladi” bila sahaja kiranya Jalal itu kembali pula harus tiada akan melekat pun bekasnya lagi” (hal. 73).

Demikian juga dengan memasukkan nama-nama anggota tubuh badan manusia, yang diungkapkan, “gigi dengan lidah lagi tergigit” dan “kaki dengan tumit lagi tergesel ragung” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 106) sebagai pernyataan maksud terdapat juga perselisihan faham dalam hubungan suami isteri. Seterusnya dapat dikesan melalui ungkapan, “Bertambah rajin bertambah lelah, lagi dipikul lagi dijunjung. Tak cukup tangan kanan tangan kiri dipenuhkan” (hal. 147) yang menggambarkan kerajinan dan kesungguhan pembantu kedai dalam *SR*.

Unsur alam yang luas terbentang seperti gunung-ganang juga mendapat perhatian pengarang dengan ungkapan, “Haraplah saya dengan sepenuh-penuh harap, rendah gunung tinggi harapan saya lagi, ampunilah saya kerana sesungguhnya saya telah berdoa dengan sebesar-besar kedosaan, saya telah menderhaka berulang-ulang” (Abdul Kadir Adabi, 1980: 130). Pengungkapan ini lahir daripada masyarakat tradisional yang diubah suai oleh pengarang mengikut kesesuaian penceritaannya dalam novel ini. Pengungkapan yang berkaitan dengan tempat sekitar dan kampung halaman, “Hingga lepas sebuah kampung sebuah kampung dan lepas sebuah padang sebuah padang lagi jalannya dengan tidak merasai penat lelah sedikit jua, maklumlah orang yang telah biasa “panjang langkahnya, rata tapaknya, segenap ceruk rantau negeri...” (hal. 153). Ungkapan ini memberi makna perjalanan dan pengembaraan seseorang itu memberikan pengalaman kepada hidupnya. Pengalaman akan menjadikan seseorang itu semakin matang dan bijaksana. Nasihat dan berguna ini menjadi panduan kepada masyarakat agar tabah dan kuat menempuh pengalaman dalam meneruskan kehidupan.

Hashim Musa (2001: xii) mengatakan penggunaan bahasa yang baik penuh dengan kesantunan adalah berkait rapat dengan latar belakang dan sifat yang ada pada seseorang. Ini termasuk taraf pendidikan, asal-usul dan keturunan, kecekapan berfikir, dan ketinggian ilmu pengetahuan. Menurut Hashim Musa lagi, “Budi bahasa yang baik mencerminkan orang yang baik-baik, buruk budi bahasanya menunjukkan orang yang

tidak baik. Pernyataan ini agak relevan dikaitkan dengan Abdul Kadir Adabi sebagai pengarang *SR* yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan pernah bertugas sebagai pegawai istana Sultan Kelantan. Gambaran penggunaan bahasa yang baik dan kesantunan ini dapat dibuktikan dalam naratif novel ini. Penggunaan ayat-ayat yang hampir dengan peribahasa Melayu juga menggambarkan kreativiti pemikiran Abdul Kadir Adabi.

Pengungkapan yang berkait dengan kosmologi Melayu dan Islam dikesan antaranya; “Tetapi matahari pagi, ke tengah hari itu akan ke petang dan bulan purnama raya itu akan ke kelam iaitu sunat tabi’i pada alam ini dan hal yang seperti itu akan mengenal siapakah di antara tiga beranak, Mamat, Rafeah dan Jalal itu masa jualah yang menerangkan mengikut peredarannya” (hal. 41). Ini membuktikan kepekaan pengarang terhadap peredaran masa silih berganti dan kehendak Allah.

6.3 Makna Siratan Unsur Alam Dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*

Novel *Anak Mat Lela Gila* (AMLG) oleh Ishak Haji Muhammad membawakan penceritaan tentang kesedaran kepada bangsa Melayu agar tidak hanyut dengan penjajahan yang menghakis kekayaan peribumi dan kekayaan peribadi. Pengungkapan pengarang secara tersirat antaranya tentang perbuatan-perbuatan Mat Lela yang ganjil dan pelik. Walaupun disedari Ishak Haji Muhammad antara pengarang Melayu yang gemar “bergurau” dalam karya-karyanya, namun ada maksud lain paparan tersebut dibuat. Perbincangan makna siratan unsur alam dibahagikan kepada tiga iaitu Makna Siratan Bentuk Bulat, Nama Tempat dan Kekeluargaan.

6.3.1 Bentuk Bulat

Selain tafsiran sebagai makna siratan perilaku, “Bulat” yang juga bermaksud “bentuk bulat” sebagai unsur alam. “Bulat” diberi makna satu kesatuan, bentuk yang melengkung menyatu atau berbentuk sfera. Watak Bulat dengan konsep dan simbol bulat yang dikemukakan oleh Ishak Haji Muhammad menepati plot novel ini yang merupakan roda atau bulatan. Bulat yang ditinggalkan oleh ibunya di teratak Mat Lela kemudiannya dipelihara oleh Mat Lela dengan penuh kasih sayang. Akan tetapi Bulat diambil oleh Johari dan Permai. Apabila Permai hamil dan mendapat seorang puteri, Bulat dibawa oleh Johari unuk belajar agama di Kelantan. Apabila Johari berkahwin dengan perempuan lain lalu Bulat dihalau oleh ibu tirinya, Bulat mengikut dua orang muda ke Cameron Highland. Bulat ditinggalkan di situ. Bulat kemudiannya menjadi penyanyi dan akhirnya bertemu dengan ibunya Elis Sakti (Siti Kalsom) dan ayahnya Alang Sukarti (Jaafar Sidik) di Singapura. Bulat akhirnya mengembara lagi, iaitu ke Mekah .

Hal ini merupakan roda atau bulatan yang sering sahaja berpusing, daripada susah menjadi senang atau daripada senang menjadi susah kemudian senang semula. Dalam *AMLG*, roda atau bulatan ini lebih mendekati keazaman dan keyakinan bahawa sesuatu itu akhirnya akan menjadi “satu”. Sesuatu persatuan disebut “bulat” disebabkan perpaduan yang tulen dan sempurna. Justeru itu, bulat dalam novel ini digambarkan sebagai sesuatu yang tidak tetap, sesuatu yang sentiasa bergerak, sesuatu yang tidak pernah diam dan sesuatu yang tidak pernah bergerak aktif mencari sasarannya.

Pergerakan bulatan ini dapat kita lihat melalui kata-kata Alang, batin Sakai itu, kepada Bulat. Katanya, “Apabila kita berpecah-belah maka puak-puak kita jadi kecil, kampung halaman, ruah, periuk dan belanga kita pun jadi kecil, dan hati serta cita-cita atau angan-angan kita pun jadi kecil” (Ishak Haji Muhammad, 1960: 82). Bulat sebagai imej kesempurnaan sebenarnya menjalani peranan bulatan, iaitu pergerakan semula jadi yang lebih merupakan pergerakan radikal dan aktif.

Dalam novel ini, pengarang menjelaskan keistimewaan bentuk bulat. Antaranya, “Harus bulat itu suatu sifat yang sempurna; sifat pilihan dan mulia. Sesungguhnya bulat itu suatu sifat yang bukan luar biasa tetapi haruslah yang demikian itu menunjukkan keadaan yang lengkap dan sempurna. Kemudian dinyatakan lagi, “Adapun asal binatang yang terbang, yang melata, yang merayap, yang merangkak dan yang berenang itu lazimnya bulat. Telur ayam, telur itik, telur ikan, penyu, buaya, ular, burung-burung – besar dan kecil – dan berjenis-jenis binatang lagi kebanyakannya bulat atau seakan-akan bulat keadaannya. Benih pokok-pokok dan biji-biji pun bulat bukan?” (Ishak Haji Muhammad, 1960: 3). Pengungkapan ini menunjukkan bahawa pengarang sangat peka kepada kejadian dan perkara yang terdapat di sekelilingnya. Sebagai manusia yang peka terhadap alam sekeliling, pengarang memperlihatkan kepekaan dan kekuatan pemerhatian alam dalam hasil penulisannya.

6.3.2 Nama Tempat

Selain latar lokasi yang wujud seperti Cameron Highland, Kuala Pilah, Singapura, Pulau Pinang dan Mekah, terdapat juga latar tempat yang dinamakan oleh pengarang secara tersirat. Tempat-tempat tertentu seperti Taman Sedia, Pondok Kekasih, kawasan Bintang dan Pondok Kemahkotaan merupakan imej dengan gambaran tersirat.

Tempat-tempat yang dilibatkan oleh pengarang didapati dalam bentuk mimpi yang dialami oleh watak Bulat. “Taman Sedia” digambarkan sebagai tempat fantasi seperti digambarkan pada halaman 75 ditafsirkan sebagai sesuatu tempat yang telah sedia wujud. Tempat sebegini dianggap sebagai tempat yang tidak dapat dijangkau oleh fikiran seperti di syurga ataupun tempat-tempat yang indah di dunia ini.

Demikian juga dengan “Pondok Kekasih” dan “Pondok Kemahkotaan” (hal. 76) sebagai tempat yang indah di alam fantasi. “Pondok Kekasih” sebagai siratan yang menunjukkan sebuah pondok yang dilindungi oleh kerahmatan dan keberkatan Ilahi. Sebagai seorang Muslim, watak Bulat mengharapkan berada di bawah lindungan kerahmatan dan keberkatan Tuhan-Nya. “Pondok Kemahkotaan” juga digambarkan hampir sama iaitu sebagai makna siratan bagi tempat yang dimaksudkan sebagai berada di bawah lindungan dan keberkatan Ilahi malahan telah diberi taraf yang berlainan berbanding orang lain. Nikmat iman sebagai yang dimahkotakan ini merupakan nikmat yang berahsia. Peringkat-peringkat keimanan ini bergantung kepada amalan seseorang hamba Allah itu.

Selain nama-nama tempat tersebut, emas juga digunakan oleh pengarang menggambarkan harta yang bernilai tinggi sepanjang zaman. Orang Melayu seharusnya mempunyai “emas” sebagai harta walaupun sedikit. Harta adalah penting kelangsungan hidup dan gambaran imej dan maruah material. Orang Melayu juga perlu mempertahankan maruah dan kemuliaan keturunan dan warisan keluarga. Dalam konteks semasa,

mempertahan identiti kekeluargaan sangat rapat kaitannya dengan mempertahankan asal-usul bangsa, ketaatan mengamalkan ajaran Islam sebagai Muslim sejati dan semangat sayangkan darah-daging asal-usul keturunan. Sikap manusia politik yang cepat melatah hingga bersikap seolah-olah tidak sayangkan bahasanya sendiri menunjukkan adanya kontras dengan hasrat pengukuhan jati diri Melayu itu sendiri.

Makna siratan yang dibawakan digunakan dengan memindahkan unsur-unsur alam, keindahan mimpi Bulat yang menyatakan semua pengetahuan tentang ibu bapanya, pengembaraan, pertemuan dengan ibu bapa, dan sebagainya, merupakan simbol kecintaan, kemurnian serta keagungan. “Buluh perindu” yang dibawa oleh Bulat ketika menyanyi menjadi siratan kejiwaan dan keazaman yang sungguh-sungguh. Buluh perindu lebih menjelaskan semangat seorang untuk berjuang.

6.3.3 Kekeluargaan

Makna siratan berkaitan kekeluargaan, khususnya ibu dan anak dalam novel *AMLG* selain memberi maksud umum, juga membawa maksud pada lapisan kedua iaitu sebagai tanda yang berkait rapat dengan kebudayaan masyarakat tertentu. “Ibu” dalam konteks negara membawa maksud tanah air atau negara itu sendiri. Ada ungkapan seperti “ibu pertiwi” dan “ibu kandung” yang bermaksud negara atau tempat kelahiran. Sebagai yang tersirat dalam naratif novel ini, pengarang membawa perjalanan cerita seorang anak bernama Bulat yang mencari “ibunya”. Dalam pentafsiran, “anak” yang mencari “ibu” boleh disamakan dengan warganegara yang mempunyai rasa kasih yang berkekalan terhadap negaranya. Pencarian dan pengembaraan merupakan makna siratan seseorang warga yang mahu selamat di bawah kedaulatan negaranya. Dalam novel ini, Johari dan Permai merupakan pasangan yang tidak mempunyai anak setelah sekian

lama berkahwin. Perenggan berikut memperlihatkan perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya;

Oleh sebab itu barang sudah tentu Johari dan Permai sangat sayang kepada anaknya itu. Pernah Permai berkata: “Jikalau hendak ditukarkan dengan gunung emas dan gunung intan sekalipun Bulat ini saya tak tukar. Tetapi jikalau diambil balik oleh ibu bapanya yang sebenar apa boleh buat! (Ishak Haji Muhammad, 1960: 6).

Johari dan Permai beranggapan anak itu kurniaan Tuhan yang hadir dalam hidup mereka. Kasih sayang Permai yang tinggi dan ketidaksanggupan untuk berpisah walaupun ditawarkan gunung emas dan gunung intan sekalipun perbandingan harga yang terlalu tinggi bagi sebuah kurniaan berbanding nilai fizikal dan harta benda. Sikap sebegini cerminan manusia berhati mulia, berperibadi tinggi dan kaya dengan nilai kasih sayang. Sesuatu yang menyedihkan apabila perbandingan dibuat dengan situasi semasa seperti berlaku penganiayaan terhadap kanak-kanak terutama anak angkat atau anak tiri malah ada yang sanggup membuang bayi.

Istilah “anak” disamakan juga dengan bangsa itu sendiri. Kecintaan terhadap negara yang tidak berbelah bahagi sangat tinggi nilainya. Berjuang untuk mempertahankan negara dan tidak sanggup menggadaikan adalah gambaran kepada kebijaksanaan ahli politik yang perlu bijak untuk menjaga bangsa dan negaranya seperti anaknya sendiri. Tanah air ini sebagai darah daging juga sesuai untuk dikaitkan dengan watak Permai sebagai “ibu” dalam novel ini.

6.4 Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel *Tunggul-tunggul Gerigis*

Shahnon Ahmad, sebagai pengarang novel ini menggunakan imej alam secara tersirat sebagai kritikan untuk disampaikan kepada masyarakat. Dalam *Tunggul-tunggul Gerigis (TTG)*, imej-imej alam yang mempunyai makna siratan dikesan dalam banyak situasi. Makna siratan unsur alam yang dibincangkan daripada novel ini dibahagikan kepada tiga iaitu Makna Siratan Perkampungan Poseng, Perjalanan Hidup Manusia dan Kehidupan Masyarakat dan Organisasi.

6.4.1 Perkampungan Poseng

Dalam novel *TTG*, Shahnon Ahmad sebagai pengarang memberikan Su Usul mendominasi banyak bahagian dalam naratif novel ini. Poseng seakan-akan mengiringi monolog Su Usul dan penceritaan pengarang. Poseng, sebuah perkampungan yang diduduki oleh majoriti masyarakat Melayu yang kerjanya bertani, mempunyai sebuah masjid, mempunyai organisasi politik yang terbelah dua dan masyarakat dan hidup dalam kekeluargaan seperti biasa. Poseng digambarkan oleh pengarang masih segar dengan sumber semulajadinya dengan adanya pohon hutan seperti medang.

Poseng ialah sebuah perkampungan kecil di daerah pedalaman yang berhampiran sempadan negara Thai di negeri Kedah (Fatimah Busu, 2010: 366). Poseng secara lebih luas diinterpretasikan sebagai sebuah peta geografi yang lebih besar iaitu sebagai sebuah negara, sebagai contoh negara Malaysia. Kepelbagaian yang wujud di Poseng juga adalah gambaran kepelbagaian yang wujud di sesebuah negara. Kepelbagaian ini digambarkan pengarang, “Dari Poseng sudah tersergam indah menyombongkan diri dengan gaya dan fiil masing-masing bagaikan merekalah yang besar dan tinggi dan gagah dan berkuasa” (Shahnon Ahmad, 1988: 146).

Poseng juga menghadapi kemelut sesama manusia yang berebutkan kuasa, tanah dan keinginan untuk pembangunan. Hal ini dibuktikan dengan pengungkapan pengarang;

Poseng menjadi celaru dan kacau di dalamnya kerana pertumbuhan dan perkembangan riak-riak nanah dan darah bukan satu pertumbuhan yang diminta. Ianya datang begitu saja bagaikan Poseng ini memang gelanggang untuk menegakkan nanah sendiri dan darah sendiri.
(Shahnon Ahmad, 1988: 190-191).

Kehendak golongan yang mahukan kemajuan hingga mahu merobohkan masjid Poseng untuk digantikan dengan masjid yang baharu dianggap sebagai “nanah” yang menggugat keaslian Poseng.

Poseng diungkapkan oleh pengarang seolah-olah “bernyawa”. Pengarang hadir sebagai membawa perlambangan yang dekat kepada masyarakat. Poseng juga mempunyai ciri-ciri rasa kemanusiaan, yang dihadirkan oleh pengarang kepada kesedaran pembaca. Ini dapat dikesan dalam pengungkapan, “Tapi dia tidak dapat melupakan sejarahnya yang bermula dari kewujudan, berkembang ke arah kecemerlangan dan kini benar-benar menunggu kematian juga (Shahnon Ahmad, 1988: 290).

Pembawaan “rasa kemanusiaan” oleh pengarang tentunya dapat dikaitkan dengan sesebuah parti politik, ataupun sesebuah negara, Malaysia sebagai contoh. Kelahiran “rasa” pada Poseng juga diungkapkan, “Poseng menyambut kemunculan subuh pagi itu dengan keredupan rasa dan keserabutan akal meskipun jelas benar sinaran matahari cukup terik dan berani” (hal. 303).

Dalam kajian Ooi Eng Lye (2005: 128), menyatakan yang menjadi paradoks ialah masyarakat kampung sebenarnya memerlukan pembangunan dan tidak ada sesiapa yang dapat menyekat proses pembangunan itu, tetapi arus kemodenan dan pembangunan yang datang secara mendadak telah menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat kampung. Malahan arus pembangunan di Poseng bukan sahaja membawa keriuhan,

tetapi pencemaran alam telah mengancam keselamatan dan jiwa penghuni Poseng. Su Usul mendapati Poseng yang aman damai dan penuh dengan segala kemeriahan pada suatu ketika dulu telah berubah. bukan sahaja unsur-unsur alam yang menjadi korban pembangunan moden, tetapi nilai-nilai kekeluargaan dan persaudaraan juga turut ditelan oleh ketamakan dan kegelojohan manusia itu sendiri.

Seterusnya Ooi Eng Lye (2005: 132) menyatakan bahawa Shahnnon telah menyindir kedua-dua kelompok politik, iaitu Parti Bumi Bertuah (PBB) dan Parti Seruan Suci (PSS) dan golongan agama yang konservatif telah memutarbelitkan dan memecahbelahkan masyarakat Poseng. Riak pertentangan yang berpunat, berpuru, bernanah dan berlendir di tumit (PBB) dan satu lagi berpunat di tengkuk (PSS) dan satu lagi berpunat di masjid telah diungkapkan oleh pengarang untuk memperlihatkan kemungkar dan kejahatan masyarakat Poseng. Istilah “punat” dan “puru” telah dengan sendirinya memperjelaskan punca kejahatan di Poseng.

Fatimah Busu (2010: 361) memperkatakan berkaitan makna siratan unsur alam dalam novel ini. “Tunggul-tunggul Gerigis” pada pengertian asal adalah tinggalan pangkal pokok yang telah ditebang, atau yang terpatah dengan sendiri kerana telah terlalu tua atau oleh anasir alam yang lain seperti ribut dan kebakaran. Menurut beliau, ketuaan dan kenyanyukan adalah satu tahap dari proses perjalanan setiap manusia yang telah lanjut usianya.

Bagi sesetengah individu, ketuaan boleh melenyapkan kesegaran wawasan dan motivasi terutama bagi yang tidak lagi mempunyai pasangan hidup. Kesendirian menyebabkan rasa kesepian, keterasingan dan sering berada dalam kerawanan. Kemuncak kepada ketidakberertian hidup ini boleh terjadinya sifat ketidaksiuman yang menyebabkan kehilangan pengimbangan hidup yang kadangkala boleh menolak seseorang kepada sifat keanak-anakan. Inilah tahap perjalanan hidup Su Usul, lelaki tua yang ditonjolkan oleh Shahnnon Ahmad dalam *TTG*. Isterinya, Bunga mati dipanah petir

(unsur alam) ketika menangkap ikan di sawah. Lalu Su Usul tinggal bersama-sama anaknya, Mahmud dan menantunya Esah serta seorang cucu lelaki yang bernama Bedul.

Poseng merupakan unsur alam yang utama dalam novel ini. Selain itu dalam Poseng tentunya tidak dapat dipisahkan unsur alam yang lain seperti gunung-ganang dan bukit-bukau, dan masyarakat yang menghuni perkampungan tersebut. Malahan bintang seperti lembu (Goh) juga, menjadi perhatian sebagai pengungkapan secara tersirat oleh pengarang.

6.4.2 Perjalanan Hidup Manusia

Berdasarkan beberapa karya lain Shahnnon Ahmad, didapati beliau berkecenderungan dengan karya-karya bernilai keagamaan atau lebih tepat yang berjiwa Islam. Demikian juga dalam novel *TTG* ini jelas sekali pemahaman terhadap Islam dibawakan oleh beliau. Dalam novel ini, pengarang mengungkapkan;

Allahlah yang mewujudkan rimba raya itu sehingga menjadi belantara yang kaya dengan merbaunya, cengalnya, merantinya, pinang baiknya dan entah kayu-kayan apa lagi yang merimbun dan menyemak kawasan itu.
(Shahnnon Ahmad, 1988: 146).

Petikan ini menunjukkan bahawa keindahan alam ini kerana wujudnya Pencipta Yang Maha Besar iaitu Allah. Kesan perlambangan yang dibawakan oleh pengarang menunjukkan bahawa individu atau masyarakat yang sentiasa bersyukur akan bertindak secara rasional. Kemusnahan Poseng dan pergolakan dalam masyarakatnya adalah tanda bahawa masyarakat dan pihak yang berkuasa di Poseng tidak menghargai alam yang diciptakan untuk mereka. Peringatan terhadap kuasa Yang Maha Besar ini, turut membawa penceritaan dan pengungkapan secara tersirat berkaitan perjalanan hayat manusia, yang normalnya lahir, kemudian kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan akhirnya menemui kembali Pencipta.

Ketuaan dikaitkan dengan usia seseorang. Usia semakin bertambah menuju ketuaan. Dalam masyarakat Melayu, ketuaan digambarkan sebagai mempunyai banyak pengalaman hidup. “Asam garam” yang selalu dikaitkan dengan pengalaman dikaitkan dengan usia. Semakin berusia seseorang itu, semakin banyak “asam garam” yang pernah dirasainya. Namun demikian, ketuaan juga bersifat sinikal hingga dapat dikaitkan dengan kenyanjukan, tidak berguna malahan disia-siakan.

Dalam *TTG*, *Su Usul* adalah pernyataan yang tersirat tentang ketuaan yang tidak dipedulikan, tidak memberi manfaat kepada orang lain, nyanyuk, suka bercakap sendirian dan hanya menunggu saat tibanya kematian. Ketuaan dalam *TTG* juga digambarkan pada masjid Poseng yang sudah rosak beberapa bahagian, bumbung tiris dan mimbar yang berlumut. Medang, sejenis pokok juga digambarkan sudah tua kerana sudah lama hidup di Poseng. Demikian juga Goh, seekor lembu yang menanti masa untuk disembelih.

Ketuaan memberi pertentangan kepada kemudaan. Ketuaan yang dijadikan yang tersirat oleh pengarang seperti *Su Usul* yang semakin hampir kepada kematian menjadi paradoksikal, sebuah keterbalikan apabila Bedul, seorang kanak-kanak menemui ajalnya lebih awal berbanding *Su Usul*. “Ketuaan” dan juga “kemudaan” bersifat umum sedangkan hakikat hidup dan mati seseorang ditentukan oleh Yang Maha Berkuasa. Tanggapan ketuaan yang menuju kematian seharusnya diiringi dengan meneruskan ibadat dan amalan kebaikan.

Ketuaan diungkapkan dengan kata “tunggul” yang kerap diulang dalam novel ini. Tunggul ialah bahagian pangkal pokok yang tinggal sedangkan bahagian lainnya telah tumbang, musnah atau digunakan. Tunggul semakin lama semakin reput. Walaupun ada pokok atau pucuk-pucuk lain yang tumbuh, tunggul tetap sukar untuk dibuang begitu sahaja kerana mempunyai akar yang kuat. Tunggul juga boleh dimaknakan dengan sikap lurus dan tidak boleh berbuat apa-apa dan juga makna ketuaan.

Pengarang mengungkapkan,

Mak sendiri pernah kata Nek Usul itu tunggul. Bedul pun nak kata tunggul juga. Semua orang tunggul. Baba pun tunggul. Mak pun tunggul. Goh pun tunggul. Bedul pun nak jadi tunggul. Ada juga burung hinggap di atas tunggul. Ada juga daun medang luruh di atas tunggul. Ada juga debu hinggap atas tunggul.

(Shahnon Ahmad, 1988: 67-68).

Tunggul dalam pengertian yang diberikan kepada Su Usul, Bedul, Baba, Mak dan Goh seperti dalam ungkapan tersebut adalah sebagai yang tersirat kepada sikap hanya diam dan berserah atas tindakan yang dilakukan oleh pihak yang lebih berkuasa. Secara kontekstual yang dikaitkan dengan masyarakat umum, sikap sebegini lebih selamat daripada memberi reaksi yang mungkin akan menimbulkan perbalahan.

Imej “tunggul” juga dimaknakan kepada golongan tertentu yang mempunyai perlakuan buruk. “Keburukan” sikap dan kelakuan yang menunjukkan kurangnya nilai kemanusiaan yang murni merupakan “tunggul”. Tunggul yang tidak memberi manfaat dan faedah ini diungkapkan oleh pengarang;

Tunggul-tunggul inilah yang mengusirnya dulu pun. Tunggul-tunggul inilah yang ‘mengerasumbangkan’ dia dan keluarganya. Imam Itam kenal tunggul-tunggul itu seperti juga dia mengenal tahi lalat di tubuhnya sendiri.

(Shahnon Ahmad, 1988: 273).

Pengungkapan tersebut adalah luahan perasaan Imam Itam terhadap orang sekelilingnya yang mempunyai perlakuan yang buruk. Kemarahan Imam Itam itu diteruskan melalui pengungkapan pengarang, “Tunggul-tunggul yang sebut Fatihah pun tak betul itu cuba berlagak bak ular sawa yang hendak melengkar dan menelannya.”

Shahnon Ahmad menggunakan imej yang berkaitan dengan masjid yang semakin tidak berfungsi dengan berkesan untuk tujuan ibadah. Bangunan yang sudah tua digambarkan, “Dan masjid tua Poseng masih meneruskan ketuaannya juga; sama seperti tunggul-tunggul yang menerima debu, sama seperti Su Usul yang mengharapkan kematian dalam kadar yang segera” (Shahnon Ahmad, 1988: 271). Masjid yang akan dirobohkan dengan tujuan untuk pembinaan masjid yang baru sebagai siratan

kemusnahan yang dibayangkan oleh pengarang. Pada pengakhiran novel ini, digambarkan Poseng musnah dalam bentuk fizikal dan juga musnah dalam bentuk batiniah. Ibadah sebagai tanda kemuliaan seseorang manusia telah tergugat dengan keruntuhan dan kemusnahan masjid ini.

Perihal “hati” dinyatakan berulang kali menandakan bahawa selain akal, unsur terpenting dalam pembinaan peribadi manusia yang utuh ialah hati. Hati juga merupakan antara yang dapat dikaitkan dengan makna siratan unsur alam. Dalam realiti kehidupan seharian, keikhlasan dan ketulusan akan menyelamatkan banyak keadaan berbanding hati yang kotor yang mengakibatkan gejala negatif seperti penyelewengan, rasuah, korupsi dan jenayah.

Shahnon Ahmad sendiri mengakui bahawa gambaran dalam penulisan diharapkan dapat memberi makna kepada pembaca dan masyarakat umum. Hal ini digambarkan oleh beliau dalam buku *Weltanschauung Suatu Perjalanan Kreatif* dengan menyatakan;

Dalam perjalanan itu, ternyata sudah jelas maksud perjalanan, iaitu mencari sesuatu yang benar-benar bermakna. Sesuatu yang bukan sekadar daripada surah, tetapi tersebati dalam makna dan seterusnya lebih sebatu dalam inti makna. Unsur alam yang ditemui dalam perjalanan kreativiti itu seperti gunung-ganang, bukit bukau, sungai, lautan dan tasik, angin, hujan dan gelombang, langit, guruh dan halilintar, dan sebagainya tidak lagi wujud sekadar sebagai entiti luaran dan fizik sifatnya, tetapi sudah berdaya melontarkan makna dan inti makna pada manusia yang menjadi inti pati dalam perjalanan kreativiti itu.
(Shahnon Ahmad, 2008: 470).

6.4.3 Kehidupan Masyarakat dan Organisasi

Dua buah organisasi politik dalam novel *TTG* ialah Parti Bumi Bertuah (PBB) dan Parti Seruan Suci (PSS). Dalam pemahaman umum, dua buah parti ini dinyatakan secara tersirat bagi dua buah parti dominan masyarakat Melayu Malaysia iaitu Parti Melayu Bersatu atau *United Malays Nation Organisation* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia

(PAS). Nama parti ini membawa dekatnya pengarang kepada situasi politik semasa dalam masyarakat. PBB digambarkan sebagai sebuah parti yang bersifat sekular yang seolah-olah tidak banyak mengambil berat hal-ehwal Islam. Sebuah lagi parti, PSS lebih cenderung ke arah penghayatan nilai keislaman namun bersifat konservatif. Dua organisasi inilah sebagai punca berlakunya pertentangan pendapat, pergaduhan, pergolakan yang akhirnya membawa bencana dan kemusnahan Poseng dalam novel ini.

Dalam novel ini terdapat ungkapan yang keras sebagai gambaran kemarahan masyarakat. Antara ungkapan tersebut, “Orang-orang tu jangan masuk dalam buku kita. Orang-orang itu ada tapi di luar buku kita. Kita ini biawak. Kita ini babi. PBB kita inipun dikatakan Persatuan Biawak dan Babi” (hal. 131). Jelaslah bahawa dengan hadirnya organisasi politik, nilai kemanusiaan turut terganggu. Seseorang individu dalam masyarakat yang tidak matang akan mencetuskan pergaduhan dan perpecahan. “Buku” dalam petikan tersebut dikaitkan dengan fahaman dan ideologi kepartian seperti di Poseng adanya PBB dan PSS.

Pandangan Fatimah Busu (2010: 367) mengatakan bahawa kedua-dua buah parti ini bertanggungjawab memecah-belah kehidupan yang harmoni di Poseng. Ini adalah kerana kedua-duanya mempunyai motif perjuangan yang berbeza. PBB mempunyai dasar menyokong kerajaan, cenderung kepada sikap kebendaan, kemewahan dan keriaan dengan perilaku bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk yang semuanya mengarah kepada cita rasa keduniaan. Sementara PSS mempunyai konsep yang berlawanan dengan PBB. Perjuangan PSS mengarah kepada keagamaan yang hanya mengambil kira hal-hal keakhiratan.

Pandangan ini juga mempunyai persamaan dengan pandangan A. Rahim Abdullah (2008: 208) yang mengatakan dari sudut semiotik, pengarang meletakkan dua hal yang saling bertentangan. Kesan amalan berparti atau fahaman masyarakat Melayu dalam berpolitik di negara ini, membawa kepada suatu tahap yang cukup buruk dan

menyedihkan. Faham sekular dan faham agama bertembung akibat kekeliruan atau kurangnya mata batin mereka terhadap faham politik dan cara berpolitik. Secara tidak langsung, Shahnnon Ahmad memberikan nilai kepada situasi dan konvensi ini. Ada dua puak berbeza (fahaman politik) yang saling bertentangan di Poseng, iaitu PBB dan PSS, menyebabkan malapetaka menimpa Poseng. Untuk menyatakan bahawa politik lawan agama, atau agama lawan sekular agak kurang tepat.

Organisasi yang dapat ditafsirkan secara tersirat pada nama-nama syarikat korporat. Terdapat nama yang dikenal pasti daripada individu atau pertubuhan tertentu. Dalam *TTG*, nama Merbau Holdings dikaitkan dengan nama syarikat milik kroni syarikat PBB. Merbau Holdings menjalankan agenda yang diarahkan untuk melakukan kemajuan di Poseng. Penduduk Poseng tidak menyukainya namun tidak berupaya menentang. Pengarang mengungkapkan, “Lori-lori balak dengan cap Merbau Holdingsnya tak jemu-jemu meraung atas jalan raya membawa balak dan beruk-beruk” (Shahnnon Ahmad, 1988: 193). Merbau Holdings merupakan gambaran tersirat syarikat korporat yang dilihat mempunyai kuasa atas arahan pihak atasan. Syarikat korporat seperti Merbau Holdings digunakan oleh pengarang membuktikan bahawa nama yang besar melambangkan kekayaan dan kehebatan dapat mengatasi pihak yang kecil dan tidak berdaya seperti masyarakat Poseng.

Pengarang turut menggunakan unsur alam dengan memberi perumpamaan haiwan. Perkaitan antara haiwan dengan suasana politik dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Anjing pun kadang-kadang ganas menokak orang lain dan kucing-kucing kurap kerapnya rajin mencakar diri dan mencakar orang lain. Kuku-kukunya pun adalah kuku besi yang suka mencakar dan bercakar.
(Shahnnon Ahmad, 1988: 290)

Anjing dan kucing yang digambarkan menokak dan bercakaran melambangkan tindakan dua pihak yang sukar sekali untuk berdamai. Kedua-dua haiwan sering wujud

dalam perlambangan Melayu, antara yang terkenal ialah peribahasa “seperti anjing dengan kucing”. Perbuatan dan perlakuan haiwan yang dikaitkan dengan manusia-manusia dalam *TTG* dilihat dalam ungkapan, “Mereka perlu diajar betul-betul seperti kita mengajar beruk naik kelapa atau mengajar kerbau keliling tumang” (hal. 207). Beruk dan kerbau juga merupakan dua haiwan yang dikaitkan dengan masyarakat Melayu tradisional. Beruk digunakan untuk memetik buah kelapa manakala kerbau membantu kerja pembajakan di sawah. Namun kedua-dua haiwan ini perlu diajar dan dilatih agar mahir melakukan kerja-kerja tersebut. Sebagai makna secara kiasan, perbuatan ini adalah perbuatan yang berikhtiar (manusia – kuasa politik) ke atas yang lemah (haiwan – rakyat bawahan) untuk kesenangan pihak yang berkuasa itu.

Makna siratan lain yang diungkapkan pengarang berkaitan dengan kemunculan generasi baharu sebagai penerus tradisi perjuangan. Pengarang mengungkapkan, “Tapi di perdunya terhulur pucuk baru yang cuba menojah untuk bersama mengecap cahaya matahari” (hal. 305). Selain itu ungkapan yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri juga dinyatakan secara perlambangan yang dipetik, “Kutil orang perempuan bukan kutil ketam paya. Kutilnya sakit dan sedap serentak” (hal. 126). Terdapat juga ungkapan yang tersirat namun melankolik yang berkaitan dengan pengalaman masa lalu dan kenangan yang sukar dilupakan. Ungkapan tersebut ialah, “Kenangan lama memang manis dan nyaman” (hal. 78).

Shahnon Ahmad memilih nama-nama watak dalam *TTG* yang berkaitan dengan pandangan alam Melayu. Nama Su Usul itu memberi makna kebenaran. Nama Bunga melambangkan kewangian malahan “bunga” dikaitkan dengan perempuan. Dalam perlambangan Melayu wujud ungkapan “bunga dan kumbang”. Nama Bedul, ada kaitan dengan bunyi “bendul”, yang dikaitkan dengan sikap lurus. Terdapat simpulan bahasa “lurus bendul” yang membawa maksud seseorang yang terlalu jujur. Nama Goh pada

seekor lembu ada persamaan dengan bunyi yang dikeluarkan oleh lembu itu sendiri. Nama Medang mengekalkan nama sejenis pokok hutan yang besar dan kukuh kayunya.

6.5 Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel *Nagogho Astana*

Nagogho Astana adalah sebuah negara yang dihadirkan dalam imaginasi pengarang. Namun demikian, dari segi struktur fizikal, lokasi, budaya dan bahasa, jelas sekali bahawa negara tersebut berada di Nusantara atau Kepulauan Melayu. Malahan kemungkinan besar, Nagogho Astana dalam novel itu adalah negara Malaysia. Pengarang menggunakan nama lain bagi sesebuah negara atau tempat adalah strategi penyampaian makna siratan. Perbincangan makna siratan unsur alam novel *Nagogho Astana* (NA) ini dibahagikan kepada tiga iaitu Makna Siratan Nama Negara, Nama-nama Tempat dan Flora dan Fauna.

6.5.1 Nama Negara

Nagogho adalah sebutan bagi “negara” mengikut dialek negeri Kelantan. Kemungkinan pengarang sengaja menggunakan sebutan dalam dialek Kelantan kerana pengarangnya adalah kelahiran Kelantan. Kata “Astana” adalah bermaksud istana. Jadi Nagogho Astana dimaksudkan ialah Negara Istana. Nama negara yang digunakan sebagai latar ini tidak wujud di mana-mana peta secara realiti. Nama ini dimunculkan secara tersirat.

Negara Astana ini diwujudkan sebagai fiksyen yang bersandarkan realiti, menggambarkan latar negeri atau negara Melayu di Nusantara atau Kepulauan Melayu. Ciri-ciri sebuah negara Islam juga dapat dikesani dalam novel ini. Sebagai contoh, Watak Profesor Turab mencari asal-usul Nagogho Astana yang dikatakan mempunyai

13 wilayah. Dalam keadaan ini ada persamaan dengan 13 negeri di Malaysia. Nagogho Astana wujud sekurang-kurangnya dalam Zaman Perunggu (2000-1000 sebelum Masihi). Ini dibuktikan dengan penemuan beberapa butir cawan perunggu, iaitu campuran tembaga dengan timah, di Gua Lesung, pedalaman Nagogho Astana.

Pengarang melanjutkan dengan;

Penemuan bahan besi bersama perunggu, oleh pengkaji Jerman disebut zaman Hallstatt (1000-500 S.M), dan ada pula penemuan besi semata-mata seperti sebilah pedang, kapak, dan lembing. ini jelas bahawa bukti penduduk Gua Lesung, maksudnya penduduk Nagogho Astana, telah mengalami proses kehidupan yang panjang.
(S.Othman Kelantan, 1997: 29-30).

Pengungkapan ini seperti menggambarkan Nusantara atau Kepulauan Melayu.

Selain itu, asal-usul Nagogho Astana juga sengaja didebatkan dengan kiasan. Dipetik;

Nama negara ini, iaitu Nagogho Astana banyak menimbulkan pendapat para sarjana. seorang pengkaji luar menyatakan bahawa *nagogho astana* itu berasal daripada *naja hannah* nama saintifik kepada sejenis ular tedung selar. Dan malah pelbagai jenis spesies ular yang berbisa. Kemudian sebutan *naja hannah* itu bertukar sedikit demi sedikit menjadi *nagogho astana* menurut pelat atau dialek penduduk tempatan yang amat mengawal bahasa pertuturan mereka.
(S. Othman Kelantan, 1997: 4).

Penceritaan itu dilanjutkan dengan cerita lisan berkaitan perjuangan orang Melayu di negara itu;

Antara cerita lisan atau sejenis folklore yang sangat terkenal berhubung dengan perjuangan orang Melayu menentang Siam, Cina dan pelbagai musuh dari luar dan di dalam negeri, dalam zaman awal pembentukan kerajaan kuno negara ini iaitu cerita seekor ular jelmaan seorang putera raja, yang disebut Cerita Nago Bogho.
(S. Othman Kelantan, 1997: 6).

Selain itu pengarang mengungkapkan;

Dari cerita lisan ini lebih dekat kebenarannya bagaimana asal usul negara ini dinamakan Nagogho Astana, yang memberi erti istana naga yang agung. Dengan pakatan luar biasa, sepeninggalan naga itu, rakyat negeri ini telah membuat satu perayaan dengan permainan yang dinamakan Makyong dengan sebuah cerita yang dinamakan Cerita Dewa Muda. Cerita ini menjadi terkenal dan dihubungkan dengan Wau Bulan untuk berhubung dengan Raja Dewa Muda di kayangan.

(S. Othman Kelantan, 1997: 7).

Menurut Mohd. Hanafi Ibrahim (2012: 19), *Nagogho Astana* dikelompokkan sebagai novel politik. Hal ini dapat dibuktikan melalui tema dan persoalan yang terkandung. Pertama, ia berkaitan dengan institusi pemerintahan yang memerihalkan tentang konsep negara, kerajaan, perundangan, struktur fungsi institusi yang melaksanakan dasar, pelaku-pelaku politik, proses-proses politik, dan pengagihan nilai normatif sebagai mana yang distrukturkan oleh pemerintah di sebuah negara fiktif-realiti, Nagogho Astana. Kedua, dilihat daripada segi ideologi dan konsep kuasa yang mencakupi bentuk antara entiti politik, eksekutif, legislatif dan aktor sosial yang lain, iaitu rakyat jelata.

Kemelut, cabaran dan ragam masyarakat negara tersebut digambarkan melalui setiap bab novel ini. Nagogho Astana mempunyai seorang Perdana Menteri seperti Malaysia tetapi disebut sebagai Menteri Perdana. Terdapat slogan yang popular di Malaysia sekitar tahun 2003-2008 dahulu iaitu istilah “Negara Kebajikan”. Dalam novel ini juga jelas menyatakan bahawa bangsa Melayu sebagai kaum majoriti negara ini. Ini dibuktikan dalam bab *Global Tribes* dan Melayu Baru.

Situasi masyarakat dan cabaran politik serta ekonomi Nagogho Astana antaranya digambarkan melalui pengungkapan Menteri Perdana dalam novel ini;

Yang penting sekarang, jangan ada anasir yang dapat menyekat pertumbuhan negara kita. Biarlah Nagogho Astana menjadi seperti tuan puteri tercantik di dunia, yang akan direbut oleh seluruh wira modal dan syarikat gergasi seluruh dunia. Biar seluruh wira raksasa kewangan di dunia datang untuk merebut senyum dan kecantikan tuan puteri Nagogho Astana.
(S. Othman Kelantan, 1997: 273)

Setelah mengamati banyak aspek dan bukti, nama-nama tempat dan istilah yang diungkapkan pengarang secara tersirat, amat besar kecenderungan menunjukkan Nagogho Astana adalah negara Malaysia sendiri.

6.5.2 Nama-nama Tempat

Pengarang menggunakan nama-nama tempat sebagai yang tersirat untuk dikaitkan dengan tempat-tempat tertentu yang wujud di luar fiksyen. Antaranya nama institusi pengajian tinggi, nama jalan dan taman perumahan.

Nama Universiti Nasional Astana (UNA) digunakan oleh pengarang dalam novel ini. Lokasi institusi pengajian tinggi ini dalam novel dinyatakan terletak di Nagobogho. Ini berkaitan dengan sebuah institusi pengajian tinggi yang menggunakan nama “nasional” atau “kebangsaan”. Selain itu dinyatakan Nagogho Astana mempunyai sempadan yang dikaitkan dengan nama *Melesia*. Nama *Melesia* sangat rapat bunyi sebutannya dengan Malaysia. Cuma yang dimaksudkan *Melesia* itu sebuah negeri, atau mungkin negara yang bersempadan dengan Nagogho Astana. Pernyataan ini dapat dikaitkan dengan pengungkapan pengarang;

Nagogho Astana mempunyai sempadan yang tidak banyak. Di sebelah timur berpantaukan laut Asean. Di utara bersempadan dengan siam, dan dialek penduduk selatan siam seakan-akan sama dengan Melayu Nagogho Astana (Kelantan?). Di sebelah barat dan selatan bersempadan dengan Melesia. Dialek penduduk Melesia utara juga seakan-akan sama dengan Melayu Nagogho Astana.

(S. Othman Kelantan, 1997: 7).

Selain itu, nama tempat lain yang diungkapkan secara tersirat ialah nama tempat yang mana terdapat tiga blok pangsapuri. Tempat itu dinamakan Bukit Liburan. Perkataan “liburan” memberi makna hiburan ataupun aktiviti untuk bersenang-senang. Situasi ini dapat dikaitkan dengan tempat yang mewah. Bukit Lebaran boleh dikaitkan dengan kawasan perbukitan Hulu Kelang atau sekitarnya. Perkaitan ini secara realiti apabila dikaitkan dengan peristiwa keruntuhan sebuah apartmen mewah di Hulu Kelang, atau lebih spesifik Highland Tower. Satu tragedi telah terjadi pada tahun 1993 di kawasan tersebut. Dalam novel ini, pengarang mengungkapkan;

Memang benar, fikir Menteri Ketua, bukit-bukau di lembangan Nagobogho mesti dimanfaatkan. Kemalangan tiga blok pangsapuri lapan puluh tingkat di atas Bukit Liburan yang mengorbankan lebih seribu orang dua tahun lalu, hanya satu bencana alam.

(S. Othman Kelantan, 1997: 77).

Sebuah lagi nama tempat dalam novel ini yang dikaitkan dengan realiti ialah Taman Seri Permata. Wujudnya nama tempat ini dalam fikiran penulis dikaitkan dengan taman perumahan di Kuala Lumpur. Dalam novel ini Taman Seri Permata terletak di Nagobogho, iaitu ibu negeri atau ibu negara bagi Nagogho Astana. Watak Syukran Syaukat dimunculkan sebagai wali kota atau datuk bandar Nagobogho. Ini dibuktikan dengan pengungkapan, “Jangan bimbang. banjir kilat itu sebahagian daripada pengalaman pahit kami penghuni ibu kota. Bukankah nama ibu kota kami ini Nago Bogho, yang bermakna naga besar yang amat menakutkan? Dan bila-bila boleh menelan kami?” (S. Othman Kelantan, 1997: 87). Begitu juga dengan, “... dan tengah malam ini, Sungai Tasik yang tenang dan mengalirkan cinta seluruh penghuni itu tiba-tiba menjadi seekor naga yang tidak mengenal kawan” (hal. 92). Kewujudan naga besar sebagai mitos dan fantasi pengarang juga merupakan makna siratan unsur alam tentang adanya ancaman dan kuasa yang menggugat keharmonian dan kesentosaan masyarakat yang menghuni bandar tersebut.

Demikian dengan menyebut sebuah institusi yang dinamakan Balai Pustaka yang mana pengarang mengungkapkan secara tersirat, “Bagaimanapun, Balai Pustaka bangga kerana dapat menerbitkan sekurang-kurangnya lima puluh atau enam puluh buah novel setahun. Buku jenis ini termasuk ke dalam istilah “berjalan macam kura-kura” (hal. 150). Balai Pustaka, secara gambaran realiti kemungkinan ada kaitan dengan institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia.

6.5.3 Flora dan Fauna

Makna siratan flora dan fauna turut diungkapkan dalam novel *Nagogho Astana*. Flora, istilah biologi yang bermaksud keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa manakala fauna, juga istilah biologi membawa maksud seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu. Beberapa tumbuhan dan haiwan atau binatang disebut dalam novel ini dan dapat ditafsirkan sebagai pengungkapan yang membawa makna siratan.

Perkataan “bunga” diungkapkan melalui satu khutbah yang mendapat reaksi orang ramai. Dipetik;

Komen seorang tokoh politik pemerintah, YB Zulnajah Deris, dari Wilayah Lapan: “Pembangunan dan kemajuan pesat Nagogho Astana ibarat sekuntum bunga. Bunga itu sedang mengembangkan kelopaknya. Lebah mendapat nikmat madu daripada bunga yang indah itu. Labah-labah pula mendapat racun daripada bunga itu. Seorang gadis atau kaum sejenisnya (*wanita tua atau dewasa atau janda*) menyunting bunga itu menjadi hiasan sanggulnya. Bunga itu menambahkan seri si gadis dan kaum sejenisnya. Dan dalam masa yang sama, datang monyet, lalu memusnahkan bunga itu. (S. Othman Kelantan, 1997: 124) .

Bunga merupakan siratan tentang keharuman dan kecantikan. Dalam konteks novel ini, Nagogho Astana diumpamakan seperti bunga yang sedang mengharum yang menjadi perhatian. Dikaitkan juga tentang “labah-labah” sebagai haiwan yang mengambil kesempatan untuk mendapat nikmat “madu” daripada “bunga” tersebut.

Imej kelekatu, sebagai haiwan yang berterbangan pada waktu malam mencari cahaya digambarkan oleh pengarang sebagai makna siratan unsur alam. Kelekatu dikaitkan dengan tafsiran sifat yang kecil dan mudah diperdaya dikaitkan dengan peribadi Na'im Jamalul. Perenungan terhadap realiti kehidupan dan amalan masyarakat bahawa kelekatu yang masuk ke rumah selalunya akan mati setelah terpedaya dengan sinaran lampu yang terang. Bab yang bertajuk “Dunia Kelkatu” dalam novel ini merupakan siratan yang dibawakan oleh pengarang yang dikaitkan sebagai pengamatan

terhadap alam. Dalam bab ini, penceritaan tentang Na'im Jamalul, seorang penulis sastra yang seakan-akan melihat dirinya seekor kelekatu. Pengarang mengungkapkan;

Kelekatu itu terpesona melihat cahaya yang berkilauan di dalam air yang memijar. Kelekatu itu terjun ke dalamnya. lalu terperangkap. Terenang-renang. Terlalu payah, dan tidak dapat keluar daripada perangkap air yang tadinya disangka indah.
(S. Othman Kelantan, 1997: 145).

Nasib malang seperti kelekatu itu dirasakan oleh penulis kecil seperti Na'im. Hal ini dapat dibuktikan dengan pengungkapan berikut:

Kata Safwan Safawi, pengurus syarikat penerbitan terkenal. "Karya Encik Na'im amat bermutu. Inilah yang menarik mina penerbitan kami mencetak dan memasarkannya. Tetapi perlulah Encik Na'im ketahui, bahawa kerana novel encik berat, penuh estetik, indah dalam perlambangan dan imej, menyebabkan susah mendapat pembeli. Pembeli dan pembaca kita, Encik Na'im, memilih novel erotik atau picisan, yang merangsangkan keinginan dalaman."
(S. Othman Kelantan, 1997: 149).

Imaginasi pengarang tentang perjalanan seorang penulis seperti Na'im Jamalul juga melalui petikan;

Apabila Na'm Jamalul memasuki ruang tamu rumah teres dua tingkatnya, tanpa kelihatan isterinya, dengan tiba-tiba sahaja dia menjadi seekor kelekatu tanpa sayap tanpa kaki tanpa mata tanpa badan dan tanpa kewujudannya. Dalam ketiadaan sesuatu itulah Na'im Jamalul melihat dunia penulis kreatif. Nai'im Jamalul longlai di situ."
(S. Othman Kelantan, 1997: 156).

Peribahasa "kera di hutan" turut digunakan oleh pengarang sebagai yang tersirat dalam penceritaan tentang pendatang haram yang semakin bertambah. Melalui watak Malik dan Salam, pendatang haram dari Myanmar diberkas di wilayah sempadan.

6.6 Makna Siratan Unsur Alam dalam Novel *Naratif Ogonshoto*

Naratif Ogonshoto (NO) adalah sebuah novel yang membawakan teknik penceritaan yang berbeza dengan novel-novel lain. Persoalan-persoalan yang dibawakan dalam novel ini adalah persoalan kemanusiaan, kepimpinan dan isu-isu politik. Kandungan novel ini sarat dengan siratan dengan pengungkapan yang perlu ditafsirkan dalam pelbagai maksud. Makna siratan unsur alam yang dibincangkan daripada novel ini dibahagikan kepada tiga iaitu pertama Makna Siratan Gambaran Daratan, Lautan dan Cakerawala, manakala yang kedua, Makna Siratan Kejadian Alam dan ketiga Makna Siratan Nama-nama Tempat.

6.6.1 Gambaran Daratan, Lautan dan Cakerawala

Alam yang luas terbentang terdiri daripada daratan dan lautan. Begitu juga dengan segala yang wujud di cakerawala ciptaan Yang Maha Kuasa tidak terhitung jarak dan bilangannya. Alam kosmos yang tersembunyi dengan segala rahsia dan keajaiban sukar diteka oleh manusia biasa. Kajian astrologi dalam bidang sains antara usaha manusia untuk meneroka bidang ini. Dari sudut kosmologi, manusia biasa hanya dapat mengetahui fungsinya untuk kehidupan. Daratan, laut, gunung-ganang, bukit-bukau terdapat di bumi manakala matahari, bulan, bintang, awan, hujan dan langit antara yang terdapat di cakerawala. Pada pandangan para pengarang, hal ini turut disentuh dalam pengkaryaan yang dinyatakan secara langsung mahupun dikaitkan secara tersirat.

Gambaran tentang keindahan alam yang menuntut para pembaca berfikir begitu banyak dalam novel ini. Antaranya, “Mungkin gelombang laut tertumpah cahaya bulan, fikirnya lagi. Tetapi mengapa cahaya itu di atas pucuk-pucuk pohonan hutan?” (Anwar Ridhwan, 2001: 89). Pengungkapan “gelombang laut tertumpah cahaya bulan”

gambaran tentang keindahan itu. Namun secara tersirat gambaran demikian menunjukkan hubungan antara yang “di atas’ dengan ‘yang di bawah”.

Daratan dan tanah juga dikaitkan sebagai harta yang bernilai. Tanah, semakin lama semakin menjadi rebutan dan tinggi harganya. Dalam politik kepartian misalnya, tanah dijadikan hadiah pemberian atas jasa bakti seseorang, malahan tanah juga dijadikan sebagai suapan atau rasuah. Dalam novel ini diungkapkan;

Bekas musuh-musuh politik Presiden, setelah menerima kurnia tanah daratan, terus melupakan perjuangan asal kerana mulai belajar hidup senang-lenang.
(Anwar Ridhwan, 2001: 89).

Demikian juga sindiran terhadap ahli politik diungkapkan; “Penyokong-penyokong presiden yang menerima kurnia tanah daratan, banyak yang segera menjual daratan masing-masing. Sasaran mereka hanyalah lima tahun, atau lima tahun akan datang, apabila pemilihan umum menurut kerangka demokrasi diadakan” (hal. 149).

Selain itu diungkapkan oleh pengarang;

Politikus kita menilai daratannya untuk tempoh lima tahun sahaja; kapitalis (pengaut untung/ orang luar) yang membeli daratan itu menilainya untuk tempoh ribuan tahun akan datang. Selain itu simbolik tentang daratan diungkapkan sebagai, “Bangsa yang berpandangan singkat melupakan daratannya.
(Anwar Ridhwan, 2001: 149).

Gambaran tentang “daratan” lain yang ditafsirkan sebagai alam akhirat diungkapkan dalam petikan;

Kereta mayat bermuzik hiba (bukan Islam) yang kian menjauh itu mengingatkan aku kepada tsunami kecil yang menggulung hayat manusia, sebelum melemparkannya ke sebuah “daratan” yang lain.
(Anwar Ridhwan, 2001: 194).

Terdapat juga gambaran tentang alam yang dibawakan secara abstrak iaitu;

Perempuan tua itu bermimpi seekor camar terbang lesu di bawah bebola matahari yang sedang menyinsing turun ke dalam lautan. Semakin lama, camar dan bebola matahari itu semakin terbenam ke lantai samudera pagi. Biru air samudera bertukar warna merah api.
(Anwar Ridhwan, 2001: 74).

Secara tersirat gambaran tersebut menyatakan betapa hukum alam yang mengubah sesuatu keadaan itu tentunya berkaitan dengan perbuatan manusia juga. Warna biru bertukar menjadi merah pada lautan (samudera) menunjukkan betapa keharmonian telah bertukar menjadi kesengsaraan. Perkataan “camar”, “bebola matahari”, “samudera pagi” dan “merah api” menyentuh tentang kewujudan alam yang luas. Namun secara literal dapat difahami makna petikan berikut menunjukkan betapa besarnya ciptaan Allah yang sepatutnya disambut dengan rasa penuh kerendahan dan bersyukur.

Gambaran tentang kewujudan alam dengan menyatakan imej-imej lain terdapat pada pengungkapan;

Bekerja di bawah matahari membakar, hampir tanpa henti sepanjang hari kecuali untuk makan dan minum. Lelaki tua itu semakin risau tentang air. Itulah hari awal yang mengajarnya supaya menganggap hujan tidak akan turun lagi buat selama-lamanya di Ogonshoto; dan meminum seteguk dua air seolah-olah telah minum sepanjang hari.”
(Anwar Ridhwan, 2001: 89).

Petikan tersebut adalah gambaran usaha manusia untuk mendapatkan sumber alam sebagai jalan meneruskan kehidupan. Jika usaha tidak dilaksanakan, kemungkinan kematian itu akan datang. Keadaan ini berbeza antara setiap manusia, ada yang mudah mencari peluang dan rezeki untuk kehidupannya, dan tentulah sebaliknya ada yang susah dan berhempas-pulas untuk meneruskan kehidupan. Dalam pada itu ada juga yang menggunakan kejahatan dan kekejaman untuk kepentingannya sendiri. Perkataan “matahari” sebagai yang tersirat dalam kehidupan itu manakala “hujan” atau “air” adalah yang tersirat kepada keperluan-keperluan untuk meneruskan kehidupan. Petikan tersebut disambung dengan, “Pada masa itulah dia terdengar bunyi aneh, seperti gema angin kering menerbangkan debu kemudian berputar-putar memukul dinding kolam kontang, semasa dia masih di dasar kolam itu tadi.” Pengungkapan “gema angin kering” membuktikan bahawa adanya unsur kejahatan dan khabar yang tidak begitu baik.

6.6.2 Kejadian Alam

Kejadian alam yang dibincangkan secara tersirat ini adalah pertimbangan yang difikirkan untuk diinsafi dan direnungi. Beberapa kejadian alam ditemui dalam penceritaan novel ini. Novel ini bersifat metafiksiyen tentu sekali ditemui pengungkapan dan kejadian yang dianggap tidak logik pada realiti.³ Namun hal demikian sebagai makna siratan kejadian alam yang dibincangkan.

Kejadian yang aneh diceritakan dalam novel ini apabila pada suatu senja, raksasa muncul dari lengkung lautan belahan barat seperti sekumpulan empat ratus sembilan puluh ekor paus biru, berenang tujuh ekor seiring berlapis tujuh (Anwar Ridhwan, 2001: 4). Kejadian yang digambarkan demikian kelihatan aneh, gempar dan hebat apabila diungkapkan imej “raksasa” dan turut digambarkan ialah “ikan paus biru”. “Raksasa” yang dimaksudkan itu ialah kapal yang dinamakan Kawai Maru.

Penceritaan *NO* dimulakan dengan kemunculan Kawai Maru kemudian berlarutan dengan kejadian, peristiwa dan intrig yang berbagai-bagai. Dalam beberapa karya tradisional Melayu, contohnya Hikayat Malim Deman, siratan kejadian alam turut dinyatakan ketika kelahiran tokoh tersebut. Wujudnya suasana sedemikian untuk menggambarkan betapa telah lahir seorang perwira yang hebat.

Dalam novel ini, watak Presiden digambarkan mempunyai kehebatan dan keberanian luar biasa. Keputusan Presiden tidak dapat disangkal oleh sesiapaupun, malahan Presiden memulakan kekejaman dan kejahatan yang kemudian berleluasa dalam kalangan rakyat. Perkaitan dengan kekuatan dan kehebatan Presiden ini secara tersirat diungkapkan berikut:

³ *Naratif Ogonshoto (NO)* dapat dikatakan berunsur metafiksiyen. *NO* membawa kita ke dunia dan suasana yang tidak mudah ditemukan dalam perjalanan teks kreatif di Malaysia. Pengarang seakan-akan menghindari kontroversi dengan jalan selamat. Hal ini dilakukan dengan membentuk dunia *Ogonshoto* yang imaginatif sifatnya. Justeru, tidak dapat dikesan secara sah tempatnya dalam realiti kehidupan.” Pendapat Awang Azman Awang Pawi dalam “*Naratif Ogonshoto: Perspektif Wacana Kuasa dan Hegemoni*” Dewan Sastera, Disember 2002 (hal. 10-17).

Menurut mereka ini, yang bicara sembunyi-sembunyi, belajar tidak mahu menyerah kalah, ada tujuh tembok ghaib mengelilingi Istana Presiden: semangat mahasiswa yang telah dicabut dan dipasak ke bumi, semangat nelayan yang telah dirantai ke tanah, semangat petani yang telah dibelenggu ke batu hitam muntahan gunung api, suara wartawan radikal yang hanya layak melindungi kaki bukit keliling Istana, suara seniman tulen yang hanya cocok memagar keliling pekarangan, empangan darah para pembangkang dan sederetan laung mangsa penyeksaan serta pembunuhan misteri.

(Anwar Ridhwan, 2001: 23).

Tujuh tembok yang mengelilingi istana bukanlah batu-bata atau binaan fizikal yang dibayangkan pada mata kasar. Namun berdiri kukuh seorang Presiden adalah atas banyak faktor yang tersembunyi. Kekukuhan kedudukan seseorang Presiden ada kaitannya dengan faktor-faktor yang menyokong dan juga kejadian-kejadian yang mengejutkan. Tujuh tembok dalam naratif tersebut ialah semangat mahasiswa, semangat nelayan, semangat petani, suara wartawan radikal, suara seniman tulen, darah pembangkang dan laungan mangsa penyeksaan. Secara sinis pengarang meletakkan suara-suara penyokong dan penguat semangat seperti mahasiswa, nelayan, petani, wartawan dan seniman namun pada waktu yang sama kekerasan berlaku terhadap pembangkang dan mangsa penyeksaan. Situasi ini menunjukkan sebagai simbolik kejadian alam yang menuntut tafsiran masyarakat. Kemungkinan yang menarik juga dikaitkan dengan sesuatu yang lumrah dalam masyarakat, yakni dikatakan sebagai “Sudah lumrah alam sedemikian.”⁴

Tsunami yang melanda Ogonshoto telah dibincangkan dalam Bab Empat bahagian Peristiwa Bencana dan Kemusnahan. Selain dikaitkan sebagai peristiwa, tsunami merupakan kejadian alam yang tentunya sebagai iktibar manusia. Kejadian tsunami juga dapat dikaitkan sebagai balasan kejahatan manusia.

⁴ Ungkapan “Sudah lumrah alam sedemikian” tidak merujuk mana-mana kajian lain tetapi adalah cetusan yang lumrah dalam masyarakat. Cetusan ini mempunyai kaitan dalam perbincangan makna siratan unsur alam ini.

Sebagai manusia biasa, kelebihan indera wajar digunakan dengan lebih mendalam sebagai tafsiran kejadian alam. Dalam novel ini, pengarang mengungkapkan;

Dua tanda petaka buruk dan satu peribadi yang luar biasa, bagaimanakah untuk memahami hubungan itu? Bagaimanakah untuk mentafsir wujud dua yang buruk dengan wujud satu yang tidak buruk? Ini suatu hubungan yang aneh, yang sukar ditafsirkan, belum ditemukan dalam kitab-kitab pegangan resi. Mata batin perlu merenung kembali, lebih lama, lebih mendalam, demi mendapatkan tafsiran yang tepat.
(Anwar Ridhwan, 2001: 99).

Petikan tersebut adalah tentang perenungan tanda petaka daripada Tuhan dalam kalangan penduduk Aitu. Ketibaan dua tanda petaka itu, dikatakan sebagai mengiringi detik perlantikan Presiden baru Ogonshoto. Tafsiran kejadian alam itu merupakan pandangan “mata batin”, yang terbukti bahawa itu adalah kebijaksanaan.

Terdapat lagi beberapa kejadian alam yang dimasukkan oleh pengarang dalam penceritaan novel ini. Hujan, ribut, angin, bunyi haiwan, isyarat langit dan sebagainya sangat jelas dibawakan sebagai pernyataan dekatnya dunia kepengarangan dengan alam.

6.6.3 Nama-nama Tempat

Nama-nama negara, negeri, bandar dan tempat-tempat sebagai latar dalam novel *Naratif Ogonshoto* tidak wujud dalam realiti. Menurut Mawar Shafei (2010: 164), teknik realiti imaginatif dimainkan oleh pengarang untuk melukiskan peta kedudukan Ogonshoto yang terletak di Kepulauan Pasifik, kurang lebih 1,500 batu di barat laut Pulau Easter milik Chile, ibu negara Tatamanu. Ogonshoto terdiri daripada pulau yang dinamakan Gora-gora, Futu-ata, Rai-rapa, dan beberapa bandar seperti Tubua, Malagana, Aitu, Kuri, Ture, Runakita. Lautan yang mengelilingi Ogonshoto ialah Lautan Pasifik. Dalam novel ini dinyatakan; “Sebahagian daripada kami berasa aneh apabila pertama kali Kawai Maru menghampiri kepulauan Ogonshoto. Namanya Jepun, tetapi letaknya jauh di pusat Pasifik.” (Anwar Ridhwan, 2001: 3).

Nama-nama yang digunakan pelik, jauh daripada jangkauan pemikiran masyarakat Melayu dari segi sebutannya. Nama-nama tempat ini sebagai satu kejutan oleh Anwar Ridhwan untuk menarik perhatian pembaca dan mendalami betapa kisah dalam *NO* bukan seperti kisah yang pernah dibaca sebelumnya.

Tidak dapat ditemui makna perkataan “Ogonshoto” itu. Tidak juga dapat dikenal pasti adakah berasal daripada bahasa Jepun ataupun bahasa Latin. Demikian juga bunyinya agak asing dalam bahasa-bahasa yang biasa dituturkan di Nusantara. Setelah diteliti daripada aspek penceritaan, bunyi sebutan “Ogonshoto” ada kaitan dengan *gunshot*, yakni istilah bahasa Inggeris yang bermaksud bunyi tembakan ataupun jarak tembakan. Dalam novel ini, beberapa bab membawa kemelut kemanusiaan dan politik hingga menimbulkan kecelaruan yang membawa kejahatan. Kejahatan-kejahatan ini merupakan satu “tembakan” secara tersirat, kerana hal demikian berlaku benar-benar dalam masyarakat. Lagi pula, watak-watak dalam novel ini menghadapi situasi *gunshot*, dalam maksud menembak, tertembak atau ditembak.

Dalam novel ini diungkapkan bahawa,

Ketika kami bergaul dengan rakyatnya (Ogonshoto) yang ramah-tamah, kami menyedari betapa mereka kaya-raya dengan cerita – lain daripada kisah-kisah yang biasa kami dengar tentang ikan, sotong, ketam, belut, jerung; tentang laut dan hidup-hidupan di dalamnya.
(Anwar Ridhwan, 2001: 6).

Demikian yang dimaksudkan sebagai “cerita-cerita lain”, yang dimaksudkan di sini betapa Ogonshoto dihadirkan sebagai satu tempat yang penuh dengan cerita, mungkin aneh namun simbolik. *NO* diolah secara sedar apabila pengarang mengaitkan tentang tempat kelahirannya sendiri iaitu Sungai Besar di Selangor. Dalam novel ini, “aku” diceritakan berasal dari Kali Besar. “Kali” dalam istilah bermaksud “sungai”. Ini dibuktikan dalam petikan, “Aku tak kembali ke kampung halamanku, walaupun perkampungan itu amat indah” (Anwar Ridhwan, 2001: 193). Kemudian;

Aku memejamkan mata, mengingat kampung halaman. Terdengar jua deru itu, alun Kali Besar merempuh akar-akar bakau pinggir selat. Jauh. Memang

jauh, di Malaya.” Kemudian disambung dengan, “Aku berasal dari Okigawa” menterjemahkan secara harfiah nama desaku – Kali Besar – kepada Ayako. Itu kata-kata separuh lelucon. Separuh lagi adalah kekhuatiran...

(Anwar Ridhwan, 2001: 195)

Beberapa tempat dalam novel ini digambarkan secara terperinci seolah-olah wujud dalam realiti. Tempat tertentu dinyatakan gambaran fizikal dan juga kegiatan masyarakat yang menghuni tempat itu. Contohnya Ture. Dipetik; “Ture, menurut hemat jeneral, bukanlah tempat tercantik di Ogonshoto – lebih-lebih lagi untuk menghabiskan sisa usia. Itu penilaian matanya. Tetapi mata politiknya memilih Ture – kerana peribadi dan pimpinan politik Ture yang mulai lemah.” (Anwar Ridhwan, 2001: 30). Ture juga digambarkan mempunyai permukaan tanah yang sedang dikerjakan ini berdebu dan keras. Jalur-jalur cahaya matahari pagi seperti menyuluh debu-debu berterbangan.

Walaupun nama-nama tempat dalam *NO* tidak dapat dikesani dengan mendalam melalui sudut etimologi, namun tafsiran makna siratan yang dibawakan dapat dikesani. Hal ini diakui oleh Mawar Shafei (2010: 60) dengan menyatakan bahawa menekuni *NO* mengembalikan kenyataan Kristeva bahawa sesebuah karya menawarkan pelbagai maklumat, dan adalah tugas khalayak mencari makna maklumat tersebut.

6.7 Rumusan

Pengungkapan yang membawa makna siratan unsur alam menunjukkan bahawa setiap para pengarang tersebut dengan cara kiasan dan sindiran menyampaikan maksud tertentu kepada masyarakat. Cara berselindung ini adalah pancaran kehalusan perasaan orang Melayu dengan memilih imej-imej alam secara tersirat penceritaan dibawakan kepada pembaca.

Rajah di bawah memperlihatkan pembahagian makna siratan unsur alam yang dibincangkan.

Novel	Pembahagian Makna Siratan Unsur Alam
<i>Sebelas Rejab</i>	Tanah Keris Harta dan lain-lain - Harta - Emas - Bunga
<i>Anak Mat Lela Gila</i>	Bentuk Bulat Nama Tempat - Taman Sedia - Pondok Kekasih Kekeluargaan - Ibu - Anak
<i>Tunggul-tunggul Gerigis</i>	Perkampungan - Poseng Perjalanan Hidup Manusia - Usia - Tunggul - Hati Kehidupan Masyarakat /Organisasi
<i>Nagogho Astana</i>	Nama Negara - Nagogho Astana Nama-nama Tempat - Universiti - Melesia

	<ul style="list-style-type: none"> - Bukit Liburan - Taman Permata Flora dan Fauna - Bunga - Kelekatu
<i>Naratif Ogonshoto</i>	<p>Gambaran Daratan, Lautan dan Cakerawala</p> <ul style="list-style-type: none"> - Daratan - Tanah - Cahaya bulan - Matahari - Hujan dan air <p>Kejadian Alam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Imej raksasa - Tsunami <p>Nama-nama Tempat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ogonshoto - Kali Besar

Rajah 5: Pembahagian Makna Siratan Unsur Alam dalam Lima Buah Novel

Dalam *Sebelas Rejab*, makna siratan unsur alam yang dibincangkan adalah Tanah, Keris dan Harta dan Lain-lain. Ketiga-tiga imej tersebut merupakan imej alamiah yang dekat dengan masyarakat khususnya pada zaman karya tersebut dihasilkan. Demikian juga dengan imej-imej yang dibincangkan sebagai makna siratan unsur alam dalam novel *Anak Mat Lela Gila*. Perbincangan dibahagikan kepada tiga iaitu Bentuk Bulat, Nama Tempat dan Kekeluargaan.

Dalam *Tunggul-Tunggul Gerigis* pula, unsur alam dibincangkan dalam tiga pembahagian iaitu Perkampungan Poseng, Perjalanan Hidup Manusia dan Kehidupan Masyarakat dan Organisasi. *Tunggul-tunggul Gerigis (TTG)* sebuah novel yang membawakan konflik sebuah desa yang dinamakan Poseng. Novel ini sangat dekat dengan imej-imej alamiah, terutama perkampungan Poseng itu sendiri, selain manusia seperti Bunga dan bulat juga Goh, yang merupakan seekor lembu.

Analisis berikutnya adalah tentang Nagogho Astana dan Ogonshoto, yang merupakan dua buah negara yang wujud dalam fiksyen bukan di alam realiti. Namun demikian, nama tersebut sengaja diberikan luar daripada realiti untuk dilihat daripada sudut makna tersirat. Kedua-dua negara tersebut dihadirkan dalam imaginasi pengarang. Namun demikian, dari segi struktur fizikal, lokasi, budaya dan bahasa, jelas sekali bahawa negara tersebut berada di Nusantara atau Kepulauan Melayu.

Perbincangan makna siratan novel *Nagogho Astana* dibahagikan kepada tiga iaitu Nama Negara, Nama-nama Tempat dan Flora dan Fauna. Manakala makna siratan yang dibincangkan daripada novel *Naratif Ogonshoto* pula dibahagikan kepada tiga, iaitu pertama, Gambaran Daratan, Lautan dan Cakerawala, manakala yang kedua, Kejadian Alam dan ketiga, Nama-nama Tempat.

Sebagai individu yang peka dalam masyarakat, pengarang kreatif tidak dapat memisahkan isu-isu dan pandangan hidup masyarakat dalam karya. Pernyataan yang dirasai dan dilalui dalam lingkungan masyarakat telah dibawa dalam garapan karya-karya kesusasteraan. Imej-imej alam yang diperhatikan dan dinikmati telah menjadi subjek dalam penulisan mereka.

BAB 7: KESIMPULAN

7.1 Pendahuluan

Rumusan analisis kajian dikemukakan dalam bab ini. Analisis kajian membuktikan terdapat pengungkapan yang mengandung makna siratan dalam novel-novel Melayu yang terpilih. Dengan demikian dirumuskan kebanyakan novel yang membawakan pengungkapan tersirat adalah novel yang bertemakan politik. Lima buah novel yang dipilih iaitu *Sebelas Rejab (SR)*, *Anak Mat Lela Gila (AMLG)*, *Tunggul-tunggul Gerigis (TTG)*, *Nagogho Astana (NA)* dan *Naratif Ogonshoto (NO)* dapat dibuktikan mengandung makna siratan seperti yang telah dibincangkan. Pengungkapan tersirat yang dianalisis memfokuskan kepada tiga dimensi iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam.

Politik mempunyai tujuan yang murni, iaitu untuk kemakmuran masyarakat, agama dan negara serta menegakkan keadilan sejagat dan keharmonian dalam kehidupan normal. Suara-suara masyarakat untuk menegur atau mengkritik sistem pemerintahan dilihat bagai *taboo* atau larangan. Keadaan ini tidak berlaku di negara-negara lain seperti di Peru dengan hadirnya pengarang besar seperti Mario Vargas Llosa yang menghasilkan antaranya *The Real Life of Alejandro Mayta (Riwayat Mayta)* dan juga terdahulu di Amerika oleh Umberto Eco melalui *The Name of Roses*. Dengan keupayaan bakat, ilmu serta daya imaginasi yang baik, para pengarang yang peka terhadap masyarakatnya membawa kesedaran kepada pembaca tentang situasi yang berlaku di sekeliling.

Kata para pujangga, mata pena lebih tajam dari mata pedang. Seorang pengarang yang komited, tidak akan merasa takut untuk menyuarakan kebenaran demi bangsa, agama dan tanah airnya. Keupayaan beberapa pengarang Melayu mengungkapkan

perihal perilaku, peristiwa dan unsur alam secara tersirat dalam novel merupakan usaha yang memperlihatkan kebijaksanaan Melayu itu sendiri. Terdapat beberapa istilah yang berkaitan seperti alegori dan satira mempunyai perkaitan rapat dengan penghasilan novel secara “permainan naratif”, namun kajian ini menegaskan bahawa istilah yang sesuai adalah “makna siratan”.

Setiap pengarang mempunyai cara yang tersendiri menyampaikan pengajaran, pesan dan hiburan kepada pembaca dan masyarakat. Pengungkapan yang digunakan dalam karya berbentuk penceritaan dan dialog menimbulkan kesan-kesan yang bermanfaat kepada pembaca. Hal ini merupakan kaedah untuk mengangkat keistimewaan masyarakat itu sendiri yang dapat menanggapi sesuatu secara tersirat. Perihal politik yang adakala bernada keras dan diselangi dengan lembut dan kelucuan wajar ditinjau secara mendalam agar dapat dihadirkan makna-makna yang terkandung dalamnya. Masyarakat Melayu mempunyai cara tersendiri dalam mengungkapkan sesuatu untuk menyampaikan maksud kepada khalayaknya. Dari segi lisan, percakapan dan penceritaan mempunyai nasihat dan pesanan begitu juga dengan. Karya-karya sebegini dapat dilihat dalam bentuk pantun dan syair, begitu juga dengan hasil puisi tradisional yang lain.

Kajian tentang makna siratan ini berkaitan dengan tafsiran dalam kehidupan masyarakat Melayu. Berdasarkan dua teks sejarah Melayu dari dua daerah yang berlainan, Milner mencari apa yang disebut Clifford Geertz (1996) sebagai “budaya-budaya penuh makna” yang membolehkan beliau menggambarkan atau membentuk semula pengalaman politik Melayu tradisional itu.

Kajian novel yang dibincangkan membuktikan bahawa proses pemikiran dan penciptaannya adalah berhubung dengan imaginasi pengarang. Hal ini menunjukkan bahawa kritikan dalam masyarakat Melayu dasarnya berpaksikan pengalaman, kreativiti dan imaginasi yang berhubung rapat dengan aspek politik dan masyarakat, sejarah,

agama, teknologi, biologi, bahasa, psikologi, budaya yang melingkungi kehidupan pengarang. Para pengarang atau sasterawan mewakili suara-suara masyarakat untuk teguran dan teladan kepada individu dalam masyarakat (dimensi perilaku), sebagai pengajaran peristiwa atau kejadian yang telah berlaku (dimensi peristiwa) dan untuk menghayati kewujudan alamnya (dimensi unsur alam).

7.2 Rumusan Kajian

Analisis kajian makna siratan dalam novel-novel Melayu membuktikan bahawa para pengarang Melayu telah memasukkan kritikan terhadap masyarakat. Cara kritikan yang dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah yang dinamakan dalam kajian ini sebagai makna siratan. Cara sedemikian juga merupakan gaya atau stail para pengarang menggunakan bahasa sebagai medium untuk menyampaikan makna-makna tertentu kepada pembaca, seterusnya kepada masyarakat keseluruhannya. Kajian ini membincangkan pengungkapan tersirat yang digunakan oleh lima orang pengarang dengan memfokuskan kepada tiga dimensi perbincangan iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Kajian ini berpandukan Gagasan Kritikan Melayu.

Unsur-unsur yang tersirat dalam bentuk kiasan atau perlambangan diungkapkan oleh pengarang dalam lima buah novel iaitu *Sebelas Rejab*, yang dikarang oleh Abdul Kadir Adabi, *Anak Mat Lela Gila* karya Ishak Haji Muhammad, *Tunggul-tunggul Gerigis* oleh Shahnnon Ahmad, *Nagogho Astana* oleh S. Othman Kelantan dan *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan.

7.2.1 Makna Siratan Perilaku

Analisis makna siratan perilaku telah dibincangkan dalam Bab 3. Watak-watak yang dibincangkan dalam makna siratan perilaku ini merupakan individu sebagai yang wujud dalam masyarakat. Makna siratan perilaku memenuhi ciri dalam Gagasan Kritikan Melayu. Setiap pengarang mempunyai kebolehan yang tersendiri menyampaikan cerita selain membawakan makna yang tersirat.

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3, dalam *Sebelas Rejab (SR)*, pengarang membawakan watak Sulaiman dan Jalal sebagai siratan kebaikan dan kejahatan individu itu sendiri. Hubungan individu dalam pencerekaan, dikaitkan dengan kuasa dalam hakikat sebenar membuktikan pengarang telah menggunakan kebolehannya untuk mengkritik. Cara mengkritik secara tersirat ini menunjukkan kebijaksanaan pengarang tersebut menghantar pesanan dan ingatannya kepada masyarakat.

Dalam *Anak Mat Lela Gila (AMLG)*, watak Mat Lela sebagai kritikan kepada perlakuan yang tidak masuk akal tetapi mempunyai tujuan dan hasrat untuk menyedarkan masyarakat tentang keburukan kolonial. Watak Bulat pula membawa makna kepada keperibadian individu itu sendiri. Ketabahan, kesabaran, kegigihan dan kecerdikan sebagai cerminan masyarakat bahawa ciri-ciri tersebut perlu untuk menjadi manusia yang berjaya, atau dalam konteks yang lebih luas tentunya merujuk kepada bangsa itu sendiri. Demikian juga dengan perilaku Alang, sebagai pemimpin masyarakat peribumi yang sangat kuat menjaga tradisinya.

Demikian dalam *Tunggul-tunggul Gerigis (TTG)*, Kampung Poseng berhadapan dengan pertelingkahan dan perebutan dua pihak untuk berkuasa. Orang tua yang digambarkan melalui watak Su Usul, menderita apabila kekuasaan telah menggugat

alam sekitar, kasih sayang persaudaraan dan kejujuran sesama manusia. Perilaku yang dibincangkan juga adalah Imam Itam dan Mahmud sebagai pemimpin politik di Poseng.

Dalam *Nagogho Astana (NA)*, penggunaan nama watak yang amat dekat dengan masyarakat Melayu menunjukkan pengarang tidak dapat menjauhkan diri daripada pandangan dan pengalaman persekitarannya. Perilaku individu yang ditonjolkan dalam novel ini mengkritik golongan pemimpin atasan yang menggunakan kuasa, menegur pemimpin institusi yang ego dan juga menampilkan rakyat biasa yang berada dalam dilema dan berjuang dalam kekurangannya. Watak yang dibincangkan ialah pemimpin utama iaitu Menteri Perdana, Muhammad Mustaqim al-Qudsi manakala pemimpin institusi ialah Profesor Turap, Dr. Imran Dasan, Ali Maharsyah dan Abdul Jalal Hanafi. Selain itu, perilaku rakyat biasa turut disentuh iaitu watak Noramli Salim, Paksu Hamid, Cikgu Musa Ramli dan Marhaban Matar.

Naratif Ogonshoto (NO) pula membawakan perilaku watak sebagai kritikan yang tajam. Dalam kajian ini dibincangkan watak Presiden dan Jeneral sebagai pemimpin yang licik dan bijak menggunakan kuasa untuk kepentingan dirinya. Selain itu dibincangkan juga perilaku rakyat biasa seperti resi yang digambarkan sebagai ilmuwan yang mempunyai kebolehan yang tersendiri. Perilaku Politikus Muda yang mempunyai cita-cita untuk berkuasa walaupun terpaksa melakukan kekejaman turut dibincangkan.

Terdapat hubung kait tentang gambaran peribadi antara kelima-lima novel ini dalam tafsiran makna perilaku. Perilaku pemimpin yang tegas namun mempunyai agenda dan kelicikan tersendiri digambarkan pada Jalal dalam *SR*, demikian dengan Imam Itam dan *TTG*, juga terdapat persamaan dengan Presiden dalam *NO*. Pemimpin yang mempunyai ketegasan dalam membuat keputusan digambarkan melalui perilaku Menteri Perdana dalam *NA*, begitu dengan Presiden dan Jeneral dalam *NO*. Selain itu, peribadi yang sederhana dan banyak berserah dikesan pada Mamat dalam *SR* dan Bulat dalam *AMLG*. Manakala perilaku pemimpin kelompok tertentu pada Alang dalam

AMLG, Mahmud dalam *TTG*, Profesor Turap, Dr. Imran Dasan dan dalam *NA*, juga Resi dan Politikus Muda dalam *NO*.

Makna Siratan Perilaku memperlihatkan keperibadian watak-watak yang digarap dalam novel. Peribadi setiap individu tidak sama, begitu juga dengan niat dan tindakannya. Perilaku individu tersebut, secara Kritikan Melayu telah membawa kepada persoalan politik yang dibawakan secara tersirat. Dari sini dapat dikesani kreativiti pengarang Melayu dalam menampilkan makna siratan untuk masyarakat. Para pengarang menggunakan nama-nama rekaan sebagai watak namun peribadi dan perilaku yang digambarkan mempunyai kaitan dengan individu-individu yang wujud, sama ada sebagai pemimpin mahupun berada di mana-mana dalam masyarakat. Kritikan terhadap perilaku individu tertentu sama ada benar-benar wujud atau hanya sebuah imaginasi untuk difikirkan sebagai iktibar.

7.2.2 Makna Siratan Peristiwa

Peristiwa-peristiwa yang dibawakan oleh pengarang seharusnya membuka mata masyarakat secara tersirat dan dikaitkan dengan situasi semasa. Terdapat peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan kita yang wajar diingati dan dijadikan teladan. Peristiwa yang baik tentu akan menjadi kenangan yang manis, manakala yang buruk agak perit untuk diterima. Namun hakikat perjalanan hidup manusia tidak boleh lari daripada ketentuan dan takdir Tuhan. Kelima-lima buah novel yang dibincangkan membawakan banyak peristiwa. Sememangnya pergerakan plot sesebuah novel adalah kerana peristiwa-peristiwa yang mengisinya. Dalam lima buah novel tersebut, terdapat peristiwa-peristiwa yang dapat dibincangkan sebagai kritikan terhadap masyarakat.

Dalam *SR*, terdapat peristiwa pembunuhan dan racun yang mana Rafeah dan Jalal diracun. Selain itu digarap peristiwa berkaitan perjudian yang boleh merosakkan

tamadun dan bertentangan dengan agama. Selain itu dipaparkan peristiwa berkaitan hutang dan dendam iaitu hutang wang dan perasaan dendam sesama manusia.

Dalam *AMLG* ditunjukkan peristiwa berkaitan keganjilan dan kegilaan yang mana Mat Lela digambarkan sebagai gila. Peristiwa pengembaraan juga ditampilkan dengan watak Bulat ke Mekah dan juga peristiwa berkaitan penjajahan yang patut dijadikan iktibar dan membangkitkan semangat nasionalisme iaitu ketika penjajahan Inggeris. Satu lagi peristiwa yang digambarkan dalam novel ini ialah tentang kehebatan empayar Melayu yang terkenal di seluruh dunia.

Seterusnya dalam *TTG* pula dibawakan peristiwa perpecahan dalam masyarakat, peristiwa gerakan berdakwah dan peristiwa berkaitan kematian. Peristiwa perpecahan masyarakat melibatkan dua buah parti politik iaitu Parti Bumi Bersatu (PBB) dan Parti Seruan Suci (PSS) yang mengingatkan pada situasi semasa dua parti politik Melayu yang sering bertelagah pendapat. Peristiwa gerakan berdakwah menunjukkan kegiatan masyarakat di masjid dan Peristiwa berkaitan kematian secara tersirat pada peristiwa masjid dirobohkan, keadaan Su Usul yang semakin uzur, lembu yang dinamakan Goh akan mati disembelih dan juga peristiwa Bedul yang meninggal dunia akibat kemalangan dilanggar lori. Latar masa penceritaan novel ini pada tahun 1980-an, dalam zaman yang mana masyarakat pedesaan menghadapi survival untuk meneruskan kehidupan, namun tidak dapat mengelak daripada berlakunya pelbagai peristiwa terutama yang berkaitan politik.

Novel *NA* membawakan peristiwa berkaitan mempertahankan kekuasaan, yang mana digambarkan keberanian Menteri Perdana membuat keputusan untuk mengekalkan kuasanya. Sementara itu digambarkan juga peristiwa yang melibatkan Amin Zuhdi sebagai penyokong kuat kerajaan. Sebuah peristiwa yang menyedihkan adalah keruntuhan di Bukit Liburan yang dikaitkan dengan kemaksiatan. Selain itu, novel ini juga secara tersirat membawakan peristiwa berkaitan propaganda dan politik yang mana

perjuangan penulis buku politik serta gelaran penulis nyamuk. Satu lagi peristiwa yang digambarkan ialah berkaitan gejala sosial tentang masalah sosial anak muda dan juga jenayah kolar putih.

Novel *NO* pula membawakan isu kemanusiaan dan politik dengan membawakan peristiwa berkaitan kekuasaan dan penjajahan yang ditunjukkan dalam tindakan Presiden untuk mempertahankan kuasanya. Selain itu, secara krititis, dibawakan oleh pengarang peristiwa berkaitan pembunuhan untuk renungan pembaca. Tiga peristiwa yang dibincangkan ialah pegawai kanan yang ditembak Jeneral, pembunuhan anak angkat Presiden dan kisah politikus tua dan politikus muda.

Terdapat hubung kait tentang gambaran peristiwa antara kelima-lima novel ini dalam tafsiran makna daripada makna siratan peristiwa. Peristiwa yang berkaitan dengan dendam hingga menyebabkan berlakunya pertelingkahan hingga menyebabkan kematian dalam *SR* apabila Rafeah dan Jalal diracun oleh Jalal. Demikian juga Imam Itam yang terkorban di Poseng dan tentunya dalam *NO* melibatkan beberapa peristiwa pembunuhan. Secara umum pula, pengarang mengaitkan peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan secara keseluruhan seperti yang digambarkan melalui peristiwa Bulat yang mengembara menuntut ilmu dalam *AMLG*, Sulaiman yang membawa diri membina kehidupan bersama-sama anaknya dalam *AMLG*, ketabahan penulis kecil seperti Noramli Salim dalam *NA* dan Jeneral yang hidup susah dari kecil berusaha keras dalam *NO*.

Selain itu, terdapat peristiwa yang berkaitan dengan bencana alam dan kemusnahan iaitu peristiwa tsunami, bom asap dan aisberg. Peristiwa-peristiwa yang dilalui masyarakat antaranya berkaitan politik sepanjang zaman tidak dapat dipisahkan tentang kekejaman, kejahatan, dan isu-isu semasa yang tidak terjangka sebagai cabaran serta iktibar kepada masyarakat.

7.2.3 Makna Siratan Unsur Alam

Faktor alam tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian manusia. Makna siratan unsur alam menunjukkan bahawa para pengarang yang dibincangkan menyampaikan maksud tertentu kepada masyarakat dengan cara kiasan dan sindiran. Para pengarang berada dalam masyarakat dan menikmati kehidupan di alam semesta seperti manusia-manusia biasa yang lain. Namun demikian, kepekaan terhadap alam memungkinkan fikiran dan perasaan dapat mengamati dengan berkesan dan bijaksana. Kepekaan tersebut dibawakan dalam hasil-hasil penulisan mereka.

Dalam *SR*, makna siratan unsur alam yang dibincangkan ialah tanah, keris dan harta dan lain-lain. Tanah adalah unsur alam yang sangat rapat dengan kejadian manusia. Secara zahir pula, tanah diperlukan untuk tempat tinggal, melakukan pekerjaan dan bertani. Malahan kematian manusia juga akan dikebumikan di dalam tanah juga. Tanah merupakan unsur alam yang sangat penting. Dalam novel ini, tanah menjadi rebutan sesama manusia. Demikian juga benda-benda yang wujud di alam ini yang dibuat oleh manusia daripada sumber alam seperti keris dan emas.

Makna siratan unsur alam dalam novel *AMLG* yang dibincangkan ialah Bentuk Bulat, Nama Tempat dan Kekeluargaan. Nama-nama tempat seperti Taman Sedia dan Pondok Kekasih menggambarkan unsur alam tentang perlindungan dan ketenteraman. Demikian juga yang dikaitkan dengan kekeluargaan iaitu ibu dan anak. Tafsiran tentang lumrah alam dan hubungan ibu dan anak sinikal tentang pertautan kasih sayang, selain tafsiran yang lebih jauh tentang kecintaan terhadap negara tercinta.

Dalam *TTG* pula, unsur alam yang dibawakan ialah perkampungan yang dinamakan Poseng. Poseng digambarkan sebagai sebuah kampung yang wujud di utara Malaysia yang menghadapi kemelut kehidupan masyarakat. Kewujudan Poseng dapat ditafsirkan sebagai kampung-kampung mahupun bandar yang mana manusia di

dalamnya berada dalam kekacauan dan kemelut yang tidak berkesudahan. Selain itu, novel ini secara alamiah membawakan siratan perjalanan hidup manusia. Usia dibandingkan dengan watak Su Usul yang uzur dan Bedul yang masih kanak-kanak. Demikian juga dengan imej tunggul yang menggambarkan usia tua. Novel ini juga mengungkapkan secara tersirat kehidupan masyarakat dan organisasi yang tidak dapat lari daripada hakikat kehidupan manusia yang menghuni alam ini.

Novel *NA* pula membawakan makna siratan unsur alam melalui nama negara, nama nama tempat dan flora dan fauna. Nama Nagogho Astana merupakan sebuah nama yang sengaja dicipta oleh pengarang. Nama Melesia dalam novel ini rapat rapat bunyi sebutannya dengan Malaysia. Demikian juga nama-nama universiti dan tempat-tempat lain dalam novel ini seperti Bukit Liburan dan Taman Permata. Selain itu, unsur alam flora dan fauna juga diungkapkan untuk diberi makna iaitu bunga sebagai yang tersirat bagi keindahan dan kecantikan dan kelekatan membawa makna keterasingan dan kesementaraan.

Novel *NO* juga mewujudkan sebuah nama yang asing iaitu Ogonshoto. Seperti Nagogho Astana, nama negara ini diwujudkan secara fiktif imaginasi. Nama tersebut sengaja diberikan luar daripada realiti untuk dilihat daripada sudut yang tersirat. Dalam novel ini makna siratan unsur alam yang dibincangkan ialah gambaran daratan, lautan dan cakerawala, kejadian alam dan nama-nama tempat. Dalam siratan gambaran daratan, lautan dan cakerawala digambarkan daratan yang berkaitan dengan tanah tempat manusia tinggal, serta cahaya bulan dan matahari sebagai pergantungan kehidupan manusia. Begitu juga dengan matahari, hujan dan air. Dalam perbincangan kejadian alam pula dihadirkan imej raksasa dan bencana tsunami. Satu lagi unsur alam yang dibincangkan ialah nama-nama tempat, yakni Ogonshoto yang terletak berhampiran laut dan dikelilingi beberapa pulau. Nama Kali Besar dalam novel ini mengingatkan tentang sebuah tempat yang wujud di negeri Selangor, iaitu Sungai

Besar. Pengungkapan secara tersirat ini memberikan bukti kehalusan pemikiran masyarakat Melayu, turut dibawakan kepada persoalan politik dan kemanusiaan.

Terdapat hubung kait tentang gambaran alam antara kelima-lima novel ini dalam tafsiran makna siratan unsur alam. Perihal tanah dan harta milik pusaka diangkat dalam *SR* dan *AMLG*. Demikian juga gambaran alam yang luas terentang ini dibawakan agar pembaca dapat pembaca dalam bentuk tafsiran seperti dibawakan dalam bentuk bulat dalam *AMLG*. Begitu juga tentang hak-hak untuk mempertahankan tanah air dalam *TTG* dan *NA*. Nama lain untuk tempat-tempat, pertubuhan dan institusi tertentu dibawakan dalam *TTG*, *NA* dan *NO* mempunyai unsur alam yang tersirat. Dalam *NO*, banyak makna siratan unsur alam dengan imej-imej raksasa, ikan, burung hering, serta benda-benda maujud seperti kamera dan yang lain. Imej bunga juga digambarkan secara tersirat dalam *SR* dan *NA*. Malahan dalam *TTG*, nama Bunga digunakan sebagai nama watak isteri Su Usul. Bencana dan kemusnahan berkaitan alam juga diperkatakan antaranya keruntuhan kondominium dalam *NA*, kemusnahan Poseng dalam *TTG* dan tsunami dalam *NO*.

Lima buah novel yang dikaji mempunyai gaya tersendiri. Makna siratan perilaku, peristiwa dan unsur alam dapat dikesani dalam kelima-lima novel tersebut. Dari segi judul, *Sebelas Rejab* itu menunjukkan peristiwa (tarikh 11 Rejab), *Anak Mat Lela Gila* pula judulnya menunjukkan perilaku (gila), *Tunggul-tunggul Gerigis* menggunakan judul “tunggul” sebagai siratan unsur alam, manakala *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto* menggunakan nama negara sebagai judul. Semua judul unsur alam dan peristiwa tersebut, tentu sekali melibatkan perilaku-perilaku dalam naratif dan pengungkapannya.

Kajian ini telah membuktikan terdapat makna siratan dalam pengungkapan pengarang melalui novel. Demikian orang Melayu, melalui karya-karya bertulis, mengkritik masyarakat secara halus yakni melalui pengungkapan secara tersirat.

Dengan perhatian yang lebih serius, Gagasan Kritikan Melayu melalui pengungkapan yang mengandungi makna siratan perlu diteruskan oleh banyak pihak dan lebih berkembang pada masa akan datang.

Kehadiran Gagasan Kritikan Melayu (GKM) ini dapat membantu pembaca atau pengkritik dalam membuat pengelasan yang lebih baik terhadap kajian makna siratan dan juga melihat peribadi Melayu dan cara Melayu. Pengkajian terhadap novel-novel yang dihasilkan oleh para pengarang Melayu relevan dengan teori atau gagasan yang berakar daripada pemikiran Melayu. Gagasan ini juga sesuai sebagai satu parameter yang cukup signifikan dalam meneliti bentuk, struktur, isi, persoalan, gaya, pemikiran, mesej dan teknik pengolahan.

Gagasan ini berkaitan dengan pemikiran Melayu melihat cara atau kaedah manusia Melayu berfikir atau cara mencipta dan mengembangkan ilmu. Hal ini dilakukan dengan menggunakan berbagai-bagai kaedah untuk memahami atau menjelaskan fenomena alam, untuk memahami soal kewujudan, soal hubungannya dengan lingkungan sosial dan dengan alam kosmos yang rahsia dan keajaibannya sukar diketahui atau difahami dan dijelaskan melalui akal manusia semata-mata. Signifikan gagasan ini berpandukan betapa dapat dijalinkan antara prinsip teori ini dengan dapatan analisis. Antara prinsip yang terdapat dalam GKM adalah berpandukan teks. Kemudian, Kritikan Melayu itu menggunakan lambang, imej, peristiwa dan kejadian tertentu. Manakala yang lain adalah tumpuan ke atas perilaku.

Tiga prinsip yang penting itu telah dapat membawakan makna siratan perilaku, peristiwa dan unsur alam yang menjadi fokus kajian ini. Selain itu, prinsip gagasan ini untuk menimbulkan kesedaran. Dalam GKM amat jelas sesuatu peristiwa atau kejadian sama ada yang menggunakan lambang atau imej alamiah atau manusia, pada hakikatnya untuk menimbulkan kesedaran dan dapat menyumbangkan ilmu. GKM membawa contoh yang lebih baik dan menyentuh soal kebatinan atau kerohanian. Kebanyakan

teks Melayu, terutama teks klasik banyak menyentuh soal kebatinan atau kerohanian orang Melayu, yang juga bermakna menyentuh soal budaya. Penelitian ke atas teks bukan sekadar melihat ruang fizikal saja, akan tetapi meneliti aspek kerohanian yang tersirat dalam peristiwa atau kejadian atau lambang yang dihadirkan.

GKM meneliti imaginasi. Bagaimanapun dikatakan benar atau realiti sesebuah karya tidak lepas daripada diadunkan dengan imaginasi atau daya reka. Selain itu, gagasan ini bersifat intelektual, atau kritikan intelektual. Kenyataan ini benar dan dapat diteliti sepanjang analisis ini. GKM dalam teks, jelas menghadirkan sifat intelektual. Sindiran atau teguran yang dilakukan dalam teks menggambarkan sifat keintelektualan pengarangnya. GKM juga mementingkan pengucapan bahasa yang halus dan penuh estetika.

Setelah dirumuskan sepuluh prinsip tersebut, tiga prinsip utama dibina iaitu prinsip pertama, kedua dan ketiga mempunyai kaitan rapat dengan pengungkapan makna siratan yang telah dianalisis. Tiga dimensi makna siratan yang menjadi fokus kajian ialah perilaku, peristiwa dan unsur alam.

7.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah membuktikan bahawa makna siratan mempunyai banyak keistimewaan dikaji dari segi kritikan dan pesan didaktiknya. Justeru kajian akan datang disarankan:

Kajian dalam genre sastera yang lain. Antara diaplikasi dalam genre puisi dan drama. Pemikiran Melayu yang bernas banyak juga banyak terdapat dalam puisi. Malahan puisi merupakan genre tertua dalam sejarah penulisan dan penerbitan. Puisi-puisi Melayu lama seperti pantun, syair, gurindam dan teromba tentu sekali banyak membawa unsur yang tersirat dan kritikan kepada masyarakat. Demikian juga dengan

karya-karya tradisional Melayu yang lain, termasuklah prosa-prosa lama berbentuk hikayat dan kitab-kitab lama. Perkara ini tidak dinafikan betapa banyak khazanah Melayu tersimpan dalam bentuk teks dan kitab yang masih belum diselongkar dengan serius kandungan pemikiran dan kritikan dalamnya. Begitu juga dengan karya-karya moden dan kontemporari seperti cerpen-cerpen dan novel-novel yang dikenal pasti. Kajian sebegini penting untuk memastikan kelangsungan pemikiran Melayu dalam bentuk tersirat ini diteruskan.

Kajian yang lebih lanjut disarankan untuk menegaskan tentang Gagasan Kritikan Melayu dari sudut pemikiran dan falsafah dalam bidang politik dan budaya. Kemungkinan untuk pengkajian tentang makna siratan budaya, makna siratan aksi dalam kesenian, ritual perubatan dan sebagainya. Gagasan Kritikan Melayu wajar disebarluaskan bukan sahaja dalam karya sastera tetapi medium lain seperti filem, dokumentari dan lain-lain. Begitu juga dengan perbualan lisan dan pada masa kini dalam bentuk entri teknologi perbualan telefon dan media sosial dalam internet.

Selain itu, penambahan dan pembaharuan dalam kajian berkaitan Makna Siratan dan Kritikan Melayu adalah perlu untuk mengembangkan dan mengekalkan Gagasan Kritikan Melayu itu sendiri dan teori-teori dari Barat yang kebanyakan sukar diertakan dengan budaya dan pemikiran Melayu.

RUJUKAN

- A. Bakar Hamid. (1980). *Sebelas Rejab* (Pengenalan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah. (2008). "Tunggul-tunggul Gerigis: kaya dengan semiotik" dalam *Novelis Nusantara ideologi dan pemikiran*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ismail. (1998). "Ishak Mohamad." *MASSA* , Bil.15, 29 Ogos-4 September. (32)
- A. Wahab Ali. (1999). "Pemikiran satira dalam novel Melayu: Sumbangan berguna kesusasteraan Melayu." *Dewan Sastera*, Januari. (31-33)
- A. Wahab Ali. (2000). *Kritikan estetik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Kadir Adabi. (1980). *Sebelas Rejab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1994). *Abdul Kadir Adabi dan Asad Shukri: Suatu perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2006). *Nasionalisme dan revolusi di Malaysia dan Indonesia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Sanusi Ahmad. (1989, edisi pertama 1970). *Kerajaan pentadbiran dan rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahir (1989). *Proses Penciptaan Novel Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. (1997). "Pembinaan teori tempatan: Antara teori sosial dengan bidang sastera." *Dewan Sastera*, Jun. (10-18)
- Abrams, M.H. (1981). *A glosary of literary terms*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Abu Hassan Abdul. (2007). *Strategi Retorik dalam autobiografi Melayu: Perbandingan karya Hamka dengan Shahnnon Ahmad*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Atory Hussain. (1985). *Politik dan dasar awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2010). *Simbolisme dalam puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah et.al. (1990). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar pengajian kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amida Abdulhamid. (2004). *Persoalan dendam dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (1997). *Utusan untuk kebaikan: Analisis watak pradata dalam novel Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Anwar Ridhwan. (2001). *Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Matahari Infocomtec.
- Ariff Mohamad. (2013). "Hubungan tekstual dalam Antara Bulan dan Wira" dlm. *Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariff Mohamad. (2015). "Mengkritik Perilaku Masyarakat dalam Cerpen." *Dewan Sastera*, Jun. (50-54)
- Ariff Mohamad. (2015). "Imaginasi dan Babak Dramatik dalam Kreativiti Pengarang." *Dewan Sastera*, Disember. (58-62)
- Ariff Mohamad. (2016). "Iktibar dalam Interpretasi." *Dewan Sastera*, Mac. (62-66)
- Ariff Mohamad. (2016). "Peristiwa sebagai Simbolik dalam Penceritaan." *Dewan Sastera*, Julai. (61-65)
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi (2002). "*Naratif Ogonshoto*: perspektif wacana kuasa dan hegemoni." *Dewan Sastera*, Disember. (10-17)
- Awang Azman Awang Pawi. (2006). "Anwar Ridhwan: daripada tukang cerita kepada pewacana." *Dewan Sastera*, April. (22-26)
- Awang Azman Awang Pawi. (2015). "Dimensi Makna dalam Teks." *Dewan Sastera*, Februari. (58-61).
- Azhar Ibrahim. (2014). *Bahasa dan tantangan intelektualisme*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Barnet S, B.M & Burto W. (1971). *A Dictionary of literary and cinematic terms*. Boston: Little, Brown and Company.
- Barthes, R. (1977). *The pleasure of the text*. London: Jonathan Cape.
- Barthes, R. (1988) (terj. Laurent Metzger). *Penulisan Pada Tahap Kosong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barthes, R. (1990). *S/Z*. London: Blackwell Publishing.

- Benny H. Hoed. (2011). *Semiotik dan dinamika sosial budaya*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Berger, A.A. (1984) *Sign in contemporary culture: an introduction to semiotics*. Blackwell Publishers. Boston: Little, Brown and Company.
- Boulter, Armanda. (2007). *Writing fiction creative and critical approach*. New York: Palgrave.
- Bourdieu, P. (1993). *The Field of Cultural Production: Essays on art and Literature*. Columbia: Columbia University Press.
- Braginsky.V.I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I. (2001) "Sufi Boat Symbolism: Problems of Origin and Evolution." *Indonesia And The Malay World*, 26 (74), 50 – 64.
- Brodskaiia, Nathalia. (2007). *Symbolism*. New York: Parkstone Press International.
- Buyong Adil. (1983). *Perjuangan orang Melayu menentang penjajahan abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carrit, E.F. (1962). *The Theory of beauty*. London: University Paperbacks.
- Chadwick, Charles. (1991). *Simbolisme*. (Terj. Shamsiah Mohd Said). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandler, Daniel. (2007). *Semiotics the basics*. London: Routledge.
- Che Abdullah Che Ya (2015). "Bayangan Wacana Politik dalam Karya Sastra: Analisis Novel *Kawin-kawin*." Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/jkom/journal/>
- Danesi, M. (2004). *Messages, sign, and meanings: A basic textbook in semiotics and communicatoin theory*. Toronto: Canadian Scholars Press.
- Danziger, M.K. & Johnson, W.S. (1983). *An introduction to literary criticism*. New York: Frederic Ungar Publishing Co. Inc.
- Derrida, Jacques. (1977). *Of grammatology*. London: John Hopkins University Press.
- Eagleton, Terry. (1996). *Literary theory :an introduction*. Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Eco, Umberto. (1984). *Semiotics and the philosophy of language*. Bloomington: Indiana University Press.
- Eliade, Mircea. (1971). *The myth of the eternal return or cosmos and history*. New Jersey: Princeton University Press.
- Fang, Liaw Yock. (1970). *Ikhtisar kritik sastra*. Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.

- Fauconnier, Gilles. (1997). *Mappings in thought and language*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Fatimah Busu. (2010). *Persaman dan perbezaan dalam perkembangan novel-novel Melayu dan Indonesia*. Pulau Pinang: Altacom (M) Sdn. Bhd.
- Fludernik, Monika (ed.). (2011) *Beyond cognitive metaphor theory perspectives on literary metaphor*. New York : Routledge.
- Fuller, Gillian. (2000) "The textual politics of good intention: critical theory and semiotics" dalam *Culture & Text, discourse and methodology in social research and cultural studies*. Edited by Alison Lee & Cate Poynton. New South Wales, Australia: Allen & Unwin.
- Garth S. Jowett dan Victoria O'Donnell. (2012). *Propaganda and persuasion. California: Sage Publication*.
- Geertz, Clifford. (1973). *The interpretation of cultures*. New York: Basic Books.
- Ghazali Mayudin (peny.) (2008). *Politik Malaysia perspektif teori dan praktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goatly, A. (1997). *The language of metaphors*. London: Routledge.
- Granit, Ragner. (1967). *Reception and sensory perception*. New Haven & London: Yale University Press.
- Greenberg, Jonathan. (2011) *Modernism, satire, and the novel*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gullick, J.M (1968). *Politik bumiputera di barat Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairudin Harun. (2001). *Kosmologi Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Abdul Hamid.(1995). *Pengantar estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamburg, Carl H. (1956). *Symbol and reality, studies in the philosophy of Ernst Cassirer*. The Hague, Netherlands: Martinus Nijhoff.
- Haron Daud. (1995). *Mantera sebagai pengucapan simbolik: Analisis pemikiran Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan kesusasteraan: teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1994). "Pengajian Sastera: Pengkaedahan Melayu" dlm. Sahlan Mohd. Saman (peny.). *Teks dan khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Ismail. (2007). "Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran." *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18, 74-87
- Hashim Ismail (2010). *Hermeneutik reaksi reformasi kaum muda*. Kuala Lumpur: Dewan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2001). "Falsafah Pengajian & Pendidikan Bahasa Kini." dlm. *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sungai Ramal: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hawkes, Terence. (1978). *Structuralism and semiotics*. London: Methuen and Co. Ltd.
- Hawkes, Terence. (1972). *Metaphor*. London: Methuen and Co. Ltd.
- Hooker, Virginia M. (2000). *Writing a new society, social change through the novel in Malay*. Sydney, NSW: Allen & Unwin.
- Hooker, Virginia Matheson. (2000). *Mencipta masyarakat baru, perubahan sosial menerusi novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooykaas, C. (1977). *Perintis sastra*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Huszar, George B. de & Stevenson, T.H. (1951). *Political Science*. Chicago: University of Chicago Press.
- Ishak Haji Muhammad. (1960). *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Ishak Haji Muhammad. (2012). *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia & PENA.
- Izutsu, Tokoshio. (1971). *The concept and reality of existence*. Tokyo: The Keio Institute.
- Jeniri Amir. (2005). *Politik dalam novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Johan Jaafar. (2003). "Mencari Anwar Ridhwan dalam karya". Dewan Sastra, Februari. (77-78)
- Joyce, Simon. (2014). "Impressionism, naturalism, symbolism." *Modernism/modernity* (Volume 21, Number 3), 103-118
- Kamaruddin M.Said. (2006). "Naratif *ogonshoto* dan mainan pascamoden Anwar Ridhwan". Dewan Sastra, April. (7-14)
- Keris Mas (Kamaludin Hj. Muhammad). (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kraidy, M.M. (2005). *Hybridity or the cultural logic of globalization*. Philadelphia:

Temple Universiti Press.

Kratz, E.U. (1989). "Derhaka". Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu.

Lane, Michael. (1970). *Structuralism a reader*. London: Jonathan Cape.

Lasswell, H.D. (1958). *Informal politics in East Asia*. New York: Cambridge University Press.

Lasswell, H.D. (1986). *Politik: Siapa Mendapat Apa Bila Bagaimana*. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee, Alison & Poynton, Cate (Ed.) (2000). *Culture & text - discourse and methodology in* London: Academic Press.

Leech, G. N. & Short, M.H.. (terj. Umar Junus) 1993. *Gaya dalam cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maier, H. M. J. (1988). *In the center of authority, The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. New York: Southeast Asian Program, Cornell University.

Malik Bennabi. (2007). *On the origins of human society: The social relations network*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.

Marshall, W.T. & Nelson, H.M.. (1974). *Structures*. London: Pitman Publishing.

Martin, Bronwen & Ringham, Felizitas. (2006). *Key term in semiotics*. London: Continuum.

Mawar Shafei. (2010). *Novel intertekstual Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Max Weber. (1946). *From Max Weber: Essays in sociology*. London: Oxford University Press.

Maxim Stamenov, 1998, *Perkembangan semasa teori semantik* (terjemahan Rusli Abd. Ghani), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

McCarthy, T. (1982). *The critical theory of Jurgen Habermas*. Massachusetts: MIT Press.

McNair, Brian. (1995). *An introduction to political communication*. London: Routledge.

Md. Salleh Yaapar (1997). "Kosmologi dan Seni Satera Islam" dalam *Seni dan Kosmologi*. (Peny. Wan Abdul Kadir & Hashim Awang A.R) Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Md. Salleh Yaapar. (2002). *Ziarah ke timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Md. Salleh Yaapar. (2002). "Teori sastera mandiri dalam perkembangan globalisasi"
Dewan Sastera, Mac. (23-27)
- Mohd. Hanafi Ibrahim.(2012). "Hegemoni kuasa dan keterikatannya dengan isu-isu sosiokultural dalam Nagogho Astana". Seminar SN S.Othman Kelantan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Azmi Ab. Rahman. (1992). *Symbolisme dalam pantun Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya (Peny.) (2005). *Pascakolonialisme dalam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Daud Mohamad. (2000). "Potret manusia, Politik Malaysia." Dewan Sastera, Januari. (69-73)
- Mohd. Yusof Hasan. (1995). *Penghayatan fiksiyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (2009) *Pemikiran global Sasterawan Negara Shahnon Ahmad*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2005). "*Naratif Ogonshoto*: ibarat madu lewat saringan. Dewan Sastera, September. (74-80)
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2010). "Novel Melayu 1980-an: Pemantapan jati diri" dalam *Kesusasteraan Melayu Moden 1980-1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2010). *Oksidentalisme dalam sastera Melayu sejak sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2013) "Naratif Ogonshoto: Intrig politik negara dunia keempat". Prosiding Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Anwar Ridhwan, 2-3 Julai 2013, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Shaidan (2001). *Penjabaran semiotik dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad*. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia.
- Mullan, John. (2006). *How novel work*. Oxford: Oxford University Press.
- Muhammad Haji Salleh & Amdun Husain (peny.). (1987). *Kumpulan Kritikan Sastera:Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (1996). "Perayaan metafora: kias dan ibarat di pentas pantun" dlm. *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat* (peny.) Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhammad Haji Salleh. (2009). "Anwar Ridhwan dan titik dosa zaman" Dewan Sastera, Oktober. (45-46)

- Muhammad Haji Salleh (2012). "Pandangan alam manusia Melayu" dlm. *Pandangan dunia Melayu pancaran sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murfin, R & Supriya M. Ray (2009) *The Bedford glossary of critical and literary terms*. Boston: Bedford/ St. Martin's.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mary Fatimah Subet & Dayang Sariah Abang Suhai (2014). "Siratan Makna dan Serlahan Emosi dalam Ke Makam Bonda. " Diperoleh daripada <http://www.academia.edu/3316697/>
- Norhayati Ab. Rahman. (2012). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1997). "Antara lafaz dan makna; Estetika tersirat dalam sastera Melayu tradisional". Dewan Sastera, Julai. (63-66)
- Noriza Daud (2004). *Semiotik daripada perspektif Islam; Konsepsi lambang dalam pantun Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Noth, Winfried. (1995). *Semiotik* (terj. Abdul Syukur Ibrahim). Surabaya: Airlangga University Press.
- Nureeda Salamae (2007). *Metafora dalam novel penulis wanita Melayu dan Thai: Analisis semiotik*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nyoman Kutha Ratna. (2007). *Estetika sastra dan budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ooi Eng Lye. (2005). *Novel terpilih Shahnnon Ahmad satu kajian pendekatan gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osborne, Harold. (1974). *Aesthetics in modern world*. London: Pitman Publishing,.
- Osman Bakar (2001). "Perspektif kosmologi tasawuf dalam pemikiran kosmologi Melayu" dlm. *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Pierce, Charles Sanders. (1965). *Collected papers charles sanders pierce* (Volume I & II), 45-61
- Propp, V. (1968). *Morphology of the folktale*. Austin: University of Texas Press.
- Pilkington, A. (2000). *Poetic effects a relevance theory perspective*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Rader, Melvin (ed.) (1966). *A modern book of aesthetics*. New York: Hold, Reinhart & Winston.

- Ramlah Adam. (2009). *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (1998). *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramli Isin @ Sahari. (1989) Tesis doktor falsafah. *Kenyataan dan permasalahan masyarakat Melayu mutakhir: Satu analisis tema dan persoalan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rasmusen, D.M. (1974). *Symbol and interpretation*. Netherlands: Martinus Nijhoff.
- Riffaterre, Michael. (1978). *Semiotics of poetry*. London: Methuen Co & Ltd..
- Roff, W. R. (2009). *Studies on islam and society in Southeast Asia*. Singapore: National Singapore University Press.
- Roslan bin Chin (2005). *Memahami Kematian dalam novel-novel terpilih Shahnnon Ahmad melalui kod budaya dan simbolik: Satu kajian semiotik*. Tesis sarjana sastera. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Schmandt, H.J. (1960). *A History of political philosophy*. USA: The Bruce Publishing Company.
- Schuon, F. (1961). *Station of wisdom* (terj. G.E.H Palmer). London: John Murray.
- S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir (2003). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. (1986). *Novel: Tanggapan dan kritikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan. (1987). *Kecenderungan baru dalam novel Melayu satu kajian struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan (1998). *Nagogho Astana*. Bangi: Pustaka Nusa Sdn. Bhd.
- Safian Hussain et. al. (1980). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. (1996). Kolum "Catatan Sastera - Bukunya Tebal, Isinya Nipis." Dewan Sastera, September (48-50)
- Said, Edward. (1979). *Orientalism*. New York: Vintage Books.
- Scheffler, Israel. (1997). *Symbolic worlds art, science, language, ritual*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Scott, A.F. (1974). *Current literary terms a concise dictionary of their origin and use*. London: Macmillan Press Co. & Ltd.
- Seyyed Hossein Nasr. (2010). *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam*. (Terj. Baharuddin Ahmad & Osman Bakar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad.(1988). *Tunggul-tunggul Gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (2006) *Perjalananku sejauh ini: sebuah autobiografi*. Pulau Pinang: Pustaka ShahnonAhmad.
- Shahnon Ahmad. (2008). *Weltanschauung Suatu Perjalanan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharuddin Maaruf. (1993). *Konsep wira dalam masyarakat melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shamsudin Othman. (2012). *Model rasa insaniah dalam puisi islam tiga penyair Nusantara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Univeriti Malaya. Kuala Lumpur.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Melayu dan islam martabat umat dan daulat rakyat*. Kajang. Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah.
- Siegel, J. (1979). *Shadow and sound, the historical thought of Sumatran people*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Siti Aisah Murad (peny.) (1996). *Konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh (1997). *Kesusasteraan Melayu abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steen, Gerard. (1994). *Understanding metaphor in literature*. London & New York: Longman.
- Swettenham, Frank. (2003). (terj. Zubaidah Ibrahim) *Perihal Orang Melayu/ Malay Sketches*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sulalat al-Salatin* (Peny. Muhammad Haji Salleh. (1997). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sutherland, John. (2011). *How literature works 50 key concept*. New York: Oxford University Press.
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Pengantar sains politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohd. Zakir. (2003). "Kami memanggilnya "Abah"" Dewan Sastera, Julai. (17-19)
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, "Foreword", *Al-Syajarah*, Jil.1 & 2, 1996, 1-2.

- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (2011). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2011). *Islam dan sekularisme* (terj. Khalif Muamar). Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.
- Tambling, Jeremy. (2010). *Allegory*. London & New York: Routledge.
- Tan Kiat Hoe. (2009). *Refleksi Unsur-unsur Sosiobudaya Cina dalam Chengyu dari Aspek Semiotik*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Talib Samat. (2010). *Naratologi Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi historiografi alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tenas Effendy (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu & Penerbit Adicita.
- Tenas Effendy (2008). “Kearifan Orang Melayu Berbahasa” (Syarahan Raja Ali Haji 2008) Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali.(2006). *Novel-novel Anwar Ridhwan: Satu analisis semiotik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Thyrhaya Zein Sinar. (1998). *Ungkapan puitika romantik melalui penggunaan simbol: Perbandingan puisi John Keats dan Sanusi Pane*. Tesis sarjana sastera. Pusat Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Toeti Heraty (ed.)(2000). *Hidup matinya sang Pengarang: Esai-esai tentang kepengarangan oleh sasterawan dan filsuf*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Tuan Zainab Wi (2008). *Tanda pemikiran dan tanda emosi dalam Sangeetha: Kajian semiotik*. Disertasi Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Umar Junus. (1984). *Sejarah Melayu: menemukan diri kembali*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastera: persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1988). “Karya sastera adalah fenomena sosial” dalam *Konsep dan pendekatan sastera* (peny. Hamzah Hamdani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (2002). “Hari-hari Terakhir Seorang Seniman dan Naratif Ogonshoto: Wajah novel Anwar Ridhwan. Dewan Sastera, Disember. (18-26)

- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. (2011). *Pantun dan kebijaksanaan akal budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Zoest, Aart. (1990). *Fiksi dan non fiksi dalam kajian semiotik*. (Terj. Manoeekmi Sardjoe). Jakarta: Intermedia.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff & Ku Zam Zam Ku Idris. (1996). "Seni budaya dalam kreativiti pantun" dlm. *Pantun manifestasi minda masyarakat* (peny. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas satu huraian konsep asli islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Watson, George. (1962). *The literary critics*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Weber, Max. (1946). *From Max Weber: essays in sociology*. London: Oxford University.
- Webster, R. (1990). *Studying Literary Theory: an Introduction*. London: Arnold.
- Wellek, Rene & Warren, Austin. (1970). *Theory of literature*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Wellek, Rene. (1971). *Concept of criticism*. New Heaven: Yale University Press.
- Willis, R. (1975). (Editor). *The Interpretation of Symbolism*. London: Malaby Press.
- Wimsatt, W.K. & Brooks, C. (1974). *Literary criticism a short history*. New Delhi: Oxford & IBH Publication Co.
- Yaacob Harun (peny.). (2001). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Za'ba. (1956) *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1956.
- Zabidin Haji Ismail (2010). *Pemikiran politik dalam novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zain Sulaiman (Ibu Zain). "Kongres Bahasa & Persuratan Melayu Malaya Poisi" dalam Abdullah Hassan (peny.) (2007). *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-VI (1952-2002)*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. (1997). "Jampi pengasih: pengucapan kosmologikal Melayu" dalam *Seni dan kosmologi* (peny. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff dan Hashim Awang A.R) Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Zaleha Ahmad. (2012). "Srengenge dan Tunggul-tunggul Gerigis: Satu bacaan shisoetsu" dalam *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zalila Sharif (2012). "Menterjemah Pemikiran Politik dalam Nagogho Astana" dalam *Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zawiah Yahya. (2010). *Reading Approaches in Malay Literature, Critical Theory in the Making*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zurinah Hassan (2008). *Puisi Melayu moden: Kajian teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

University of Malaya